

**PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)
DALAM KERJASAMA POLITIK DI MALAYSIA, 1999-2015**

MOHD IZANI BIN MOHD ZAIN

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2017**

**PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)
DALAM KERJASAMA POLITIK DI MALAYSIA, 1999-2015**

MOHD IZANI BIN MOHD ZAIN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2017**

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Mohd Izani bin Mohd Zain

No. Pendaftaran: AHA090023

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”): Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam Kerjasama Politik di Malaysia, 1999-2015

Bidang Penyelidikan: Sejarah Politik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satu pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan semua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mendapatkan kefahaman yang lebih baik dan jitu tentang kerjasama politik yang dijayakan oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS) antara 1999 hingga 2015 melalui Barisan Alternatif (BA), Pakatan Rakyat (PR), Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). Dalam pada itu, pendekatan, pembentukan dan implikasi dalam kerjasama politik PAS telah diteliti bagi tujuan merumuskan penyertaan PAS dalam kerjasama politiknya. Dalam kajian ini, kaedah sejarah lisan telah dilakukan dan penggunaan sumber pertama seperti dokumen dan minit mesyuarat. Hasil kajian menunjukkan bahawa PAS mempunyai konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai pendekatan dalam kerjasama politik bagi mencapai matlamat kemenangan Islam dan dasar perjuangan parti. Kajian juga mendapati pembentukan kerjasama politik PAS dalam tempoh kajian telah meneroka satu bentuk pakatan baharu yang menjangkau pilihan raya dengan memberi fokus kepada isu serta kepentingan bersama, menggunakan pendekatan yang toleran, demokratik dan inklusif. Kajian turut mendapati PAS berhadapan dengan implikasi dalam kerjasama politiknya apabila wujud pertembungan antara pendekatan melalui konsep *Tahaluf Siyasi* dengan pembentukan kerjasama politik yang berasaskan kepada toleran, demokratik dan inklusif. Dapatan ini boleh dibuktikan melalui pergolakan dan kemelut yang terpaksa dihadapi oleh PAS seperti keperluan parti itu untuk mengimbangi matlamat politik dengan dasar asal perjuangan parti, menangani demokrasi menjangkau pilihan raya dan meneroka perjuangan merentasi kaum. Sementara itu, kajian ini telah menyumbang kepada penemuan penting dalam memahami kerjasama politik oleh PAS yang masih lagi bersifat hubungan keselesaan atau '*coalition of convenience*' dan belum lagi beranjak kepada '*coalition of commitment*', iaitu kerjasama yang berasaskan kepada komitmen yang tinggi dalam kalangan ahlinya.

ABSTRACT

The research aims to understand better the nature of Parti Islam SeMalaysia's (PAS) political cooperation between 1999 and 2015, through alliances of Barisan Alternatif (BA), Pakatan Rakyat (PR), Kelab Penyokong PAS (KPP) and Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). In doing so, PAS' approach, development and implication in the political cooperation are investigated to determine the nature of its participation. Oral history method was conducted and primary sources, such as documents and minutes of meeting, were referred to in order to obtain data. Findings reveal that PAS adopts the concept of *Tahaluf Siyasi* as its political cooperation approach with a view to achieve victory for Islam and the party's endeavours. The research also discovers that PAS' political cooperation within the time frame of the study has explored a new type of alliance which supersedes the election but places focus on mutually beneficial issues, based on the adoption of the concepts of tolerance, democratic and inclusive. PAS also finds itself having to face the implications of its political cooperation, when there appears to be a head-on collision between the concept of *Tahaluf Siyasi* which it embraces, and that of the notions of tolerance, democratic and inclusive, which are a result of the cooperation. The findings are corroborated through the turbulence and dilemma that the party faces, such as when it finds itself having to balance its political objective with that of the party's original goals, managing democracy beyond the election and exploring multiracial political stance. The crux of the research is the finding that PAS' political cooperation remains within the realm of *coalition of convenience*, and does not look like it is anywhere near a *coalition of commitment*, defined as cooperation which is based on high commitment amongst its members.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat *Allah Taala* kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat menyempurnakan amanah dan tanggungjawab pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD.) ini. Pada kesempatan yang terbaik ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan sekalung budi kepada penyelia, Yang Berusaha Dr. Azharudin Mohamed Dali atas kesabaran dan komitmen beliau membimbing saya untuk menyelesaikan amanah pengajian ini dengan jayanya. Sikap profesional beliau yang menyerlahkan kualiti kepemimpinan akademik dan integriti yang tinggi amatlah saya sanjungi dan kagumi. Saya percaya, tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan amanah pengajian ini, menjadi antara segmen indah lagi bermakna dalam kehidupan saya sebagai ahli akademik dan insan. Terima kasih juga diucapkan kepada semua tokoh politik yang telah bersetuju untuk ditemubual bagi menyempurnakan kajian ini.

Saya dedikasikan tesis ini kepada bonda tercipta, Puan Jenap Endon atas segala pengorbanan membesarkan dan mendidik saya. Juga kepada arwah abah, Allahyarham Mohd Zain Abdullah yang menjadi ayahanda terbaik walaupun dalam masa yang amat singkat. Siapalah saya tanpa kalian. Terima kasih juga kepada beberapa individu terdekat yang banyak memberi sumber ilham dan inspirasi kepada saya secara langsung juga tidak langsung. Perjalanan akademik saya lebih sempurna dengan kerjasama dan tunjuk ajar mereka. Setinggi apresiasi juga dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) atas kerjasama yang diberikan. Akhir kata, semoga kajian saya ini boleh memberi sumbangan kepada wacana dan percambahan ilmu berkaitan kerjasama politik khususnya dalam konteks Islam dan Demokrasi di negara ini. *Insya Allah*.

KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Persoalan Kajian	13
Objektif Kajian	14
Kepentingan Kajian	15
Skop Kajian	16
Kajian Literatur	17
Kaedah dan Sumber Kajian	26
Pembahagian Bab	30
BAB 2 : LATAR BELAKANG KERJASAMA POLITIK PAS DI MALAYSIA	
Pengenalan	34
Wacana Kerjasama Politik	35
Kerjasama Politik PAS Era Awal Kemerdekaan	39
Kerjasama PAS dengan Parti Negara (PN)	42

Kerjasama PAS dan UMNO/Perikatan dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional (BN)	45
Kesinambungan Kerjasama Politik PAS dan UMNO/Perikatan dalam Barisan Nasional (BN)	54
Kerjasama PAS dalam <i>Chinese Consultative Council</i> (CCC)	62
Kerjasama PAS dalam Angkatan Perpaduan (APU)	67
Kesimpulan	78
 BAB 3 : KONSEP <i>TAHALUF SIYASI</i> DAN PENDEKATAN PAS DALAM KERJASAMA POLITIK	
Pengenalan	80
PAS dan Faktor Kerjasama Politik	81
Konsep <i>Tahaluf Siyasi</i> dalam Politik Islam	86
Konsep <i>Tahaluf Siyasi</i> dalam Kerjasama Politik PAS	90
Pendekatan PAS dan <i>Tahaluf Siyasi</i> dalam Kerjasama Politik	100
Kesimpulan	110
 BAB 4 : PEMBENTUKAN KERJASAMA POLITIK PAS	
Pengenalan	114
Kerjasama PAS dalam Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK)	115
Kerjasama PAS dalam Barisan Alternatif (BA)	123
Kerjasama PAS dalam Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP)	141
Kerjasama PAS dalam Pakatan Rakyat (PR)	153
Kesimpulan	175
 BAB 5 : MENGIMBANGI MATLAMAT POLITIK DENGAN MEMPERTAHANKAN DASAR PERJUANGAN PARTI	
Pengenalan	178

Mengimbangi Matlamat Politik
dengan Mempertahankan Dasar Perjuangan Parti 179

Kesimpulan 206

**BAB 6 : MENANGANI DEMOKRASI MENJANGKAUI PILIHAN RAYA DAN
MENEROKA PERJUANGAN MERENTASI KAUM**

Pengenalan 208

Menangani Demokrasi Menjangkau Pilihan Raya 209

Meneroka Perjuangan Merentasi Kaum 227

Kesimpulan 241

BAB 7 : KESIMPULAN 243

RUJUKAN 255

LAMPIRAN

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Fasa Perkembangan Politik Muslim Dalam Demokrasi	210
--	-----

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADIL	Pergerakan Keadilan Sosial
AIR	Angkatan Insaf Rakyat
AKIM	Angkatan Keadilan Insan Malaysia
AMANAH	Parti Amanah Negara
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
BA	Barisan Alternatif
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
BN	Barisan Nasional
CAP	Persatuan Pengguna Pulau Pinang
CCC	<i>Chinese Consultative Council</i>
COMANGO	<i>Coalition of Malaysian NGOs</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEBARAN	Dasar Banteras Rasuah Negara
DHPP	Dewan Himpunan Penyokong PAS
DUN	Dewan Undangan Negeri
GAGASAN	Gagasan Rakyat
GAMIS	Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia
GERAK	Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
HAK	Harakah Keadilan Rakyat
HAMIM	Parti Hizbul Muslimin Malaysia
HINDRAF	<i>Hindu Rights Action Force</i>
IPF	<i>Indian Progressive Front</i>
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
ISMA	Ikatan Siswazah Muslim
JIM	Jamaah Islah Malaysia
KeADILan	Parti Keadilan Nasional
KPP	Kelab Penyokong PAS
LDP	<i>Liberal Democratic Party</i>
LGBT	<i>Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
NASMA	Parti Nasionalis Malaysia
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
OSA	Akta Rahsia Rasmi
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBRS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	Parti Bersatu Sabah

PH	Pakatan Harapan
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PMS46	Parti Melayu Semangat 46
PN	Parti Negara
PPP	<i>People Progressive Party</i>
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PR	Pakatan Rakyat
PRK	Pilihan Raya Kecil
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRS	Parti Rakyat Sarawak
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PUM	Persatuan Ulama Malaysia
PUTIK	Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SPDP	<i>Sarawak Progressive Democratic Party</i>
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUPP	<i>Sarawak People's United Party</i>
TERAS	Teras Pengupayaan Melayu
UMNO	<i>United Malay National Organization</i>
UHEMC	Unit Hal Ehwal Masyarakat Cina
UPKO	<i>United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organization</i>
URUS	Persatuan Usahawan dan Pengurusan Islam Malaysia
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam oleh Majlis Syura Ulama, Parti Islam SeMalaysia

Lampiran B

Buku Program Jamuan Makan Perdana Ulang Tahun Kedua Barisan Alternatif, 15 April 2001

Lampiran C

Buku Program Majlis Pelancaran Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), 23 Mei 2010.

Lampiran D

Ikrar Taat Setia Ahli Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP)

Lampiran E

Buletin Semasa Rakyat (Ren Min Shi Shi)

Lampiran F

Buku Program Konvensyen Nasional Barisan Alternatif, 28 September 2003.

Lampiran G

Gambar temubual pengkaji bersama YB. Dato' Husam Musa, Mantan Naib Presiden PAS Pusat yang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Salor, pada 24 April 2014.

Lampiran H

Gambar temubual pengkaji bersama YBhg. Encik Balasubramaniam A/L Nachiappan, Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), pada 24 Ogos 2016.

Lampiran I

Gambar temubual pengkaji bersama YBhg. Dato' Nakhaei Ahmad, Mantan Naib Presiden PAS Pusat merangkap Naib Yang Dipertua 4, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), pada 27 April 2015.

Lampiran J

Gambar temubual pengkaji bersama YB. Dato' Iskandar Abdul Samad, Naib Presiden PAS Pusat merangkap Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor, pada 6 Oktober 2015.

Lampiran K

Gambar temubual pengkaji bersama YB. Dato' Dr. Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh, Timbalan Ketua Dewan Ulama PAS, pada 27 April 2016.

Lampiran L

Gambar temubual pengkaji bersama Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi, Mantan Perdana Menteri Malaysia Dan Presiden UMNO, pada 9 Julai 2014.

BAB 1: PENDAHULUAN

Dalam konteks sistem demokrasi, kewujudan parti politik adalah satu keperluan kerana ia dapat menjayakan penyertaan politik dalam kalangan rakyat.¹ Parti politik juga penting sebagai pengikat pandangan orang ramai yang pelbagai menjadi tersusun mengikut lunas dan peraturan organisasi yang telah ditetapkan.² Peranan tersebut akan menjadikan penyertaan politik rakyat lebih sistematik melalui prinsip-prinsip tertentu yang dipersetujui bersama dan dengan itu, ia dapat membezakan aliran pandangan dalam parti politik yang lain.³ Selain itu, parti politik menjadi alat atau platform untuk bersaing mendapatkan kuasa politik secara sah dalam proses demokrasi melalui pilihan raya. Mengikuti rekod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)⁴ sehingga 18 Julai 2017, terdapat 46 buah parti politik⁵ yang berdaftar di negara ini. Jumlah ini termasuk Barisan Nasional (BN) yang didaftarkan sebagai gabungan parti-parti politik.⁶ Kewujudan pelbagai parti dan persaingan kuasa melalui pilihan raya menggambarkan proses demokrasi berjalan secara terbuka di Malaysia. Lebih menarik, kewujudan sistem pelbagai parti yang diamalkan di Malaysia bukan sahaja mewujudkan persaingan politik, telah mendorong berlakunya kerjasama politik antara parti politik. Persaingan

¹ Mustafa Ishak, Afifi Abdul Razak. 2006. *Politik dan Pemerintahan Negara*. Singapore: Thompson Learning, hlm. 128.

² Maurice, Duverger. 1967. *Political Parties*. University Paper. Lowe & Brydone (Printers) Ltd, London, hlm. 206

³ P.B, Harris. 1976. *The Foundations of Political Science*. London: Hutchinson, hlm. 143.

² Maurice, Duverger. 1967. *Political Parties*. University Paper. Lowe & Brydone (Printers) Ltd, London, hlm. 206

³ P.B, Harris. 1976. *The Foundations of Political Science*. London: Hutchinson, hlm. 143.

⁴ Sila rujuk www.spr.gov.my, diakses pada 30 Ogos 2015.

⁵ Jumlah ini termasuk Parti Amanah Negara atau AMANAH yang dilancarkan pada 16 September 2015 dan diberikan kelulusan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada 2 Oktober 2015. AMANAH adalah penjenamaan semula Parti Pekerja-pekerja Malaysia untuk digunakan sebagai nama rasmi wadah politik Gerakan Harapan Baharu (GHB). Presiden AMANAH ialah Mohamad Sabu yang merupakan bekas Timbalan Presiden PAS. Beliau dibantu oleh Timbalan Presiden, Salahudin Ayub dan dua orang Naib Presiden, iaitu Datuk Dr. Mujahid Yusuf Rawa dan Haji Hasanuddin Mohd Yunus. Pemimpin AMANAH merupakan bekas pemimpin PAS dan majoriti mereka yang kalah dalam pemilihan kepimpinan parti bagi tahun 2015 hingga 2017. Penubuhan AMANAH bermatlamat memartabatkan Islam sebagai dasar perjuangan; mendirikan sebuah masyarakat dan negara madani dengan Islam sebagai rahmat untuk semua; melaksanakan pemerintahan yang berteraskan tadbir urus yang baik (good governance) selari dengan tuntutan prinsip amanah, keadilan, kesaksamaan, kompetensi dan ketelusan; mendukung pendekatan kesederhanaan, keterbukaan, demokratik dan bergerak dalam kerangka demokrasi dan Perlembagaan Persekutuan dan menggembelng seluruh segmen warganegara dalam wadah perjuangan politik inklusif merentasi jurang kaum, budaya dan kepercayaan ke seluruh Persekutuan. Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk laman sesawang www.amanah.org.my. Diakses pada 25 Disember 2015.

⁶ Barisan Nasional (BN) ditubuhkan pada 1974 dan mempunyai 13 parti komponen, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), *Malaysian Chinese Association* (MCA), *Malaysian Indian Congress* (MIC), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), *Sarawak People's United Party* (SUPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), *People Progressive Party* (PPP), *Liberal Democratic Party* (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS), *United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organization* (UPKO), Parti Bersatu Sabah (PBS), *Sarawak Progressive Democratic Party* (SPDP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS).

politik memungkinkan berlakunya kompromi dan kerjasama antara parti politik sebagai satu strategi mendapatkan kuasa dengan lebih berkesan.⁷ Kerjasama politik adalah antara ciri penting politik Malaysia kerana negara terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Memandangkan penubuhan parti politik pada awal kemerdekaan adalah berasaskan perkauman atau mewakili kaum-kaum tertentu, sesebuah parti yang ingin menubuhkan kerajaan perlu mendapatkan sokongan semua pihak melalui kerjasama dengan kaum atau pihak yang lain.

Dalam konteks di Malaysia, kerjasama politik berlaku pada beberapa bentuk dan peringkat, iaitu sama ada inter parti dan intra parti. Kerjasama politik inter parti boleh dilihat melalui kerjasama antara parti pemerintah, parti pemerintah dengan parti pembangkang dan antara parti-parti pembangkang. Kerjasama politik di Malaysia telah dimulakan oleh Perikatan apabila Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bekerjasama dengan *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Congress* (MIC). Kejayaan Perikatan memenangi pilihan raya pertama pada 1955⁸ dan awal kemerdekaan adalah hasil kerjasama antara kaum melalui parti politik seperti UMNO yang mewakili orang Melayu, MCA yang mewakili orang Cina dan MIC yang mewakili orang India. Kerjasama politik dalam Perikatan dikembangkan melalui konsep Barisan Nasional (BN) pada 1974 dengan penambahan keahlian gabungan parti baharu termasuk parti pembangkang, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Perikatan dan BN tidak pernah gagal untuk memenangi setiap kali Pilihan Raya Umum (PRU) sejak 1955. Ini sekaligus membuktikan bahawa setiap parti politik yang mahu memenangi pilihan raya sekaligus membentuk kerajaan mestilah mengadakan kerjasama politik.

⁷ T.T, Holyoke. 2009. "Interest Group Competition and Coalition Formation". *American Journal of Political Science*. 53 (2), hlm. 360-375.

⁸ Perikatan telah memenangi 51 kerusi parlimen daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Satu kerusi dimenangi oleh PAS melalui calon, Haji Ahmad Haji Hussain di kawasan Krian, Perak. Beliau menang dengan 8,685 undi.

Perikatan dan BN yang dibentuk berasaskan faktor sejarah dan kontrak sosial⁹ telah berjaya mengekalkan permuafakatan politik dan perkongsian kuasa antara kaum di negara. Ketiadaan kerjasama politik melalui pakatan pembangkang yang kukuh dan lestari telah memudahkan penguasaan Perikatan dan BN dalam politik Malaysia sejak kemerdekaan lagi. Tidak dinafikan, kerjasama politik antara parti pembangkang sememangnya wujud tetapi ia lebih berbentuk pakatan pilihan raya, iaitu bersifat jangka pendek dan tidak berstruktur. Dalam kata lain, pakatan pembangkang yang ditubuhkan lebih berfokus untuk menghadapi pilihan raya dan oleh kerana itu, ia tidak dapat dikekalkan dalam tempoh yang lama selepas pilihan raya barlangsung. Antara kerjasama politik dalam konteks pakatan pembangkang yang pernah dibentuk ialah *Social Front*, Harakah Keadilan Rakyat (HAK)¹⁰, Angkatan Perpaduan Ummah (APU)¹¹ dan Gagasan Rakyat. Manakala kerjasama politik dalam Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR) yang menjadi fokus kajian juga tidak kekal lama apabila berkubur pada 2001 dan 2015. Kesemua kerjasama politik ini gagal bertahan disebabkan tidak ada lagi persefahaman antara parti pembangkang, walaupun dalam konteks BA dan PR, mereka telah berusaha meneroka satu bentuk kerjasama politik baharu dan jangka panjang yang menjangkaui pilihan raya, iaitu berasaskan isu dan kepentingan umum.

Kajian ini akan memberi fokus kepada kerjasama politik oleh PAS daripada 1999 hingga 2015. Dalam kalangan parti pembangkang, PAS adalah parti politik yang mempunyai pengalaman panjang dan tersendiri dalam menjayakan kerjasama politik. PAS adalah salah sebuah parti politik yang bersaing dalam proses demokrasi melalui

⁹ Kontrak sosial adalah persetujuan yang dicapai sebelum merdeka di kalangan para pemimpin Melayu, Cina dan India dan parti-parti yang mereka wakili, iaitu UMNO, MCA dan MIC. Walau bagaimanapun, kontrak sosial mestilah dianggap sebagai satu persetujuan di kalangan masyarakat berbilang kaum, bukan hanya melibatkan pemimpin atau kumpulan elit tertentu.

¹⁰ Kerjasama PAS dengan kumpulan bukan Islam seperti Parti Rakyat Malaysia (PRM), Parti Sosial Demokratik (SDP) dan Parti Nasionalis Malaysia (NASMA) dalam Pilihan Raya Umum 1986.

¹¹ APU dianggotai oleh Parti Melayu Semangat 46 (PMS46), Parti Islam Semalaysia (PAS), Barisan Jemaah Islamiah Malaysia (BERJASA) dan Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM). Kewujudan APU bertujuan menyatukan parti-parti politik berasaskan Islam dan Melayu dengan memberikan tumpuan di Semenanjung Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk artikel "Political Change in Malaysia: The Role of Semangat 46" oleh Hari Singh dalam *Asian Survey*, Vol. 31 No. 8, Aug, 1991, hlm. 712-728.

pilihan raya sejak tahun 1955 lagi dan menjadi satu-satunya parti pembangkang yang masih bertahan sejak kemerdekaan sehingga sekarang. Matlamat PAS adalah memperjuangkan pemerintahan Islam dalam kerangka sistem demokrasi di Malaysia.¹² Justeru, penyertaan PAS dalam proses demokrasi melalui pilihan raya seringkali dikaitkan dengan kumpulan Islamis yang lain seperti Parti Refah di Turki dan *Front Islamique Salvation* (FIS) di Algeria.¹³ Sebagai sebuah parti yang mempunyai pegangan ideologi yang tersendiri seperti bercita-cita menubuhkan Negara Islam dan memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam di negara, adalah sukar untuk membayangkan PAS boleh bekerjasama dengan parti-parti politik yang lain kerana perbezaan dasar dan prinsip asal perjuangan yang ketara. Walau bagaimanapun, PAS tidak boleh lari daripada realiti politik Malaysia bahawa tidak ada satu parti politik pun boleh memenangi pilihan raya sekaligus membentuk kerajaan tanpa bekerjasama dengan parti politik lain.

Sepanjang penubuhan PAS, parti itu mempunyai pengalaman mengadakan kerjasama antara parti politik sama ada dengan parti pemerintah mahupun parti pembangkang yang lain. Selain kerjasama politik antara parti, PAS juga pernah menjayakan kerjasama politik intra parti seperti bekerjasama dengan bukan Islam melalui *Consultative Chinese Council* (CCC). Kerjasama PAS antara parti pemerintah boleh dilihat melalui kerjasama PAS dengan UMNO selepas pilihan raya umum 1969 dan penyertaan PAS dalam Perikatan pada 1973 dan kemudiannya Barisan Nasional (BN).¹⁴ Kerjasama politik ini diperkukuhkan lagi melalui penubuhan kerajaan campuran bukan sahaja di Kelantan tetapi di semua peringkat. Sewaktu PAS dalam kerajaan BN, pemimpin PAS dilantik ke

¹² Perlembagaan PAS, Fasa 5 menyebut, tujuan PAS ditubuhkan adalah untuk “Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah”. Walaupun istilah Negara Islam tidak disebut secara jelas, kehendak ini dapat difahami melalui pernyataan ke atas ciri-ciri Negara Islam tersebut. Fasal 7 turut menyebut hukum yang dipegang oleh PAS, iaitu “Memperjuangkan adapun hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah Kitabullah dan Sunnah Rasul serta Ijmak Ulama dan Qias yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum yang tertinggi itu, kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan”.

¹³ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Mohd Izani Mohd Zain. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

¹⁴ D.K., Mauzy. 1983. *Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.

jawatan penting di peringkat pusat seperti Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Duta. Walau bagaimanapun, kerjasama politik ini tidak kekal disebabkan tidak ada lagi persefahaman antara PAS dan UMNO khususnya ekoran krisis Menteri Besar di Kelantan yang akhirnya membawa kepada penyingkiran PAS daripada BN pada 1977.¹⁵

Kerjasama PAS dengan parti pembangkang pula boleh dilihat melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada tahun 1990 bersama Parti Semangat Melayu 46 (PSM46), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) dan Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM). Kerjasama politik yang berteraskan kepimpinan Melayu dan Islam ini juga tidak kekal lama apabila PAS memutuskan hubungan dengan PMS46 pada 13 Julai 1996 atas alasan berlakunya pelanggaran asas kerjasama politik oleh PMS46.¹⁶ Pada ketika itu, wujud sebuah lagi pakatan pembangkang, iaitu Gagasan Rakyat yang tidak disertai oleh PAS. Perbezaan prinsip perjuangan yang ketara antara PAS dan DAP khususnya melibatkan isu Negara Islam telah membawa kepada dua blok pakatan pembangkang, iaitu APU yang disertai oleh PAS tanpa DAP manakala Gagasan Rakyat didukung oleh DAP tanpa PAS. Kewujudan dua blok pakatan pembangkang yang berbeza ini juga menggambarkan tahap kerjasama politik parti pembangkang masih belum kukuh apabila kedua-dua buah parti (PAS dan DAP) gagal mengeneppikan perbezaan antara satu sama lain.

Kerjasama politik PAS telah memberi kesan yang besar khususnya kepada pencapaian parti itu dalam pilihan raya. Dalam hal ini, PAS dapat melonjakkan lagi sokongan rakyat melalui penambahan jumlah kerusi sama ada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya. Ini dapat dicapai apabila PAS dan parti

¹⁵ Temubual pengkaji bersama Dato' Mustafa Ali, Setiausaha Agung PAS, pada 17 Jun 2014.

¹⁶ Kenyataan Rasmi PAS: Hubungan PAS dengan Parti Melayu Semangat 46 bertarikh 13 Julai 1996. Majlis Syura Ulama PAS mengambil ketetapan bahawa "PAS memutuskan hubungan kerjasama politik dengan Parti Melayu Semangat 46 di semua peringkat".

pembangking yang lain tidak bertembung sesama sendiri dalam pilihan raya hasil strategi pengagihan kerusi parlimen yang saksama. Dalam pilihan raya umum tahun 1974 sewaktu kerjasama PAS dan UMNO dalam Barisan Nasional (BN), parti itu telah menambah kerusi parlimen daripada 12 kerusi (1969) kepada 14 kerusi. Pencapaian tersebut adalah paling balik jika dibandingkan pencapaian PAS dalam pilihan raya sebelumnya iaitu pada tahun 1955 (1), 1959 (13) dan 1964 (9). Kerjasama politik PAS dalam APU turut menyumbang kepada kejayaan PAS apabila mencatat kemenangan besar iaitu 39-0 kerusi DUN Kelantan sekaligus mengambil alih semula pemerintahan kerajaan negeri daripada Barisan Nasional.

Peristiwa pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998¹⁷ telah mewujudkan krisis politik tanah air yang besar, ditandai dengan gelombang kebangkitan rakyat dan gerakan reformasi memperjuangkan keadilan. Dalam hal ini, PAS berpandangan kerjasama politik antara parti pembangkang amat penting kerana perubahan yang mahu dilaksanakan hanya boleh dilakukan jika pembangkang bekerjasama terlebih dahulu.¹⁸ Melalui kerjasama politik ini, PAS sanggup mengeneipkan perbezaannya dengan parti politik lain khususnya DAP. Bagi PAS, perbezaan antara parti pembangkang adalah kecil berbanding perjuangan mereka menentang rasuah dan kerajaan yang dilihat zalim.¹⁹ Selain itu, PAS mahu parti pembangkang lain bertolak ansur dalam pendekatan masing-masing dan bersepakat atas nama keadilan dan kemanusiaan untuk bekerjasama. Pada masa yang sama, PAS turut mengajak rakyat pelbagai golongan untuk menumpukan kepada unsur yang boleh menyatukan mereka.

¹⁷ "Anwar dipecat dari UMNO", *Utusan Malaysia*, 4 September 1998. Anwar Ibrahim turut dipecat daripada UMNO pada 3 September 1998 berkuatkuasa serta merta. Menurut Presiden UMNO ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Majlis Tertinggi (MT) UMNO sebulat suara memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti. Keputusan pemecatan dibuat secara musyawarah.

¹⁸ Ucapan Dasar Presiden PAS ke 45 tahun 1999, Dato' Fadzil Mohd Noor bertajuk 'Bertekad Mencapai Kemenangan' telah disampaikan pada 28 Mei 1999 di Taman Melewar.

¹⁹ Ibid.

Sehubungan dengan itu, PAS meneruskan kerjasama politik melalui pakatan pembangkang dalam Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR). Keyakinan PAS terhadap keperluan dan kepentingan kerjasama politik dizahirkan dalam setiap kali Muktamar Tahunan melalui Ucapan Dasar Presiden dari tahun 1999 hingga 2015, iaitu sepanjang tempoh kajian ini dilakukan. Dalam Muktamar Tahunan ke-45 tahun 1999, iaitu muktamar PAS yang pertama selepas pemecatan Anwar Ibrahim, Presiden PAS, Dato' Fadzil Mohd Noor berkata, kerjasama politik penting untuk menggembeling tenaga parti-parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menjadi satu kekuatan berkesan menentang ketidakadilan pemerintah. PAS juga berkeyakinan tinggi bahawa kerjasama politik melalui BA berasaskan kepada kewibawaan kepimpinan dan gaya kepemimpinan PAS/BA yang terbuka, telus dan berprinsip. Malah bersedia menjadi pemimpin kepada perubahan melalui kerjasama politik dalam BA.²⁰

Walaupun kerjasama politik dalam BA telah berakhir pada 2001 ekoran ketegasan PAS mempertahankan isu Negara Islam sehingga DAP menarik diri²¹, parti itu tetap terbuka untuk *bertahalluf* dengan mana-mana parti yang mahu bekerjasama dengannya. Keterbukaan PAS untuk bekerjasama terserlah apabila dalam Muktamar PAS ke-49 tahun 2003²², Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang masih menggunakan istilah BA bagi menggambarkan pakatan pembangkang. Dalam ucapan tersebut, beliau turut menzahirkan bahawa PAS mahu terus menjadi rakan kongsi aktif dalam gagasan BA untuk berhadapan parti pemerintah. Pemakaian istilah BA untuk pakatan pembangkang masih terus digunakan oleh PAS dan ia boleh dilihat melalui Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan ke-52 (2006) dan 53 (2007).²³ Dalam tempoh pakatan

²⁰ Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan ke 46 tahun 2000, Dato' Fadzil Mohd Noor bertajuk 'PAS Pemimpin Perpaduan'.

²¹ Minit Mesyuarat Mesyuarat Khas Jawatankuasa Harian PAS Pusat Sesi 2001-2003, 7 Julai 2001 bersamaan 16 Rabi'ul Akhir 1422 Hijrah, bertempat di Pejabat Agung PAS Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur.

²² Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan ke-49 tahun 2003, Dato' Seri Abdul Hadi Awang bertajuk 'Menuju Kemenangan'.

²³ Dalam tempoh dari tahun 2006 hingga 2007, kerjasama politik parti pembangkang secara rasmi belum lagi wujud sejak BA berakhir pada tahun 2001. Kerjasama politik atas nama Pakatan Rakyat (PR) hanya dilancarkan selepas Pilihan Raya Umum 2008.

pembangkok dalam PR pula, komitmen PAS terhadap kerjasama politik lebih jelas. Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dalam Ucapan Dasar tahun 2008 menegaskan PAS akan setia dengan kerjasama politiknya.²⁴ PAS turut menggesa agar persefahaman, keserasian setiakawan dan kelancaran bekerja di semua peringkat dalam PR perlu dieratkan untuk menghadapi Pilihan Raya Umum 201.²⁵ Perkembangan ini secara jelas menggambarkan pendirian dan sokongan padu PAS terhadap keperluan dan kepentingan kerjasama politik.

Selain kebangkitan rakyat dan gerakan reformasi yang menjadi pemangkin kepada berlakunya kerjasama politik dalam pakatan pembangkang, satu perkembangan penting ialah munculnya politik baharu yang merentasi tembok perkauman dan kelas.²⁶ Wacana atau politik baharu ini lebih berorientasikan isu atau kepentingan umum seperti demokrasi, keadilan, kebebasan dan tadbir urus yang baik. Perkembangan ini mempengaruhi wacana politik dalam PAS sekaligus pendekatan dalam kerjasama politik PAS dalam tempoh kajian ini, iaitu dari tahun 1999 hingga 2015 agar lebih terbuka dan inklusif. Jika kerjasama politik PAS dalam Perikatan, Barisan Nasional dan Angkatan Perpaduan Ummah hanya menyentuh soal perpaduan serta kepentingan orang Melayu dan Islam, tetapi kerjasama politik dalam Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR) melampaui persoalan tersebut dengan menekankan isu dan kepentingan umum.

Dalam tempoh kajian, PAS telah meneroka bentuk permuafakatan politik yang menjangkau pakatan pilihan raya. Kerjasama politik ini juga bermatlamat jangka panjang dengan tidak menumpukan soal pilihan raya semata-mata. Kerjasama politik

²⁴ Ucapan Dasar Presiden PAS tahun 2008, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dalam Muktamar Tahunan ke-54, bertajuk 'PAS Untuk Semua'.

²⁵ Ucapan Dasar Presiden PAS tahun 2009, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dalam Muktamar Tahunan ke-55, bertajuk 'Islam Memimpin Perubahan'.

²⁶ Shamsul, AB. 1999. The Redefinition of Politics and the Transformation of Malaysian Pluralism. Kertas seminar dibentangkan di Research Workshop on Southeast Asian Pluralism: Social Resources for Civility and Participation in Malaysia, Singapore, and Indonesia. Ford Foundation (Jakarta)/ISEC/IKMAS, Petaling Jaya, 5-6 Ogos.

PAS dalam GERAK, BA dan PR memberi penekanan kepada kerjasama dalam bentuk isu dan kepentingan umum seperti keadilan, demokrasi dan pemerintahan yang baik berbanding prinsip asal perjuangan parti. Dalam menjayakan kerjasama politik ini, PAS telah berusaha keluar daripada zon selesa mereka dan bersedia untuk bertolak-ansur dengan mengutamakan isu dan kepentingan umum berbanding prinsip asal perjuangan parti seperti penubuhan Negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud. Ketua pakatan pembangkang ketika itu, Anwar Ibrahim mengakui PAS gigih bersemangat baharu bagi menjayakan kerjasama politik.²⁷ Kerjasama dalam bentuk isu dan kepentingan tertentu ini juga telah menemukan PAS dengan DAP buat julung kalinya dalam satu kerjasama politik. Masing-masing bersetuju untuk memberi keutamaan kepada isu dan kepentingan yang disepakati bersama berbanding dasar asal perjuangan parti masing-masing.

Kerjasama dalam bentuk isu dan kepentingan umum ini juga telah mendorong pakatan pembangkang membentuk dasar atau polisi bersama seperti Buku Jingga 2010 yang memerlukan setiap parti politik termasuk PAS menerima dan melaksanakannya. Dalam hal ini, PAS turut menggesa agar dasar negeri di bawah kerajaan PR perlu dilaksanakan dengan semangat dalam perkara yang menjadi Dasar Bersama.²⁸ Kerjasama dalam bentuk isu dan kepentingan bersama menuntut pakatan pembangkang dalam BA dan PR menggunakan pendekatan konsensus. Setiap parti adalah rakan setara atau *equal partner* dan tidak boleh sebuah parti mengatasi yang lain.²⁹ Sehubungan dengan itu, cara pembuatan keputusan adalah melibatkan kesetaraan dan persetujuan semua parti komponen.³⁰

²⁷ "Surat Terbuka Anwar dari Penjara Sungai Buloh". *Eksklusif*, Bil.07, 31 Mei-6 Jun 1999. Semangat Baharu ini merujuk kepada iltizam dan komitmen PAS untuk mengutamakan isu dan kepentingan yang disepakati secara bersama bagi memperkukuh pakatan pembangkang.

²⁸ Ucapan Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dalam Konvensyen Pakatan Rakyat Kedua pada 19 Disember 2010, bertempat di Dewan Millenium, Kepala Batas, Pulau Pinang.

²⁹ Dzulkefly Ahmad. 2012. *Striving For Change*. Kuala Lumpur. Unit Buku Harakah, hlm. 217

³⁰ "Mungkinkah Wujud Kerjasama Politik Baharu?". *Harakah*, 12-14 Jun 2015.

Kerjasama politik PAS dalam BA dan PR telah memberikan persaingan politik yang kuat kepada parti pemerintah walaupun masih gagal memerintah. Dalam pilihan raya umum tahun 1999, PAS berjaya memperolehi 27 buah kerusi parlimen³¹ dan 98 kerusi DUN. Pencapaian ini adalah terbaik dalam sejarah penyertaan PAS dalam proses demokrasi melalui pilihan raya sejak merdeka. PAS dapat mempertahankan Kelantan dan menubuhkan kerajaan baharu di Terengganu. Bukan itu sahaja, penguasaan kerusi paling besar di Parlimen telah meletakkan wakil PAS, iaitu Ahli Parlimen Pendang yang juga presiden parti, Datuk Fadzil Mohd Noor (Allahyarham) sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat. Ini sekaligus menafikan kedudukan DAP sebagai parti pembangkang yang paling berpengaruh di negara sejak dekad 70-an buat julung kali.³² Dalam Pilihan Raya Umum 2008, PAS menang di 23 kawasan parlimen³³ dan dapat mempertahankan Kelantan selain menubuhkan kerajaan negeri di Kedah dan Perak bersama pakatan pembangkang. Selain itu, wakil PAS telah dilantik sebagai Menteri Besar di Kedah dan Perak. Manakala dalam Pilihan Raya Umum 2013, PAS memenangi 21 kerusi parlimen.³⁴

Kerjasama politik dalam tempoh kajian ini bukan sahaja dapat memperkukuhkan kedudukan PAS sebagai sebuah parti yang terbuka dan toleran, tetapi turut membantu melonjakkan citra PAS yang inklusif melalui hubungan dengan kumpulan bukan Islam. Selain kerjasama intra parti politik dalam Gerak, BA dan PR, PAS turut mewujudkan kerjasama inter parti melalui kerjasama dengan bukan Islam. Bersandarkan kepada

³¹ Kawasan parlimen yang dimenangi oleh PAS adalah lapan di Kedah, sepuluh di Kelantan, tujuh di Terengganu dan dua di Perak. Kawasan tersebut ialah di Jerlun, Padang Terap, Pokok Sena, Kuala Kedah, Pendang, Yan, Sik, Baling, Tumpat, Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Jeli, Kuala Kerai, Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun, Parit Buntar dan Parit.

³² Andy Mickey Chong Tek Choy. 2006. *Democratic Action Party of Malaysia and The Politics of Opposition Coalition Building*. M.A Thesis. National University of Singapore (NUS). hlm. 71.

³³ Kawasan parlimen yang dimenangi oleh PAS adalah enam di Kedah, sembilan di Kelantan, satu di Terengganu, dua di Perak, empat di Selangor dan satu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kawasan tersebut ialah di Padang Terap, Pokok Sena, Kuala Kedah, Pendang, Sik, Baling, Tumpat, Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Kuala Kerai, Marang, Parit Buntar, Bukit Gantang, Kuala Selangor, Hulu Langat, Shah Alam, Kota Raja dan Titiwangsa.

³⁴ Kawasan parlimen yang dimenangi oleh PAS adalah satu di Kedah, sembilan di Kelantan, empat di Terengganu, satu di Pahang, dua di Perak, dan empat di Selangor. Kawasan tersebut ialah Pokok Sena, Tumpat, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Bachok, Pasir Puteh, Kuala Kerai, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Parit Buntar, Bukit Gantang, Temerloh, Hulu Langat, Shah Alam, Kota Raja dan Sepang.

agenda 'PAS Untuk Semua', kerjasama PAS dengan bukan Islam dapat dipertingkatkan melalui penubuhan entiti dalam parti, iaitu Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). Pembentukan KPP pada 2004 memberi signifikan kepada PAS kerana ia adalah satu strategi jangka panjang dalam konteks hubungannya dengan bukan Islam selepas kerjasama politik dalam BA gagal pada 2001.

Bagi menampung sokongan bukan Islam yang semakin meningkat, PAS telah menaiktaraf KPP kepada DHPP pada 2010.³⁵ Kedudukan tersebut menjadikan DHPP sebagai salah satu sayap kepada PAS selain Dewan Ulamak, Dewan Muslimat dan Dewan Pemuda. Dalam hal ini, perwakilan DHPP diberikan peluang untuk berucap dalam Muktamar Tahunan PAS. Kemuncak kepada kerjasama PAS dengan bukan Islam apabila buat julung kalinya ahli KPP dan DHPP dipilih sebagai calon PAS dalam pilihan raya. Meskipun semua calon kalah kepada pihak lawan, ia tetap memberi gambaran bahawa PAS bersedia untuk perjuangan merentasi kaum sekaligus mempertaruh masa depan politikinya dengan bukan Islam.

Kerjasama politik PAS dalam tempoh kajian memberi fokus kepada pakatan isu dan kepentingan umum selain memperkukuh hubungan bukan Islam. Kerjasama politik ini bermatlamat jangka panjang kerana melangkaui pakatan pilihan raya. Dalam menjayakan kerjasama politik melalui pakatan pembangkang, iaitu BA dan PR serta kumpulan bukan Islam melalui sayap dalam parti, iaitu KPP dan DHPP, PAS dituntut mengambil pendekatan yang terbuka, toleran dan inklusif. PAS perlu mengutamakan isu dan kepentingan yang disepakati dalam dasar bersama berbanding dasar asal perjuangan parti. Setiap dasar yang hendak diperkenal dan dilaksanakan mestilah berasaskan kepada pendekatan konsensus, kesetaraan dan persetujuan semua parti pembangkang.

³⁵ *Buku Cenderamata sempena pelancaran Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP)* pada 23 Mei 2010.

Selain itu, memandang kerjasama politik memberi penekanan kepada soal demokrasi, keadilan, kebebasan dan pemerintahan yang baik, PAS perlu meningkatkan tahap komitmennya terhadap demokrasi. Demokrasi menjangkau pilihan raya ini tidak hanya menjadi demokrasi sebagai alat untuk berkuasa tetapi asas dan budaya politik yang bermatlamatkan jangka panjang. Justeru, bagi menjayakan demokrasi atas semangat ini, ia perlu disokong dengan komitmen PAS terhadap budaya politik yang menjunjung nilai universal, pluralisme dan toleransi. Pada masa yang sama, kerjasama dengan bukan Islam melalui KPP dan DHPP menuntut PAS menjadi inklusif dan merentas perkauman. PAS bukan perlu sahaja memberi peluang kepada bukan Islam melibatkan diri dalam aktiviti PAS tetapi kepercayaan dan kedudukan untuk menyumbang kepada pembangunan parti. Lebih penting, kerjasama PAS dengan bukan Islam bertujuan memenuhi kewajipan dakwah kepada Islam dan bukan bermatlamatkan pilihan raya semata-mata.

Bagaimanapun, tuntutan PAS untuk menjadi sebuah parti yang toleran, demokratik dan inklusif dalam menjayakan kerjasama politik seperti yang dijelaskan, telah memberikan implikasi dan ia boleh dilihat melalui pergolakan dan kemelut yang dihadapi oleh parti itu. Hal ini mempunyai asas kerana PAS mesti patuh kepada konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi panduan dalam kerjasama politiknya. Melalui konsep *Tahaluf Siyasi*, PAS perlu memastikan kerjasama politik bermatlamat kemenangan Islam dan bukan kemenangan politik dalam pilihan raya semata-mata. Kemenangan Islam ini bermaksud kerjasama politik PAS dapat menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam. Malah, PAS percaya bahawa kerjasama politik hanyalah strategi untuk mencapai dasar asal perjuangan dan bukan matlamat akhir parti.³⁶ Sehubungan dengan itu, PAS sanggup kehilangan DAP yang

³⁶ "Tahaluf Siyasi Bersifat Sementara", *Berita Harian*, 4 Jun 2015. Mursyidul 'Am PAS, Dato' Dr. Haron Din berkata, Tahaluf Siyasi pakatan pembangkang tidak mengikat dasar PAS secara mutlak kerana kerjasama itu bersifat sementara.

menyaksikan kerjasama politik BA berakhir pada 2001 semata-mata untuk mempertahankan dasar parti memperjuangkan Negara Islam.³⁷ Manakala dalam konteks kerjasama politik PR, PAS membuat keputusan bahawa kerjasama politik terbatal pada 2015 disebabkan tentangan DAP secara keterlaluan dan tidak menghormati hak PAS untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan.³⁸ Kemelut ini juga mengundang kepada perpecahan dalaman PAS sehingga tertubuhnya parti baharu, iaitu Parti Amanah Negara atau Amanah. Selain itu, PAS masih gagal mencapai matlamat sebenar kerjasama dengan bukan Islam melalui KPP dan DHPP kerana kedudukan bukan Islam yang masih lagi terbatas dalam parti sekaligus tidak menggambarkan pendekatan dan citra PAS yang inklusif.

Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan yang menjadi fokus kepada kajian ini. Pertama, apakah kerjasama politik PAS masih lagi bersifat '*coalition of convenience*', iaitu pakatan keselesaan yang tidak melibatkan komitmen yang tinggi seperti mana kerjasama terdahulu, atau telah menganjak kepada '*coalition of commitment*'? Dalam menjayakan kerjasama politik, PAS perlu mengutamakan persefahaman dalam bentuk isu dan kepentingan umum berbanding dasar asal perjuangan parti serta terikat dengan Dasar Bersama pakatan pembangkang yang disepakati secara konsensus. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, sebagai sebuah parti politik yang bergerak atas tiga jalur, iaitu siasah, dakwah dan tarbiah, PAS perlu memastikan kerjasama politik mereka tidak bercanggah dengan konsep *Tahaluf Siyasi* yang bermatlamatkan

³⁷ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat pada 7 Julai 2001. Menurut PAS, penubuhan Negara Islam yang berteraskan kepada undang-undang Islam tidak akan mengenakan apa-apa paksaan kepada rakyat termasuk bukan Islam. Justeru, PAS tidak akan mengorbankan prinsip perjuangan dan undur ke belakang semata-mata untuk melayan kehendak DAP. Lebih-lebih lagi, dasar parti, iaitu Negara Islam telah menjadi kekuatan PAS sejak dahulu lagi.

³⁸ "PAS Batal Tahaluf Siyasi dengan DAP", *Harian Metro*, 11 Julai 2015. Menurut Setiausaha Majlis Syura Ulama PAS, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, Majlis Syura Ulama kesal dengan tindakan provokasi berterusan dan keputusan DAP yang mengancam selain melanggar semangat kerjasama pakatan pembangkang serta campur tangan dalam akidah, dasar dan matlamat PAS. Bagaimanapun, PAS mengekalkan kerjasama politik dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

kemenangan Islam dan bukan kemenangan politik semata-mata. Hal ini membawa kepada persoalan kedua, iaitu apakah kerjasama politik yang dijayakan oleh PAS sememangnya tidak akan kekal lama kerana mempunyai agenda tersendiri untuk memperjuangkan dasar asal perjuangannya sepertimana yang termaktub dalam konsep *Tahaluf Siyasi* mereka? Persoalan ketiga pula berlegar kepada cabaran yang dilalui oleh PAS dalam kerjasama politiknya melalui Barisan Alternatif, Kelab Penyokong PAS (KPP), Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dan Pakatan Rakyat (PR).

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini ialah untuk membincangkan tentang konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi pendekatan PAS dalam menjayakan kerjasama politik. Kajian ini akan meneliti asas-asas yang membawa kepada kewujudan konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi dokumen penting kepada PAS agar kerjasama politik yang dijayakannya tidak bercanggah dan menyeleweng daripada dasar asal perjuangan parti. Konsep *Tahaluf Siyasi* oleh PAS yang berusaha mencapai kemenangan Islam sebagai matlamat utama dan bukan kemenangan politik dalam pilihan raya semata-mata seringkali menjadi punca utama mengapa kerjasama politik PAS masih lagi bersifat '*coalition of convenience*', iaitu pakatan keselesaan dan tidak menganjak kepada '*coalition of commitment*' atau pakatan yang melibatkan komitmen yang tinggi.

Selain konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi pegangan PAS dalam menjayakan kerjasama politik, kajian ini bertujuan mengketengahkan pendirian dan pandangan pemimpin utama PAS mengenai kerjasama politik dan peranan yang sewajarnya dilaksanakan oleh parti bagi memastikan kerjasama politik memberi manfaat dan keuntungan kepada parti. Objektif lain kajian ini ialah untuk memperhalusi proses dan

pembentukan kerjasama politik PAS dalam konteks Barisan Alternatif (BA), Kelab Penyokong PAS (KPP), Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dan Pakatan Rakyat (PR). Selain itu, kajian ini bertanggungjawab menganalisa pergolakan dan kemelut yang dihadapi oleh PAS; bertitik tolak daripada pertembungan antara konsep *Tahaluf Siyasi* dan persefahaman pakatan pembangkang berasaskan kepentingan umum yang membawa implikasi kepada berakhirnya kerjasama politik.

Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kerjasama politik yang dijayakan oleh PAS antara tahun 1999 hingga 2015 adalah satu kajian yang sangat penting dan masih belum diberikan banyak perhatian oleh para pengkaji sebelum ini. Sebagai sebuah parti politik yang berusaha mengambil pendekatan yang toleran, demokratik dan inklusif untuk menjayakan kerjasama politiknya, PAS masih berhadapan dengan pergolakan dan kemelut yang memberi implikasi terhadap kerjasama tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneroka kerjasama politik yang dijayakan oleh PAS melalui Barisan Alternatif (BA), Pakatan Rakyat (PR), Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). Hasil kajian membuktikan bahawa PAS yang bergerak atas jalur siasah, dakwah dan tarbiah, perlu terikat dengan konsep *Tahaluf Siyasi* untuk memastikan kerjasama politik yang dijayakan tidak bercanggah dengan matlamat dan dasar asal perjuangan parti. Malah, PAS perlu memastikan kerjasama politik menjadi satu strategi untuk mencapai kemenangan Islam dan bukan kemenangan politik, iaitu kemenangan dalam pilihan raya semata-mata. Sehubungan dengan itu, kajian ini sangat penting kerana ia membincangkan secara mendalam tentang konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi pendekatan PAS dalam menjayakan kerjasama politik. Perbincangan terhadap konsep *Tahaluf Siyasi* oleh PAS dapat membantu untuk merumus dan menilai mengapa

kerjasama politik PAS masih gagal dan tidak berupaya mencapai matlamat seperti yang dihasratkan.

Dalam aspek yang lebih umum pula, kajian ini amat penting dalam usaha mengisi kekosongan yang terdapat dalam bidang kajian terdahulu. Ia juga sekaligus akan dapat memperluaskan ufuk ilmu khususnya dalam konteks sejarah politik khususnya sejarah kerjasama politik PAS di negara ini. Kajian seumpama ini boleh menawarkan ikhtibar dan pengajaran yang bermakna tentang bagaimana untuk menguruskan sesebuah kerjasama politik demi kebaikan bersama.

Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada dua aspek. Pertama, kajian ini hanya membincangkan kerjasama politik PAS dalam tempoh daripada 1999 hingga 2015. Tempoh kajian ini, iaitu dari 1999 hingga 2015 dipilih kerana PAS telah mengadakan tahap kerjasama politik yang tinggi berbanding kerjasama politik terdahulu dengan berpendekatan toleran, demokratik dan inklusif. Tahun 1999 dipilih sebagai titik mula kajian kerana pada tahun tersebut, PAS telah memulakan kerjasama politik melalui penubuhan dalam Barisan Alternatif (BA) yang telah dimeterai secara rasmi pada 3 Ogos 1999. Kerjasama politik ini telah membuka lembaran baharu kepada PAS kerana ia menjangkau pilihan raya dengan memberi tumpuan kepada isu dan kepentingan bersama serta buat pertama parti itu mengadakan kerjasama dengan Parti Tindakan Demokratik atau DAP. Kerjasama politik PAS berkembang dengan penubuhan Kelab Penyokong PAS (KPP), Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dan Pakatan Rakyat (PR) yang berlangsung dalam tempoh kajian. Tahun 2015 dipilih sebagai

tempoh akhir kajian kerana pada tahun tersebut, kerjasama politik PAS dalam Pakatan Rakyat telah berakhir.

Kedua, penting untuk dinyatakan di sini bahawa kajian ini hanya melihat kepada kerjasama politik PAS daripada konteks pakatan isu dan kepentingan umum. Ini bermakna, kajian ini tidak memberi fokus kepada kerjasama dalam bentuk lain seperti pakatan pilihan raya. Dalam kata lain, kajian ini tidak membincangkan kerjasama politik PAS dalam konteks pilihan raya seperti isu pengagihan kerusi, penamaan calon dan kempen pilihan raya. Sebaliknya, tumpuan akan diberikan kepada kerjasama PAS dalam isu dan kepentingan bersama yang disepakati yang melibatkan perbincangan tentang konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai pendekatan PAS dalam kerjasama politik dan dasar bersama yang menjadi dokumen asas dalam pakatan isu dan kepentingan bersama.

Kajian Literatur

Perbincangan tentang kerjasama politik PAS sememangnya ada disentuh dalam kajian terdahulu dan telah memberi sumbangan dan nilai yang tersendiri. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membolehkan kerjasama politik PAS digambarkan secara tepat kerana mempunyai beberapa kekangan dan batasan tertentu atas beberapa faktor yang dikenalpasti. Pertama, kajian mengenai kerjasama politik PAS tidak memberi tumpuan dan perincian terhadap konsep *Tahaluf Siyasi*. Hal ini tidak sewajarnya berlaku kerana PAS sebagai sebuah parti siasah, dakwah dan tarbiah, perlu terikat dan mematuhi konsep *Tahaluf Siyasi* agar kerjasama politik mereka tidak bercanggah dengan matlamat dan dasar asal perjuangan parti. Tambahan pula, kerjasama politik yang dijayakan oleh PAS mesti bermatlamatkan kemenangan Islam dan bukan kemenangan politik semata-mata. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai

kerjasama politik PAS tanpa memperinci dan menghubungkannya dengan konsep *Tahaluf Siyasi* tidak akan dapat menjawab persoalan terhadap implikasi, pergelutan dan kemelut yang dihadapi oleh PAS secara adil dan jujur.

Kedua, kajian sebelum ini didapati tidak membincangkan perkembangan mutakhir kerjasama politik PAS khususnya dalam konteks Pakatan Rakyat (PR) yang dibentuk pada 2008 dan berakhir pada 2015. Selain itu, kajian sebelum ini juga tidak banyak membincangkan tentang kerjasama politik PAS dengan kumpulan bukan Islam menerusi Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), sedangkan ia adalah satu kerjasama politik PAS yang penting dan signifikan untuk dikaji dan diperhalusi. Justeru, tanpa perbincangan kerjasama politik dalam konteks PR, KPP dan DHPP, kajian tidak dapat menjelaskan perkembangan kerjasama politik PAS secara holistik dan komprehensif. Lebih-lebih lagi, banyak perkembangan, perubahan dan cabaran baharu yang berlaku tidak timbul semasa kerjasama politik terdahulu.

Ketiga, perbincangan tentang kerjasama politik PAS didapati tidak menjadi fokus utama dalam kajian sebaliknya menjadi sebahagian kecil daripada perbincangan secara keseluruhan. Justeru, perbincangan tentang kerjasama politik PAS tidak dibuat secara mendalam dan jitu kerana ia hanya disentuh secara ringkas atau sepintas lalu dalam bab dan aspek tertentu sahaja. Sebagai contoh, kajian terhadap sejarah perkembangan PAS atau pemimpin PAS yang lebih diberi fokus kepada ketokohan dan kepimpinan politiknya didapati tidak banyak menyentuh aspek kerjasama politik PAS termasuk peranan yang sewajarnya dimainkan. Hal ini sekaligus tidak memberi kefahaman seterusnya penilaian yang tepat terhadap satu-satu kerjasama politik yang dijayakan oleh PAS.

Keeempat, terdapat kajian tentang kerjasama politik PAS tetapi ia dikemukakan dalam kerangka perbincangan perspektif parti lain. Sebagai contoh, kajian yang membincangkan tentang kerjasama politik oleh DAP tetapi turut menyelitkan perbincangan berkaitan peranan PAS. Faktor ini sebenarnya tidak membantu memahami kerjasama politik PAS dalam konteks sebenar kerana ia dibayangi oleh peranan parti lain yang menjadi fokus kajian selain perbincangan berkemungkinan berat sebelah oleh pengkaji. Kelima, kajian sebelum ini didapati tidak banyak mengengahkan temubual dan pandangan pemimpin dalam PAS untuk menjelaskan tentang konsep *Tahaluf Siyasi* dan pendekatan yang diambil dalam menjayakan kerjasama politik PAS. Sedangkan, pandangan tersebut amat penting untuk dijadikan sumber kajian dan perbincangan yang boleh merungkaikan persoalan di sebalik kerjasama politik PAS. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kelima-lima faktor di atas, kajian ini cuba memenuhi jurang atau *gap* yang ditinggalkan oleh kajian-kajian terdahulu. Dalam kata lain, kajian yang diusahakan ini sangat penting bagi memperhalusi dan membincangkan kerjasama politik PAS secara lebih komprehensif dan jitu dengan mengambil kira perkembangan terbaharu yang merujuk kepada tempoh kajian, iaitu dari 1999 hingga 2015 selain penggunaan kaedah sejarah lisan dan dokumen konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai hujah dan sandaran utama.

Lima penulisan di bawah melihat kepada aspek sejarah PAS khususnya dalam konteks kerjasama politik. Buku “Islam Embedded: The Historical of the Pan-Malaysia Islamic Party PAS (1951-2003)” oleh Farish Noor yang dikeluarkan dalam bentuk dua *Volume*, iaitu *Volume 1* membincangkan tentang sejarah perkembangan Pas, termasuk kerjasama politik PAS mulai 1951 hingga 1982 manakala *Volume 2* dari 1983 hingga 2003. Sebuah buku beliau yang lain ialah “The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation”. Kedua-dua buah buku ini mempunyai banyak

persamaan dari segi gaya persembahan dalam memperihal sejarah perkembangan PAS sejak penubuhannya. Walau bagaimanapun, buku ini didapati mempunyai beberapa kelemahan, iaitu tidak membincangkan atau memberi fokus mengenai kerjasama politik PAS secara jitu dan tepat. Tidak dinafikan, perbincangan mengenai kerjasama politik sememangnya ada disentuh tetapi secara terpisah mengikut era atau tempoh masa. Paling penting dinyatakan di sini ialah dalam membincangkan tentang cabaran dalam kerjasama politik PAS, kedua-dua buku ini tidak menggunakan sejarah lisan sebagai kaedah utama selain konsep *Tahaluf Siyasi* dalam memperjelas kedudukan PAS dalam kerjasama politik. Justeru, kedua-dua buku ini didapati tidak membolehkan kerjasama politik PAS digambarkan secara tepat kerana mempunyai beberapa kekangan dan batasan seperti yang dijelaskan.

Buku “PAS’ Platform: Development and Change 1951-1986” oleh Alias Mohamed menjadi antara rujukan utama dalam membincangkan tentang sejarah perkembangan PAS termasuk kerjasama politik sejak penubuhannya di negara ini. Buku ini adalah edisi semakan daripada kajian tesis penulis di peringkat Ijazah Kedoktoran di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM). Selain sejarah perkembangan, buku ini turut memberi tumpuan kepada perubahan yang berlaku dalam PAS dan ini termasuk kerjasama politik yang dijayakannya dengan UMNO melalui Kerajaan Campuran, Barisan Nasional (BN) dan *Chinese Consultative Council* (CCC). Walau bagaimanapun, buku ini secara keseluruhannya tidak memberi fokus utama kepada kerjasama politik PAS. Malah, perbincangan tentang kerjasama politik PAS yang disediakan adalah terhad dan hanya menyentuh perkembangan yang berlaku dalam tempoh kajian antara 1951 hingga 1986.

Satu perkara penting yang perlu dinyatakan di sinilah adalah konsep *Tahaluf Siyasi* tidak disentuh dalam buku ini. Hal ini boleh difahami kerana konsep *Tahaluf Siyasi* sememangnya belum lagi diperkenalkan sewaktu PAS mengadakan kerjasama dengan UMNO melalui Kerajaan Campuran dan BN. Konsep *Tahaluf Siyasi* hanya mula dibincang secara serius pada 1986 apabila PAS mahu bekerjasama dengan kumpulan bukan Islam melalui CCC. Justeru, boleh dirumuskan bahawa buku ini tidak dapat menyediakan perbincangan secara khusus dan mendalam mengenai kerjasama politik PAS, apatahlagi konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi tunjang dan pendekatan PAS dalam kerjasama politik tidak sama sekali dibincangkan.

Artikel bertajuk “Blood, Sweat and Jihad: The Radicalization of the Political Discourse of the Pan-Malaysia Islamic Party (PAS) from 1982 Onwards”, oleh Farish A. Noor dalam *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Studies*, menyentuh tentang pendekatan radikalisme yang diambil oleh PAS di bawah kepimpinan ulamak yang bermula pada 1982. Artikel ini menyerlahkan faktor yang menyebabkan PAS mengambil pendekatan radikalisme seperti pengukuhan identiti sebagai parti yang memperjuangkan agama Islam secara tegas bagi menyaingi parti pemerintah, iaitu UMNO. PAS percaya bahawa dengan pendekatan yang radikal ini, ia boleh menjadi alternatif kepada pembawaan Islam UMNO yang moderat. Pada masa yang sama, PAS juga perlu melihat realiti politik dengan mengambil kira perkembangan politik pasca 1998 yang telah mengundang wacana politik baharu berasaskan demokrasi dan perubahan sosial. Walau bagaimanapun, keperluan PAS mengadaptasi dengan realiti politik yang baharu ini, termasuk keperluan bekerjasama dengan parti pembangkang dan menggunakan pendekatan toleran, demokratik dan inklusif tidak diperjelas oleh penulis dalam artikel ini.

Selain itu, tesis kedoktoran ‘PAS dalam Era Kepimpinan Ulama’: 1982-2004’ oleh Kamarul Zaman Haji Yusuff, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dianggap antara tesis paling lengkap dalam membincangkan tentang sejarah politik PAS dengan menggunakan sumber utama seperti dokumen dan minit mesyuarat parti secara komprehensif. Tesis ini memberi fokus kepada perbincangan mengenai kepimpinan ulamak antara tempoh 1982 hingga 2004. Pada masa yang sama, kajian ini turut membincangkan tentang kerjasama politik PAS yang berlaku dalam tempoh kepimpinan ulamak seperti *Chinese Consultative Council* (CCC), Harakah Keadilan Rakyat (HAK), Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Barisan Alternatif (BA). Sehubungan dengan itu, kajian ini didapati tidak menumpukan perbincangan tentang perkembangan kerjasama politik PAS mutakhir, iaitu selepas 2004. Sedangkan, banyak perkembangan yang signifikan berlaku dalam kerjasama politik PAS selepas 2004 seperti penubuhan Pakatan Rakyat (PR), Kelab Penyokong PAS (KPP), Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). Perkembangan mutakhir ini penting untuk menilai dan merumuskan penyertaan PAS dalam kerjasama politik secara lebih tepat dan jitu.

Selain membincangkan tentang sejarah perkembangan PAS dan kerjasama politik, lima penulisan ini pula membincangkan tentang proses, cabaran dan konflik sepanjang kerjasama politik PAS. Artikel bertajuk “Crises of Identity in PAS and Beyond: Islam and Politics in Post 8 March Malaysia” oleh Kikue Hamayatsu dalam *The Round Table, Journal Commonwealth Journal of International Affairs* membincangkan tentang polemik yang dihadapi oleh PAS, iaitu krisis identiti dalam meneruskan kerjasama politik khususnya selepas Pilihan Raya Umum ke-12 pada 2008. Beliau membangkitkan persoalan tentang bagaimana PAS berusaha mempertahankan dasar perjuangan Islam sehingga timbul usaha ‘Kerajaan Perpaduan’ bersama UMNO sebagai benteng kepada perjuangan bersama oleh pakatan pembangkang. Perkembangan ini juga turut

memperakukan usaha Islamisasi oleh UMNO dalam memperkenalkan Islam secara moderat dan sederhana sehingga memberi impak kepada kesedaran Islam dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini. Artikel ini amat baik bagi memahami dilema yang berlaku oleh PAS khususnya selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum ke-12 pada 2008 dalam mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti, namun ia hanya memberi fokus kepada pergelutan dan kemelut pakatan pembangkang dalam tempoh selepas Pilihan Raya Umum 2008.

Artikel bertajuk “PAS Politics: Defining an Islamic State” oleh Liew Chin Tong dalam buku *Politics in Malaysia: The Malay Dimension*, membincangkan tentang usaha PAS untuk menguruskan isu dan polemik Negara Islam dalam tempoh selepas berakhirnya Barisan Alternatif (BA) pada 2001 sehingga menjelang Pilihan Raya Umum ke-11 pada 2004. Kajian ini juga mendapati PAS telah berusaha menyediakan Memorandum Negara Islam pada 2003 tanpa kerjasama parti pembangkang yang lain bagi menjelaskan isu dan polemik Negara Islam. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya memberi fokus kepada polemik Negara Islam sahaja dalam keadaan PAS pada ketika itu tidak lagi berada dalam kerjasama politik khususnya bersama DAP. Hal ini tidak membantu menilai isu dan cabaran yang berlaku sewaktu PAS mengadakan kerjasama politik dengan parti pembangkang yang lain.

Tesis kedoktoran oleh Mazlan Ali yang bertajuk ‘Faktor dan Isu Kemenangan Parti-parti Pembangkang di Kuala Lumpur dalam Pilihan Raya Umum ke-12, 2008’, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya turut membincangkan tentang kerjasama politik PAS bagi menghadapi Pilihan raya Umum 2008. Selain PAS, kajian ini membincangkan tentang peranan parti lain dalam pakatan pembangkang seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) serta isu

pilihan raya yang membabitkan parti-parti berkenaan. Bagaimanapun, kajian ini tidak memberi fokus utama kepada peranan PAS dalam kerjasama politik kerana ia juga membincangkan peranan parti lain seperti PKR dan DAP. Dalam kata lain, kerjasama politik PAS tidak dibincangkan secara mendalam dalam kajian ini. Tambahan pula, perbincangan tentang kerjasama politik PAS dalam kajian tersebut hanya dalam tempoh berlangsungnya Pilihan Raya Umum 2008 sahaja. Begitu juga tesis oleh Ismail Yusoff yang bertajuk ‘Pemikiran dan Perjuangan Islam dan Politik Nik Abdul Aziz Nik Mat 1964-2004’, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Kajian ini membincangkan secara mendalam tentang ketokohan mantan Mursyidul ‘Am PAS dan Menteri Besar Kelantan, Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pemimpin politik dan agama Islam. Bagaimanapun kajian ini tidak membincangkan secara mendalam tentang kerjasama politik yang dijayakan oleh PAS sewaktu tokoh masih hidup.

Tesis kedoktoran oleh Shahrudin Badaruddin, bertajuk ‘Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia: Kajian Terhadap Pendekatan Perjuangan Pertubuhan Berlandaskan Islam, 1981-2008’, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya turut menyentuh tentang PAS dalam konteks penyertaan parti itu dalam proses demokrasi di Malaysia. Selain PAS, kajian ini turut membincangkan pertubuhan berlandaskan Islam yang lain seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Jema’ah Islah Malaysia (JIM). Tesis ini juga tidak memberi tumpuan yang khusus tentang perbincangan kerjasama politik PAS secara komprehensif kerana ia lebih memfokus perubahan pemikiran politik Islam oleh pertubuhan berlandaskan Islam yang lain dari sudut persaingan dalam proses demokrasi melalui pilihan raya. Selain itu, tesis bertajuk “Islam dan Politik dalam Proses Demokrasi: Kajian Perbandingan PKS di Indonesia dan PAS di Malaysia, 1999-2009”, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains

Sosial, Universiti Malaya oleh Hasanudin Daud pula membuat perbandingan antara PAS dan PKS dalam konteks latar belakang ideologi, struktur dan strategi. Kajian ini juga tidak memberi fokus utama kepada perbincangan kerjasama politik PAS kerana banyak menyentuh tentang persoalan ideologi, struktur dan strategi PAS dan PKS dalam konteks penglibatan Islam dalam proses politik melalui demokrasi di Malaysia dan Indonesia.

Terdapat kajian tentang kerjasama politik parti lain yang turut menyentuh tentang peranan PAS. Disertasi sarjana oleh Andy Mickey Choong Tek Choy bertajuk 'Democratic Action Party of Malaysia and the Politics of Opposition Coalition Building' memberi fokus utama kepada peranan DAP dalam kerjasama politik di Malaysia. Kajian ini ada menyentuh tentang peranan dan penyertaan PAS dalam kerjasama politik. Bagaimanapun, perbincangan mengenai peranan dan penyertaan PAS amat terhad dan pengkaji cenderung melihat PAS secara negatif dengan mendakwa PAS banyak menimbulkan masalah dalam kerjasama politik. Kajian ini juga mendapati DAP merendahkan keupayaan PAS sebagai rakan parti pembangkang sedangkan di awal kerjasama politik dalam kebangkitan reformasi, pengaruh dan sumbangan PAS tidak dapat disangkal.

Selain membincangkan tentang sejarah perkembangan PAS dan proses serta canbaran dan krisis yang dihadapi oleh PAS dalam tempoh kerjasama politik, dua penulisan ini memberi fokus kepada evolusi dan perubahan PAS, iaitu impak daripada penyertaan PAS dalam kerjasama politik. Hal ini dapat dilihat melalui buku yang ditulis oleh Mujahid Yusuf Rawa, iaitu "Menuju PAS Baharu: Krisis, Peluang dan Dinamisme" dan "Rejuvenasi PAS: Idea Realiti Aplikasi ke arah Aspirasi Massa". Kedua-dua buku ini menggunakan sebahagian daripada dapatan tesis kedoktoran penulis yang bertajuk

“Konflik Organisasi dalam Parti Politik Islam dan Kesannya Terhadap Perubahan Organisasi: Kajian Parti Islam SeMalaysia (PAS) Melaka”. Buku ini memperhalusi tentang keperluan PAS untuk berubah dan memugar pendekatan mereka seiring dengan perkembangan dan tuntutan sezaman.

Secara lebih tepat, Mujahid cuba memperkenalkan hala tuju baharu PAS melalui Leluk Ketiga yang mendesak PAS agar menjadi sebuah parti nasional, mengadaptasi organisasi bercirikan nasional, parti yang bersifat pelbagai kaum, kepimpinan inklusif dan pemerksaan sumber manusia parti. Hala tuju baharu ini juga menekankan cabaran PAS dalam menjayakan kerjasama politik yang merentasi ideologi bersama PKR dan DAP dalam Pakatan Rakyat. Walau bagaimanapun, buku ini mempunyai kekangan dan kelemahan apabila ia tidak memberi perhatian kepada keperluan PAS untuk patuh dengan konsep *Tahaluf Siyasi*, sedangkan konsep tersebut perlu dipatuhi bagi memandu PAS dalam menjayakan kerjasama politik. Sebaliknya, penulis lebih berminat untuk membincangkan tentang apa yang PAS harus lakukan untuk menjadi sebuah parti yang mempunyai hala tuju baharu. Selain itu, cabaran PAS untuk menjayakan kerjasama politik dan pada masa yang sama, mempertahankan dasar asal perjuangannya tidak dijawab dan dibiarkan tanpa satu jawapan serta penjelasan yang jitu.

Kaedah dan Sumber Penyelidikan

Pada asasnya, kajian ini banyak menggunakan data-data yang diperolehi daripada sumber utama, iaitu dokumen dan hasil temubual pengkaji bersama beberapa pemimpin dan bekas pemimpin utama PAS. Kaedah temubual atau sejarah lisan adalah satu kaedah pendokumentasian yang dilakukan secara sistematis bagi mengumpul, menyelamatkan, menyimpan dan menyebarkan segala keterangan lisan. Sehubungan

dengan itu, kaedah sejarah lisan ini menjadi tunjang kepada kaedah penyelidikan ini. Menurut Nadzan Haron, kaedah sejarah lisan ini mempunyai tujuh kepentingan, iaitu pertama; mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber tertulis dan sebagai sumber tambahan untuk melengkapkan kajian yang mendalam dan mantap, kedua; berperanan sebagai penyelamat dan menyediakan maklumat sejarah yang mungkin tidak dapat diperolehi oleh pengkaji akan datang, ketiga; memberi orang ramai peluang untuk mentafsirkan peranan mereka demi mencari kebenaran dalam sejarah, keempat; menghasilkan sumber yang istimewa kerana dapat menyelami emosi pelaku dalam peristiwa yang dialami, kelima; alternatif kepada memoir dan autobiografi, keenam; merakam dan menyelamatkan tradisi ilmu yang semakin hilang dan ketujuh; mempelbagaikan sumber dalam usaha memahami dan memelihara warisan negara.³⁹

Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah sejarah lisan yang melibatkan temubual dalam kalangan pemimpin utama PAS. Adalah penting disebut di sini bahawa hasil temubual ini membawa pandangan beberapa pemimpin yang tidak diketengahkan sebelum ini. Pandangan tokoh yang ditemubual adalah mencukupi untuk menjawab dan seterusnya melengkapkan kajian. Mereka adalah bekas Naib Presiden PAS, Dato' Husam Musa⁴⁰, bekas Setiausaha PAS, Dato' Mustafa Ali, Naib Presiden PAS⁴¹, Dato' Ir. Iskandar Abdul Samad⁴², Timbalan Ketua Dewan Ulamak PAS, Dato' Dr. Nik

³⁹ Nadzan Haron. 2012. *Panduan Penyelidikan dan Pendokumentasian Sejarah Lisan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 84-92.

⁴⁰ Dato' Husam Musa pernah dilantik sebagai Setiausaha Akhbar kepada YAB. Menteri Besar Kelantan dan Pengerusi Jawatankuasa Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan, Kerajaan Negeri Kelantan. Pada 30 Ogos 2016, beliau telah menyertai Parti Amanah Negara (AMANAH) dalam satu majlis yang diadakan di Putrajaya. Sebelum itu, beliau telah dipecat daripada PAS pada 23 April 2016. Jawatankuasa Tatatertib PAS mendapati Husam telah melakukan tindakan dan perbuatan yang bersalahan dengan Fasal 82(1)(b), (c), (d), (e) dan (f), Perlembagaan PAS.

⁴¹ Dato' Mustafa Ali kini berperanan sebagai Pengarah Jabatan Pilihan Raya PAS. Beliau pernah memegang jawatan penting dalam PAS, iaitu Setiausaha Agung PAS, Naib Presiden PAS dan Ketua Pemuda PAS. Beliau merupakan pemimpin PAS yang mempunyai banyak pengalaman dalam sewaktu PAS menjayakan kerjasama politik, khususnya sewaktu PAS bekerjasama dengan UMNO dalam Perikatan dan menyertai Barisan Nasional (BN). Sewaktu PAS dalam Kerajaan Campuran dan menyertai BN, beliau pernah diberikan jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia pada tahun 1974 sehingga tahun 1977. Selain itu, Mustafa pernah dilantik menjadi Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada awal tahun 1977 sehingga November 1977.

⁴² Dato' Ir. Iskandar Abdul Samad juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Selangor. Beliau telah memenangi jawatan Naib Presiden PAS semasa pemilihan dalam Muktamar Tahunan PAS tahun 2015.

Muhammad Zawawi Nik Salleh⁴³, Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa⁴⁴, Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, bekas Timbalan Presiden PAS, Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa⁴⁵, bekas Naib Presiden PAS, Dato' Nakhaei Ahmad⁴⁶, bekas Pesuruhjaya PAS Selangor, Dato' Dr. Hassan Mohamed Ali⁴⁷, bekas Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), Hu Pang Chow⁴⁸, Pengerusi DHPP, Balasubramanian A/L Nachiappan⁴⁹, dan Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Mohd Zuhdi Marzuki. Selain pemimpin dan mantan pemimpin PAS, kajian ini juga menggunakan hasil temubual bersama mantan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Tun Abdullah Ahmad Badawi.⁵⁰

Selain temubual, kajian ini menggunakan dokumen asal PAS seperti Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat, siri Munaqasyah Ucapan Presiden Dasar PAS, Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS, Ucapan Presiden PAS dalam Konvensyen Barisan Alternatif

⁴³ Dato' Dr. Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh adalah antara pemimpin PAS yang bertanggungjawab menyediakan kertas kerja bertajuk "*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*" pada 2010. Sebelum memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Dewan Ulamak PAS, beliau pernah diberi tanggungjawab sebagai Ketua Penerangan Dewan Ulamak PAS Pusat, Ketua Penerangan Badan Perhubungan PAS Negeri, Terengganu dan Naib Ketua Dewan Ulamak PAS Negeri Terengganu.

⁴⁴ Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa telah menyertai Parti Amanah Negara (AMANAH) dan kini memegang jawatan Naib Presiden parti tersebut. Sewaktu dalam PAS, beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Lajnah Perpaduan dan menjadi penggerak utama menghubungkan PAS dengan kumpulan bukan Islam melalui penubuhan Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). Beliau merupakan anak kepada mantan Yang Dipertua PAS, Tuan Haji Yusuf Rawa.

⁴⁵ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa dilantik oleh kerajaan sebagai Ketua Pengarah Eksekutif, Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) menggantikan Dato' Saifuddin Abdullah yang menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR). Beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung dan kemudiannya Timbalan Presiden PAS. Beliau gagal mempertahankan jawatan nombor dua PAS apabila tewas kepada Mohamad Sabu. Sebelum memegang jawatan penting dalam PAS, beliau merupakan pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Beliau merupakan Ahli Parlimen Yan (1999-2004) dan Bachok (2004-2008).

⁴⁶ Dato' Nakhaei Ahmad kini memegang jawatan sebagai Naib Yang DiPertua 4, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Beliau pernah memegang jawatan sebagai Naib Presiden PAS dan menjadi tokoh utama PAS dalam memperkenalkan konsep *Tahaluf Siyasi*. Beliau pernah menyediakan kertas konsep *Tahaluf Siyasi* yang bertajuk Kertas kerja "Cadangan Mengadakan Satu *Tahaluf Siyasi* dengan Golongan Pembangkang untuk Menghancurkan dan Menentang Kezaliman BN" pada 13 Julai 1986.

⁴⁷ Dato' Dr. Hassan Mohamed Ali kini memegang jawatan sebagai Presiden Pertubuhan Jalur Tiga (JATI). Sewaktu dalam PAS, beliau pernah dipilih ke jawatan Naib Presiden PAS pada 2001 dan dilantik sebagai Pesuruhjaya PAS Selangor pada tahun yang sama. Beliau dipecat sebagai ahli parti pada 8 Januari 2012 kerana tindakan beliau yang menyalahi dan merugikan kepentingan PAS seperti yang terkandung dalam perlembagaan parti. Dalam Pilihan Raya Umum 1999, beliau memenangi kerusi Parlimen Parit dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Burung. Bagaimanapun beliau gagal mempertahankan dua kerusi tersebut dalam Pilihan Raya Umum 2004. Dalam Pilihan Raya Umum 2008, beliau memenangi kawasan DUN Gombak Setia dan diberikan jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco) dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

⁴⁸ Hu Pang Chaw telah menyertai Parti Amanah Negara (Amanah) dan diberikan jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa. Beliau pernah bertanding atas tiket PAS bagi kawasan Parlimen Ayer Hitam, Johor dalam Pilihan Raya Umum 2013. Bagaimanapun, beliau tewas kepada calon BN, iaitu Wee Ka Siong dengan perbezaan undi sebanyak 7,310 undi.

⁴⁹ Balasubramanian A/L Nachiappan berasal dari Benta, Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur. Beliau menyertai Kelab Penyokong PAS (KPP) pada 2004 dan mengetuai kaum India dalam sayap bukan Islam PAS sehinggalah tertubuhnya DHPP. Sebelum dilantik sebagai Pengerusi DHPP pada 10 Mei 2014, beliau berperanan sebagai Timbalan Pengerusi DHPP dan Ketua KPP Kaum India.

⁵⁰ Tun Abdullah Ahmad Badawi adalah Perdana Menteri kelima dan Presiden UMNO keenam. Beliau dilantik ke jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003 dan melepaskan jawatan tersebut pada 3 April 2009. Tun Abdullah menjadi pemimpin utama UMNO dalam usaha mewujudkan kerjasama antara UMNO dan PAS selepas Pilihan Raya Umum 2008, tetapi usaha beliau tidak dapat diteruskan apabila meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Beliau telah digantikan dengan YAB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak.

dan Pakatan Rakyat, manifesto pilihan raya, Dasar Bersama Pakatan Rakyat dan buletin parti. Kajian ini juga menggunakan akhbar rasmi PAS, iaitu *Harakah* dan suara rasmi parti lain yang menjadi rakan dalam pakatan pembangkang seperti *Suara Keadilan* (PKR) dan *Roket* (DAP). Selain itu, kajian ini turut menggunakan akhbar tabloid yang jarang diketengahkan, iaitu *Eksklusif*, yang menjadi media alternatif semasa bermulanya gerakan reformasi pada tahun 1999. Akhbar ini banyak melaporkan perkembangan awal kerjasama politik antara parti pembangkang. Meskipun jangka hayat akhbar ini pendek, iaitu hanya diterbitkan sebanyak 52 keluaran sahaja ekoran permit penerbitan yang tidak dapat diperbaharui, ia banyak membantu kajian dalam memberikan data dan maklumat berkaitan perkembangan awal kerjasama politik PAS dalam GERAK dan Barisan Alternatif.

Selain itu, data-data daripada sumber seperti buku, jurnal, majalah dan surat khabar yang diterbitkan juga digunakan. Bahan-bahan yang tidak diterbitkan seperti disertasi, kertas kerja seminar dan persidangan juga adalah sumber maklumat yang penting dalam kajian ini. Terdapat banyak bahan yang bersesuaian yang bukan sahaja tentang perkembangan politik di Malaysia tetapi juga bahan yang berkaitan dengan kerjasama politik di Arkib Negara dan perpustakaan di universiti tempatan seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan Peringatan Za'ba di Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tun Seri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia (USM).

Selain daripada data-data sekunder yang diperolehi daripada perpustakaan, pusat-pusat sumber di ibu pejabat parti-parti politik yang terlibat secara langsung dalam kerjasama politik dengan PAS juga akan dimanfaatkan. Ini penting kerana ia membekalkan

sebahagian data primer yang berguna dan relevan dalam kajian ini seperti manifesto pilihan raya, koleksi teks ucapan pemimpin-pemimpin parti politik, laporan tahunan parti, laporan perhimpunan parti, minit mesyuarat parti dan sebagainya.

Pembahagian Bab

Bab pertama adalah pendahuluan kepada tesis ini akan menjelaskan secara berstruktur tentang persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian literatur, kaedah dan sumber penyelidikan dan seterusnya pembahagian bab.

Bab kedua akan membincangkan latar belakang kerjasama politik PAS sejak kemerdekaan sehingga 1998, iaitu tempoh sebelum kajian. Ia melibatkan kerjasama PAS dengan Parti Negara (PN), kerjasama PAS dengan UMNO/Perikatan dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional, kerjasama PAS dalam *Consultative Chinese Council* (CCC) dan kerjasama PAS dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Bab ini memperlihatkan kerjasama politik PAS telah melewati pelbagai tahap sama ada bekerjasama dengan parti pembangkang yang lain, parti pemerintah dan kumpulan bukan Islam. Kerjasama politik PAS dalam tempoh ini banyak memberi fokus kepada kepentingan Melayu dan Islam apabila ia memperlihatkan kesanggupan PAS untuk bersama UMNO dalam kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional demi memelihara perpaduan dan masa depan orang Melayu. Selain itu, bab ini akan membincangkan kerjasama politik PAS dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) bersama Parti Semangat Melayu 46 (PSM46), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) dan Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM). Kerjasama politik PAS ini juga melibatkan soal kepentingan Melayu dan Islam apabila APU ditubuhkan bertujuan mewujudkan

blok kepimpinan Melayu dan Islam agar dapat menjadi alternatif kepada UMNO dan Barisan Nasional.

Bab ketiga akan membincangkan konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi pendekatan PAS dalam menjayakan kerjasama politik. Konsep *Tahaluf Siyasi* penting untuk menentukan kerjasama politik PAS berjalan selari dengan kehendak dan kepentingan parti. Lebih penting, konsep dan garis panduan *Tahaluf Siyasi* ini juga menjelaskan hasrat PAS bagaimana kerjasama politik mereka sewajarnya berlaku. Perbincangan juga akan diperkukuhkan lagi dengan pandangan beberapa pemimpin utama PAS hasil ditemubual oleh pengkaji. Penggunaan dua sumber utama, iaitu dokumen kertas kerja dan temubual pimpinan parti memperakukan bahawa PAS mempunyai konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai pendekatan yang memandu kerjasama politik khususnya dalam mempertahankan prinsip asal dan agenda perjuangan parti.

Bab keempat akan memperhalusi perkembangan pembentukan kerjasama politik PAS. Ia yang meliputi latar belakang, faktor dan isu yang mendorong kepada pembentukan pakatan. Ini penting bagi memahami bagaimana kerjasama politik PAS dijayakan sehingga mencatat beberapa pencapaian dan kemajuan penting. Dalam tempoh dari tahun 1999 hingga 2015, PAS telah meneruskan pendekatan mengadakan kerjasama politik sama ada dalam konteks antara parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahupun intra parti, iaitu melibatkan kumpulan bukan Islam yang bergerak dalam organisasinya. Kerjasama politik PAS dalam tempoh ini berlaku dalam pakatan seperti Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK), Barisan Alternatif (BA), Kelab Penyokong PAS (KPP), Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dan Pakatan Rakyat (PR).

Bab kelima akan mengkaji implikasi kerjasama politik PAS dalam konteks mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar perjuangan parti. Bab ini akan membincangkan secara mendalam ketegasan PAS untuk mempertahankan dasar perjuangan parti yang bermatlamatkan kemenangan Islam dan bukan kemenangan politik dalam pilihan raya semata-mata. Bagi menyokong perbincangan ini, bab ini akan menyentuh hubungan antara konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai pendekatan kerjasama politik PAS dengan tuntutan yang perlu dilakukan oleh parti itu untuk menjayakan kerjasama politik. Hubungan ini telah mewujudkan pergolakan melalui pertembungan kepentingan dan konflik sehingga memberi implikasi kepada masa depan kerjasama politik PAS.

Bab keenam akan mengkaji implikasi kerjasama politik dalam konteks menangani demokrasi menjangkau pilihan raya dan meneroka perjuangan merentasi kaum. Dalam menjayakan kerjasama politik melalui Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR), PAS perlu mengangkat demokrasi menjangkau pilihan raya, iaitu dengan menerima demokrasi sebagai satu budaya politik yang mengiktiraf nilai universal, pluralisme dan toleransi. Dalam konteks kerjasama dengan bukan Islam melalui penubuhan Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) pula, PAS perlu menonjolkan perjuangan untuk semua yang inklusif dan merentasi kaum. Bab ini akan membincangkan secara mendalam usaha PAS mendepani demokrasi liberal dan kepelbagaian agama selain mengurus kerjasama dengan kumpulan Islam yang memerlukan pendekatan inklusif dan terbuka.

Bab ketujuh adalah bab kesimpulan yang akan merumuskan kesemua bab terdahulu mengenai kerjasama politik PAS dalam Barisan Alternatif, Pakatan Rakyat, Kelab Penyokong PAS dan Dewan Himpunan Penyokong PAS. Ini dapat dilakukan melalui

perbincangan dan meneliti terhadap pendekatan, pembentukan, isu, cabaran dan implikasi sepanjang kerjasama politik tersebut. Apa yang jelas, kajian ini mahu menjawab persoalan sekaligus membuktikan bahawa kerjasama politik PAS dalam pakatan pembangkang dan bersama kumpulan bukan Islam dalam tempoh kajian, masih lagi bersifat '*coalition of convenience*' atau hubungan keselesaan dan belum berupaya beranjak kepada satu hubungan komitmen atau '*coalition of commitment*'.

University of Malaya

BAB 2 : LATAR BELAKANG

KERJASAMA POLITIK PAS DI MALAYSIA

Pengenalan

Kerjasama politik adalah satu strategi parti politik dalam usaha menambah sokongan bagi membolehkan mereka memenangi pilihan raya dan seterusnya menubuhkan sebuah kerajaan. Sebagai sebuah parti politik yang menyertai proses demokrasi sejak awal kemerdekaan lagi, PAS tidak ketinggalan dalam menjalin kerjasama politik dengan parti-parti politik yang lain sama ada dengan parti kerajaan mahupun sesama parti pembangkang. Bab ini bertujuan membincangkan latar belakang kerjasama politik di negara secara ringkas dan disusuli oleh kerjasama politik PAS sejak kemerdekaan sehingga 1998 secara terperinci. Sepanjang tempoh tersebut, PAS telah mengadakan kerjasama politik dengan parti pemerintah, parti pembangkang dan kumpulan bukan Islam. Ia melibatkan kerjasama politik PAS dengan Parti Negara (PN), kerjasama PAS dengan UMNO/Perikatan dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional, kerjasama PAS dalam *Consultative Chinese Council* (CCC) dan kerjasama PAS dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

Wacana Kerjasama Politik

Kerjasama politik sering melihat kepada beberapa aspek penting seperti toleransi, tawar-menawar dan berkongsi kuasa yang melibatkan kumpulan yang berbeza. Kerjasama politik yang dimaksudkan di sini ialah kerjasama yang melibatkan dua pihak atau lebih untuk mencapai tujuan dan matlamat politik. Kerjasama politik tidak semestinya antara parti politik dengan parti politik, tetapi turut melibatkan parti politik dengan pertubuhan atau organisasi yang menyokong kepada matlamat dan kepentingan bersama. Kerjasama politik boleh berlaku dalam beberapa bentuk, antaranya melalui pakatan pilihan raya seperti strategi satu lawan satu dalam pilihan raya dan pakatan isu dan kepentingan tertentu yang mengikat menjadi sebuah polisi bersama. Tujuan utama kerjasama politik adalah untuk mencapai matlamat tertentu dengan bersandarkan kepada isu atau kepentingan yang disepakati secara bersama. Selain kerjasama politik, istilah seperti permuafakatan politik, persefahaman politik, politik konsensus, politik akomodasi, setiakawan dan perkongsian kuasa turut digunakan bagi maksud yang sama.

Dalam konteks negara yang majmuk dan berbilang kaum, kerjasama politik amat penting untuk mencapai kestabilan politik. Dari segi sejarah, konsep kerjasama politik sebenarnya telah mula diaplikasi sebelum pembentukan Perikatan dan Barisan Nasional (BN) lagi, iaitu melalui penubuhan *Communities Liaison Committee* atau CLC pada 1949.⁵¹ CLC ditubuhkan oleh pihak British sebagai satu inisiatif untuk mempromosi persefahaman dan kerjasama dalam kalangan elit politik bagi mencapai konsensus nasional dan pembangunan bangsa. Penubuhan CLC sangat kritikal pada ketika itu apabila Tanah Melayu berhadapan dengan ancaman ketegangan kaum dan komunis khususnya apabila Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan pada 1948. Meskipun

⁵¹ Joseph M., Fernando. 2012. "Elite Inter-Communal Bargaining and Conflict Resolution: The Role of The Communities Liaison Committee in Malaysia, 1949-1951". *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 43 (2):280-301.

CLC adalah sebuah organisasi yang tidak rasmi, namun banyak keputusan yang dicapainya diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara kaum di Tanah Melayu. Malah, CLC dianggap sebagai pencetus kepada kemunculan konsep ‘consociational democracy’ yang seterusnya telah mencorakkan landskap politik di Malaysia.

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan konsep ‘consociational democracy’ yang memberi penekanan kepada soal perkongsian kuasa antara kaum. Menurut Lijphart, konsep *consociational* yang diperkenalkan oleh beliau, boleh menyatukan kumpulan yang bersaing dengan memberi fokus kepada kerjasama antara elit setiap segmen dalam masyarakat melalui satu gabungan politik atau *grand coalition*.⁵² Selain kerjasama elit politik, perkongsian kuasa menurut Lijphart perlu menghormati keputusan dan pandangan semua pihak (konsensus)⁵³ untuk menerima atau menolak satu-satu perkara atau *mutual veto*, mengiktiraf hak atau autonomi untuk memperjuangkan kepentingan setiap kumpulan atau *segmental autonomy* dan pengagihan sumber yang adil dan mengikut keperluan pada setiap kumpulan yang bekerjasama. Kerjasama politik menggunakan konsep *consociational* dilihat sebagai asas kepada kejayaan Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional (BN) dalam menguruskan perkongsian kuasa atau permuafakatan antara kaum. BN ditubuhkan pada 1974 dan mempunyai 13 parti komponen, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), *Malaysian Chinese Association* (MCA), *Malaysian Indian Congress* (MIC), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), *Sarawak People’s United Party* (SUPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), *People Progressive Party* (PPP), *Liberal Democratic Party* (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), *United Pasokmomogun*

⁵² A. Lijphart. 1969. Consociational Democracy. *World Politics*. The John Hopkins University Press. 21 (2), Hlm. 207-225. Sila lihat juga tulisan oleh Ian S. Lustick. 1997. Lijphart, Lakatos, and Consociationalism, *World Politics*. The John Hopkins University Press. 50 (1). Hlm. 88-117.

⁵³ A. Lijphart. 1999. *Patterns of Democracy. Government Form and Performance in Thirty Six Countries*. New Heaven, CT: Yale University Press.

Kadazandusun Murut Organization (UPKO), Parti Bersatu Sabah (PBS), *Sarawak Progressive Democratic Party* (SPDP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS).

Bagaimanapun, konsep *consociational* dikritik kerana ia dilihat lebih memberi kuasa kepada peranan elit politik, menafikan kuasa majoriti dan tidak mencerminkan perkembangan terkini politik semasa di negara. Perkongsian kuasa berasaskan perbezaan kaum didakwa tidak lagi relevan kerana banyak faktor lain perlu diambil kira seperti perbezaan kelas, politik ekonomi dan dominasi Islam dalam politik Melayu.⁵⁴ Kritikan ini membawa kepada pengenalan kepada konsep *Centripetalism* oleh Reilly yang memberi penekanan kepada pendekatan sederhana dan menjangkau faktor perkauman.⁵⁵ Konsep *Centripetalism* ini cuba dibawa dan diperjuangkan oleh pakatan pembangkang sebagai alternatif kepada perkongsian kuasa yang lebih lestari berbanding pendekatan *consociational* yang telah digagaskan oleh BN.

Selain itu, wacana kerjasama politik memberi penekanan kepada soal tempoh masa dan jangka hayat. Menurut Maurice⁵⁶, kerjasama politik boleh wujud dalam dua keadaan. Pertama, kerjasama yang tidak tersusun dan bersifat sementara. Kerjasama dalam bentuk ini kebiasaannya hanya bertujuan untuk menggantikan kerajaan yang sedia ada dalam pilihan raya. Kedua, kerjasama yang lebih tersusun dan untuk jangka masa yang lama. Pendekatan ini akan membentuk satu kerjasama politik yang kukuh umpama sebuah parti politik yang besar (*super parties*). Berbanding dengan bentuk kerjasama pertama, kerjasama kedua tidak terhenti selepas pilihan raya, sebaliknya parti-parti politik yang terlibat akan meneruskan kerjasama politik mereka. Dalam usaha untuk membezakan kerjasama politik yang bersifat sementara dan kekal, Maurice

⁵⁴ Johan Saravanamuttu. 2015. *Power Sharing Politics and the Electoral Impasses in GE 13*, Coalitions in Collision. Petaling Jaya, Strategic Information and Research Development Centre (SIRDC).

⁵⁵ Benjamin Reilly. 2006. *Democracy and Diversity: Political Engineering in the Asia Pasific*, New York: Oxford University Press.

⁵⁶ Maurice. 1967, hlm. 324.

mencadangkan agar perkataan *coalition* digunakan merujuk kepada kerjasama bersifat jangka pendek manakala *alliance* kepada kerjasama yang lebih kukuh dan bersifat jangka panjang.⁵⁷

Kerjasama politik dalam kalangan parti pembangkang masih lemah berbanding kerjasama politik dalam parti pemerintah di Malaysia. Hal ini menyebabkan parti pembangkang gagal menyaingi parti pemerintah dalam setiap kali pilihan raya umum. Menurut Kiran, parti pembangkang tidak berupaya menjadi alternatif kepada kerajaan kerana kegagalan untuk bekerjasama dan mengatasi tembok perkauman dan agama di negara.⁵⁸ Hal yang sama turut diakui oleh Keith apabila menyifatkan parti pembangkang tidak banyak berusaha untuk memecahkan tembok perkauman sekaligus muncul sebagai blok yang dapat menjadi alternatif kepada kerajaan sedia ada.⁵⁹ Perbezaan yang ketara antara parti pembangkang menjadi antara punca utama kenapa mereka gagal untuk bekerjasama dalam tempoh yang lama. Walau bagaimanapun, kerjasama politik semakin penting dan banyak diperbincangkan selepas krisis politik tanah air negara pada 1998. Krisis ini membawa kepada kerjasama politik antara parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan yang lebih kukuh untuk memperjuangkan keadilan di negara. Keupayaan parti pembangkang untuk bekerjasama dengan mendahulukan isu dan kepentingan bersama dan mengenyahkan perbezaan antara satu sama lain dilihat sebagai kemunculan pembangkang baharu di negara.⁶⁰ Kemunculan pakatan pembangkang juga dikaitkan dengan politik baharu yang tidak lagi berasaskan kaum dan kelas sebaliknya lebih berorientasikan isu dan kepentingan umum.⁶¹

⁵⁷ Ibid, hlm. 331.

⁵⁸ Kiran Kapur Datar. 1983. *Malaysia Quest for Politics of Concensus*. New Delhi: Vikas Publishing House Pvt. Ltd.

⁵⁹ Keith, Leong Yu Keen. 2012. *The Syncretic State. The Future of Pakatan Rakyat*. Kuala Lumpur: Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), hlm. 11.

⁶⁰ John, Hilley. 2001. *Malaysia: Mahathrisme, Hegemony and New Opposition*. New York: Zed Books.

⁶¹ Shamsul A.B. 1999. *The Redefinition of Politics and the Transformation of Malaysian Pluralism*. Kertas Seminar dibentangkan di Research Workshop on Southeast Asian Pluralism: Social Resources for Civility and Participation in Malaysia, Singapore and Indonesia. Ford Foundation (Jakarta/ISEC/IKMAS). Petaling Jaya, 5-6 Ogos

Kerjasama Politik PAS Era Awal Kemerdekaan

PAS wujud lanjutan daripada Perjumpaan Ulama SeMalaya Pertama anjuran UMNO di Bandar Maharani, Muar, Johor pada 21 dan 22 Februari 1950 telah menghasilkan beberapa ketetapan penting, iaitu antaranya ialah untuk menyelaraskan perjalanan hal-ehwal agama Islam di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.⁶² Perembangan itu seterusnya membawa kepada Perjumpaan Ulama SeMalaya Kali Kedua diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951 bagi membahaskan usul yang dibawa oleh Pengerusi Jawatankuasa Biro Agama UMNO, Haji Ahmad Fuad bin Hassan. Ia juga bertujuan menyelaraskan perjalanan hal-ehwal agama Islam di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, seterusnya menubuhkan Persatuan Ulama SeMalaya.⁶³

Bagi mencapai maksud di atas, dua buah jawatankuasa kecil ditubuhkan untuk dibentangkan di Perjumpaan Ulama SeMalaya yang diadakan di Pejabat UMNO, Bagan Tuan Kecil yang sekarang ini dikenali sebagai Butterworth, Pulau Pinang pada 24 November 1951.⁶⁴ Dalam Perjumpaan tersebut para perwakilan telah bersetuju menubuhkan Persatuan Islam SeMalaya (PAS) atau *Pan-Malayan Islamic Party* (PIMP) dengan tujuannya utamanya untuk “mewujudkan satu perikatan persaudaraan Islam untuk membentuk suatu tenaga bersama bagi menyelenggarakan segala tuntutan-tuntutan agama Islam dan siasah yang berdasarkan demokrasi”.⁶⁵ Di samping itu penubuhan PAS juga dilihat sebagai pertubuhan yang mengumpulkan semua ulama dalam pertubuhan untuk menjadi barisan yang kukuh untuk menentang kemungkarannya yang dilakukan oleh UMNO seperti menganjurkan loteri dan mengadakan pertunjukan

⁶² Ahmad Fawzi Basri (Pynt). 1991. *Bumi dipijak Milik Orang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 455-461; Shafie Ibrahim. 1981. *The Islamic Party of Malaysia: Its formative stages and ideology*. Pasir Putih: Nuawi Ismail. hlm. 18-19. Kamarul Zaman Haji Yusoff. 2004. PAS dalam era Mohd Asri Muda 1965-1982. Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. hlm. 105-106.

⁶³ Ibid.

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ Ibid.

funfair yang dianggap ulama mencemarkan kesucian agama Islam.⁶⁶ Cawangan PAS yang pertama ditubuhkan di Pulau Pinang oleh Ibrahim Aqibi pada 9 Mac 1952.⁶⁷ Seterusnya parti itu menubuhkan cawangan-cawangan di Kuala Kangsar, Selangor, Perlis dan Kuala Lumpur antara 28 April 1952 hingga 13 Julai 1952.

Bagi memperjuang dan mencapai dasar parti, kerjasama politik PAS antara parti politik di Malaysia bukanlah satu perkembangan yang baharu, malah ia telah wujud sebelum kemerdekaan lagi. Walau bagaimanapun, kerjasama politik ini bukanlah satu bentuk kerjasama yang berstruktur dan tersusun, sebaliknya lebih kepada satu persefahaman politik yang longgar dan bersifat jangka pendek. Kerjasama politik PAS sebelum kemerdekaan ini juga lebih berfokus kepada persefahaman dan persetujuan dalam isu-isu tertentu seperti tuntutan kemerdekaan dan sokongan PAS terhadap pelaksanaan demokrasi dan pilihan raya di Tanah Melayu. Atas semangat mahu membebaskan Tanah Melayu dari cengkaman penjajahan, PAS telah bekerjasama dengan parti-parti politik lain. Dalam hal ini, PAS telah menyertai *National Convention* anjuran UMNO dan MCA dengan menghantar wakil iaitu Mohd Asri Muda, Haji Ahmad Tuan Hussein dan Ustaz Othman Abdullah.⁶⁸ Mohd Asri menyifatkan penglibatan PAS dalam *National Convention* ini sebagai satu sejarah penting dalam kerjasama parti itu dengan parti-parti lain khususnya dalam berhadapan dengan masalah besar yang hendak diperjuangkan.⁶⁹

⁶⁶Shafie Ibrahim. 1981. *The Islamic Party of Malaysia: Its formative Stages and Ideology*. Pasir Putih: Nuawi Ismail, hlm. 18-19.

⁶⁷*Utusan Melayu*. 10 Mac 1952.

⁶⁸ Mohd Asri Muda, 1993, *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm: 41-42. Means. G. P. 1970. *Malaysian Politics*. London; Universiti of London. hlm. 143-144; Lihat juga Khom Kim Hong. 1984. *Merdeka, British Rule and the struggle for independence in Malaya 1945-1957*. Petaling Jaya: Insan. Hlm 176-190; Fail UMNO/SG 35/53; Dalam menghadapi persediaan ke arah berkerajaan sendiri, perjuangan politik tanah air dibelenggui rintangan integrasi kaum dan politik perkauman. Pembentukan masyarakat majmuk yang terasing dalam corak kehidupan kaum pasti akan mempengaruhi sistem politik dan sosial. Implikasinya, akan menjejaskan kestabilan politik yang akan dibentuk selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Oleh itu, masalah integrasi kaum adalah persoalan utama yang perlu diselesaikan dengan mewujudkan semangat perpaduan antara kaum. Dalam menghadapi kekangan ini, pemimpin-pemimpin persatuan guru-guru Melayu dan parti politik mendesak agar penyatuan kaum ini melalui sebuah badan khas bagi mencantum semua parti-parti politik Tanah Melayu dapat dilakukan. Penubuhan *National Conference* pada bulan Februari 1953 dan *National Convention* pada 23 Ogos tahun yang sama telah merealisasikan. *National Conference* dipimpin oleh Dato' Panglima Bukit Gantang (Dato' Hj. Abdul Wahab Tok Muda – Menteri Besar Perak) bersama Dato' Onn Jaafar.

⁶⁹ Lihat Means. G. P. 1970. *Malaysian Politics*. London; Universiti of London. hlm. 143-144; Lihat juga Khom Kim Hong. 1984. *Merdeka, British rule and the struggle for independence in Malaya 1945-1957*. Petaling Jaya: Insan. Hlm 176-190; Ramlah Adam, 1992. Dato' Onn Jaafar – Pengasas Kemerdekaan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 292; dan, Ibrahim Mahmud,

Dalam isu tuntutan kepada pelaksanaan demokrasi dan pilihan raya di Tanah Melayu pula, PAS telah menyertai Persidangan Kebangsaan tajaan Perikatan UMNO-MCA pada bulan Ogos dan Oktober 1953 untuk membahaskan cadangan mendesak kerajaan British mengadakan pilihan raya Persekutuan pada 1954. PAS seterusnya mengemukakan sokongan terbuka kepada rombongan Yang Dipertua UMNO, Tunku Abdul Rahman ke London pada bulan September 1953 untuk menyerahkan memorandum yang disusun oleh Jawatankuasa Persidangan Kebangsaan kepada kerajaan British menuntut supaya diadakan pilihan raya dengan seberapa segera. Ini turut menyerlahkan komitmen PAS terhadap demokrasi dan pilihan raya ketika itu.⁷⁰

Kedua-dua contoh ini secara jelas membuktikan bahawa kerjasama politik telah pun berlaku antara PAS dengan UMNO dan Perikatan dalam konteks permuafakatan isu. Memandangkan kerjasama politik ini hanya melibatkan isu-isu tertentu, ia adalah satu kerjasama yang longgar dan tidak kekal lama apabila satu-satu isu itu dapat diselesaikan atau pada akhirnya wujud perbezaan pandangan antara kedua-dua pihak. Sebagai contoh, kerjasama PAS dengan UMNO dan Perikatan dalam menuntut kemerdekaan mengundang pelbagai perbezaan pandangan khususnya dalam prinsip *Jus Soli*, iaitu memberi hak kewarganegaraan kepada kaum pendatang, hak keistimewaan orang Melayu dan kedudukan bahasa Melayu pada ketika itu. Parti itu menyifatkan Perlembagaan Tanah Melayu sebagai "will not benefit to the Malays" dan juga "hasilnya nanti akan melenyapkan dan menanggalkan hak mutlak bangsa Melayu di dalam tanah air sendiri".⁷¹

op.cit., hlm. 376; *National Convention* pula diterajui oleh Tunku Abdul Rahman. Tujuan penubuhan *National Convention* pula adalah untuk mengadakan satu gabungan parti-parti yang tidak memasuki *National Conference* di samping memintas pengaruh *National Conference* dalam politik Tanah Melayu. Penglibatan badan-badan politik dalam *National Convention* pada asasnya mencapai matlamat apabila perjuangan mereka lebih mantap dalam mengeratkan perpaduan dan persefahaman di samping menuntut agar Pilihanraya Persekutuan dipercepatkan dalam tahun 1954. Sebanyak tiga belas buah badan politik telah bersatu dalam *National Convention*, antaranya ialah MIC, Persatuan Melayu Semenanjung (PMS) dan Persatuan Islam Sa-Malaya (PAS).

⁷⁰ Mohd Izani Mohd Zain, 2005, *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, hlm: 60.

⁷¹ Wakil PAS di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Federal, dlm *Penyata Tahunan PAS 1957-1968*, hlm. 47.

Kerjasama PAS dengan Parti Negara (PN)

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957, kerjasama politik PAS diteruskan. Kerjasama politik pada ketika itu masih bersifat persefahaman politik yang tidak bertulis dengan parti-parti beraliran kiri bagi tujuan menghadapi Perikatan secara satu lawan satu dalam pilihan raya. Bekas Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi menjelaskan hal ini seperti berikut:

Bagi parti pembangkang, ia lebih *understanding* pada waktu itu, PAS dan beberapa parti beraliran kiri telah mengadakan *understanding* walaupun tidak ada *written understanding agreement*, seperti satu lawan satu, bagi menghadapi Perikatan pada waktu itu. Ini merupakan satu sejarah awal dalam konteks kerjasama politik di negara kita.⁷²

Sebelum berlangsungnya kerjasama PAS dengan Parti Negara, Yang DiPertua PAS yang pertama, iaitu Ahmad Fuad Hassan mempunyai hubungan yang baik dengan Onn Jaafar. Apabila Onn Jaafar menubuhkan Parti Negara pada 1954, PAS di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin Al-Helmy masih mengekalkan hubungan baik dengan beliau khususnya bersepakat dalam soal memperjuangkan hak orang Melayu pada ketika itu. Dalam Pilihan Raya Umum 1959, PAS telah bekerjasama dengan Parti Negara apabila bersetuju untuk tidak meletakkan calonnya, malah berkempen menyokong pencalonan Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara di kawasan Parlimen Kuala Terengganu Selatan, iaitu kawasan parlimen yang mempunyai majoriti orang Melayu yang begitu bersimpati dengan beliau dan Parti Negara.⁷³ Ini membolehkan Dato' Onn bertanding secara satu lawan satu dengan calon Perikatan Engku Mohsin bin Abdul Kadir. Hasilnya, Dato' Onn telah memenangi kerusi kawasan Parlimen Kuala Terengganu Selatan dengan meraih 7,985 undi berbanding lawannya sekadar

⁷² Temubual Penulis bersama YB. Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi pada 7 April 2014 bertempat di Pejabat Lajnah Antarabangsa, Jalan Pahang. Beliau merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Batu Burok, Terengganu. Syed Azman juga merupakan Pengerusi Lajnah Antarabangsa, PAS Pusat dan bekas Ahli Parlimen Kuala Terengganu.

⁷³ Ramlah Adam, 1994, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 384.

memperolehi 5,374 undi. Kemenangan Dato' Onn Jaafar telah membuktikan kerjasama politik antara PAS dan Parti Negara khususnya di Terengganu adalah berhasil.

Pada masa yang sama, Parti Negara telah berkompromi untuk tidak meletakkan calonnya di kawasan parlimen Terengganu yang lain bagi memastikan kemenangan calon PAS. Walau bagaimanapun, strategi itu tidak banyak membantu apabila PAS hanya memenangi tiga kerusi parlimen sahaja iaitu Parlimen Besut oleh Dr. Burhanuddin Mohd Noor, Parlimen Kuala Terengganu Utara oleh Hassan Adli Mohd Arshad dan Parlimen Dungun oleh Che Khadijah Mohd Sidik. PAS telah meletakkan 14 calon bagi kawasan parlimen dalam Pilihan Raya Umum 1959. Kerjasama politik antara PAS dan Parti Negara mulai goyah apabila PAS menolak hasrat Parti Negara untuk mewujudkan kerajaan campuran di Terengganu.

Pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) di Terengganu, PAS memenangi 13 kerusi DUN dari 24 kerusi DUN yang dipertandingkan dan boleh membentuk kerajaan dengan majoriti mudah. Parti Negara memperolehi empat kerusi DUN. PAS menolak cadangan kerajaan campuran apabila tidak bersetuju menyerahkan jawatan Exco Hal Ehwal Tanah kepada wakil rakyat Parti Negara. Kerjasama politik ini akhirnya tidak dapat diselamatkan lagi apabila tiga wakil rakyat Parti Negara telah megisytiharkan diri sebagai ahli UMNO.⁷⁴ Onn Jaafar tidak dimaklumkan akan perkembangan ini atas alasan beliau bukanlah orang tempatan.⁷⁵ Keuzuran Onn Jaafar tidak dapat membantu menjernihkan krisis politik yang berlaku sehinggalah beliau meninggal dunia pada 19 Januari 1962.

⁷⁴ *Berita Harian*, 23 Oktober 1961.

⁷⁵ Opcit, Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 402.

Selain kerjasama politik melibatkan strategi satu lawan satu dalam pilihan raya, kerjasama politik PAS juga berlaku dalam permuafakatan isu-isu tertentu khususnya di Dewan Rakyat atau Parlimen. Sebagai sebuah parti politik yang berteraskan Islam dan Melayu, isu melibatkan kepentingan orang Melayu dan hak keistimewaannya menyatukan PAS dengan Parti Negara. Dalam hal ini, PAS menyokong desakan Parti Negara agar kerajaan Perikatan lebih melindungi hak keistimewaan orang Melayu. Ini kerana menurut PAS dan Parti Negara, hak keistimewaan orang Melayu bukanlah satu yang mutlak, malah hanya satu pertimbangan yang lebih sedikit pada bidang tertentu dan pada sesetengah bidang pula, tidak ada kelebihan dengan rakyat bukan Melayu.⁷⁶

Selain itu, PAS menyokong cadangan Parti Negara agar MELAYU dijadikan nama kebangsaan bagi Tanah Melayu.⁷⁷ Pada masa yang sama, PAS bersetuju semua rakyat berbilang bangsa itu wajar dinamakan bangsa Melayu agar lambang ketuanan Melayu dapat dikekalkan. Walau bagaimanapun, kedua-dua cadangan mahupun desakan ini gagal diketengahkan dalam Parlimen kerana tidak mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Lebih-lebih lagi, isu ini amat sensitif kepada perwakilan bukan Melayu yang beranggapan ia adalah perkara yang tidak wajar berlaku dalam sebuah negara yang masyarakatnya berbilang kaum.

Secara tuntasnya, kerjasama politik PAS dengan Parti Negara tidak bertahan lama kerana ia hanyalah satu kerjasama yang longgar dan tidak mempunyai matlamat yang jelas. Kerjasama ini juga tidak menyeluruh kerana ia berlaku di Terengganu sahaja. Tambahan pula, kerjasama PAS dengan Parti Negara banyak bergantung kepada faktor elit politik, iaitu Onn Jaafar. Kematian beliau sekaligus telah melemahkan tahap kerjasama politik antara Parti Negara dengan PAS. Krisis politik di Terengganu

⁷⁶ Federation of Malaya, *Parliamentary Debates*, Dewan Rakyat, Jld. III, Bhgn. III, "Nationality of Persekutuan Tanah Melayu", 2/1/60, hlm. 5510.

⁷⁷ Federation of Malaya, *Parliamentary Debates*, Dewan Rakyat 1959, Jld. II, No. I, Ogos 1960-Disember 1960, "Nationality of the Persekutuan Tanah Melayu", 2/12/60, hlm. 3177-3178.

membuktikan kerjasama PAS dan Parti Negara amat rapuh dan kemudiannya telah dieksploitasi oleh UMNO dengan membentangkan undi tidak percaya kepada Kerajaan Negeri pimpinan PAS dengan Daud Samad sebagai Menteri Besar di DUN Terengganu.

Kerjasama PAS dan UMNO/Perikatan dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional (BN)

Kerjasama politik PAS dengan UMNO dalam Kerajaan Campuran pada 1973 dan seterusnya melalui Barisan Nasional (BN) pada 1974 bermatlamat untuk memperkukuh keselamatan negara dan perpaduan Melayu.⁷⁸ Kerjasama politik ini bertitik tolak daripada perkembangan bersejarah negara yang mempengaruhi situasi politik pada ketika itu, iaitu keputusan Pilihan Raya Umum 1969 dan tragedi 13 Mei.⁷⁹ Pilihan Raya Umum yang telah berlangsung pada 10 Mei 1969 telah memahat keputusan yang mengubah lanskap politik negara ketika itu. Meskipun Perikatan masih memenangi pilihan raya, sokongan yang diterima semakin merosot. Perikatan hanya menguasai 74 buah kerusi daripada 140 buah kerusi parlimen yang dipertandingkan, berbanding 89 buah kerusi pada 1964. Jumlah undi popular yang diperolehi Perikatan juga kurang daripada separuh jumlah pengundi secara keseluruhan iaitu 44.9 peratus di peringkat parlimen dan 45.7 peratus di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pilihan Raya Umum 1969 turut menyaksikan PAS telah muncul menjadi pembangkang kedua terbesar selepas DAP di Dewan Rakyat. Parti itu telah memenangi 12 buah kerusi

⁷⁸ Diane K. Mauzy, 1983, *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: MARICAN & SONS (Malaysia) Sdn. Bhd., hlm. 69.

⁷⁹ Konflik perkauman pasca Pilihan Raya Umum 1969 telah membawa kepada tragedi 13 Mei 1969 yang telah meragut nyawa 169 orang, 370 orang cedera, 500 bangunan rosak dan 200 buah kenderaan rosak. Ia sekaligus meningkatkan tahap krisis antara orang Melayu dan bukan Melayu khususnya orang Cina. Tragedi ini telah mengakibatkan kerajaan mengisytiharkan darurat dan menubuhkan MAGERAN (Majlis Gerakan Rakyat). Sila lihat Mustafa Ahmad, 2014, *Politik Kelantan Zaman Barisan Nasional (1974-1990)*, Tesis Doktor Falsafah di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia; Laporan Mace R. C, Colonel Read of Secretariat, Headquarters Far East Command, Phoenix Park c/o GPO Singapore bertajuk “*Special Briefing On Malaysia Disturbances Given At Phoenix Park On Thursday, 22 May 1969*” bertarikh 26 Mac 1969; Laporan Setiausaha Pertama, Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur, John L. Lander bertajuk “*Malaysia: Emergency*” kepada The Secretary Department of External Affairs, Canberra bertarikh 27 Mei 1969; Laporan Merson J. L. W. Captain, R.A.N Services Adviser, Suruhanjaya Tinggi Australia di Singapura bertajuk “*Malaysian Disturbances*” kepada The Secretary, Department of External Affairs, Canberra bertakrih 21 Mac 1971. Hlm. 3. Untuk gambaran lanjut mengenai Tragedi 13 Mei, lihat juga Tunku Abdul Rahman (1969), Goh Cheng Teik (1971), Vasil, R.K (1972), Comber, Leon (1983) dan Kua Kia Soong (2007).

parlimen berbanding 9 buah kerusi dalam Pilihan Raya Umum 1964. Melalui manifesto ‘*Undilah Bulan Bintang Untuk Keselamatan dan Keagungan Agama, Bangsa dan Tanah Air*’, PAS berjaya memenangi kerusi Parlimen di Abu Bakar Omar (Kubang Pasu Barat), Mawardi Lebai The (Kota Star Utara), Yusoff Rawa (Kota Star Selatan), Nik Abdul Aziz Nik Mat (Kelantan Hilir), Mohd Fakhruddin Abdullah (Pasir Mas Hilir), Mohd Zain Abdullah (Bachok), Mohd Asri Haji Muda (Kota Bharu Hulu), Tengku Zahid Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu), Wan Sulaiman Wan Ibrahim (Pasir Putih), Daud Samad (Kuala Terengganu Selatan), Wahab Yunus (Dungun) dan Hashim Gera (Parit).⁸⁰ PAS juga berjaya menubuhkan kerajaan di Kelantan dengan kemenangan 19 buah kerusi DUN dari 30 buah kerusi yang dipertandingkan. Jumlah ini sedikit merosot jika dibandingkan dengan pencapaian dalam Pilihan Raya Umum 1964, iaitu 21 buah kerusi. Sebaliknya, UMNO berjaya menambah pencapaian dengan 11 buah kerusi berbanding 9 buah kerusi pada 1964.⁸¹

Satu perkembangan yang membimbangkan UMNO khususnya pada ketika itu ialah kemaraan tiga buah parti yang didukung oleh bukan Melayu iaitu *Democratic Action Party* (DAP), Gerakan dan Parti Progresif Rakyat dalam Pilihan Raya Umum 1969.⁸² Ketiga-tiga buah parti ini telah mendapat sokongan besar pengundi di Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Dalam hal ini, Gerakan boleh menubuhkan kerajaan di Pulau Pinang dengan kemenangan di 16 buah kerusi DUN berbanding empat kerusi oleh Perikatan. Di Perak, jika DAP, PPP dan Gerakan berkerjasama, mereka boleh

⁸⁰ Zahari Awang.1969. Satu Tinjauan ke atas Politik Malaysia selepas Pilihan Raya 1969, Kertas Kerja Kursus Politik PAS, Siri 1, hlm: 2-5, Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak.

⁸¹ FCO 24/1153, *The new mood of realism in Malaysia Today* bertarikh 13 April 1971; Lihat juga laporan Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia: General Election Kelantan*” kepada The Secretary Department of External Affairs, Canberra bertarikh 11 April 1969; Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969.

⁸² Parti Gerakan dan DAP buat pertama kali bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1969. Gerakan telah ditubuhkan pada 24 Mac 1968 dan merupakan kesinambungan kepada Parti Demokratik Bersatu (UDP) dan Parti Buruh.

menubuhkan kerajaan negeri.⁸³ Manakala di Selangor, DAP dan Gerakan boleh menggugat Perikatan jika mereka bekerjasama. Di peringkat parlimen pula, DAP memperoleh 13 buah kerusi parlimen, Gerakan 8 buah kerusi dan Parti Progresif Rakyat empat buah kerusi.

Keputusan Pilihan Raya Umum 1969 turut diwarnai dengan isu sensitif yang melibatkan perkauman dan agama. Kemenangan DAP, Gerakan dan Parti Progresif Rakyat dalam pilihan raya 1969 telah mencetuskan dikotomi politik antara orang Melayu dan bukan Melayu apabila isu kedudukan dan hak keistimewaan orang Melayu dibangkitkan menjelang pilihan raya. Ketiga-tiga manifesto pilihan raya parti ini menjelaskan pendirian mereka agar semua kaum dilayan sama rata, adil dan saksama, iaitu Gerakan melalui manifesto “Persamaan Hak, Keadilan dan Persamaan Peluang Untuk Semua: Tujuan Kami”, DAP “Menuju Arah Malaysia Untuk Rakyat Malaysia” dan Parti Progresif Rakyat dengan manifesto “Malaysia Untuk Rakyat Malaysia”.⁸⁴ DAP misalnya telah mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu. Parti itu turut menggesa agar kerajaan tidak memberi fokus kepada satu kaum sahaja dan hegemoni kaum Melayu khususnya dalam bidang politik dan sosial perlu dihentikan.⁸⁵ Pada masa yang sama, DAP dan PPP turut berkempen agar Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil diangkat menjadi bahasa rasmi di negara. Kesemua tuntutan ini telah meresahkan masyarakat Melayu dan menimbulkan ketegangan dalam hubungan antara kaum pada ketika itu.

Perkembangan seperti yang dijelaskan ini telah memberi pengajaran dan membuka peluang kepada PAS dan UMNO untuk duduk semeja, bekerjasama dan melupakan

⁸³ Perikatan memperolehi 19 kerusi manakala Parti Progresif Rakyat mendapat 12 kerusi, DAP 6 kerusi dan Gerakan 2 kerusi. Jika digabungkan, parti pembangkang mempunyai 20 kerusi. Jumlah ini tidak dicampur kerusi yang dimenangi oleh PAS, iaitu satu kerusi.

⁸⁴ Ibid, Zahari Awang.

⁸⁵ Kiran Kapur Data, 1983, *Malaysia: Quest for a Politics of Concensus*, New Delhi: Vikas Publishing House Pvt Ltd, hlm. 33.

persengketaan selama ini demi kebaikan bersama. Ia menjadi titik utama berlakunya kerjasama politik dalam kerajaan campuran antara PAS dan UMNO/Perikatan. Sebelum ini, UMNO sanggup meminggirkan sokongan orang Melayu dalam PAS kerana lebih mengutamakan kerjasama dengan bukan Melayu. Menurut Mahathir Mohamad, UMNO sebenarnya boleh bekerjasama dengan PAS bagi mendapatkan undi Melayu, tetapi langkah ini akan meminggirkan masyarakat Cina dan India dan seterusnya boleh menjejaskan kestabilan negara.⁸⁶ Tegas Mahathir lagi, “Inilah sebab utama kenapa UMNO tidak bergabung dengan PAS untuk menentang pihak lain”.⁸⁷

Selepas krisis 1969, UMNO mengubah nada terhadap PAS apabila mengakui gagal menyatukan kesemua orang Melayu dalam UMNO dan menerima hakikat sebahagian orang Melayu menyokong PAS. Bagi UMNO, kerjasama dengan PAS amat penting bagi mencapai perpaduan orang Melayu:

Walau apa sekalipun janji yang dibuat oleh UMNO, ianya tidak dapat menarik semua orang Melayu masuk ke dalam UMNO. Sebahagian dari orang Melayu masih juga menyokong PAS. Penyatuan orang Melayu tidak dapat dicapai. Pekembar (UMNO) tidak dapat mencapai tujuan utamanya menyatupadukan orang Melayu. Kenyataan ini akhirnya diterima oleh pemimpin UMNO. Apabila kesedaran datang bahawa penyatuan orang-orang Melayu tidak semestinya bermakna penyatuan dalam UMNO; apabila disedari semula UMNO tidak wujud kerana UMNO tetapi kerana orang Melayu; maka sikap pun bertukar. Penukaran sikap inilah yang membolehkan kerjasama di antara UMNO dengan PAS; iaitu di antara orang Melayu dengan orang Melayu. Penyatuan di dalam UMNO tidak tercapai, tetapi perpaduan di kalangan orang Melayu sudah tercapai.⁸⁸

Idea kerjasama politik antara PAS dan UMNO telah membawa kepada cadangan penubuhan kerajaan campuran. Dalam hal ini, kerjasama politik dalam kerajaan

⁸⁶ Mahathir Mohamad, 2012, *Doktor Umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publications, hlm. 254-255. Krisis 1969 telah membuktikan bahawa konsep kerjasama politik dalam Perikatan yang hanya melibatkan UMNO, MCA dan MIC tidak lagi relevan. Sebaliknya, UMNO perlu memperluas rakan kongsinya kepada parti-parti politik yang lain. MCA yang kehilangan sokongan pengundi Cina telah mendesak Perikatan menghulurkan kerjasama dengan Gerakan.

⁸⁷ Ibid.

⁸⁸ Mahathir Mohamad, 1976, *Menghadapi Cabaran*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, hlm. 191.

campuran bukan sahaja dapat meredakan suhu politik negara pada ketika itu, tetapi lebih penting dapat membantu usaha kerajaan menyusun semula masyarakat yang selama ini terpisah mengikut aktiviti ekonomi kaum masing-masing. Perdana Menteri, Abdul Razak Hussain dalam ucapan dasar beliau di Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-23 pada Jun 1972 menyatakan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan perlu dibentuk demi kepentingan negara dan rakyat. Beliau menyebut:

‘Saya sungguh berbesar hati dengan adanya sikap berani dan pandangan jauh daripada para pemimpin Parti GERAKAN, PPP, SUPP, dan PAS yang sanggup meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan parti. Dengan terjalannya ikatan yang teguh ini, kita akan dapat melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat dan menyusun semula masyarakat kita supaya sanggup menghadapi cabaran’.⁸⁹

Bagi pihak PAS, kerjasama politik dengan UMNO dan Perikatan dalam kerajaan campuran adalah dialu-alukan kerana ia membawa kepada kebaikan dan faedah politik secara langsung selain menyumbang kepada parti kestabilan negara.⁹⁰ Mohd Asri berpendapat, PAS tidak boleh selamanya menjadi pembangkang kerana ia menggambarkan suatu yang negatif dan percaya banyak kelebihan jika PAS menyertai kerajaan campuran.⁹¹ Secara umum, kerjasama ini berasaskan kepada tiga faktor utama, iaitu pertama, kerjasama politik itu dapat menjamin survival kaum Melayu dan Bumiputera disamping mewujudkan perpaduan kaum dan keselamatan negara; kedua, memberi faedah langsung kepada PAS sebagai parti dalam kerajaan yang menyaksikan ahli-ahli PAS diberi jawatan dalam eksekutif kerajaan, badan-badan berkanun dan sebagainya; dan ketiga, menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan.⁹² Kerjasama dalam kerajaan campuran ini disifatkan sebagai

⁸⁹ Lihat ucapan dasar Presiden UMNO, Tun Abdul Razak Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-23 pada 24 dan 25 Jun 1972.

⁹⁰ Alias Mohamed. 1984. *PAS Platform: Development and Change: 1951-1986*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd., hlm. 121.

⁹¹ *Straits Times*, Singapore, 18 Mei 1973.

⁹² Ucapan Dasar Yang DiPertua PAS, Mohd Asri Muda dalam Muktamar PAS ke 22 bertajuk “Sikap Kita Sekarang”, bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 4 Ogos 1976. Hasil perundingan PAS dengan UMNO/Perikatan, hubungan federalisme antara

pengalaman politik yang penting dalam konteks penyertaan PAS sebagai parti Islam dalam demokrasi di negara.⁹³

Memandangkan persaingan PAS dan UMNO telah berlaku sejak sekian lama iaitu sebelum kemerdekaan lagi, ia bukanlah satu usaha yang mudah untuk menyatukan kedua-dua buah parti Melayu dan Islam terbesar negara ini dalam sebuah kerjasama politik. Sehubungan dengan itu, proses kerjasama politik ini mengambil masa yang paling lama untuk direalisasikan berbanding kerjasama UMNO/Perikatan dengan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) di Sarawak, kerjasama UMNO/Perikatan Parti Gerakan di Pulau Pinang dan kerjasama UMNO/Perikatan Parti Progresif Rakyat (PPR) di Perak pada ketika itu.⁹⁴ Sejak idea kerjasama politik dan kerajaan campuran ini dibangkitkan, iaitu selepas beberapa hari berlakunya tragedi 13 Mei 1969, ia hanya dapat dilaksanakan secara rasmi pada 1 Januari 1973.⁹⁵ Bagi pihak PAS, idea kerjasama politik ini wajar diperhalusi dan perlu menunggu pengesahan daripada Muktamar Agung terlebih dahulu.⁹⁶

Bagi pihak UMNO, cadangan kerjasama politik melalui pembentukan kerajaan campuran telah mengundang reaksi yang berbeza. Pemimpin UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, cadangan terhadap pembentukan kerajaan dengan PAS telah menimbulkan perasaan cemas pada peringkat awal apabila terpaksa bekerjasama dengan pihak musuh politik mereka.⁹⁷ Beliau sememangnya tidak bersetuju untuk bekerjasama dengan PAS dalam kerajaan campuran, sebaliknya memilih untuk bersaing dengan parti lawan dalam Pilihan Raya Umum 1974. Walau bagaimanapun, idea

kerajaan pusat dan Kelantan bertambah baik. Dalam hal ini, kerajaan pusat bersetuju memberi pinjaman sebanyak RM14 juta bagi pengurusan kewangan negeri.

⁹³ Ibnu Hasyim, 1993, 1950-2000, Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan: PAS Kuasai Malaysia, Kuala Lumpur: GG Edar, hlm. 256-257.

⁹⁴ Kerajaan campuran Perikatan dengan Gerakan di Penang dicapai pada 16 Februari 1972 manakala dengan Parti Progresif Rakyat di Perak dicapai pada April 1972.

⁹⁵ Ini juga mengambil kira faktor perkembangan politik negara ketika itu seperti pengisytiharan darurat, penggantungan parlimen dan pelantikan Perdana Menteri baharu, Abdul Razak bin Hussein Al-Haj.

⁹⁶ Mohd Zain Saleh, 1985, *Sejarah UMNO Kelantan*, Ampang Jaya: Ampang Press Sdn. Bhd., hlm. 104.

⁹⁷ Ranjit Gill, 1987, *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya.

kerjasama politik melalui kerajaan campuran ini akhirnya dipersetujui oleh Tengku Razaleigh atas dasar perpaduan Melayu. Beliau juga telah memainkan peranan penting dalam usaha memujuk pemimpin UMNO Kelantan supaya menerima PAS sebagai sekutu mereka dalam kerajaan campuran selain merundingkan syarat-syarat kerajaan campuran.

Pada peringkat awal, pembentukan kerajaan campuran dicadangkan di negeri-negeri Melayu yang kurang maju seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah. Walau bagaimanapun, PAS tidak bersetuju, sebaliknya pembentukan kerajaan campuran ini perlu diwujudkan pada semua peringkat. Dato' Asri berpendapat, kedudukan PAS di Kelantan khususnya sudah kukuh dan tidak memerlukan kerajaan campuran. Pada masa yang sama, cadangan penubuhan kerajaan campuran di Terengganu turut mendapat tentangan daripada Menteri Besar Terengganu, Mahmood Sulaiman. Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Campuran PAS-Perikatan tidak perlu diwujudkan di Terengganu kerana kedudukan UMNO di negeri itu masih kukuh. Bantahan cadangan pembentukan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan juga dikemukakan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Mohammed Ujang merangkap Ahli Parlimen Jelebu-Jempol. Beliau menyatakan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan tidak perlu diadakan, kerana UMNO masih kuat dan mempunyai imej yang baik dalam masyarakat. Pandangan tersebut turut disokong Menteri Kewangan merangkap Presiden MCA, Tan Siew Sim.⁹⁸

Bagi merealisasikan pembentukan kerajaan campuran ini, PAS telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk memperhalusi idea kerjasama politik yang dianggotai oleh Abu Bakar Hamzah, Daud Samad, Muhammad Fakhruddin dan Haji Wan Ismail.

⁹⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Agong PAS Pusat pada 22 September 1970 dan 31 Disember 1970 dalam *Utusan Malaysia*. 18 Disember 1970.

Jawatankuasa ini berpuas hati dengan idea kerjasama politik ini dan berpandangan adalah wajar untuk PAS mencubanya. Sehubungan dengan itu, PAS melalui Jawatankuasa Eksekutif Pusat telah memulakan usaha mengemukakan butiran kerajaan campuran di semua peringkat dan pada 5 September 1972, ia telah mendapat persetujuan antara PAS dan UMNO. Seterusnya, keputusan PAS menyertai kerajaan campuran telah dimuktamadkan hasil undian dalam Mesyuarat Khas PAS pada bulan Disember 1972. Seramai 190 perwakilan menyokong, 94 orang menentang, 19 berkecuali dan 30 tidak hadir.⁹⁹Kemuncaknya, satu persetujuan bertulis antara PAS dengan Perikatan/UMNO telah dimeterai oleh Abdul Razak Hussain dan Mohd Asri Muda pada hari Khamis, 28 Disember 1972 di Pejabat Perdana Menteri. Terdapat 13 perkara dipersetujui oleh kedua-dua pihak, antaranya sebuah kementerian diperuntukkan kepada PAS iaitu Kementerian Tanah dan Tugas-Tugas Khas.

Berdasarkan kepada persetujuan ini, PAS secara jelas mendapat banyak keuntungan politik hasil tawar-menawar dengan UMNO/Perikatan. Lapan dari 13 perkara yang dipersetujui membabitkan soal perkongsian kuasa dan jawatan sama ada di peringkat pusat mahupun negeri. Antara yang utama ialah Yang DiPertua PAS, Mohd Asri Muda telah dilantik sebagai Menteri Tanah dan Tugas-Tugas Khas dan Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Yusuf Rawa dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Abu Bakar Hamzah sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Hassan Adli sebagai Timbalan Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Di peringkat negeri pula, dua orang ahli DUN Kedah dilantik sebagai exco, iaitu Abu Bakar Omar dan Ahmas Shukri manakala di Terengganu, Omar Shukri dan Kassim Ahmad telah dilantik ke jawatan

⁹⁹ Terdapat pandangan mengatakan bahawa PAS tidak mendapat sokongan penuh sewaktu bersetuju menyertai kerajaan campuran. Jika dikira undian dalam Mesyuarat Khas tersebut, PAS tidak mendapat sokongan dua pertiga daripada perwakilan mereka. Hujah ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Mursyidul Am PAS, Nik Aziz Nik Mat yang pernah memohon Mohd Asri agar mengambil kira pandangan akar umbi sebelum bersetuju bekerjasama dengan UMNO. Sila rujuk wawancara Nik Aziz Nik Mat bersama Farish A Noor dalam *Off The Edge*, November 2008, hlm. 51.

yang sama.¹⁰⁰ Selain itu, persetujuan ini juga turut membabitkan persefahaman dalam pilihan raya apabila PAS dan UMNO bersetuju untuk tidak berlawan antara satu sama lain dalam pilihan raya kecil.

Apa yang jelas, persetujuan secara bertulis ini menggambarkan kerjasama politik antara PAS dan Perikatan dalam kerajaan campuran adalah satu bentuk kerjasama politik yang jelas dan tersusun. Perkongsian kuasa adalah intipati utama kerjasama politik dalam kerajaan campuran ini. Ini kerana kerjasama politik ini bukanlah memberi tumpuan utama kepada strategi satu lawan satu dalam pilihan raya kerana Pilihan Raya Umum 1969 telah pun berlangsung, sebaliknya melalui pembentukan kerajaan campuran yang bertujuan menjaga kepentingan dan membina kekuatan politik orang Melayu selain memperkukuh keselamatan negara. Kerjasama PAS dan UMNO khususnya telah menyatukan politik Melayu sekaligus mewujudkan kestabilan dan keharmonian negara pada ketika itu.

Apa yang lebih penting, wujudnya peningkatan dalam penerapan nilai-nilai Islam yang selama ini diperjuangkan oleh PAS dapat dilaksanakan melalui kerajaan campuran berdasarkan Pernyataan Bersama Penubuhan Kerajaan Campuran Perikatan PAS di semua peringkat. Dalam hal ini, kerajaan telah memberi perhatian kepada pembangunan kerohanian selari dengan pembangunan lahiriah yang dapat menerap nilai-nilai ketuhanan dalam segenap bidang kemasyarakatan dan pembangunan sesuai dengan prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Negara yang menentukan Islam sebagai agama rasmi. Selain itu, Syiar Islam turut diperkukuh dan ini antaranya peningkatan siaran agama dalam televisyen dan radio termasuk laungan suara azan. Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali mengakui hal ini seperti berikut:

¹⁰⁰ Ibid, hlm. 98.

Laungan azan yang dilaungkan pada setiap waktu dalam televisyen sehingga sekarang adalah cadangan PAS yang diterima oleh kerajaan sewaktu era Kerajaan Campuran PAS dan UMNO/Perikatan.¹⁰¹

Pada masa yang sama, hidangan minuman keras dalam majlis kerajaan telah berjaya dikurangkan. Menurut Mustafa, minuman keras yang pada awalnya dihidangkan pada setiap meja telah diletakkan pada satu meja khusus di bahagian belakang. Sesiapa yang ingin minum (arak), mereka perlu meminta kepada pelayan untuk dihidangkan secara individu. Selain itu juga, penyediaan tempat khusus untuk solat pada semua kemudahan awam telah diperbanyakkan, penaiktarafan kedudukan kadi juga pegawai agama serta penyelarasan kedudukan mahkamah syariah melalui Majlis Hal Ehwal Islam Persekutuan dijayakan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Mustafa mengakui bahawa dalam konteks usaha pelaksanaan Islam sepanjang kerjasama politik PAS dalam kerajaan campuran, parti itu gagal memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam atau hukum hudud.¹⁰² Jelas beliau, usaha tersebut tidak sempat dilakukan secara sempurna walaupun perbincangan awal ke arah pelaksanaan undang-undang Islam telah dibuat bersama Menteri Undang-undang yang juga Peguam Negara pada ketika itu, Tan Sri Abdul Kadir Yusuf.

Kesinambungan Kerjasama Politik PAS dan UMNO/Perikatan dalam Barisan Nasional (BN)

Kejayaan membina dan menjayakan kerjasama politik dalam kerajaan campuran telah melanjutkan permuafakatan politik antara PAS dan UMNO/Perikatan ke tahap yang lebih bermakna. Hasilnya, PAS telah menyertai dalam Barisan Nasional sebagai parti komponen bagi menghadapi Pilihan Raya Umum 1974. Tidak dinafikan, keputusan

¹⁰¹ Temubual Penulis bersama YB. Dato' Mustafa Ali pada 17 Jun 2014 bertempat di Pejabat PAS Pusat, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Beliau adalah antara pemimpin PAS yang terlibat secara langsung dan diberikan jawatan sewaktu PAS dalam BN. Beliau telah menyandang jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan dan Perindustrian dan kemudiannya dinaikkan pangkat kepada Timbalan Menteri Sains dan Teknologi. Beliau juga adalah Ketua Pemuda PAS Pusat dari 1975 hingga 1987.

¹⁰² Ibid.

untuk meneruskan kerjasama ini menimbulkan persoalan dan keraguan di kalangan ahli PAS kerana berdasarkan persetujuan antara PAS dan UMNO, tiada sebarang perjanjian untuk menghadapi Pilihan Raya Umum akan datang, iaitu Pilihan Raya Umum 1974. Mereka berpandangan perjanjian yang telah dimeterai antara PAS dan UMNO dalam kerajaan campuran tidak akan berlanjutan, sebaliknya semua perjanjian tersebut perlu diperbaharui jika mahu meneruskan kerjasama.¹⁰³ Walau bagaimanapun, kalangan pemimpin PAS menyifatkan perjanjian kerjasama politik dalam kerajaan campuran masih lagi sah dan terpakai dalam konteks semangat dan pengertian umum. Justeru, kewajaran penyertaan PAS dalam BN tidak perlu dibawa ke Muktamar Khas untuk dibincangkan lagi.

Seperkara lagi, penyertaan PAS dalam BN telah memaksa parti itu menggunakan simbol yang sama dalam Pilihan Raya Umum 1974. Hal ini menjadi dilema kepada PAS kerana ia melibatkan soal identiti parti.¹⁰⁴ Perkembangan ini telah memaksa PAS mengarahkan Dewan Ulamak PAS Pusat membuat satu kajian terperinci mengenai hukum penyertaan PAS dalam BN. Dewan tersebut membenarkan penyertaan PAS dalam BN tetapi dengan syarat "ia tidak menghilangkan identiti PAS sebagai sebuah parti politik Islam dan pengenalan PAS dalam pilihan raya itu mesti jelas dan nyata: iaitu memiliki simbol sendiri sekalipun bersatu dari segi platformnya".¹⁰⁵

Pertikaian dan perdebatan seperti yang dijelaskan sebelum ini, tidak menggagalkan penyertaan PAS dalam BN. Mohd Asri menegaskan penyertaan PAS dalam BN adalah satu pilihan yang mesti diambil oleh PAS bagi menjamin kewujudan dan kekuatan parti dalam konteks masyarakat negara yang berbilang kaum. Jelas beliau lagi, penyertaan PAS dalam BN sama sekali tidak akan menghalang kebebasan parti untuk mengembang

¹⁰³ Ibid, Mohd Asri, hlm. 97.

¹⁰⁴ Salahuddin Abdullah, Hydselan Hashim, 2010, *Sejarah PAS Kelantan: Langkah-langkah Menuju Mardhatillah*, Kota Bharu: Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan, hlm. 248.

¹⁰⁵ Ibid.

dan memperjuangkan konsep dan prinsip perjuangannya. Akhirnya, Muktamar Dewan Ulama pada 13 Jun 1974 telah meluluskan penyertaan PAS dalam BN di sebalik kegagalan menggunakan simbol dan identiti sendiri dalam pilihan raya. Pada masa yang sama, PAS digesa untuk lebih bertegas dalam mempertahankan kepentingan parti khususnya pembahagian kerusi dalam pilihan raya dan penjelasan tentang penyertaan PAS dalam BN perlu dibuat kepada semua ahli PAS.

Dalam Pilihan Raya Umum 1974, PAS buat pertama kali telah bertanding atas kapasiti sebagai parti komponen BN dengan menggunakan simbol dacing. Namun begitu, PAS dibenar menggunakan manifesto sendiri yang bertajuk "Barisan Rakyat Untuk Malaysia Bahagia". Pilihan raya kali ini juga buat julung kali menyaksikan tiada pertembungan antara PAS dengan UMNO. Dari segi pembahagian kerusi, PAS telah mendapat penambahan kerusi di peringkat parlimen dan DUN. Di Kelantan misalnya, PAS berjaya menambah satu kerusi parlimen di Kuala Kerai menjadikan tujuh kawasan parlimen secara keseluruhan. Di Terengganu pula, PAS dapat menambah satu kerusi parlimen di Kuala Nerus.

Seperti diramalkan, PAS mencapai keputusan yang memberangsangkan hasil kerjasama politik apabila menang besar dalam pilihan raya 1974. PAS memenangi kesemua kerusinya (14 buah kerusi) yang ditandingi dalam kawasan Parlimen. Tujuh daripadanya di Kelantan, dua di Kedah, dua di Terengganu, dan satu di Perak. Parti itu turut menang 46 buah kerusi dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu 21 buah kerusi di Kelantan, 8 buah kerusi di Terengganu, 8 buah kerusi di Kedah, 3 buah kerusi di Perak dan sebuah kerusi di Perlis, Pulau Pinang, Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. Kemenangan ini dianggap sebagai satu pencapaian besar bagi PAS kerana dalam pilihan raya sebelum ini, parti itu gagal memenangi sebarang kerusi DUN di

Pulau Pinang, Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan. Mohd Asri menyifatkan kemenangan PAS dalam Pilihan Raya Umum 1974 bukan sekadar perbezaan angka tetapi lambang kepada perpaduan dan semangat solidaritas yang selama ini dibangunkan oleh parti itu dalam kerjasama politik.

Dalam konteks perkongsian kuasa dalam kerajaan, dua orang Ahli Parlimen PAS dilantik menteri penuh dalam senarai Kabinet baru yang diumumkan oleh Tun Razak pada 8 September 1974. Mereka ialah Datuk Asri yang dilantik sebagai Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas, manakala Haji Hassan Adli sebagai Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Haji Abu Bakar Umar diamanahkan sebagai Timbalan Menteri Kesihatan, manakala Mustapha Ali dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta Mohd Zahari Awang sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri.¹⁰⁶ Selain jawatan kabinet, wakil-wakil PAS turut diberikan kepercayaan untuk menyertai rombongan rasmi ke luar negara dan juga jawatan-jawatan perkhidmatan awam. Misalnya, Ahli Parlimen Ulu Muda, Kedah, Haji Yusof Rawa dilantik sebagai Duta Besar Kerajaan Malaysia ke Iran. Selain beliau, terdapat beberapa individu yang dilantik sebagai Lembaga Pengarah atau diberikan tugas dalam Lembaga Penasihat kepada agensi dan badan berkanun yang telah ditubuhkan oleh kerajaan.

Di sebalik kemenangan PAS dalam pilihan raya di samping pemberian pelbagai jawatan dalam kerajaan, parti itu berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran. Antaranya ialah wujud perpecahan dalaman apabila sekumpulan ahli parti yang tidak bersetuju dengan penyertaan PAS dalam BN menjadi calon bebas dan menentang PAS dalam pilihan raya. Gerakan ini diketuai oleh Mohd. Fakhruddin bin Abdullah dan menamakan

¹⁰⁶ Ibid, Mohd Asri, *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*, hlm. 101.

kumpulan mereka sebagai Bebas Bersatu.¹⁰⁷ Melalui manifesto "Untuk Kerajaan Negeri yang Jujur, Bersih dan Cekap", mereka telah bertanding menentang calon PAS dalam Pilihan Raya Umum 1974 di 8 kawasan parlimen dan 37 kawasan DUN. Ini termasuk Mohd Asri yang ditentang oleh calon Bebas Bersatu, Puan Aishah Abdullah, iaitu adik kepada Mohd Fakhruddin di kawasan parlimen Nilam Puri. Walau bagaimanapun, semua calon Bebas Bersatu ini tewas termasuk Mohd Fakhruddin di parlimen Pasir Mas dan DUN Lemal. Ini jelas menunjukkan bahawa kewujudan Barisan Bersatu sama sekali tidak menjejaskan kedudukan PAS.

Kerjasama PAS dalam BN mulai retak apabila isu pelantikan Menteri Besar Kelantan timbul. PAS melalui Mesyuarat Khas Badan Perhubungan pada 12 September 1974 telah menamakan Ahli Dewan Undangan Negeri, Wan Ismail Wan Ibrahim sebagai Menteri Besar dan Salahuddin Abdullah sebagai Timbalan Menteri Besar. Walau bagaimanapun, cadangan PAS ini tidak dipersetujui oleh pimpinan UMNO Kelantan dan akhirnya Tun Razak bersetuju menamakan Ahli Dewan Undangan Negeri Tendong, Muhammad bin Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan yang baharu. Nama Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Chepa, Nik Abdullah Nik Arshad turut dicadangkan dan telah dipersetujui oleh UMNO, tetapi ditolak pula oleh Mohd Asri.¹⁰⁸

Dalam hal ini, Tun Razak telah menggunakan kuasanya sebagai Perdana Menteri melantik siapakah pemimpin PAS yang sesuai menjadi Menteri Besar baharu¹⁰⁹, walaupun ada pandangan mengatakan bahawa keputusan itu sebenarnya dipengaruhi oleh cadangan Tengku Razaleigh Hamzah dan Abdullah Ahmad.¹¹⁰ Tindakan ini begitu mengecewakan PAS khususnya Mohd Asri kerana mereka berpandangan, calon Menteri Besar sewajarnya perlu ditentukan oleh parti yang mempunyai kerusi terbanyak di DUN

¹⁰⁷ Ibid, Salahuddin Abdullah, Hydselan Hashim, *Sejarah PAS Kelantan: Langkah-langkah Menuju Mardhatillah*, 2010, hlm. 248.

¹⁰⁸ Temubual Penulis bersama Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

¹⁰⁹ Bruce Gale, 1982, Musa Hitam: *A Political Biography*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd, hlm. 87.

¹¹⁰ Ibid Salahuddin Abdullah, Hydselan Hashim, *Sejarah PAS Kelantan: Langkah-langkah Menuju Mardhatillah*, 2010, hlm. 252.

Kelantan. Pelantikan Muhammad Nasir tidak disenangi oleh PAS walaupun terpaksa menerimanya demi mengekalkan perpaduan dengan UMNO. Walau bagaimanapun, ia tidak mampu mengelakkan berlakunya beberapa insiden yang telah mengundang kepada krisis kepercayaan dan kepimpinan Muhammad Nasir oleh PAS.

Antara dakwaan PAS terhadap Muhammad Nasir ialah beliau mengutamakan layanan kepada ahli-ahli UMNO berbanding ahli-ahli PAS, mengeluarkan kenyataan akhbar yang merugikan PAS seperti pendedahan isu Kerajaan Kelantan yang telah mengambil balik kawasan-kawasan pembalakan di Ulu Kelantan dan di sempadan Kelan-Perak, wujudnya rasuah dalam pentadbiran Kerajaan Kelantan dan dakwaan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri PAS di Kelantan yang tidak menyokong beliau dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Asakan demi asakan telah diberikan kepada Muhammad Nasir untuk berundur daripada jawatan Menteri Besar. Pemecatan ini telah menyebabkan PAS telah mengambil keputusan agar beliau meletakkan jawatan pada 20 September 1977. Walau bagaimanapun, Muhammad Nasir menolak keputusan tersebut dan mahu kekal sebagai Menteri Besar. Akhirnya, beliau dipecat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS Pusat pada 10 Oktober 1977.¹¹¹

Kemuncak kepada krisis ini ialah sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 15 Oktober 1977 telah meluluskan undi tidak percaya kepada Muhammad Nasir. Usul peletakan jawatan ini telah dibawa oleh ADUN Simpangan, Hussein Abdullah dan disokong oleh ADUN Bandar Pasir Mas, Hashim Omar. Peristiwa ini menghangatkan lagi krisis politik Kelantan dengan berlakunya perarakan penyokong Muhammad Nasir di bandar Kota Bharu pada 19 dan 22 Oktober 1977 sehingga pihak polis yang diketuai oleh Dato' Zaman Khan terpaksa campur tangan bagi menghentikannya. Pada masa yang sama, Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad datang ke Kelantan dan

¹¹¹ Ibid, hlm. 272

menawarkan pelan pendamaian termasuk cadangan penubuhan kerajaan baharu, tetapi pelan tersebut ditolak oleh PAS. Atas faktor keselamatan dan melihat kepada krisis politik yang tidak dapat diselesaikan dengan kaedah diplomasi, Dr. Mahathir mengumumkan cadangan pembentangan rang undang-undang darurat negeri Kelantan di parlimen yang dibentangkan oleh Tun Hussein Onn pada 8 November 1977. PAS menentang dengan kerasnya pembentangan rang undang-undang ini dan ini seperti yang telah dinyatakan oleh Mohd Asri dalam ucapan beliau di parlimen. Beliau menegaskan undang-undang darurat tidak perlu dilaksanakan kerana keadaan di Kelantan sebenarnya masih terkawal dan tidak seperti yang digambarkan dalam media. Hujah beliau lagi seperti berikut:

Saya tidak menyalahkan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Perdana Menteri kita kerana beliau tidak pergi ke Kelantan dan tidak menyaksi serta melihat sendiri. Beliau hanya dihulurkan kenyataan-kenyataan oleh orang-orang yang tertentu mungkin dengan tujuan-tujuan yang tertentu...¹¹²

Penentangan PAS kepada pembentangan rang undang-undang darurat ini telah meletakkan kedudukan PAS dalam bahaya. Pada 5 Disember 1977, Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional telah mengarahkan PAS memecat ahli-ahli parlimennya yang menentang pembentangan rang undang-undang darurat. PAS enggan menuruti arahan tersebut dan akhirnya PAS telah dipecat daripada BN pada 13 Disember 1977. Justeru, kerjasama PAS dalam BN berakhir dan hanya mampu bertahan selama tiga tahun sahaja. Perkembangan ini menjadikan PAS kembali menjadi parti pembangkang seperti kewujudannya yang asal.

Jelas dalam perbincangan di atas, kerjasama PAS dengan UMNO dalam kerajaan campuran dan BN telah mewujudkan situasi menang-menang antara kedua-dua pihak.

¹¹² Ucapan Mohd Asri Muda di Dewan Rakyat pada 8 November 1977 menentang usul Darurat Kelantan 1977. Silat lihat ibid, hlm. 285.

Penyertaan PAS dalam kerajaan campuran dan BN telah memperkukuhkan kedudukan dan hegemoni politik Melayu dan dengan itu, ia mempunyai kuasa untuk tawar-menawar dengan politik bukan Melayu. Kerjasama politik PAS dan UMNO juga telah memperlihatkan semua perwakilan Melayu di parlimen berada dalam kerajaan sekaligus memberi kesan yang signifikan kepada politik bukan Melayu khususnya DAP. Melalui kerjasama ini, buat julung kalinya PAS dan UMNO telah bersepakat dalam beberapa perkara seperti tidak bertanding sesama sendiri dalam pilihan raya, bermuafakat dalam isu dasar khususnya berkaitan dengan kepentingan Melayu dan Islam. Dalam konteks pelaksanaan Islam, PAS telah berjaya mendesak dan mempengaruhi kerajaan agar lebih sensitif untuk melaksanakan tuntutan Islam. Selain itu, perkongsian kuasa dalam pentadbiran di semua peringkat yang terbina hasil kerjasama politik Ia telah memperbaiki hubungan dan politik federalisme antara kerajaan pusat dan Kelantan yang selama ini banyak diganggu disebabkan faktor perbezaan ideologi politik.

Walau bagaimanapun, kerjasama PAS dalam BN turut memberi cabaran yang besar kepada parti itu. PAS terpaksa berhadapan dengan perpecahan dalaman apabila sekumpulan ahli parti yang tidak bersetuju terhadap kerjasama dalam BN, menubuhkan parti Bebas Bersatu. Krisis politik di Kelantan pada 1977 turut membawa kepada penubuhan parti politik baharu, iaitu BERJASA oleh bekas Menteri Besar Kelantan, Muhammad Nasir. Ini bermakna, selepas PAS diisytiharkan keluar dari BN pada 1978, parti itu telah terbahagi kepada empat kumpulan, iaitu PAS, Barisan Jemaah Islamiah Malaysia (BERJASA), Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) dan Bebas Bersatu. Perkembangan ini memberi pengajaran yang bermakna kepada PAS sehingga parti itu tidak mahu lagi mengulangi sejarah untuk bekerjasama dengan UMNO sehingga hari ini meskipun ada pelawaan dari parti pemerintah itu.

Kerjasama politik PAS dalam *Chinese Consultative Council* (CCC)

PAS menyedari hakikat bahawa untuk menguasai politik Malaysia, parti itu perlu mendapatkan sokongan bukan Melayu/Islam. Ini kerana walaupun PAS memiliki kekuatan yang sama dengan UMNO dalam konteks jumlah kerusi parlimen, UMNO mempunyai kelebihan untuk memenangi pilihan raya kerana parti itu mendapat kerjasama dengan bukan Melayu/Islam, iaitu melalui MCA dan MIC. Ahli Parlimen Parit, Mujahid Yusuf Rawa menjelaskan kepentingan sokongan bukan Melayu kepada PAS seperti berikut:

Dia *simple* je, selagi mana orang Cina tak sokong PAS, jangan mimpi le...tak boleh jadi *powerful*... PAS akan sentiasa terpenjara dengan lingkungan Melayu dia yang semakin terhimpit.¹¹³

Justeru, PAS tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada sokongan Melayu dan Islam sahaja, sebaliknya lebih terbuka untuk bekerjasama dengan kumpulan bukan Melayu/Islam jika mahu menguasai politik Malaysia. Faktor Islam yang menjadi teras perjuangan parti itu turut mendesak PAS untuk mendekati bukan Melayu/Islam. Ini kerana Islam adalah sebuah agama sejagat dan membawa rahmat kepada semua tidak kira latar belakang agama dan keturunan. Kesedaran ini telah membuka minda PAS untuk bersikap realistik; iaitu memahami kedudukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum seterusnya mengadakan kerjasama dengan bukan Melayu/Islam.

Peristiwa Memali dan isu kafir-mengkafir ekoran wujudnya Amanat Hadi Awang yang berlaku sekitar 1984 telah banyak memberi kesan buruk kepada imej PAS yang dikaitkan dengan unsur radikal, kekerasan dan keganasan. Peristiwa tersebut langsung

¹¹³ Temubual Penulis bersama Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014. Beliau merupakan Ahli Parlimen Parit Buntar dan Pengerusi Lajnah Hubungan Antara Kaum PAS. Mujahid juga anak kepada bekas Yang DiPertua Agung PAS, Yusuf Rawa.

tidak menguntungkan PAS malah menjauhkan lagi parti itu daripada bukan Melayu/Islam yang melihat PAS dan Islam itu cenderung kepada keganasan. Justeru, timbul kesedaran dalam kalangan pemimpin PAS pada ketika itu, iaitu Nakhaei Ahmad untuk membina semula kepercayaan bukan Melayu/Islam kepada perjuangan parti dan Islam itu sendiri. PAS percaya agenda perjuangan parti seperti Negara Islam tidak akan menjadi kenyataan jika bukan Melayu/Islam masih takut dan alergi kepada Islam. Maka di sinilah wujudnya dorongan yang cukup kuat sehingga membawa kepada kerjasama PAS dengan bukan Melayu/Islam pada ketika itu. Walau bagaimanapun, langkah mendekati bukan Melayu/Islam ini dikritik oleh Dewan Ulamak kerana dianggap pelik dan boleh merugikan politik PAS. Namun selepas diperdebat dan dibincangkan, kerjasama dengan bukan Melayu/Islam dipersetujui oleh kepimpinan parti untuk diteruskan.

Beberapa aktiviti telah dilaksanakan bagi mempergiatkan hubungan PAS dengan bukan Melayu/Islam. Antaranya penganjuran Seminar Perpaduan Rakyat pada 10 Mei 1985 bertempat di Dewan Perhimpunan Cina, Kuala Lumpur yang dihadiri kira-kira 500 orang. Seminar tersebut menjadi platform kumpulan bukan Melayu/Islam untuk mengenali PAS lebih dekat khususnya memahami perjuangan parti. Hasil dari kejayaan seminar tersebut, PAS telah menubuhkan *Chinese Consultative Council* (CCC) yang bertujuan menjelaskan polisi dan perjuangan parti kepada bukan Melayu/Islam.¹¹⁴ CCC diharap berupaya memperbaiki persepsi negatif terhadap perjuangan PAS seterusnya menyokong parti tersebut dalam Pilihan Raya Umum 1986. Ia juga bertujuan memberi tekanan kepada UMNO dengan menggambarkan PAS adalah sebuah parti yang

¹¹⁴ ERA, 26 Julai 1986.

fleksibel dan dinamik.¹¹⁵ CCC digerakkan oleh individu Cina Muslim seperti Kamal Koh dan Reduan Daniel Ong.

Kerjasama dengan CCC memperlihatkan pendekatan PAS yang menolak faktor perkauman. Sehubungan dengan itu, Abdul Hadi Awang menegaskan, jawatan Perdana Menteri boleh disandang oleh bukan Melayu asalkan beragama Islam¹¹⁶. Ini selari dengan perjuangan PAS yang mendaulatkan Islam sebagai agama yang universal dan tidak mengenal perbezaan warna kulit. Pada masa yang sama, satu Memorandum Persefahaman telah disediakan antara PAS dan CCC. Ia merangkumi lapan perkara asas, iaitu hak asasi, pendidikan, kebudayaan dan bahasa, pilihan raya, keselamatan dalam negeri, kewarganegaraan, keadilan sosial dan perpaduan nasional serta ekonomi. Memorandum itu juga menyatakan persetujuan kedua-dua pihak dalam perkara seperti persamaan hak berasaskan prinsip keadilan dan demokrasi, tiada perbezaan antara status Bumiputera dan Bukan Bumiputera, perlindungan terhadap kaum minoriti, pelaksanaan dua sistem perundangan, iaitu Undang-undang Islam untuk masyarakat Islam manakala Undang-undang Sekular untuk masyarakat bukan Islam dan tidak ada paksaan masyarakat bukan Islam untuk memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun, Nakhaei berpendapat beliau tidak pernah melihat memorandum tersebut dan ini menimbulkan persoalan apakah perkara yang terkandung dalam Memorandum Persefahaman itu benar-benar dibincangkan dan mendapat persetujuan dari PAS.¹¹⁷

Kerjasama PAS dan CCC mendapat banyak tentangan dan kritikan khususnya dari BN, MCA dan DAP. BN mendakwa masyarakat bukan Melayu/Islam yang menyertai dan menyokong CCC merupakan mereka yang kecewa dengan kerajaan.¹¹⁸ BN juga

¹¹⁵ Farish A. Noor, 2004, *Islam Embedded: The Historical Development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003)*, Volume 2, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, hlm. 411.

¹¹⁶ *Unusan Malaysia*, 13 Februari 1985.

¹¹⁷ Temubual pengkaji dengan Dato' Nakhaei Ahmad, Mantan Naib Presiden PAS pada 27 April 2015.

¹¹⁸ Keahlian CCC turut terdiri daripada bekas ahli MCA yang berpecah dan mencari tapak baharu.

menyifatkan masyarakat bukan Melayu/Islam akan menjadi warganegara kelas kedua di bawah cengkaman pemerintahan ulamak jika PAS berkuasa. Selain itu, DAP turut menempelak mereka yang menyertai CCC sebagai kumpulan Cina yang oportunistik sehingga sanggup menerima perjuangan PAS termasuk Negara Islam demi kepentingan peribadi. Serangan demi serangan ini ada kaitannya dengan kebimbangan mereka terhadap sokongan kaum Cina. BN dan DAP khuatir penyertaan kaum Cina dalam CCC akan menjejaskan hegemoni mereka dalam kalangan kaum tersebut.

PAS berharap CCC dapat meningkatkan sokongan parti itu dalam Pilihan Raya Umum 1986. Namun ia tidak berlaku kerana CCC masih meragui keikhlasan PAS dalam kerjasama mereka. Pertemuan rahsia antara pemimpin PAS dengan Perdana Menteri ketika itu, Dr. Mahathir telah menimbulkan kecurigaan kepada CCC bahawa kemungkinan akan berlaku PAS menyertai kerajaan semula sekaligus mewujudkan dominasi politik Melayu seperti sebelum ini (Kerajaan Campuran dan BN).¹¹⁹ Sehubungan dengan itu, PAS telah mengalami kekalahan paling teruk dalam sejarah apabila sekadar memenangi satu kerusi parlimen sahaja, iaitu melalui Nik Abdullah Arshad di Pengkalan Chepa. Keputusan ini telah menyebabkan sebahagian ahli parti merasakan punca kekalahan adalah kerana CCC. Mereka berpendapat kerjasama PAS dengan CCC telah mengakibatkan parti kehilangan undi dan kepercayaan daripada pengundi Melayu. Mujahid Yusuf Rawa menyatakan:

Kalah dalam pilihan raya 1986, mereka (ahli PAS) menyalahkan CCC sebab orang Melayu lari kerana mereka melihat Cina menyokong PAS dan Orang Melayu pula tidak mahu.¹²⁰

¹¹⁹ Mujahid Yusuf Rawa. 2001. *Permata dari Pulau Mutiara, Suatu Catatan Hidup Ayahandaku Haji Yusuf Rawa*, Shah Alam: Warathah Haji Yusuf Rawa Sdn. Bhd. Angkatan Edaran, hlm. 97.

¹²⁰ Wawancara penulis bersama Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

Perkembangan ini juga memberi kesan kepada kepimpinan tertinggi PAS ketika itu apabila mereka mendesak Yang Dipetua PAS, Yusuf Rawa untuk meletakkan jawatan. Yusuf Rawa bertegas untuk berundur kerana langkah kerjasama dengan bukan Melayu/Islam yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa PAS telah dipertikai oleh jawatankuasa yang sama. Beliau menyifatkan tindakan tersebut sebagai tidak menghormati kepimpinannya¹²¹. Anak beliau, Mujahid Yusuf Rawa menjelaskan:

So my father started this break the wall through CCC. Dia dah buat dah, dia pergi ke tongkong, dewan perhimpunan cina tapi suddenly dia stop apabila ada tuntutan di peringkat bawah supaya CCC dihapuskan kerana mereka kata ada CCC PAS kalah. Basically, ada vote no confident to my father actually, as president waktu itu. Dia mention Pak Yusuf Rawa letak jawatan sebab kecil hati kerana orang menolak CCC kerana CCC was his idea and supported by Jawatankuasa PAS Pusat waktu tu... tiba-tiba masa muktamar, Jawatankuasa PAS Pusat tak support dia, we understood as vote no confident to him. After kalah teruk dalam pilihan raya 1986. Dan depa blame orang Melayu tak sokong sebab PAS ada CCC...macam PAS ni khianat. Dia rasa sebab jawatankuasa tak support dia sedangkan itu keputusan jawatankuasa. Dia letak jawatan. Tapi dia dipujuk balik. Fadhil Noor datang pujuk balik. Minta jgn letak jawatan sebab itulah dia sambung balik presiden.¹²²

Kegagalan kerjasama PAS dengan CCC menggambarkan bahawa parti itu sebenarnya masih belum mampu menguruskan kerjasama dengan bukan Melayu/Islam secara efektif. Tuntutan CCC dalam Memorandum Persefahaman seperti hak sama rata setiap kaum dianggap satu permintaan yang melampau dan telah mengocak sensitiviti orang Melayu. Langkah PAS mendekati bukan Melayu/Islam telah ditafsirkan bahawa parti itu tidak pro-Melayu dan sanggup menggadaikan hak orang Melayu demi kepentingan politik. Walau bagaimanapun, CCC adalah satu langkah strategik yang telah dimulakan oleh PAS dalam usaha menarik sokongan bukan Melayu/Islam. Bukan mudah untuk memecah tembok perkauman bagi sebuah parti yang sebelum ini hanya disokong oleh orang Melayu/Islam. PAS memerlukan masa, lebih keterbukaan dan strategi di kalangan

¹²¹ Mujahid Yusuf Rawa, 2010, *Menuju PAS Baru: Krisis, Peluang dan Dinamisme*, Kuala Lumpur: The Malaysian Insider Sdn. Bhd., hlm. 86.

¹²² Ibid. Mujahid Yusuf Rawa.

ahli dan persiapan yang kukuh bagi menjayakan kerjasama dengan bukan Melayu/Islam.

Kerjasama Politik PAS dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU)

Kegagalan dalam kerjasama politik dengan Parti Negara dan kemudiannya dalam kerajaan campuran, Barisan Nasional (BN) dan *Chinese Consultative Council* (CCC), tidak melunturkan semangat PAS untuk meneruskan kerjasama dengan parti politik yang lain dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada 1989. Kerjasama politik ini bertitik tolak daripada krisis kepimpinan UMNO yang menyaksikan konflik antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah sehingga mengakibatkan perpecahan dalaman parti itu. Kemuncak kepada krisis ini membawa kepada pertandingan jawatan Presiden pada 1987, iaitu buat pertama kali dalam sejarah UMNO. Dalam pertandingan tersebut, Dr. Mahathir telah mendapat 761 undi, menewaskan Tengku Razaleigh yang hanya memperoleh 718 undi, iaitu dengan majoriti 43 undi¹²³. Majoriti yang kecil itu menggambarkan sokongan terhadap kedua-dua pemimpin UMNO adalah hampir sama kuat sehingga mewujudkan dua blok dalam UMNO, iaitu Team A yang diketuai oleh Dr. Mahathir dan Team B yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh.¹²⁴

¹²³ Mahathir Mohamad, 2012, *A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., hlm. 637.

¹²⁴ Dari 69 calon yang menawarkan diri (mulanya 73, tetapi empat menarik diri), 34 dikaitkan dengan team A dan 35 dengan team B. Antara yang memihak team A dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir-Ghaffar Baba mengandungi Anwar Ibrahim, Sanusi Junid, Daim Zainuddin, Hussein Ahmad, Ramli Ngah Talib, Wan Mokhtar Ahmad, Yusoff Noor, Muhyidin Yassin, Khalil Yaakob, Sabaruddin Chik, Muhamaad Taib, Tajol Rosli Ghazali, Abu Hassan Omar, Siti Zaharah Sulaiman, Mohamed Isa Samad, Osman Aroff, Hamid Pawanteh, Rahim Thamby Chik, Khalid Yunus, Megat Junid Megat Ayub, Wan Abu Bakar Mohamaad, Napsiah Omar, Kassim Ahmad, Mohamaad Rahmat, Mustaffa Mohammad, Syed Nahar Shahibuddin, Sharifah Dorah Syed Mohammad, Dasuki Ahmad, Abdullah Ahmad, Awang Jabar, Alias Ali, Nawawi Mat Awin, Abu Bakar Daud, Zain Ibrahim, Syed Hassan Al-Attas, Nordin Selat, Razak Abu Samah, Kamaruzaman Bahadon, Ahmad Mustapha Hassan dan Idris Rauf. Manakala Team B dipimpin oleh Tengku Razaleigh-Musa Hitam mengandungi Abdullah Ahmad Badawi, Rais Yatim, Harun Idris, Tengku Ahmad Rithaudeen, Mohamaad Yaacob, Kadir Sheikh Fadzir, Rahmah Othman, Shahrir Samad, Zainal Abidin Zin, Radzi Sheikh Ahmad, Marina Yusoff, Abdul Rahim Bakar, Ajib Ahmad, Adib Adam, Syed Hamid Albar, Suhaimi Kamaruddin, Kamaruddin Mat Isa, Ibrahim Ali, Aziz Shamsuddin, Malik Ahmad, Ibrahim Azmi Hassan, Daud Taha, Othman Saad, Zakaria Abdul Rahman, Zainal Abidin Johari, Tajuddin Rahman, Dr. Nik Hussein Abdul Rahman, Engku Mohsein Abdul Kadir, Ahmad Shahibuddin Mohd Noor, Yahaya Shafie, Hisan Ibrahim, Sulaiman Palestin, Abu Bakar Rautin Ibrahim, Taufik Tun Dr. Ismail, Abu Bakar Shaari, Shariff Omar, Hang Tuah Arshaad dan Ahmad Manaf.

Selepas tewas dalam pertandingan, Presiden Tengku Razaleigh dan Team B telah mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi bagi membatalkan keputusan Perhimpunan Agung UMNO dan meminta satu pemilihan baharu diadakan. Hal ini disebabkan terdapat ahli dari 53 cawangan UMNO telah tidak didaftarkan dengan betul dan dengan itu, undi mereka tidak sah. Mahkamah Tinggi melalui hakim Tan Sri Harun Hashim telah memutuskan UMNO adalah sebuah parti yang tidak sah kerana kewujudan cawangan yang tidak berdaftar berdasarkan Seksyen 12 (3), Akta Pertubuhan. Sehubungan dengan itu, pada 13 Februari 1988, Dr. Mahathir dan Team A telah mengemukakan permohonan untuk menubuhkan sebuah parti baharu, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO Baru dan telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Tengku Razaleigh pula telah menubuhkan sebuah parti baharu, iaitu Parti Semangat 46 (S46) pada Mei 1989. Tindakan menubuhkan parti baharu bukanlah satu keutamaan pada peringkat awal, sebaliknya lebih cenderung untuk melakukan perubahan dan penambahbaikan parti secara dalaman¹²⁵. Lebih-lebih lagi, penubuhan parti baharu bukanlah satu keputusan yang mudah kerana sejarah telah membuktikan bahawa mereka yang keluar dari UMNO dan menubuhkan parti politik baharu tidak mampu kekal lama dan akhirnya terpaksa dibubarkan seperti apa yang berlaku terhadap Onn Jaafar sewaktu menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya dan Parti Negara.

Sebagai sebuah parti baharu, S46 perlu bekerjasama dengan parti lain khususnya PAS untuk memperkukuhkan sokongan pengundi Melayu. Walaupun PAS hanya memenangi sebuah kerusi parlimen¹²⁶ dan 15 buah kerusi Dewan Undangan Negeri dalam Pilihan Raya Umum 1986, keputusan tersebut tidak menggambarkan prestasi sebenar parti itu apabila memperolehi 15.26 peratus undi popular. Sehubungan dengan itu, S46

¹²⁵ Hari Singh, 1991, "Political Change in Malaysia: The Role of Semangat 46", *Asian Survey*, University of California Press, hlm.: 712-728.

¹²⁶ PAS memenangi kerusi di kawasan parlimen Marang, Abdul Hadi Awang.

mengakui kekuatan PAS dan ia boleh dimanfaatkan untuk mendapat kuasa politik di peringkat pusat melalui kerjasama dengan parti itu. Bagi PAS pula, kerjasama dengan S46 khususnya Tengku Razaleigh yang masih mempunyai pengaruh politik di Kelantan akan memudahkan mereka merampas semula negeri itu daripada BN. PAS mengakui, agak sukar untuk menewaskan UMNO dan BN di Kelantan tanpa bekerjasama dengan S46 dan Tengku Razaleigh. Dalam Pilihan Raya Umum 1978, 1982 dan 1986 misalnya, PAS gagal mengambil semula Kelantan. Malah sebelum penubuhan S46 lagi, Presiden PAS ketika itu, Fadzil Noor menggalakkan para penyokong PAS mendekati penyokong atau kumpulan Tengku Razaleigh dan menunjukkan simpati kepada mereka. Beliau berharap pendekatan sebegini dapat menarik minat mereka untuk menyertai PAS atau sekurang-kurangnya tidak kembali kepada UMNO.¹²⁷

Tengku Razaleigh adalah musuh politik PAS sebelum ini yang berjaya menjatuhkan PAS di Kelantan pada Pilihan Raya Umum 1978, namun Fadzil masih menaruh harapan dan kepercayaan terhadap bekas pemimpin UMNO itu. Malahan, beliau pergi berjumpa sendiri dengan Tengku Razaleigh terlebih dahulu bagi membincangkan kerjasama politik. Walau bagaimanapun, hal yang sama tidak dikongsi oleh sekumpulan kecil ahli PAS. Sehubungan itu, kerjasama PAS dalam APU khususnya dengan S46 yang dianggotai oleh bekas ahli UMNO kurang disenangi oleh mereka. Menurut mereka, pengalaman PAS bekerjasama dengan UMNO dalam kerajaan campuran dan BN sebelum ini perlu diambil pengajaran. Golongan yang tidak dapat menerima pakatan PAS dalam APU menubuhkan parti serpihan yang dinamakan ISLAH. Selain itu, penentangan terbuka juga berlaku di cawangan PAS Kuala Selangor sehingga tertubuhnya kumpulan PAS 51 (mengambil sempena tahun PAS ditubuhkan). Yang Dipertua PAS Kuala Selangor, Muhayat Haji Yusof mendakwa Presiden PAS, Fadzil

¹²⁷ Walau bagaimanapun, Fadzil tidak berharap Tengku Razaleigh menyertai PAS. Ini kerana jika bekas pemimpin UMNO itu menyertai PAS, parti itu perlu memberikan jawatan kepada beliau. Sila rujuk Subky Abdul Latif, Fadzil Noor: Dia Guru, Dia Kawan, Sungai Buluh. Kemilau Publika Sdn. Bhd. ,hlm. 103.

Noor sanggup melanggar saluran parti semata-mata mahu merestui hubungan PAS dengan S46.¹²⁸

Kerjasama PAS dalam APU dilihat sebagai satu perkembangan yang tidak dijangka kerana parti itu pernah bermusuhan dengan ketiga-tiga parti yang terlibat, iaitu S46, BERJASA dan HAMIM.¹²⁹ Tengku Razaleigh Hamzah yang memimpin S46 pernah menjatuhkan PAS dalam Pilihan Raya Umum 1978 ketika beliau berada dalam UMNO. Manakala BERJASA dan HAMIM adalah parti serpihan PAS yang ditubuhkan selepas krisis politik Kelantan 1977 yang menyaksikan PAS dikeluarkan daripada Barisan Nasional. BERJASA dipimpin oleh bekas Menteri Besar Kelantan yang dilucutkan jawatan dan dipecat daripada PAS, iaitu Mohamad Nasir manakala HAMIM pula diasaskan oleh bekas Yang DiPertua PAS, Mohd Asri Muda selepas beliau mengambil keputusan untuk keluar parti. Kerjasama politik APU melihatkan kerjasama PAS dengan Parti Semangat 46 (S46) selain Barisan Jemaah Islamiah Malaysia (BERJASA) dan Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Kewujudan APU membawa senario baharu dalam pentas politik kerana gabungan itu menyatukan parti-parti politik berasaskan Islam dan Melayu dengan memberikan tumpuan di Semenanjung Malaysia. Ini amat bersesuaian dengan harapan Presiden BERJASA, Datuk Haji Wan Hashim Wan Ahmad sebelum APU dibentuk untuk mewujudkan '*Muslim Front*' atau Barisan Muslim.

BERJASA mengalu-alukan sebarang usaha daripada mana-mana pihak sekali gus untuk menaja dan menubuhkan apa yang dinamakan sebagai 'Barisan Islam', asalkan usaha ini benar-benar ikhlas dan tidak untuk menonjolkan perjuangan sesuatu kelompok sahaja.¹³⁰

¹²⁸ Muhyat Haji Yusuf. 1990. *PAS Kuala Selangor vs APU*. Selangor. Percetakan JASA Sdn. Bhd., hlm. 34.

¹²⁹ Untuk keterangan lanjut, Muhamad Sanuzi Mat Kasim bertajuk "Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) di Negeri Kelantan: Satu Terhadap Pembaharuan-Pembaharuan Yang Dilaksanakan Dari Tahun 1990-1994", Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, sesi 1995/96, hlm. 50

¹³⁰ Ucapan beliau di Muktamar Agung ke-5 BERJASA di Kota Bharu pada 30 Ogos 1987 bertajuk "Satu Usaha ke arah Perpaduan Ummah".

Keputusan PAS untuk bekerjasama dalam APU adalah berlandaskan politik dan dakwah serta mewujudkan pemerintahan bertunjangkan Islam Asas Perpaduan, Keadilan dan Kemakmuran.¹³¹ Ini bermakna, kerjasama tidak berlandaskan kepentingan kuasa politik semata-mata iaitu mengalahkan BN dalam pilihan raya, sebaliknya memastikan ia menggabungkan kekuatan umat Islam dalam pelbagai parti politik itu atas dasar Islam. Sehubungan dengan itu, Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang telah dipertanggungjawabkan oleh parti untuk menyediakan satu kertas bagi mendapatkan justifikasi dan hukum bekerjasama dalam APU.¹³² Kertas kerja itu merumuskan bahawa kerjasama politik yang hendak dilaksanakan itu sebagai *at-tafahum al-siyasi* yang bermaksud satu perjanjian bagi bekerjasama dan bantu-membantu untuk menghadapi pihak lawan. Dalam konteks ini, kerjasama yang dimaksudkan adalah strategi satu lawan satu menentang BN dalam pilihan raya.

Berdasarkan kertas kerja itu juga, hukum kerjasama politik adalah harus selagi ia membawa maslahat dan tidak mengikat sehingga menjejaskan prinsip. Justeru, kerjasama politik PAS dalam APU mesti mengambil kira beberapa kepentingan seperti memperjuang kedaulatan Islam dan pelaksanaan syariat; menentang kezaliman, penyelewengan dan keruntuhan moral; mengakui kepimpinan ulama dan tidak menjejaskan matlamat perjuangan Islam dan tidak berwala'kan kepada musuh dan tidak reda dengan perjuangan mereka.

Kerjasama politik dalam APU menyaksikan tawar-menawar juga kompromi antara PAS dan S46. Dalam konteks polisi dan dasar, PAS bersedia menyokong hasrat S46 untuk memperjuangkan demokrasi, menjunjung Raja Berpelembagaan, dan mengiktiraf usahanya menghidupkan perjuangan UMNO lama. Pada masa yang sama, S46 bersetuju

¹³¹ *Kelantan Membangun Bersama Islam: Program Perpaduan Ummah Negeri Kelantan Pilihan Raya Umum 1995*, diterbitkan oleh Angkatan Perpaduan Ummah.

¹³² Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh beliau sendiri pada 19 Safar 1409H bersamaan 7 Oktober 1988.

untuk menerima cadangan PAS menjadikan Islam sebagai konsep *ad-deen* atau Islam sebagai satu cara hidup.¹³³ Ucapan Tengku Razaleigh di bawah jelas memperlihatkan kesediaannya dan S46 untuk menerima konsep *ad-deen* itu:

Pendek kata, masyarakat Malaysia yang terbilang kaum ini akan lebih kuat yang bersatu-padu dari keadaan sekarang kerana APU menjadikan Islam sebagai *ad-deen* untuk membersihkan masyarakat dan kerajaan daripada aneka jenis kemungkar. Tidak sekali-kali *ad-deen* dimaksudkan untuk memaksa bukan bumiputera memeluk agama Islam.¹³⁴

Dalam konteks perkongsian kuasa pula, PAS mahu menguasai empat negeri Melayu, iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Manakala negeri-negeri lain diserahkan kepada S46. Bagi jawatan Perdana Menteri pula, PAS bersetuju menyerahkan jawatan nombor satu negara itu kepada S46¹³⁵, asalkan PAS diberikan mandat untuk menguasai Kelantan dan tiga negeri Melayu yang lain. Jika diamati, kerjasama dalam APU lebih melibatkan PAS dengan S46 berbanding dengan dua parti politik lain, iaitu HAMIM dan BERJASA. Ini disebabkan kekuatan atau dominasi yang dimiliki oleh PAS dan S46 berbanding HAMIM dan BERJASA yang dilihat sebagai parti kecil dan serpihan PAS.

Kerjasama PAS terbatas dengan parti politik berteraskan Melayu dan Islam sahaja. Pada masa itu, PAS masih belum bersedia bekerjasama dengan DAP atas faktor percanggahan ideologi dan pendirian parti terhadap soal penubuhan Negara Islam. Perkembangan ini menyebabkan PAS dan DAP tidak boleh berada dalam satu kerjasama politik. Sebaliknya satu kerjasama politik lain terpaksa diwujudkan, iaitu Gagasan Rakyat atau GAGASAN yang melibatkan DAP, S46, Parti Rakyat Malaysia (PRM), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan IPF (parti serpihan MIC). Kegagalan kerjasama

¹³³ Chamil Wariya, 1990, *Pandangan Politik Era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd, hlm. 201.

¹³⁴ Ucapan beliau di Perhimpunan Agung Semangat 46 di Kuala Lumpur, pada 12 Oktober 1989 bertajuk "Ke Arah Kehidupan Politik dan Ekonomi yang Sihat dan Mantap".

¹³⁵ Syed Husin Ali, 2012, *MEMOIR Perjuangan Politik Syed Husin Ali*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Centre, hlm. 242.

politik antara PAS dan DAP dikaitkan juga dengan kegagalan S46 khususnya Tengku Razaleigh sebagai jambatan yang menghubungkan kedua-dua buah parti itu. Ia juga menggambarkan kerjasama politik parti pembangkang masih lemah dan tidak kukuh sehingga terpaksa diwujudkan dua bentuk kerjasama politik.

Dalam Pilihan Raya Umum 1990, APU bertanding 91 kerusi Parlimen melalui S46 dengan 61 buah kerusi dan PAS 30 buah kerusi.¹³⁶ PAS menang tujuh buah kerusi parlimen, iaitu enam di Kelantan dan satu di Terengganu. Kerusi parlimen tersebut adalah Tumpat, Pengkalan Chepa, Rantau Panjang, Nilam Puri, Bachok dan Kuala Kerai di Kelantan serta kerusi tunggal di Marang, Terengganu. Manakala S46 menang lapan buah kerusi parlimen, iaitu tujuh di Kelantan dan satu di Terengganu. Kerusi parlimen tersebut adalah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Kok Lanas, Tanah Merah, Machang dan Gua Musang di Kelantan serta Kuala Terengganu di Terengganu. Penguasaan PAS dan S46 di kawasan parlimen hanya tertumpu di negeri Kelantan dan Terengganu sahaja manakala negeri-negeri lain mereka gagal menang. Keputusan ini jelas membuktikan bahawa kerjasama politik PAS dan S46 dalam APU masih belum jauh untuk menyaingi BN dan menubuhkan kerajaan.

Untuk kerusi DUN pula, APU bertanding di 274 kawasan melalui S46 sebanyak 154 buah kerusi DUN, PAS 114 buah kerusi DUN, dan BERJASA lapan buah kerusi DUN. Dalam konteks ini, APU dapat merampas semula Kelantan dengan kemenangan besar 39-0. PAS menang 24 buah kerusi di Kelantan, lapan buah kerusi di Terengganu dan sebuah kerusi di Kedah. S46 pula menang 14 kerusi di Kelantan, dua di Terengganu, dan masing-masing satu kerusi di Pahang, Selangor, dan Johor. BERJASA hanya menang kerusi tunggalnya di DUN Padang Garong, Kelantan. Secara keseluruhannya, pencapaian APU untuk kawasan DUN kurang menggalakkan meskipun berjaya

¹³⁶ Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum 1990, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

menubuhkan kerajaan di Kelantan dan menggugat pihak lawan di Terengganu. Lebih malang, PAS sekadar menang sebuah kerusi di Kedah menerusi presidennya, Fadzil Noor di DUN Bukit Raya.

Dalam Pilihan Raya Umum 1995, APU bertanding 101 kerusi Parlimen melalui S46 dengan 66 buah kerusi dan selebihnya PAS 45 buah kerusi.¹³⁷ PAS menang tujuh buah kerusi parlimen dan S46 hanya enam buah kerusi. Seperti dalam pilihan raya sebelum ini, PAS menang tujuh buah kerusi parlimen, iaitu enam di Kelantan dan satu di Terengganu. Kerusi parlimen tersebut adalah Tumpat, Pengkalan Chepa, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Kuala Kerai, Bachok di Kelantan dan Marang di Terengganu. Manakala prestasi S46 menurun apabila hanya menang enam buah kerusi parlimen, iaitu kesemuanya di Kelantan. Kerusi parlimen tersebut adalah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Machang dan Gua Musang di Kelantan. S46 gagal mempertahankan kawasan parlimen Kuala Terengganu apabila calonnya tewas pada UMNO/BN. Dalam konteks undi popular, PAS memperolehi 437,022 undi atau 7.31% bagi kawasan parlimen manakala S46 pula memperolehi 609,644 undi atau 10.20% bagi kawasan parlimen. APU berjaya mengekalkan kemenangan di Kelantan untuk satu penggal lagi dengan penguasaan 30 kerusi negeri. PAS memenangi 24 kerusi buah kerusi manakala S46 12 buah kerusi. Selain itu, PAS juga memenangi kerusi DUN di luar Kelantan, iaitu tujuh buah kerusi di Terengganu dan dua buah kerusi di Kedah manakala S46 gagal memperolehi sebarang kerusi DUN. Dalam konteks undi popular, PAS memperolehi 642,420 undi atau 13.40% manakala S46 hanya 359,002 atau 9.50%. Kerjasama APU tidak bertahan lama apabila PAS melalui Majlis Syura Ulamaanya membuat keputusan untuk memutuskan hubungan dengan S46 dalam semua peringkat bermula 14 Julai 1996.¹³⁸ Dalam kenyataan rasmi PAS itu yang disiarkan dalam

¹³⁷ Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum 1995, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

¹³⁸ *Harakah*, Bil. 788, 19 Julai 1996, hlm. 1

Harakah, Fadzil Noor menjelaskan bahawa kerjasama politik dengan S46 terpaksa diputuskan ekoran wujudnya pelanggaran dan kerehah yang berterusan sewaktu pilihan raya dan selepas pilihan raya oleh S46. Antara dakwaan PAS adalah, sikap Timbalan Menteri Besar II Kelantan mendedahkan rahsia kerajaan negeri serta mengutuk Menteri Besar Kelantan yang beliau bertanggungjawab kepadanya; S46 secara terbuka telah mengisytiharkan untuk menubuhkan Kerajaan Negeri Kelantan dan tindakan pemimpin S46 yang secara jelas dan terbuka memutuskan hubungan setiakawan dengan PAS apabila berkempen menyokong calon BN yang ditentang oleh calon PAS sendiri dalam pilihan raya kecil Bukit Asahan, Melaka.

Selain itu, PAS juga mendakwa S46 masih tidak memahami konsep *ad-deen* yang dipersetujuinya selama ini. PAS beranggapan parti itu memahami konsep *ad-deen* bukan sebagai cara hidup, sebaliknya hanya proses Islamisasi yang sama dilakukan oleh Kerajaan BN. Bagi PAS, S46 masih tebal dengan fahaman sekularisme. Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat berhujah bahawa S46 masih dibelenggu dengan nafsu dan semangat kebendaan yang begitu mendalam. Oleh sebab itu, PAS mempunyai tanggungjawab yang berat untuk mengubah sikap S46 dan ia tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh setahun atau dua tahun.¹³⁹ S46 juga didakwa lebih mementingkan kemenangan dalam pilihan raya dalam mengukur hasil kerjasama dan tidak sabar untuk menjadi pemerintah.¹⁴⁰ Prestasi lemah S46 dalam Pilihan Raya Umum 1990 dan 1995 sepanjang kerjasama dengan PAS mendesak mereka menilai semula hubungan dengan PAS kerana ia tidak membawa keuntungan politik yang besar kepada parti itu.¹⁴¹

Bagi S46 pula, APU terpaksa dibubarkan kerana sikap PAS yang tidak mahu bekerjasama dan mementingkan diri sendiri. Bekas Timbalan Presiden parti, Rais Yatim

¹³⁹ *Massa*, 2 Mac 1996.

¹⁴⁰ Ini diakui oleh Mustafa Ali sewaktu temubual penulis dengan beliau.

¹⁴¹ *Ibid*, Mustafa Ali.

mendakwa PAS dan pemimpinnya tidak boleh menyesuaikan diri untuk menerima kehadiran parti-parti lain. Beliau antara lain menyatakan:

Saya tidak fikir PAS akan menerima sistem liberal dan suai baru dengan parti-parti yang lain kerana wujudnya pemimpin-pemimpin PAS yang ortodoks. PAS mahukan parti-parti lain tunduk dengan pemahaman partinya, tetapi mereka tidak menerima realiti yang ada.¹⁴²

Dalam pada itu, Dr. Rais berkata, APU sebenarnya tidak wujud di Kelantan kerana pemerintahan kerajaan negeri hanya didominasi oleh PAS. Perkongsian kuasa yang dijanjikan hanyalah slogan dan laungan semata-mata. Contohnya, dalam soal pemberian jawatan Timbalan Menteri Besar, PAS didakwa memungkiri janjinya untuk memberikan jawatan tersebut kepada S46.

Memang betul apa yang dikatakan oleh Ku Li itu. Saya orang nombor duanya. Apa yang dikatakan oleh Ku Li memang benar kerana kalau tidak ada S46, PAS tidak akan menang di Kelantan. Jadi apabila menang di Kelantan, PAS telah melupakan S46. Mereka bermesyuarat bersendirian dan wakil-wakil S46 tidak dijemput. Akhirnya dapat Timbalan Menteri Besar II.¹⁴³

Beliau juga mengakui soal agihan kerusi dalam pilihan raya turut menjadi pertikaian antara kedua-dua belah pihak. Menurutny lagi:

Perjanjian bagi saya tidak penting. Yang penting, sistem kepartiannya tidak tergugat. Contohnya, dalam soal agihan kerusi sewaktu pilihan raya yang lepas, PAS sering mengubah apa yang diputuskan pada saat-saat akhir walaupun itu hak S46. Di kawasan-kawasan tertentu di Seri Menanti dan Loi misalnya, tiba-tiba calon PAS masuk di samping dari S46. Bila kita tanya, PAS jawab ini sudah diubah pada malam tadi. Jadi perbincangan antara Ku Li, Fadzil dan Haji Hadi tidak menjadi. Bagi saya, PAS tidak lebih dari parti-parti politik lain yang dahagakan kuasa.¹⁴⁴

¹⁴² Sila rujuk wawancara pengkaji dengan beliau dalam *Eksklusif*, 26 Julai-1 Ogos 1999, bil. 15, hlm. 19.

¹⁴³ *Ibid.*

¹⁴⁴ *Ibid.*

Seorang lagi pemimpin S46 yang juga Timbalan Menteri Besar II, Datuk Rozali Isohak berkata PAS tidak ikhlas kerana enggan menandatangani piagam APU secara bertulis. Piagam tersebut mengandungi lapan prinsip antaranya, Islam sebagai *ad-deen*, memperjuang hak orang Melayu, mempertahankan institusi Raja Perlembagaan, dan konsep pembahagian jawatan dalam kerajaan APU, iaitu 60 (PAS): 40 (S46). Bagi parti itu, piagam bertulis tersebut penting untuk mewujudkan persefahaman politik yang lebih teratur dan jelas. Namun begitu, PAS berpandangan sebaliknya. Nik Aziz sebagai menjawab tuduhan tersebut berkata, APU tidak memerlukan perjanjian bertulis kerana apa yang lebih penting adalah niat dan komitmen daripada semua pihak. Menurutnya lagi, Islam tidak hanya bergantung kepada apa yang ditulis di atas kitab, tetapi apa yang terbuku dalam hati.¹⁴⁵

Berdasarkan hal ini, adalah jelas kegagalan kerjasama politik PAS dalam APU semenangnya dijangka kerana ia bukanlah satu kerjasama yang kukuh. Keputusan Pilihan Raya Umum 1990 tidak menggambarkan kekuatan kerjasama APU memandangkan ia hanya dibentuk kira-kira setahun sebelum pilihan raya. Dalam tempoh yang begitu singkat, PAS dan S46 dilihat tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menentukan pelaksanaan kerjasama pada tahap yang terbaik. Penubuhan S46 juga dilihat lebih sebagai platform persaingan elit politik oleh bekas ahli UMNO berbanding sebuah parti politik. Ini berbeza dengan PAS yang telah ditubuhkan sejak 1951 dan telah mengharungi pelbagai cabaran termasuk sewaktu kerjasama politik. Dua rakan komponen iaitu BERJASA dan HAMIM gagal menyerlah dan tidak menyumbang kepada kejayaan APU.

Selain itu, kegagalan menyatukan PAS dan DAP dalam satu platform kerjasama politik juga membuktikan bahawa kerjasama antara parti pembangkang masih lagi terbatas

¹⁴⁵ Massa, 2 Mac 1996.

dalam isu agama dan perkauman. PAS yang mewakili politik Melayu/Islam dan DAP yang mewakili politik Cina masih tidak boleh duduk semeja dan bersepakat dalam isu yang lebih umum. Walau bagaimanapun, kerjasama dalam APU (begitu juga GAGASAN) mencatat sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya, pertandingan satu lawan satu antara calon pembangkang dan kerajaan berlaku dalam pilihan raya. Ia juga menandakan bermulanya usaha mewujudkan sistem dua parti di negara ini dan mencabar kedudukan Kerajaan BN secara efektif meskipun berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum 1990 dan 1995, kerjasama pembangkang masih jauh untuk menyaingi parti pemerintah.

Kesimpulan

Bab ini secara jelas telah menunjukkan bahawa PAS telah melakukan kerjasama politik sejak awal kemerdekaan sehingga lewat dekad 90-an. Kerjasama ini pula telah berlaku dalam pelbagai peringkat, iaitu antara PAS dengan parti pembangkang dan parti kerajaan juga kumpulan bukan Islam. Kesemua kerjasama politik PAS sama ada dengan Parti Negara, dalam Kerajaan Campuran dan BN, *Chinese Consultative Council (CCC)* dan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) tidak kekal lama. Ia disebabkan kerjasama politik masih bersifat pakatan pilihan raya yang hanya bermatlamat jangka pendek, iaitu untuk memenangi pilihan raya. Selain itu, kerjasama politik PAS juga tidak menyeluruh apabila hanya memberi penekanan kepada soal kepentingan Melayu/Islam sahaja seperti dalam APU. PAS juga tidak bersedia untuk berkompromi berkaitan dasar perjuangan apabila tidak mahu bekerjasama dengan DAP sehingga dua buah pakatan pembangkang terpaksa diwujudkan. Pada masa yang sama, kerjasama PAS dengan bukan Islam masih diselubungi rasa tidak puas hati ahli parti. Hal ini kerana PAS didakwa telah hilang

fokus apabila melebihkan tumpuan kepada kumpulan bukan Islam berbanding Islam demi meraih sokongan politik.

Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa kerjasama ini telah memberikan banyak manfaat dan keuntungan politik kepada PAS. Hasil kerjasama tersebut, PAS dapat menikmati perkongsian kuasa dengan UMNO dan BN sewaktu berada dalam kerajaan selain berjaya menubuhkan kerajaan di Kelantan sejak 1990 hingga kini. Dalam hal ini, PAS telah berjaya mendesak dan mempengaruhi kerajaan pada ketika itu untuk lebih komited dalam melaksanakan tuntutan Islam. Secara tuntasnya, kerjasama politik PAS seperti yang dibincangkan dalam bab ini telah memberikan pengalaman, pengajaran dan kematangan kepada parti itu. Lebih penting, ia menjadi ikhtibar dan panduan kepada PAS dalam menentukan pendekatan untuk mengadakan kerjasama politik pada masa akan datang seperti yang akan disentuh dalam bab seterusnya.

BAB 3 : KONSEP *TAHALUF SIYASI* DAN PENDEKATAN PAS DALAM KERJASAMA POLITIK

Pengenalan

Kerjasama politik adalah pendekatan berstrategi untuk mendapatkan sokongan rakyat bagi memenangi pilihan raya dan seterusnya menubuhkan kerajaan. Walau bagaimanapun bagi PAS, kerjasama politik ini bukanlah satu strategi politik semata-mata, sebaliknya ia juga bertindak sebagai pendekatan atau wasilah untuk mencapai dasar perjuangan parti. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kerjasama politik dapat mempertahankan dasar dan agenda perjuangan parti, PAS telah memilih konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai konsep dan pendekatan mereka. Konsep dan pendekatan ini penting untuk menentukan kerjasama politik berjalan selari dengan kehendak dan kepentingan perjuangan parti. Konsep dan garis panduan *Tahaluf Siyasi* ini juga menggambarkan hasrat PAS bagaimana kerjasama politik mereka sewajarnya berlaku.

Dalam menjelaskan konsep *Tahaluf Siyasi* ini, perbincangan bab ini akan merujuk kepada kertas konsep yang disediakan oleh PAS yang membincangkan secara khusus mengenai *Tahaluf Siyasi* dan Garis Panduan dalam pelaksanaannya. Perbincangan juga akan diperkukuhkan dengan pandangan beberapa pemimpin utama PAS hasil ditemubual oleh pengkaji. Mereka adalah Naib Presiden PAS, Dato' Husam Musa, bekas Setiausaha PAS, Dato' Mustafa Ali, Naib Presiden PAS, Dato' Ir. Iskandar Abdul Samad, Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa, Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, bekas Timbalan Presiden PAS, Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa, bekas Naib Presiden PAS, Dato' Nakhaei Ahmad, bekas Pesuruhjaya PAS Selangor, Dato' Dr. Hassan Mohamed Ali, bekas Pengerusi

Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), Hu Pang Chow dan Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Mohd Zuhdi Marzuki. Penggunaan dua sumber utama, iaitu dokumen dan hasil temubual pimpinan parti memperakukan bahawa PAS mempunyai konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai pendekatan yang memandu kerjasama politik khususnya dalam mempertahankan dasar asal dan prinsip perjuangan parti. Bab ini adalah penting bagi memahami pendekatan PAS dalam menjayakan kerjasama politik yang berpandukan kepada konsep *Tahaluf Siyasi*. Konsep ini memastikan kerjasama politik PAS tidak bercanggah dan menyeleweng daripada matlamat serta dasar asal perjuangan parti.

PAS dan Faktor Kerjasama Politik

Kerjasama politik adalah satu amalan yang penting dalam konteks politik kepartian di Malaysia. PAS misalnya melihat kerjasama politik sebagai salah satu ciri politik Malaysia khususnya untuk mendapat kuasa memerintah.¹⁴⁶ Ciri demografi Malaysia yang memiliki masyarakat majmuk dan pelbagai kaum memerlukan sesebuah parti politik yang mendapat sokongan semua pihak untuk memenangi pilihan raya dan menubuhkan kerajaan. Hal ini menjadi lebih penting apabila parti-parti politik cenderung kepada pendekatan perkauman, iaitu mendapat sokongan daripada kaum-kaum tertentu. Ini termasuk PAS yang mendapat sokongan orang Melayu meskipun ia sebenarnya adalah sebuah parti politik yang bersifat inklusif dan terbuka kepada semua kaum, asalkan mereka beragama Islam.¹⁴⁷

PAS menerima hakikat bahawa Perikatan adalah pihak yang memulakan kerjasama politik di Malaysia. Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali berpandangan Perikatan

¹⁴⁶ Temubual pengkaji bersama Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

¹⁴⁷ Mengikut Fasal 11 dalam Perlembagaan PAS, ahli PAS disyaratkan mestilah beragama Islam selain mempunyai kewarganegaraan Malaysia dan mengaku menerima serta taat kepada Perlembagaan PAS, peraturan, arahan-arahan dan keputusan-keputusan Parti dari masa ke semasa.

adalah pihak yang mendahului parti pembangkang dalam soal kerjasama politik. Jelas beliau, “*kerjasama politik kita terima hakikatnya yang memulakannya adalah Perikatanla.*”¹⁴⁸ Selain Perikatan, PAS turut mengakui UMNO adalah parti politik yang menerajui parti yang lain dalam kerjasama politik di negara. Dalam hal ini, Naib Presiden PAS, Husam Musa berkata, “*UMNO lebih ke hadapan dalam kerjasama dengan parti-parti lain.*”¹⁴⁹ Kerjasama politik UMNO dalam Perikatan yang menggabungkan parti-parti politik berteraskan etnik seperti MCA dan MIC telah membantu mereka memenangi Pilihan Raya 1955. Pembentukan Barisan Nasional (BN) pada tahun 1974 dengan lebih banyak penyertaan parti komponen selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 membuktikan lagi kepentingan kerjasama politik untuk mendapatkan sokongan daripada seluruh rakyat Malaysia.

Beberapa faktor telah dikenalpasti yang mendorong PAS untuk mengadakan kerjasama politik. Faktor ini dapat dizahirkan melalui hasil temubual yang dilakukan oleh pengkaji bersama tokoh dan pemimpin utama PAS seperti yang dinyatakan sebelum ini. Secara umum, kesemua berpendapat kerjasama politik adalah penting dan perlu diadakan untuk memenangi pilihan raya dan seterusnya menubuhkan kerajaan di Malaysia. Hal ini kerana tidak ada sebuah parti politik boleh memenangi pilihan raya dan menubuhkan kerajaan secara bersendirian termasuk UMNO. Secara khusus, beberapa faktor diakui sebagai pemangkin kepada kerjasama politik PAS. Pertama, PAS mengiktiraf realiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum telah mendorong mereka untuk mengadakan kerjasama. Lebih-lebih lagi, konsep pecah dan perintah (*divide and rule*) yang dilaksanakan oleh British ketika menjajah Tanah Melayu telah mewujudkan pengasingan dalam penempatan kaum mengikut aktiviti ekonomi. Menurut Husam Musa, adalah mustahil bagi mana-mana pihak yang mahu berkuasa tanpa mengadakan

¹⁴⁸ Temubual pengkaji bersama Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

¹⁴⁹ Temubual pengkaji bersama Naib Presiden PAS, Husam Musa, pada 24 April 2014.

kerjasama.¹⁵⁰ Justeru, setiap parti politik yang ingin memenangi pilihan raya dan seterusnya memerintah perlu bekerjasama untuk mendapatkan sokongan semua kaum.

Walaupun PAS adalah sebuah parti yang tidak mewakili mana-mana kaum kerana meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan, sokongan parti itu sebahagian besar datang daripada orang Melayu. Justeru, parti itu masih memerlukan sokongan semua kaum. Mustafa Ali mengakui hal ini dan menyatakan “*Dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum, satu-satu parti politik yang hendak memerintah negara mesti mendapat sokongan daripada semua kaum*”.¹⁵¹ Pandangan Mustafa disokong oleh Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi apabila beliau berkata kedudukan masyarakat majmuk memerlukan kerjasama politik untuk berkuasa. Beliau berkata, “*dalam konteks masyarakat majmuk yang ada dan komposisi kaum serta kedudukan kerusi yang ada di seluruh negara, lebih-lebih lagi memerlukan kepada suatu bentuk kerjasama parti-parti politik di dalam negara kita*”.¹⁵² Kenyataan Mustafa dan Syed Azman ini secara jelas menunjukkan bahawa faktor mendapatkan sokongan daripada semua pihak atau kaum di negara mendorong PAS untuk mengadakan kerjasama politik.

Faktor kedua adalah sistem pelbagai parti politik di negara telah membuka ruang dan jalan untuk PAS bekerjasama. Tidak dinafikan, kewujudan parti-parti politik di negara telah mewujudkan persaingan antara mereka. Walau bagaimanapun, persaingan tersebut turut membuka ruang untuk PAS bekerjasama dengan parti politik yang lain khususnya untuk memenangi pilihan raya¹⁵³ walaupun berbeza ideologi dan fahaman politik masing-masing. Hal ini diakui oleh Dr. Syed Azman, iaitu “Perlu ada satu gagasan hubungan dengan parti-parti lain untuk mendapat kuasa dalam negara kita. Selain

¹⁵⁰ Ibid. bersama Naib Presiden PAS, Husam Musa, pada 24 April 2014.

¹⁵¹ Temubual pengkaji bersama Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014

¹⁵² Temubual pengkaji bersama Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, pada 7 April 2014.

¹⁵³ Temubual pengkaji bersama Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

daripada itu, dalam realiti politik semasa juga memerlukan gabungan parti politik walaupun berbeza ideologi dan konsep dan fahaman, tetapi realiti politik ianya tidak boleh berada dalam konteks sendirian, ia memerlukan kepada gabungan dan sokongan daripada parti-parti politik yang lain”.¹⁵⁴

Sehubungan dengan itu, PAS mengakui sesebuah parti itu tidak boleh bergerak bersendirian untuk menubuhkan kerajaan, sebaliknya memerlukan kerjasama daripada parti-parti politik yang lain khususnya untuk berhadapan dengan BN yang terdiri daripada pelbagai parti politik. Menurut Mustafa Ali lagi,

Saya selalu sebut, dalam konteks Malaysia, tidak ada satu parti politik boleh berdiri sendiri masuk pilihan raya dan menang bersendirian tanpa kerjasama dengan orang lain. Tidak mungkin dari sudut politik Malaysia ini. Hatta UMNO tidak akan boleh perintah, mesti kerjasama. Kalau kita hendak lawan dengan BN, mesti mengumpulkan parti-parti politik yang mendapat sokongan rakyat, berdepan dengan dia.¹⁵⁵

Kenyataan Mustafa dalam hal ini turut diakui oleh bekas Presiden PAS, Allahyarham Datuk Haji Fadzil Mohd Noor yang berpandangan dalam konteks dan realiti di Malaysia, tidak ada parti politik yang boleh bergerak bersendirian dan memerintah negara termasuk UMNO.¹⁵⁶

Faktor ketiga adalah mewujudkan sebuah pakatan pembangkang yang kuat dan boleh menjadi alternatif kepada parti kerajaan. Hanya melalui kerjasama antara parti pembangkang, mereka boleh berhadapan dengan Barisan Nasional dengan lebih efektif. Lebih penting, pakatan pembangkang yang kuat ini boleh menawarkan sistem dua parti yang mampu menyaingi kerajaan Barisan Nasional (BN). Mustafa Ali menyatakan:

¹⁵⁴ Temubual dengan Dr Syed Azman.

¹⁵⁵ Temubual pengkaji bersama Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

¹⁵⁶ *Berita Minggu*, 5 Ogos 2001.

Kalau kita nak lawan dengan BN, mesti mengumpul parti-parti politik yang mendapat sokongan rakyat. Akhirnya, akan berlaku sistem dua parti. Walaupun ia tidak disebut secara terbuka, tapi saya sendiri salah seorang yang terlibat daripada awal, dalam kepala ini pada akhirnya kita akan jadi sistem dua parti.¹⁵⁷

Faktor keempat, iaitu tujuan dakwah telah mendorong kerjasama politik PAS. Menurut Dr. Zuhdi Marzuki, faktor ini adalah faktor terpenting bagi PAS untuk mengadakan kerjasama politik berbanding tujuan politik. Beliau menjelaskan hal ini seperti berikut,

Yang paling besar bagi PAS adalah untuk dakwah, iaitu dakwah kepada bukan Islam, supaya mereka faham tentang sistem politik Islam. Keadilan Islam, undang-undang Islam dan sebagainya. Kerana apabila kita bekerjasama itu kita banyak berkomunikasi, buat dasar-dasar secara bersama, kita boleh sampaikan, kemudian kita ada jambatan dengan masyarakat awam bukan Islam disebabkan mereka ada hubungan dengan jaringan pelbagai...jadi itu tujuan utama mengapa kita bekerjasama dan bertahalluf dengan bukan Islam.¹⁵⁸

Selain tujuan dakwah, kerjasama politik PAS akan dapat memperlihatkan kehebatan dan keunggulan agama Islam. Sebagai sebuah parti yang meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan, kemampuan PAS untuk bekerjasama dengan pihak lain dan menguruskan pelbagai perkara akan dapat menonjolkan kehebatan dan keunggulan Islam sebagai satu agama yang mendamaikan. Dalam hal ini, Husam menjelaskan, *“satu daripada cara untuk menonjolkan Islam adalah berketrampilan dan mampu menguruskan pelbagai ragam manusia, maka Allah Taala menciptakan kita ini tidak ada satu hegemoni atau satu keadaan satu pihak sahaja...lagi banyak pihak-pihak, lagi beragam, maka gerakan Islam boleh bekerjasama, maka boleh memperlihatkan kehebatan dan keunggulan Islam”*¹⁵⁹ Beliau menambah, sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam, kemampuan PAS bekerjasama dengan parti politik yang lain akan dapat menzahirkan kebaikan dan keindahan Islam itu sendiri.

¹⁵⁷ Temubual dengan Mustafa Ali.

¹⁵⁸ Temubual pengkaji bersama Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhdi Marzuki pada 18 Disember 2014.

¹⁵⁹ Temubual pengkaji bersama Naib Presiden PAS, Husam Musa, pada 24 April 2014.

Faktor kelima ialah melalui kerjasama politik, ia bukan sahaja memaparkan keindahan Islam sebagai agama yang universal, tetapi secara tidak langsung dapat memposisikan PAS sebagai pemimpin atau parti yang memimpin. PAS perlu mengambil kesempatan untuk bekerjasama dengan pihak lain dengan menonjolkan kemampuannya sebagai pemimpin menentang kezaliman dan mengetuai gerakan menegakkan keadilan.¹⁶⁰ PAS juga dikehendaki memainkan peranan sebagai ketua kepada kumpulan pembangkang di negara secara adil dan bijaksana sebagai satu pilihan jelas kepada BN untuk rakyat.

Konsep *Tahaluf Siyasi* dalam Politik Islam

Politik Islam adalah satu tatacara politik dan pemerintahan yang menjadi landasan serta garis panduan kepada para pemimpin menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negara berdasarkan kehendak syarak. Dalam konteks politik Islam, terdapat lima prinsip utama yang mendukungnya, iaitu *Al-Hakimiyyah* atau sumber kedaulatan, keadilan, syura, kebebasan dan persamaan. Ini bermakna, politik Islam yang merujuk kepada pemerintahan dan tatacara berpolitik mesti mengambil kira kelima-lima prinsip ini yang bermatlamatkan ke arah mewujudkan *Baladun Taiyyibatun Wa Rabbun Ghafur*, iaitu Negara yang aman, makmur dan mendapatkan keampunan Allah.¹⁶¹ Di sebalik prinsip tersebut, umat Islam turut diberikan kebebasan¹⁶² dalam perkara yang dikategorikan sebagai *siyasi*, iaitu cara untuk memerintah kerajaan selagi ia tidak bercanggah dengan Al-Quran dan As-Sunnah.¹⁶³ Dalam erti kata yang lain, Islam sebenarnya menekankan soal kebebasan dalam menentukan pemerintahan sendiri (*self*

¹⁶⁰ Kertas Kerja Naib Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad, bertarikh 13 Julai 1986 bertajuk "Cadangan Mengadakan satu Tahaluf dengan Golongan Pembangkang untuk Menghancurkan dan Menentang Kezaliman BN".

¹⁶¹ Konsep negara ini disebut dalam Al-Quran melalui Surah Saba', ayat 15 yang bermaksud "Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun".

¹⁶² Kebebasan dalam hal ini bertitik tolak daripada konsep *faraghat* (ruang) yang mengambil iktibar tindakan Nabi Muhammad s.a.w tidak menamakan siapakah pengganti baginda. Sila rujuk Azzam Tamimi, *Rashid Ghannouchi: A Democrat Within Islamism*, Oxford University Press, Cary, NC, USA, 2001, hlm. 71.

¹⁶³ Ini berbeza dengan perkara yang dikategorikan sebagai *adini* iaitu hal yang berkaitan dengan aqidah (kepercayaan), ibadah (penyembahan) dan akhlak (tingkah laku) apabila umat Islam mesti menerima apa jua ketetapan yang telah diputuskan dalam Al-Quran dan As-Sunnah tanpa sebarang persoalan.

government) yang juga boleh dikaitkan dengan ciri demokrasi itu sendiri¹⁶⁴, lebih-lebih lagi sistem pemerintahan sesebuah negara boleh berubah dengan peredaran zaman atau tempat.

Istilah dan konsep *Al-Tahaluf Siyasi* tidak wujud dalam Al-Quran mahupun matan Hadis. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna konsep tersebut tidak boleh dilaksanakan terutama apabila wujudnya keperluan untuk mengurus kepelbagaian manusia yang mempunyai latar belakang agama dan keturunan yang berbeza. Memandangkan hal ehwal politik dan pemerintahan adalah perkara yang dinamik dan boleh berubah mengikut kesesuaian masa dan tempat (*al-mutaghayyirat*), maka satu-satu pendekatan boleh diambil selagi ia bertepatan dengan *Maqasid Syariah*.¹⁶⁵ Justeru, *Tahaluf Siyasi* adalah salah satu pendekatan yang boleh diambil dalam konteks kerjasama politik dengan syarat ia membawa kebaikan (*maslahah*) dan menolak keburukan (*mafsadah*), iaitu selari dengan konsep *Maqasid Syariah*.

Tahaluf Siyasi bermaksud kerjasama gerakan Islam dengan mana-mana gerakan lain yang tidak meletakkan Islam sebagai dasar perjuangannya. Kerjasama ini boleh terbentuk dalam konteks kerjasama muslim-muslim dan muslim-bukan muslim dalam apa jua bidang yang dipersetujui bagi menghadapi musuh yang sama. Namun, istilah *Tahaluf Siyasi* pada masa kini khususnya di Malaysia banyak digunakan untuk merujuk kerjasama antara pihak muslim dengan bukan muslim dalam politik, dan ia lebih banyak digunakan dalam konteks politik kepartian.¹⁶⁶ Menurut Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Zuhdi Marzuki, *Tahaluf Siyasi* didefinisikan sebagai “*bagaimana*

¹⁶⁴ Sila rujuk Mohd Izani Mohd Zain, *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 24.

¹⁶⁵ *Maqasid Syariyyah* bermaksud objektif Syariah. Secara umum, ia bererti segala tujuan di sebalik penciptaan Syariah pada keseluruhannya dan di sebalik setiap hukum di dalamnya secara satu persatu. Boleh rujuk tulisan bertajuk *Maqasid Al-Shariah: Satu Pengenalan* oleh Mahmood Zuhdi Abdul Majid dalam buku *Maqasid Al-Syariah*, terbitan Penerbit Universiti Islam Antarabangsa (UIA), hlm. 1-51.

¹⁶⁶ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk “Kerjasama Politik Dengan Bukan Islam: Analisis Landskap Politik Malaysia” oleh Abdullah Shahir Arifin bin Ahmad Fadzil dan Irwan bin Mohd Subri.

*sebuah gerakan Islam yang berdasarkan kepada Islam boleh bekerjasama dengan mana-mana pihak yang tidak berteraskan kepada Islam sama ada mereka itu dianggotai oleh orang Islam tetapi dasar partinya berbeza dengan dasar Islam seperti golongan nasionalis dan sebagainya, ataupun parti itu didominasi oleh bukan Islam, dasar dia bukan Islam. Jadi itu yang kita sebut tahaluf.*¹⁶⁷ Berdasarkan kenyataan ini, beliau menyifatkan *Tahaluf Siyasi* adalah kerjasama politik yang bukan hanya melibatkan antara gerakan Islam dengan bukan Islam, tetapi turut merangkumi kumpulan orang Islam tetapi mempunyai ideologi perjuangan yang berbeza.¹⁶⁸

Selain itu, *Tahaluf Siyasi* juga didefinisikan sebagai satu kerjasama antara beberapa pihak bagi mencapai satu tujuan atau matlamat yang sama. Menurut bekas Naib Presiden PAS, Nakhaei Ahmad, *Tahaluf Siyasi* adalah perjanjian politik iaitu perjanjian bekerjasama di dalam satu pakatan untuk mencapai tujuan politik tertentu yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.¹⁶⁹ *Tahaluf Siyasi* ini juga bertujuan menegakkan keadilan dan kebaikan, mengukuh perpaduan, membina kesejahteraan hidup, menolong yang lemah dan teraniaya.

Dari sudut hukum, terdapat dua pandangan mengenai *Tahaluf Siyasi*. Pertama, pandangan mengharamkan *Tahaluf Siyasi* dan kedua, pandangan yang mengharuskannya. Pandangan pertama, iaitu yang mengharamkan *Tahaluf Siyasi* berasaskan kepada hukum meminta tolong daripada orang kafir merujuk ayat Al-Quran, Surah Al-Maidah, ayat 57 yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejek-ejekan dan permainan daripada orang-orang yang telah diberikan kitab sebelum kamu,*

¹⁶⁷ Temubual pengkaji dengan Pengarah Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhi Marzuki pada 18 Disember 2014.

¹⁶⁸ Zuhi membezakan kerjasama PAS dengan pertubuhan Islam yang lain seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jema'ah Islah Malaysia (JIM) dan Ikatan Muslim Malaysia (IKRAM) sebagai *ta'awun* yang bermaksud tolong menolong. Menurut beliau, PAS mempunyai matlamat yang sama dengan pertubuhan Islam yang lain cuma cara dan pendekatan berbeza.

¹⁶⁹ “Kerjasama Politik Elak Perpecahan”, *Utusan Malaysia*, 25 Jun 2012.

dan orang-orang kafir musyrik itu; menjadi penolong-penolong; dan bertaqwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar orang yang beriman”. Ayat ini secara jelas menunjukkan larangan Allah menjadikan orang kafir sebagai penolong (*awliya*’).

Selain itu, *Tahaluf Siyasi* juga dilihat satu perkara yang ditegah berdasarkan larangan Allah menjadikan orang kafir sebagai *bitanah* yang merujuk kepada orang dalam yang didedahkan rahsia kepada mereka. Ini bersandarkan kepada ayat Al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 118 yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan daripada kalangan kamu menjadi ‘orang dalam’ (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya”*.

Pandangan kedua, iaitu yang mengharuskan *Tahaluf Siyasi* pula melihat orang Islam dibenarkan berurusan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memerangi Islam. Ini berdasarkan ayat Al-Quran, Surah Al-Mumtahanah, ayat 8 yang bermaksud: “*Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil”*.

Hujah yang menjadi sandaran utama bagi mengharuskan *Tahaluf Siyasi* juga merujuk kepada satu peristiwa yang berlaku pada zaman Jahiliyyah, iaitu *Hilful Fudhul* yang menyaksikan perjanjian antara beberapa qabilah untuk menolong orang yang dizalimi. Perjanjian ini telah disaksikan oleh Nabi Muhammad s.a.w dan Baginda telah bersabda

yang bermaksud: “Mana-mana perjanjian yang dilaksanakan ketika jahiliyah tidak akan ditambahkan (diubah) oleh Islam melainkan semakin patut dilaksanakan”. Ini memberi makna bahawa mana-mana perjanjian pada zaman jahiliyyah yang bertujuan bekerjasama tidak akan berubah ketika Islam kecuali ia lebih patut untuk dilaksanakan. Ini adalah kerana Islam tidak akan mengharamkan sesuatu perkara yang baik.

Konsep *Tahaluf Siyasi* dalam Kerjasama Politik PAS

Selepas kegagalan kerjasama politik dalam Perikatan dan Barisan Nasional (BN), PAS lebih berhati-hati untuk mengadakan kerjasama politik seterusnya dengan pihak lain. Sehubungan dengan itu, sebelum mengadakan kerjasama politik, PAS telah membuat kajian secara komprehensif bagi memperhalusi kepentingan dan kewajarannya menurut perspektif hukum dan Politik Islam. Langkah ini juga bertujuan menghindari PAS daripada mengulangi kesilapan yang sama berlaku dalam kerjasama politik terdahulu, iaitu sewaktu bekerjasama dengan parti kerajaan dalam Perikatan dan (BN).¹⁷⁰ Lebih-lebih lagi, keputusan PAS untuk mengadakan kerjasama politik dalam Perikatan dan BN tidak dibuat kajian secara mendalam khususnya dari sudut kaedah Islam.¹⁷¹ Apa yang menjadi dasar dan perkiraan utama untuk mengadakan kerjasama politik pada ketika itu adalah soal perpaduan.

Selepas penubuhan Majlis Syura Ulama PAS pada tahun 1983, semua dasar penting parti mesti diputuskan oleh majlis itu termasuk keputusan menyertai kerjasama politik. Menurut Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, penyertaan PAS dalam kerjasama politik perlu mendapat kelulusan dan pertimbangan dari Majlis Syura Ulama. *“Ia (kerjasama politik) memerlukan suatu kelulusan*

¹⁷⁰ Menurut Mustafa Ali, antara faktor kelemahan PAS dalam kerjasama politik melalui Perikatan dan BN adalah menjadi pengikut dan kegagalan parti menjadi pemimpin yang dapat menentukan dasar dan polisi.

¹⁷¹ Temubual pengkaji bersama Mustafa Ali, Setiausaha Agung PAS, pada 17 Jun 2014.

*daripada Majlis Ulamak pada ketika itu untuk membuat penilaian dan penelitian. Semua kerjasama dibuat pertimbangan oleh Majlis Syura Ulamak dalam menentukan kepentingan dan betapa strategiknya gabungan-gabungan ini.”*¹⁷² Penilaian dan penelitian ini adalah penting kerana ia selari dengan perkembangan dan pengalaman PAS dalam kerjasama politik. Mustafa mengakui dalam hal ini, iaitu “*Waktu kita kerjasama dulu kita tidak membuat kajian mendalam dari sudut kaedah Islamlah, strategi Islam ni... tapi apabila kita berkembang, dan sekarang ini proses pemahaman tentang Islam ni berkembang dengan perkembangan politik itu sendiri, kita membuat kajian dari segi Islam.*”¹⁷³

PAS telah mengemukakan beberapa kertas kerja berkaitan kerjasama politik, antaranya ialah “Cadangan Mengadakan Satu *Tahaluf Siyasi* dengan Golongan Pembangkang untuk Menghancurkan dan Menentang Kezaliman BN” yang disediakan oleh Naib Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad pada 13 Julai 1986 dan “Tahaluf” oleh Naib Yang Dipertua PAS Pusat, Abdul Hadi Awang pada 9 Oktober 1988. Selain itu, satu Laporan Pengerusi Jawatankuasa Pengkaji *al-Tahaluf al-Siasi* oleh Hassan Shukri kepada Majlis Syura Ulama PAS bertarikh 12 Mei 1990 bertajuk “Rumusan Kertas-kertas *al-Tahaluf al-Siasi* yang ditulis oleh Abdul Hadi Awang, Mohd Khir Yaakob, Azizan Abdul Razak dan Ahmad Zaki Ibrahim serta Komentaran oleh Harun Taib turut telah disediakan. Pada tahun 2010, PAS melalui Majlis Syura Ulamak sekali lagi telah mengemukakan satu kertas kerja yang bertajuk “*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*”.

Kesemua kertas kerja tersebut mengemukakan konsep *Tahaluf Siyasi* dan mencadangkan agar PAS mengaplikasikan konsep tersebut sebagai panduan dan

¹⁷² Temubual pengkaji bersama Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, pada 7 April 2014.

¹⁷³ Temubual pengkaji bersama Mustafa Ali, Setiausaha Agung PAS, pada 17 Jun 2014.

sempadan dalam menjayakan kerjasama politik. Konsep ini mengambil iktibar dan pengajaran daripada ayat Al-Quran dan al-Hadith yang mengharuskan *Tahaluf Siyasi*. Ini termasuk peristiwa yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat yang memperlihatkan bagaimana kerjasama antara pihak Islam dan bukan Islam diharuskan dan boleh dilaksanakan mengikut keperluan dan kesesuaian. Antara peristiwa yang sering dilihat oleh PAS sebagai rujukan utama kepada pelaksanaan *Tahaluf Siyasi* adalah *Halful Fudhul*.¹⁷⁴ Dalam hal ini, PAS berpandangan pengiktirafan Rasulullah s.a.w terhadap persefahaman menentang kezaliman, iaitu membantu seorang lelaki dari Kabilah Zubaid yang telah dizalimi oleh A'as bin Wa'il adalah bukti menunjukkan *Tahaluf Siyasi* dibenarkan.

Selain mengemukakan konsep *Tahaluf Siyasi*, PAS telah memperhalusi pelaksanaan konsep tersebut dengan mengemukakan beberapa justifikasi dan alasan yang mewajarkan keperluan mengadakan kerjasama polititik. Pada masa yang sama, beberapa cadangan dan garis panduan bagi memperkukuhkan kerjasama politik mereka turut disenaraikan. Untuk menjelaskan akan hal ini, setiap kertas kerja yang disediakan oleh PAS akan dikupas dalam bab ini. Penting dinyatakan di sini bahawa semua kertas kerja yang disediakan oleh PAS ini telah membawa kepada keputusan bahawa PAS boleh atau diharuskan melakukan kerjasama politik atau *Tahaluf Siyasi*, dan dengan itu, telah mendorong PAS untuk menyertai kerjasama politik.

Pertama, kertas kerja “Cadangan Mengadakan Satu *Tahaluf Siyasi* dengan Golongan Pembangkang untuk Menghancurkan dan Menentang Kezaliman BN” yang disediakan oleh Naib Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad pada 13 Julai 1986. Kertas ini telah mencadangkan agar satu persefahaman yang menggabungkan semua golongan

¹⁷⁴ *Halful Fudhul* adalah satu peristiwa yang berlaku pada zaman *jahiliyyah*, iaitu perjanjian antara beberapa qabilah untuk menolong golongan yang dizalimi. Perjanjian ini telah disaksikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Peristiwa ini dipuji oleh Baginda dan dianggap ia boleh diteruskan pada zaman Islam, walaupun ia berlaku ketika era *jahiliyyah*.

pembangkang di negara ini diwujudkan sama ada parti politik atau bukan parti politik bertujuan menentang kezaliman BN dan mengurangkan kuasanya melalui pilihan raya. PAS bertekad melalui kerjasama politik ini dan berdasarkan kelebihan yang ada, parti itu mampu meluaskan pengaruhnya dengan mengikat pelbagai pihak agar memberi sokongan seterusnya menjadi alternatif yang jelas kepada para pengundi dalam pilihan raya. Jika memenangi pilihan raya, kerjasama politik ini boleh membentuk kerajaan baharu bagi menggantikan BN.

Persefahaman atau kerjasama politik ini bertitik tolak daripada keterbukaan PAS untuk meneroka strategi secara bijaksana untuk mendapatkan sokongan bagi mencapai dasar perjuangannya menegakkan Islam. PAS menggesa agar parti tidak bersikap tertutup dan ini ada kaitannya dengan kegagalan PAS sebelum ini bekerjasama dengan UMNO dalam Perikatan dan BN. Penyediaan kertas kerja *Tahaluf Siyasi* ini juga adalah langkah terbuka PAS untuk meyakinkan ahli parti bahawa tidak ada perkara yang hendak disembunyikan untuk bekerjasama.¹⁷⁵ Apa yang penting, *Tahaluf Siyasi* yang hendak dilaksanakan mestilah menuju ke arah cita-cita perjuangan Islam dan tidak memaksa atau mengheret PAS melakukan sesuatu yang bertentangan dengan prinsip perjuangan dan aqidah Islam.

Selain itu, kerjasama politik membolehkan PAS memainkan peranan lebih penting dalam politik negara. Dalam hal ini, PAS bercita-cita untuk menjadi ketua kepada kumpulan pembangkang dan memimpin mereka agar dapat dikemukakan menjadi pilihan yang jelas kepada BN. Menurut Nakhaei, PAS perlu mengambil langkah yang berani untuk memimpin gerakan bersama kumpulan bukan Islam kerana parti itu tidak seharusnya menjadi pemimpin kepada kumpulannya dan tersisih daripada permasalahan

¹⁷⁵ Melalui kertas kerja ini, Nakhaei mendakwa kerjasama PAS dalam BN telah dilakukan secara sembunyi sehingga PAS terperangkap.

masyarakat termasuk bukan Islam. “Peranan gerakan Islam hendaklah kembali kepada asalnya, iaitu sebagai ummah yang baik dan saksama yang dikeluarkan kepada seluruh manusia...”.¹⁷⁶ Lebih penting, keupayaan PAS bekerjasama dengan memimpin gerakan menentang kezaliman dan menegakkan keadilan dapat membuktikan Islam dapat memimpin masyarakat majmuk di negara.

Nakhaei membahagikan dua bentuk pilihan persefahaman atau kerjasama politik, iaitu persefahaman jangka pendek dan persefahaman jangka panjang. Persefahaman jangka pendek merujuk kepada kerjasama dalam konteks menghadapi pilihan raya berasaskan kepada isu-isu yang dipersetujui secara bersama. Persefahaman jangka panjang pula ialah membentuk barisan pembangkang yang akan menjadi alternatif kepada BN berasaskan kepada isu-isu yang dipersetujui bersama. Setiap rakan dalam pakatan pembangkang ini bebas untuk memperjuangkan cita-cita politik masing-masing tetapi dalam masa yang sama, berusaha mencari titik persamaan baharu yang dapat diterima oleh semua pihak. Memandangkan kertas kerja ini disediakan terlalu hampir dengan tarikh pembubaran parlimen dan Pilihan Raya Umum 1986, maka bentuk kerjasama politik lebih menjurus kepada persefahaman jangka pendek.¹⁷⁷ Persefahaman ini lebih bersifat pakatan pilihan raya (*electoral pact*) yang bertujuan menghadapi pilihan raya. Dalam hal ini, PAS telah mengadakan kerjasama politik dengan kumpulan bukan Islam melalui Harakah Keadilan Rakyat (HAK) bersama Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), NASMA dan SDP bagi menghadapi Pilihan Raya Umum 1986.

Kertas kerja kedua, iaitu “Tahaluf” oleh Naib Yang DiPertua PAS Pusat, Abdul Hadi Awang pada 9 Oktober 1988 pula disediakan bagi memperkukuhkan lagi konsep dan

¹⁷⁶ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Kertas kerja “Cadangan Mengadakan Satu *Tahaluf Siyasi* dengan Golongan Pembangkang untuk Menghancurkan dan Menentang Kezaliman BN” yang disediakan oleh Naib Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Nakhaei Ahmad pada 13 Julai 1986.

¹⁷⁷ Pilihan Raya Umum 1986 atau Pilihan Raya Umum ketujuh telah diadakan pada 3 Ogos 1986 manakala tarikh pembubaran Parlimen pula pada 19 Julai 1986. Ini bermakna, kertas kerja ini disediakan enam hari sebelum tarikh pembubaran parlimen dan 21 hari sebelum Pilihan Raya Umum 1986.

pelaksanaan *Tahaluf Siyasi*. Dalam kertas kerja ini, Abdul Hadi memperincikan syarat-syarat *Tahaluf Siyasi* seperti tidak mengikat sehingga menjejaskan prinsip, mengakui kepimpinan Islam dan tidak menjejaskan matlamat perjuangan dan tidak *berwala'* (memberikan kesetiaan) kepada musuh dan tidak redha dengan pegangan mereka. Abdul Hadi menjelaskan dua masalah yang diizinkan dalam *Tahaluf Siyasi*, iaitu ke arah kedaulatan Islam dan pelaksanaan syari'atnya. Dalam hal ini, beliau menegaskan *Tahaluf Siyasi* mesti mengekalkan matlamat menegakkan Negara Islam tidak boleh terikat dengan janji yang menghalangnya atau syarat-syarat yang mengikat. Kedua, *Tahaluf Siyasi* bermatlamat menentang kezaliman, penyelewengan dan keruntuhan moral.¹⁷⁸

Selain itu, beliau turut membahagikan *Tahaluf Siyasi* kepada dua bentuk, iaitu *Tahaluf Siyasi* membentuk kerajaan dan tanpa membentuk kerajaan. Dalam konteks *Tahaluf Siyasi* membentuk kerajaan, beberapa syarat perlu dipatuhi, iaitu kepimpinan mestilah di tangan Islam, mengiktiraf Negara Islam dan menerima perlembagaan Islam dan syari'atnya. Dalam konteks *Tahaluf Siyasi* tanpa membentuk kerajaan pula, ia mesti memenuhi syarat seperti disebabkan oleh masalah untuk menghadapi musuh yang lebih besar, masalah bersama untuk menentang kezaliman, penyelewengan, membebaskan orang-orang tahanan dan sebagainya, berlindung sementara di masa lemah dan tidak terikat dengan syarat yang bercanggah dengan Islam dan kepentingan *harakah islamiyyah*.

Kertas kerja yang disediakan oleh Abdul Hadi ini juga diambil kesempatan oleh PAS untuk memperbaiki kelemahan kerjasama politik terdahulu. Dalam hal ini, PAS bertekad untuk mengutamakan persefahaman dan kerjasama dengan kumpulan-

¹⁷⁸ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas bertajuk "Tahaluf" oleh Naib Yang DiPertua PAS Pusat, Abdul Hadi Awang pada 9 Oktober 1988.

kumpulan Islam yang berpengaruh dan mempunyai titik pertemuan dalam perkara prinsip yang boleh dipercayai, bukan yang lemah dan tidak berperanan. Hal ini ada kaitannya dengan kegagalan kerjasama politik PAS melalui Harakah Keadilan Rakyat (HAK) bersama Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), NASMA dan SDP dalam Pilihan Raya Umum 1986. PAS tewas teruk apabila hanya memenangi sebuah kerusi parlimen melalui Nik Abdullah Arshad.¹⁷⁹ Justeru, PAS kemudiannya telah membentuk kerjasama dengan Parti Melayu Islam yang berpengaruh melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) bersama Parti Semangat Melayu 46, HAMIM dan BERJASA. Selain itu, PAS juga tidak mengutamakan kerjasama dengan kumpulan bukan Islam. Jika dilakukan sekalipun, PAS berpandangan *Tahaluf Siyasi* dengan kumpulan bukan Islam hendaklah dibuat melalui ikatan-ikatan yang longgar dan tidak merugikan mereka pada masa akan datang. Hal ini kerana PAS menyedari kerjasama dengan bukan Islam tidak akan berkekalan.

Laporan Pengerusi Jawatankuasa Pengkaji *al-Tahaluf al-Siasi* oleh Hassan Shukri kepada Majlis Syura Ulama PAS bertarikh 12 Mei 1990 bertajuk “Rumusan Kertas-kertas *al-Tahaluf al-Siasi* yang ditulis oleh Abdul Hadi Awang, Mohd Khir Yaakob, Azizan Abdul Razak dan Ahmad Zaki Ibrahim serta Komentor oleh Harun Taib mengemukakan satu bentuk *Tahaluf Siyasi* yang berbeza dengan konsep sebelum ini, iaitu *Tahaluf Siyasi* dengan orang bukan Islam tanpa membentuk Negara Islam. Ini kerana konsep *Tahaluf Siyasi* yang diperkenalkan sebelum ini mesti mengiktiraf Negara Islam dan menerima perlembagaan Islam dan syari’atnya. Dalam hal ini, *Tahaluf Siyasi* bersama kumpulan bukan Islam tanpa membentuk Negara Islam harus dilakukan dengan syarat-syarat tertentu seperti, tidak sampai kepada memberi kuasa membuat dasar, tidak sampai kepada bertolak ansur dalam perkara-perkara aqidah dan dasar,

¹⁷⁹ Dalam PRU 1986, kerjasama politik yang diketuai oleh PAS meletakkan 125 calon, 98 melalui PAS, 19 melalui SDP, empat melalui NASMA dan empat melalui PSRM. 21 calon PAS, 15 calon SDP dan tiga calon NASMA, hilang wang pertaruhan mereka.

boleh memberi peluang kepada gerakan Islam membuat penjelasan tentang Islam dan sistem pemerintahan Islam kepada mereka, yakin tentang adanya masalah siasah syari'ah dengan erti mereka benar-benar menyokong calon dari gerakan Islam dan tidak menimbulkan fitnah yang lebih besar kepada gerakan Islam sehingga ke peringkat memecahkan saf jamaah gerakan Islam itu sendiri.¹⁸⁰

Selain itu, laporan ini juga membuat penambahan dengan menyenaraikan beberapa situasi yang boleh mengharamkan *Tahaluf Siyasi* berlaku. Senarai itu adalah *Tahaluf Siyasi* yang memberi peluang kepada musuh melakukan sesuatu yang tidak baik kepada gerakan/jamaah Islam; *Tahaluf Siyasi* yang membawa kepada penerimaan dasar dan ideologi bukan Islam, tolak ansur dalam perkara aqidah dan dasar; *Tahaluf Siyasi* yang memberi wala' (kepimpinan dan keredhaan) kepada musuh-musuh Islam dan *Tahaluf Siyasi* yang membawa fitnah yang lebih besar kepada gerakan/jamaah Islam dari masalahnya. *Tahaluf Siyasi* tidak boleh dilaksanakan oleh PAS jika semua atau salah satu daripada situasi seperti yang disenaraikan di atas berlaku.

Kertas kerja terakhir berkenaan *Tahaluf Siyasi* telah disediakan oleh Majlis Syura Ulama PAS pada 2010. Kertas kerja yang bertajuk "*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*" bertujuan memperkukuhkan lagi pendirian PAS terhadap kerjasama politik agar tidak tersasar daripada matlamatnya. Walaupun kertas kerja ini disediakan agak lewat berbanding kerjasama politik yang lebih awal disertai oleh PAS pada 1998, ia bukanlah satu isu atau masalah yang perlu diperbesarkan. Hal ini kerana PAS telah menyediakan konsep *Tahaluf Siyasi* dengan penghuraian yang jelas pada 1986 dan 1988. Kertas kerja tersebut boleh dirujuk oleh PAS kerana parti itu tidak pernah membatalkannya. Lebih penting, pendirian PAS berkaitan kerjasama politik

¹⁸⁰ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Laporan Pengerusi Jawatankuasa Pengkaji *al-Tahaluf al-Siasi* oleh Hassan Shukri kepada Majlis Syura Ulama PAS bertarikh 12 Mei 1990 bertajuk "*Rumusan Kertas-kertas al-Tahaluf al-Siasi*" yang ditulis oleh Abdul Hadi Awang, Mohd Khir Yaakob, Azizan Abdul Razak dan Ahmad Zaki Ibrahim serta Komentari oleh Harun Taib.

antara tahun 1999 hingga 2009 adalah sejajar dan tidak bercanggah dengan semangat konsep *Tahaluf Siyasi* yang disediakan pada sebelumnya. Hal ini termasuk pendirian PAS untuk mempertahankan dasar Islam dan prinsip perjuangannya ketika bekerjasama politik serta keinginan untuk memimpin kerjasama politik untuk memastikan dasar perjuangan parti terus dapat diperjuangkan.

Kertas kerja ini dilihat lebih komprehensif dan tersusun berbanding kertas kerja terdahulu dengan menyenaraikan secara jelas dan huraian tentang garis panduan *Tahaluf Siyasi*. Enam garis panduan telah disenaraikan bagi memastikan kerjasama politik PAS tidak bercanggah dengan Islam dan dasar perjuangan parti. Enam garis panduan tersebut ialah pertama; *Tahaluf* mestilah dijadikan wasilah untuk menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam, kedua; *Tahaluf* mestilah dipastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan, ketiga; *Intima'* hendaklah diberikan kepada kepimpinan PAS, bukan kepada pakatan *Tahaluf*, keempat; *Tahaluf* hendaklah dijadikan ruang dan medan untuk menyampaikan dakwah, kelima; matlamat kemenangan Islam tidak boleh menghalalkan *Tahaluf* secara mutlak dan keenam; Majlis Syura Ulamak mempunyai kuasa membuat keputusan mengenai kesinambungan *Tahaluf Siyasi* berdasarkan kepada *masalah* dan *mafsadah syar'iyah* dari semasa ke semasa.¹⁸¹

Berbanding dengan syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh PAS sebelum ini, kertas kerja ini telah menambah dua syarat baharu. Pertama, memberikan kuasa dan mandat kepada Majlis Syura Ulamak untuk menentukan kesinambungan dan kedudukan *Tahaluf Siyasi*. Dalam hal ini, Majlis Syura 'Ulamak mempunyai hak untuk membuat keputusan terhadap penerusan *Tahaluf* atau sebaliknya, isu-isu yang boleh

¹⁸¹ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk "*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*" yang disediakan oleh Majlis Syura Ulamak, PAS.

dibersamakan dan isu-isu yang tidak boleh dibersamakan. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu menghormati keputusan Majlis Syura dalam ketiga-tiga perkara tersebut. Tindakan ini dilihat satu usaha PAS memperkukuhkan lagi kedudukan Majlis Syura Ulamak sebagai badan yang mempunyai autoriti khususnya dalam hal ehwal kerjasama politik. Tidak dinafikan, kertas kerja *Tahaluf* sebelum ini tidak menyatakan secara jelas peranan Majlis Syura Ulamak sepertimana yang dibangkitkan dalam kertas kerja *Tahaluf* pada 2010. Bagaimanapun dari segi amalan, Majlis Syura Ulamak sebenarnya telah melaksanakan peranan sebagai badan yang bertanggungjawab menentukan penerusan kerjasama politik. Hal ini boleh dibuktikan apabila Majlis Syura Ulamak telah membuat keputusan untuk memutuskan hubungan PAS dengan Parti Melayu Semangat 46 pada semua peringkat pada 13 Julai 1996.¹⁸²

Kedua, mengiktiraf usaha mempertahankan hak ketuanan orang Melayu sebagai satu cara memperkukuhkan kedudukan umat Islam di negara. Perkara ini sememangnya menarik perhatian kerana dalam kertas kerja *Tahaluf* sebelum ini langsung tidak menyebut soal Melayu dalam kerjasama politik mereka. Penekanan baharu ini dilihat satu langkah PAS yang lebih realistik dan terbuka kerana kedudukan orang Melayu yang baik secara langsung memberi kesan kepada kedudukan umat Islam di negara. PAS tidak boleh lagi menafikan faktor Melayu dalam usaha mereka untuk menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam. Bagaimanapun, PAS menegaskan bahawa penekanan terhadap kedudukan dan ketuanan orang Melayu ini bukanlah disebabkan faktor Melayu tetapi kerana Islam di sebaliknya.

¹⁸² Kenyataan Rasmi PAS: Hubungan PAS dengan Parti Melayu Semangat 46, 14 Julai 1996.

Pendekatan PAS dan *Tahaluf Siyasi* dalam Kerjasama Politik

Berdasarkan kertas kerja *Tahaluf Siyasi* yang disentuh sebelum ini, amat jelas menunjukkan bahawa kerjasama politik PAS perlu bermatlamatkan kemenangan Islam dan bukan kemenangan politik melalui pilihan raya semata-mata. Konsep dan garis panduan ini juga menjelaskan apa yang dihasratkan oleh PAS agar kerjasama politik mereka tidak bercanggah dengan dasar dan perjuangan parti.¹⁸³ Walaupun terdapat penekanan baharu dalam kertas kerja yang disediakan, ia bertujuan memperbaiki kelemahan ke arah memperkukuhkan lagi konsep *Tahaluf Siyasi* agar ia dapat menyokong perjuangan Islam dan dasar parti. Apa yang penting, garis panduan *Tahaluf Siyasi* perlu dipatuhi kerana ia adalah asas dan sumber dalil yang membenarkan PAS bekerjasama.¹⁸⁴ Jika berlaku percanggahan dengan apa yang telah digariskan, kerjasama politik tidak boleh diteruskan.

Dapatan daripada temubual yang dilakukan dengan pemimpin-pemimpin PAS menunjukkan pandangan mereka selari dengan garis panduan *Tahaluf Siyasi*. Mereka bersetuju dan menerima bahawa konsep *Tahaluf Siyasi* adalah pendekatan parti dalam menjayakan kerjasama politik. Mereka juga percaya bahawa kerjasama politik PAS mestilah terikat dan berpandu dengan konsep *Tahaluf Siyasi* yang disediakan. Bagaimanapun, tidak dinafikan ketika memperincikan pendekatan PAS dalam kerjasama politik, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan pemimpin PAS. Polemik yang timbul hasil perbezaan pandangan itu akan turut dikupas dalam

¹⁸³ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk “*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*” yang disediakan oleh Majlis Syura Ulama, PAS.

¹⁸⁴ Temubual pengkaji bersama Pengarah Pusat Penyelidikan Operasi PAS, Dr. Zuhdi Marzuki pada 18 Disember 2014.

perbincangan. Berikut adalah dapatan penting temubual yang menggariskan pendekatan yang perlu diberikan perhatian oleh PAS dalam menjayakan kerjasama politik.¹⁸⁵

Selari dengan garis panduan *Tahaluf*, iaitu mesti dipastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan, kerjasama politik PAS tidak boleh sama sekali menyentuh dan membelakangi dasar-dasar Islam. Ini bermakna, kerjasama politik PAS boleh diadakan dengan syarat ia tidak menyentuh dasar-dasar Islam. Mantan Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa menjelaskan hal ini seperti berikut:

Dalam konsep *tahaluf* ini, dasarnya boleh bekerjasama dengan sesiapa sahaja asalkan dia tidak menyentuh dasar-dasar Islam. Dan ketika saya menguruskan pimpinan PAS dengan tokoh-tokoh pemikir Islam itu, perkara ini yang dibincangkan, iaitu tidak menyentuh dasar-dasar Islam, maka *tahaluf* itu perkara yang dibolehkan.¹⁸⁶

Selain memastikan dasar Islam dapat dipertahankan, *Tahaluf Siyasi* yang dilaksanakan oleh PAS tidak boleh melibatkan perkara mungkar yang salah daripada segi syarak kerana ia akan merugikan dasar perjuangan Islam yang dibawa olehnya.¹⁸⁷ Dalam hal ini, Mujahid Yusuf Rawa menegaskan bahawa kerjasama politik mesti memberi lebih banyak manfaat atau kebaikan berbanding kemudaratan kepada Islam. Jika sebaliknya, iaitu kerjasama politik membawa lebih banyak kemudaratan berbanding kebaikan, ia tidak boleh dilakukan.

Garis panduan *Tahaluf Siyasi* menetapkan bahawa kerjasama politik menjadi wasilah untuk menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam. Justeru, kerjasama politik PAS hendaklah bersifat

¹⁸⁵ Selain pandangan pemimpin PAS yang ditemubual, kenyataan pemimpin PAS yang lain turut digunakan sebagai menyokong dapatan kajian. Sebagai contohnya, kajian ini memasukkan kenyataan Presiden PAS dalam Ucapan Dasar sempena Muktamar Tahunan PAS yang dianggap satu ucapan penting dalam menentukan hala tuju parti.

¹⁸⁶ Temubual pengkaji bersama bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa, pada 21 April 2014.

¹⁸⁷ Temubual pengkaji bersama Mujahid Yusuf Rawa, Ahli Parlimen Parit Buntar, pada 24 Februari 2014.

strategi bukan matlamat akhir parti. Menurut mantan Setiausaha Agung PAS Pusat, Dato' Mustafa Ali, PAS perlu memastikan kerjasama politik bukanlah matlamat akhir sebaliknya hanyalah strategi bagi memenuhi dasar dan perjuangan parti. Hal yang sama turut diakui oleh Naib Presiden PAS, Dato' Dr. Ir Iskandar Samad apabila berpendapat kerjasama politik umpama kenderaan yang membawa PAS kepada satu destinasi, iaitu matlamat dan dasar asal perjuangannya.

PAS tidak boleh menjadikan kerjasama politik sebagai dasar parti kerana jika sebuah dasar, ia sukar untuk dibuang atau diganti jika tidak menguntungkan perjuangan parti. Memandangkan kerjasama politik hanyalah strategi parti, ia bersifat anjal dan boleh berubah. Justeru, PAS boleh membatalkan kerjasama politik jika ia menyasar daripada matlamat dan dasar perjuangan parti. Hal ini disokong oleh kenyataan Mustafa, iaitu *"Kalau strategi itu menjejaskan dasar, kita kena fikirilah. Strategi ni fleksibel, ia boleh berubah. Dasar tidak boleh berubah, dasar kita adalah Islam"*¹⁸⁸ Pandangan ini juga membuktikan bahawa kerjasama politik yang dijayakan oleh PAS bukanlah satu perkara yang mutlak dan kekal, tetapi boleh berubah mengikut keadaan dan kesesuaian pada satu-satu masa.

Memandangkan dasar perjuangan PAS ialah Islam, kerjasama politik PAS hendaklah memastikan dasar asal parti dipertahankan. Dalam hal ini, Ahli Parlimen Parit Buntar yang juga mantan Pengerusi Lujnah Perpaduan Nasional PAS Pusat, Mujahid Yusuf Rawa menyebut PAS tidak pernah menggugurkan dasar asal perjuangan parti untuk memperjuangkan Islam sewaktu menjayakan kerjasama politik. Sehubungan dengan itu, dasar PAS untuk memartabatkan kedudukan Islam dan umat Islam adalah kekal dan sama sekali tidak digugurkan. Kenyataan beliau menolak dakwaan bahawa PAS menggugurkan ideologi dan dasar asal perjuangannya semata-mata untuk menjayakan

¹⁸⁸ Temubual pengkaji bersama Mustafa Ali, Setiausaha Agung PAS, pada 17 Jun 2014.

kerjasama politiknya. Sebaliknya, yang berlaku hanyalah PAS melunakkan perkara tertentu agar parti lain mudah memahami perjuangannya.

Jelas Mujahid lagi, PAS seperti parti lain dalam pakatan pembangkang boleh mengekalkan dasar asal perjuangan masing-masing kerana itu adalah antara perkara yang disepakati bersama. Beliau menjelaskan lagi seperti berikut:

Tidak ada mana-mana parti dalam tiga ni (PAS, PKR dan DAP) ideologi mereka digugurkan. Itu adalah sebahagian daripada *tahaluf* yang kita buat. Maknanya DAP tak boleh persoalkan Islam yang menjadi ideologi PAS. Sebenarnya kami juga tidak boleh persoalkan *Malaysian Malaysia* atau *democratic* atau PKR yang lebih liberal contohnya, kita hormat. Apa yang kita lakukan adalah melunakkan (*town done*) istilah dan terma yang dilihat tidak mesra dengan parti lain.¹⁸⁹

Memandangkan kerjasama politik PAS perlu memastikan dasar asal parti dipertahankan, kerjasama politik itu juga mestilah satu pakatan yang longgar dan tidak boleh mengikat sehingga menjejaskan dasar dan perjuangan parti. Dalam kata yang lain, tolak ansur dan kompromi dalam kerjasama politik PAS tidak boleh sama sekali menyentuh soal dasar asal perjuangannya. Memandangkan kerjasama politik tidak boleh membabitkan dasar parti, PAS berhak untuk mempertahankan dasar tersebut walaupun mendapat bantahan rakan dalam pakatan pembangkang.¹⁹⁰ Hal ini termasuk bertegas tentang penubuhan Negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud di negara. Mustafa menjelaskan perkara ini seperti berikut:

PAS kata Islam tu dasar kita, (oleh itu) kita tidak akan gugur Islam sebagai dasar perjuangan PAS. Negara Islam itu sebutan sahaja, dia nak sebut ke nak mudah sebut tu, tapi kalau nak buang negara Islam bererti macam fahaman umum macam buang Islam, buang dasar tak boleh. Keputusan tu DAP keluar sebab mereka minta kita gugurkan Negara Islam. Kita kata tidak”.¹⁹¹

¹⁸⁹ Temubual pengkaji bersama Mujahid Yusuf Rawa, Ahli Parlimen Parit Buntar, pada 24 Februari 2014.

¹⁹⁰ *Berita Harian*, “Jangan Sentuh Hal Ehwal Islam: Hadi”, 21 Mac 2015.

¹⁹¹ Temubual dengan Mustafa Ali.

Kerjasama politik meletakkan PAS sebagai pemimpin bukan pengikut. Pemimpin dalam konteks ini adalah kemampuan dan keupayaan PAS memperjuangkan dasar parti sebagai perjuangan yang berterusan dan mengangkat menjadi dasar bersama dalam pakatan pembangkang. Hal ini penting untuk menyokong garis panduan *Tahaluf Siyasi*, iaitu menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam dapat direalisasikan. Keinginan PAS untuk menjadi pemimpin dalam pakatan pembangkang sememangnya dapat dilihat sejak peringkat awal kerjasama politik lagi. Mantan Presiden PAS, Allahyarham Dato' Fadzil Mohd Noor pernah menegaskan hal ini dalam Muktamar Tahunan PAS yang ke 45 bahawa PAS bercita-cita menjadi ketua dan pemimpin dalam pakatan pembangkang untuk menerajui kebangkitan rakyat menentang kerajaan.¹⁹² Pengalaman memimpin GERAK sebelum pembentukan BA turut dijadikan hujah oleh PAS bahawa mereka bersedia dan telah diberi kepercayaan untuk memimpin kerjasama politik.

Perkembangan ini menunjukkan bahawa PAS tidak boleh menjadi pengikut dalam kerjasama politik. Lebih-lebih lagi, keupayaan PAS bertindak sebagai pemimpin lebih terserlah dalam pakatan pembangkang, iaitu Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat berbanding sewaktu dalam BN apabila dapat menentukan polisi dan dasar bersama. Hasrat PAS sebagai pemimpin dalam kerjasama politik diperjelaskan lagi oleh Mustafa Ali, iaitu:

PAS boleh buat kerjasama dengan pihak lain tetapi bukan sebagai pengikut semata-mata, PAS mesti menjadi penentu kepada dasar-dasar yang dilaksanakan. Maknanya, masa depan kerjasama ini mestilah bersandarkan bahawa PAS mempunyai peranan dalam menentukan polisi dan dasar negara, bukan sebagai pengikut. Akan tetapi dalam BN, kita sebagai pengikut. Kita tidak boleh tentukan dasar sebab apa yang kita tidak setuju dia buat juga.¹⁹³

¹⁹² Sila rujuk Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-45, 1999, "Bersama Menegakkan Keadilan".

¹⁹³ Temubual pengkaji bersama Mustafa Ali, Setiausaha Agung PAS, pada 17 Jun 2014. Mustafa berkata, kedudukan PAS sebagai pengikut dalam BN adalah pengajaran yang tidak boleh berulang dalam kerjasama politik.

Kenyataan Mustafa Ali disokong oleh mantan Naib Presiden PAS, Dato' Husam Musa apabila berkata, PAS mesti mempunyai cita-cita untuk memimpin dan menjadi pemimpin negara.¹⁹⁴ Justeru, PAS perlu berada dalam pakatan pembangkang kerana ia memberi peluang kepada parti menjadi ketua atau pemimpin. Berbanding dalam kerajaan, PAS tidak boleh mengambil peranan UMNO sebagai ketua. PAS akan kekal sebagai makmum atau pengikut jika berada dalam kerajaan.

PAS layak untuk memimpin kerjasama politik dan dianggap sebagai parti yang dominan atas beberapa faktor seperti mewakili parti Melayu/Islam, mempunyai organisasi dan jaringan paling kuat dan memiliki ahli yang lebih ramai.¹⁹⁵ Bagaimanapun, peranan PAS sebagai ketua atau pemimpin ini kurang dipersetujui oleh Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa. Beliau menolak sebarang dominasi satu-satu parti politik dalam kerjasama politik kerana percaya setiap parti adalah *equal partner* atau rakan setaraf.¹⁹⁶ PAS tidak boleh menjadi pemimpin dalam kerjasama politik hanya semata-mata PAS adalah sebuah parti politik yang paling lama dan mempunyai banyak cawangan di seluruh negara berbanding parti lain. Sebaliknya, PAS perlu mengambil kira faktor lain seperti keperluan untuk memenangi jumlah kerusi parlimen yang paling tinggi sebagai kelebihan menjadi parti yang dominan dalam pakatan pembangkang. Selain itu, penerimaan parti lain terhadap kepimpinan PAS juga penting dan ia mesti bersandarkan kepada kualiti, keupayaan dan kemampuan sebenar PAS untuk memimpin. Tambahan lagi, PAS tidak mempunyai kelebihan untuk menjadi pemimpin dalam kerjasama politik berbanding UMNO dalam BN. UMNO boleh selesa sebagai ketua dan pemimpin dalam BN kerana kedudukannya yang sudah kukuh. Perbincangan lebih lanjut mengenai kepentingan PAS sebagai pemimpin dalam kerjasama politik boleh dilihat dalam Bab Empat kajian ini.

¹⁹⁴ Temubual pengkaji bersama Mantan Naib Presiden PAS, Dato' Husam Musa pada 24 April 2014.

¹⁹⁵ Temubual pengkaji bersama Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhdi Marzuki pada 18 Disember 2014.

¹⁹⁶ Temubual pengkaji bersama Mujahid Yusuf Rawa, Ahli Parlimen Parit Buntar, pada 24 Februari 2014.

Kerjasama politik PAS perlu mendahulukan kepentingan Islam berbanding kemenangan politik. Hal ini selari dengan garis panduan *Tahaluf*, iaitu matlamat kemenangan Islam tidak boleh menghalalkan *Tahaluf* secara mutlak. Dalam kata lain, PAS perlu bersedia menanggung kerugian politik untuk menjaga dan mempertahankan dasar perjuangan parti. PAS tidak boleh menanggung larangan syariat untuk menjaga kepentingan politik. Jika berlaku pertembungan antara kepentingan politik dengan dasar perjuangan parti, maka *Tahaluf Siyasi* yang dilaksanakan oleh PAS mesti mengutamakan kepentingan yang memihak kepada dasar perjuangan parti.

Mustafa Ali mengakui bahawa kerjasama politik tidak boleh sama sekali menjejaskan prinsip parti. Tegas beliau, iaitu “*kepentingan kerjasama kita itu tidak ada masalah tapi tidak boleh menjejaskan prinsip. Jadi itu kita punya sempadan di situ. Yang lain boleh berubah tapi perubahan dasar tidak boleh.*”¹⁹⁷ Sehubungan dengan itu, PAS tetap bertegas untuk mempertahankan dasar Islam dalam perjuangannya dan sama sekali tidak akan menggugurkannya meskipun tindakan itu mengakibatkan kehilangan sokongan rakan dalam pakatan pembangkang. Perkara yang sama pernah disentuh oleh Presiden PAS, Dato’ Seri Abdul Hadi Awang apabila menyebut bahawa kerjasama politik PAS tidak boleh membiarkan parti kehilangan prinsip dan jati diri parti sehingga menjadikan kemenangan pilihan raya sebagai satu-satunya ukuran sehingga menghilangkan dasar parti bagi pelaksanaan Islam.¹⁹⁸

Kerjasama politik PAS adalah bersifat jangka panjang untuk perjuangan mendaulatkan Islam dan bukan sekadar memenangi pilihan raya. Hal ini kerana tujuan utama PAS menjalinkan kerjasama politik ialah untuk menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam dan usaha ini

¹⁹⁷ Temubual pengkaji bersama Mustafa Ali, Setiausaha Agung PAS, pada 17 Jun 2014.

¹⁹⁸ Ucapan Dasar Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam Muktamar Tahunan PAS ke 61 tahun 2014.

mengambil masa yang lama. Justeru, penyertaan PAS dalam *Tahaluf Siyasi* mesti melangkaui pilihan raya. Menurut Dr. Zuhdi Marzuki, kemenangan dalam pilihan raya bukan satu ukuran yang mutlak dalam kerjasama politik PAS kerana apa yang lebih penting adalah mesej dan agenda perjuangan parti dapat diterima oleh rakyat. Jelas beliau, “*yang paling penting adalah agenda perjuangan dan kita perlu menang. Akan tetapi ada masa kita menang agenda perjuangan kita tetapi parti belum lagi menang (pilihan raya)*”¹⁹⁹

Bagaimanapun secara realitinya, kerjasama politik PAS seringkali gagal dan hanya mampu bertahan dalam tempoh yang singkat. Dato’ Dr. Mujahid Yusuf Rawa mengakui bahawa kerjasama politik PAS tidak pernah bersifat jangka panjang lebih-lebih lagi ia adalah pakatan yang longgar dan organisasinya tidak distrukturkan seperti BN.²⁰⁰ Sehubungan dengan itu, satu hakikat penting yang dapat disimpulkan di sini bahawa PAS tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kerjasama politik untuk memperjuangkan Islam memandangkan tempoh kerjasama yang singkat. Sebaliknya, PAS perlu bersedia untuk memperjuangkan Islam tanpa kerjasama politik atau dalam keadaan parti bergerak secara bersendirian.

Salah satu faktor utama PAS mengadakan kerjasama politik adalah matlamat dakwah. Justeru, kerjasama politik PAS perlu menjadi medan dakwah untuk menarik perhatian bukan Islam dalam memahami tentang kesyumulan Islam. Hal ini sejajar dengan garis panduan *Tahaluf* agar dijadikan ruang dan medan untuk menyampaikan dakwah khususnya kepada bukan Islam, lebih-lebih lagi, Islam adalah agama universal dan membawa rahmat kepada semua tidak kira latar belakang agama dan keturunan mereka. Dalam hal ini, mesej dakwah ini tidak semestinya ia dapat mengislamkan orang bukan

¹⁹⁹ Temubual pengkaji bersama Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhdi Marzuki pada 18 Disember 2014.

²⁰⁰ Temubual pengkaji bersama Mujahid Yusuf Rawa, Ahli Parlimen Parit Buntar, pada 24 Februari 2014.

Islam tetapi apa yang lebih penting adalah membuka laluan kepada mereka untuk mengenal hakikat dan kebenaran Islam sebagai agama yang dapat memberi kesejahteraan kepada manusia sejagat dalam segenap aspek termasuk politik, sosial, ekonomi dan perundangan. Ini sekaligus akan dapat mengubah dan memperbaiki persepsi bukan Islam terhadap Islam yang dilihat oleh beberapa pihak sebagai agama yang tidak toleran dan menganjurkan permusuhan.

Sehubungan dengan itu, kerjasama politik PAS sememangnya perlu dimanfaatkan untuk menyampaikan dakwah dan mesej Islam kepada bukan Islam. Dalam hal ini, kumpulan bukan Islam perlu didedahkan dengan keindahan Islam sepertimana pandangan Husam Musa, iaitu "*Islam terbuka kepada sesiapa pun, kalau dia belum Islam, dia boleh terima prinsip-prinsip kenegaraan Islam seperti keadilan, layanan yang baik, jadi dia boleh menikmati kesejahteraan dan keindahan pentadbiran Islam.*"²⁰¹ Selain itu, memandangkan usaha dakwah khususnya kepada bukan Islam akan mengambil masa yang lama, *Tahaluf Siyasi* PAS dengan bukan Islam adalah pendekatan jangka panjang agar mereka dapat memahami Islam.²⁰²

Melihat kepada keperluan menjaga kepentingan umat Islam kerjasama politik PAS perlu mempertahankan kedudukan dan hak ketuanan orang Melayu. Sekiranya mempertahankan ketuanan Melayu itu dengan maksud dapat menjamin hak umat Islam, maka ia perlu dipertahankan dalam konteks dan realiti Malaysia hari ini.²⁰³ Sehubungan dengan itu, PAS perlu komited dalam memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan Islam kerana orang Melayu di Malaysia adalah mereka yang beragama Islam dan memperjuangkan hak orang Melayu bererti membantu usaha mempertahankan

²⁰¹ Temubual pengkaji bersama Naib Presiden PAS, Husam Musa, pada 24 April 2014.

²⁰² Ibid.

²⁰³ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk "*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*" yang disediakan oleh Majlis Syura Ulama, PAS. Kekuatan umat Islam/Melayu di negara boleh dilihat berdasarkan penguasaan persenjataan seperti hak polis dan tentera, kedudukan sosio-ekonomi seperti hak kedudukan tanah dan sebagainya, kedudukan sosio-politik dan lain-lain yang dirasakan perlu berdasarkan nas-nas syariat.

kedudukan umat Islam di negara. Peranan kerjasama politik PAS untuk mempertahankan kedudukan Melayu dan Islam di negara amat penting bagi memastikan kestabilan dan keharmonian negara. Dr. Zuhdi Marzuki berpandangan sebarang usaha untuk menafikan kedudukan Melayu dan Islam akan memberi ancaman kepada negara. Beliau menjelaskan:

Jadi kita nampak Malaysia ini ada asasnya, iaitu Islam itu dominan. Raja-raja Melayu adalah satu institusi yang menstabilkan politik dan orang Melayu teras kepada kestabilan negara. Jadi apabila kita hendak mencorakkan negara dengan agenda yang lain, ia akan menyebabkan masalah kepada negara.²⁰⁴

Bagaimanapun, penekanan untuk menjaga kepentingan Melayu tidak sewajarnya menyempitkan skop perjuangan PAS yang perlu terbuka kepada semua kaum di negara. Dato' Husam Musa menegaskan bahawa PAS tidak boleh menekankan soal Melayu semata-mata kerana politik kemelayuan bukan lagi satu senjata yang ampuh. Malah, sokongan kepada PAS selama ini bukan sahaja diterima daripada orang Melayu tetapi bukan Melayu khususnya di Selangor dan Johor. Beliau berkata:

PAS menjadi parti secara semulajadi adalah parti pelbagai kaum berprinsipkan Islam. Jadi, kenapa PAS perlu kembali kepada Melayu sedangkan orang kata UMNO ini di akhir usia dia. Katakan PAS ambil langkah kemelayuan seratus peratus, kerusi-kerusi PAS di Selangor sebahagian besar disokong oleh bukan Melayu. PAS menang di Johor buat pertama kali dalam sejarah 60 tahun adalah disokong oleh bukan Melayu. Jadi apa logiknya nak jadi pejuang Melayu semata-mata.²⁰⁵

Garis panduan ketiga, iaitu *Intima*²⁰⁶ hendaklah diberikan kepada kepimpinan PAS, bukan kepada pakatan *Tahaluf*. Ini secara jelas menunjukkan bahawa kerjasama PAS tidak boleh membelakangkan kepimpinan parti malah perlu mendahulukannya

²⁰⁴ Temubual pengkaji bersama Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhdi Marzuki pada 18 Disember 2014.

²⁰⁵ Temubual pengkaji bersama Naib Presiden PAS, Husam Musa, pada 24 April 2014.

²⁰⁶ *Intima* yang dimaksudkan di sini adalah menyertai dan menganuti. *Intima* memerlukan ketaatan, *wala'* dan *thiqah*. *Wala'* bermaksud membantu parti dan Jemaah serta *Thiqah* bermaksud memberikan kepercayaan kepada parti atau pemimpin tertinggi parti.

berbanding kepimpinan pakatan pembangkang. Ini termasuk dalam keadaan kepimpinan parti dilihat dan dinilai lemah berbanding kepimpinan di peringkat pakatan pembangkang. Malah, ketaatan kepada kepimpinan parti perlu diberikan selagi ia tidak lari daripada landasan dan prinsip Islam.

Garis panduan keenam, Majlis Syura Ulamak mempunyai kuasa membuat keputusan mengenai kesinambungan *Tahaluf Siyasi* berdasarkan kepada *masalah* dan *mafsadah syar'iyah* dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, kedudukan *tahaluf* perlu dikaji dari masa ke semasa oleh Majlis Syura Ulamak sama ada ia boleh diteruskan atau perlu dikaji semula. Semua pihak perlu menghormati keputusan Majlis Syura Ulamak dalam membuat beberapa ketetapan seperti penerusan *tahaluf* atau sebaliknya, mengenal pasti isu-isu yang boleh dibersamakan dan isu-isu yang tidak boleh dibersamakan. Kedudukan muktamad tentang *tahaluf* hanya boleh ditentukan oleh pakar-pakar yang berkenaan, iaitu ahli Majlis Syura Ulamak.

Kesimpulan

PAS mengakui kerjasama politik adalah strategi penting dalam persaingan politik di Malaysia. Malah PAS menerima hakikat bahawa kerjasama politik adalah ciri penting dalam politik Malaysia khususnya untuk mendapat kuasa memerintah. Sejak PAS ditubuhkan, parti itu telah mengadakan kerjasama politik sama ada dengan parti kerajaan, parti pembangkang mahupun kumpulan bukan Islam. Kerjasama ini melalui Perikatan dalam kerajaan campuran, Barisan Nasional (BN), *Chinese Consultative Council* (CCC), Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA), Kelab Penyokong PAS (KPP), Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dan Pakatan Rakyat (PR).

Seperti parti politik yang lain, PAS terdorong untuk mengadakan kerjasama politik disebabkan oleh faktor politik atau menjadikannya sebagai satu strategi politik bagi memenangi pilihan raya dan seterusnya menubuhkan kerajaan. Pada masa yang sama, kesediaan PAS untuk mengadakan kerjasama politik juga disebabkan oleh realiti politik Malaysia yang menampilkan masyarakat majmuk dan berbilang kaum. Mana-mana parti politik yang ingin berkuasa perlu mendapat sokongan semua kaum. Kewujudan pelbagai parti politik juga mendorong PAS untuk bekerjasama kerana persaingan politik akan mendorong kepada usaha kompromi dan tolak ansur bagi mencapai satu-satu tujuan politik untuk berhadapan dengan musuh yang sama. Selain itu, penyertaan PAS dalam kerjasama politik juga bertitik tolak daripada keinginannya untuk mewujudkan pakatan pembangkang yang kuat dan kukuh dalam berhadapan dengan parti kerajaan secara lebih efektif.

Sebagai sebuah parti politik yang menjadikan Islam sebagai asas dan agenda perjuangannya, PAS tidak boleh lari dari menjadikan kerjasama politik mereka bagi tujuan dakwah khususnya kepada bukan Islam. Malah, tujuan dakwah ini dianggap sama atau lebih penting daripada matlamat politik, iaitu bagi memenangi pilihan raya dan menubuhkan kerajaan. PAS mahu menjadikan kerjasama politik mereka sebagai kesempatan terbaik untuk menyampaikan mesej Islam khususnya kepada bukan Islam dan memaparkan kesyumulan dan keindahan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap. Pada masa yang sama, kemampuan PAS untuk bekerjasama dengan pihak lain dan menguruskan kepelbagaian akan dapat menggambarkan kehebatan dan keunggulan Islam sebagai sebuah agama yang toleran.

Bagi memastikan kerjasama politik dapat mempertahankan asas perjuangan parti, konsep *Tahaluf Siyasi* menjadi konsep yang dirujuk oleh PAS. PAS percaya konsep

Tahaluf Siyasi adalah satu ijtihad politik dan langkah yang berani diambil oleh PAS yang berasaskan kepada keyakinan dan pendirian yang tegas kepada kepentingan Islam, bukan semata-mata untuk kepentingan politik. Melalui konsep ini, ia mensyaratkan bahawa kerjasama politik hendaklah menuju ke arah cita-cita perjuangan Islam dan tidak merugikan perjuangan parti untuk jangka panjang. Pada masa yang sama, *Tahaluf Siyasi* mestilah tidak mengheret PAS kepada menerima sesuatu yang bertentangan dengan prinsip perjuangan dan aqidah Islam. Ini bermakna, kerjasama politik PAS yang berlandaskan konsep *Tahaluf Siyasi* mestilah mengutamakan matlamat untuk kepentingan Islam dan bukan sekadar mendapatkan pengaruh dan kedudukan. Walau pada masa yang sama, PAS tidak menafikan *Tahaluf Siyasi* adalah penting sebagai satu strategi baharu parti untuk meluaskan pengaruh dan mengikat pelbagai pihak agar memberi sokongan kepadanya.

Konsep *Tahaluf Siyasi* adalah pernyataan hasrat bagaimana satu kerjasama politik PAS sepatutnya berlaku, iaitu mencapai matlamat politik tetapi mempertahankan asas dan agenda perjuangan parti. Hal ini lebih jelas dalam senarai garis panduan yang dizahirkan oleh PAS melalui kertas kerja yang disediakan. Ini termasuk menjadikan *Tahaluf* sebagai wasilah untuk menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam; memastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan; memberikan *Intima'* kepada kepimpinan PAS, bukan kepada pakatan *Tahaluf*; menjadikan *tahaluf* sebagai ruang dan medan untuk menyampaikan dakwah; memastikan matlamat kemenangan Islam tidak boleh menghalalkan *Tahaluf* secara mutlak dan mengiktiraf kedudukan Majlis Syura Ulamak sebagai pemutus dalam pembuat keputusan mengenai kesinambungan *Tahaluf Siyasi* berdasarkan kepada *masalah* dan *mafsadah syar'iyah* dari semasa ke semasa.²⁰⁷

²⁰⁷ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk "*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*" yang disediakan oleh Majlis Syura Ulamak, PAS.

Apa yang jelas, konsep *Tahaluf Siyasi* berusaha untuk mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar perjuangan dan agenda perjuangan. Berdasarkan kepada konsep tersebut, ketegasan PAS dalam mempertahankan asas dan agenda perjuangan parti adalah lebih diutamakan berbanding keghairahan matlamat politik. Malah, PAS bersedia untuk menamatkan sebarang kerjasama politik sekiranya wujud pelanggaran garis panduan *Tahaluf Siyasi*. Pembentukan kerjasama politik PAS yang memerlukan pendekatan toleran, demokratik dan toleran dan kaitannya dengan konsep *Tahaluf Siyasi* adalah satu hal yang menarik untuk dikaji dan ia boleh dilihat dalam bab seterusnya.

University of Malaya

BAB 4 : PEMBENTUKAN KERJASAMA POLITIK PAS

Pengenalan

Dalam tempoh antara 1999 hingga 2015, PAS telah meneruskan kerjasama politik sama ada dalam konteks antara parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahupun intra parti, iaitu melibatkan kumpulan bukan Islam yang bergerak dalam organisasinya. Kerjasama politik PAS dalam tempoh ini berlaku dalam pakatan seperti Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK), Barisan Alternatif (BA), Kelab Penyokong PAS (KPP), Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dan Pakatan Rakyat (PR). Kerjasama politik PAS dalam tempoh ini telah memperlihatkan banyak perkembangan baharu seperti bekerjasama dengan DAP buat pertama kali dan mengumpulkan sokongan kumpulan bukan Islam/Melayu secara signifikan. Ia juga menunjukkan perkembangan dalam tahap pakatan pembangkang yang menjangkau pakatan pilihan raya dan memberi tumpuan kepada kerjasama isu dan kepentingan umum. Bab ini akan menjelaskan perkembangan pembentukan kerjasama politik PAS yang meliputi latar belakang, faktor dan isu yang mendorong kepada pakatan yang dibina. Aspek ini penting untuk memahami bagaimana kerjasama politik PAS dibentuk sehingga memperlihatkan pencapaian dan kemajuan yang tidak berlaku dalam kerjasama sebelumnya.

Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK)

Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia atau GERAK adalah sebuah pakatan yang diketuai oleh PAS bagi menerajui gerakan reformasi yang tercetus selepas pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 September 1998. Menurut Ketua Sekretariat GERAK, Datuk Mahfuz Omar, idea penubuhan GERAK bermula setelah penangkapan Dato' Seri Anwar Ibrahim di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA pada malam 21 September 1998.²⁰⁸ Persefahaman politik yang dibentuk melalui GERAK ini disokong dan dianggotai oleh parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan menyelaraskan kebangkitan rakyat dan mengajak mereka menentang ketidakadilan dan kezaliman oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).²⁰⁹ GERAK buat pertama kali menggabungkan kerjasama PAS dan DAP yang bersetuju memperjuangkan isu dan kepentingan bersama seperti keadilan, kebebasan, demokrasi dan hak asasi manusia.

Penyertaan PAS dalam GERAK bertitik tolak daripada keputusannya untuk bersama-sama menyokong dan membela Anwar Ibrahim. Selepas penyingkiran Anwar Ibrahim, PAS telah membuat pendirian untuk menyokong bekas pemimpin nombor dua negara itu dalam Mesyuarat Lajnah Politik dan Organisasi PAS Pusat pada 6 September 1999. Menurut Presiden PAS ketika itu, Dato' Fadzil Mohd Noor, PAS tidak harus mencerca Anwar Ibrahim atas sikap dan tindak tanduk beliau semasa di dalam kerajaan kerana parti itu memerlukan sokongan pengikut Anwar dalam pilihan raya akan datang dan kepentingan masa depan.²¹⁰ Dalam hal ini, PAS mengakui kedudukan dan pengaruh Anwar dalam konteks politik Malaysia pada ketika itu.

²⁰⁸ Temubual dengan Datuk Mahfuz Omar di Markaz Tarbiyyah PAS, Taman Melewar pada 30 Mei 2001.

²⁰⁹ Mengikuti bekas Presiden PRM, Dr Syed Husin Ali, tujuan penubuhan GERAK adalah "to organise activities to defend Anwar and ensure justice for him", Syed Husin Ali (2012). *Syed Husin Ali: Memoirs of a Political Struggle*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, hlm. 218.

²¹⁰ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Keempat (1998-1999) pada 20 September 1998.

Selain itu, faktor elit politik, iaitu Presiden PAS, Dato' Fadzil Mohd Noor telah banyak mempermudah usaha ke arah kerjasama politik dalam GERAK. Fadzil yang mempunyai hubungan yang baik dengan Anwar sejak aktif dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menjadi faktor pemangkin kepada kerjasama dalam memelopori gerakan rakyat menentang kezaliman kerajaan pada ketika itu.²¹¹ Menurut bekas Setiausaha Politik kepada Fadzil, Dr. Syed Azman Syed Nawawi, bukan mudah PAS pada ketika itu untuk mengalihkan sokongan kepada Anwar Ibrahim, namun ia dapat dijayakan melalui peranan yang dimainkan oleh Fadzil. Jelas beliau lagi, kehadiran Fadzil ke rumah Anwar seurus selepas pemecatan sudah cukup memberi isyarat kepada penyokong PAS agar bersama-sama rakyat memperjuangkan nasib bekas Timbalan Presiden UMNO itu. Fadzil mempunyai alasan yang kukuh untuk ke rumah Anwar dan menyokongnya pada ketika itu.

Menurut bekas Ketua Penerangan PAS, Subky Abdul Latif, pemergian Fadzil ke rumah Anwar adalah bertujuan mendengar sendiri cerita sebenar kenapa beliau dipecat kerana jika Anwar ditahan, beliau tidak dapat berbuat demikian. Apa yang menarik, keputusan Fadzil pergi ke rumah Anwar dan menyokongnya adalah keputusan peribadi beliau yang tidak dibawa berbincang dengan pemimpin PAS yang lain seperti Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Tuan Guru Abdul Hadi Awang. Subky percaya, jika Fadzil menyatakan hasratnya terlebih dahulu kepada pemimpin PAS untuk berjumpa Anwar, belum tentu mereka bersetuju. Ini pasti akan menyebabkan Fadzil berada dalam keadaan serba salah jika hasratnya itu ditolak oleh rakan yang lain. Sebagai seorang presiden, beliau boleh meramal apa yang bakal berlaku dan keuntungan politik yang boleh diraih oleh PAS. Di sinilah letaknya keberanian dan kebijaksanaan Fadzil dalam membaca senario politik pada ketika itu. Tidak mustahil jika Fadzil mengambil sikap

²¹¹ Fadzil dan Anwar merupakan rakan seperjuangan dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Fadzil merupakan Timbalan Presiden Angkatan Belia Islam pada tahun 1974 hingga 1978. Pada ketika itu, Anwar Ibrahim merupakan Presiden ABIM.

tunggu dan lihat atau enggan mendekati Anwar kerana menganggap beliau adalah musuh politik dan pemecatannya adalah krisis dalaman UMNO semata-mata, kerjasama politik yang diterokai dan dijayakan oleh PAS selama ini mungkin tidak akan berlaku. Perkembangan ini jelas membuktikan bahawa kerjasama politik PAS pada peringkat awal yang membawa kepada penubuhan GERAK telah didorong oleh pendirian politik dan faktor elit politiknya.²¹²

Selain itu, faktor tangkapan dan penahanan Anwar di bawah ISA pada malam 21 September 1998 telah mempercepatkan usaha untuk mewujudkan satu kerjasama yang dapat menggabungkan kekuatan antara parti pembangkang dan NGO. Dalam hal ini, PAS telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan semua parti pembangkang termasuk NGO yang turut dihadiri oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dan Presiden PRM, Dr. Syed Husin Ali. Perbincangan tersebut telah bersetuju untuk menubuhkan GERAK²¹³ yang dilancarkan pada 27 September 1998 di Markaz Tarbiyyah PAS Pusat, Taman Melewar dengan Dato' Fadzil Mohd Noor dijadikan pengerusinya dan Dato' Mahfuz Omar dijadikan ketua sekretariatnya.²¹⁴ GERAK mempunyai tiga matlamat utama, iaitu menggembleng seluruh tenaga rakyat untuk menegakkan keadilan dan menentang kezaliman; memastikan institusi pemerintahan, terutama mahkamah, polis dan media tidak diperalatkan untuk menekan serta menakutkan rakyat dan menyebarkan fitnah dan menggerakkan potensi rakyat untuk mengembalikan keadilan yang asasi.²¹⁵

²¹² Ahmad Subky Abdul Latif. 2003. *Fadzil Noor: Dia Guru...Dia Kawan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Azim Sdn Bhd, hlm. 118-120.

²¹³ Menurut Fadzil, GERAK tidak perlu didaftarkan kerana ia bukan satu pertubuhan, sebaliknya pakatan di antara rakyat Malaysia yang prihatin terhadap keadilan dan keamanan. Sila rujuk Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 15 November 1998.

²¹⁴ Ucapan Ketua Pemuda PAS Pusat, Haji Mahfudz Omar pada Muktamar Tahunan PAS ke-47 di Taman Melewar pada 31 Mei 2001.

²¹⁵ *Suara Persatuan Ulama Malaysia*, Jun-Julai 1999, hlm. 11.

Penubuhan GERAK adalah satu usaha untuk bersama-sama dengan gerakan reformasi yang menjadi lambang kepada aspirasi dan kebangkitan rakyat. Walau bagaimanapun, PAS mahu memastikan GERAK tidak akan terlibat dengan demonstrasi di jalan raya dan tidak akan menggunakannya sebagai modus operandi untuk membawa perubahan politik dalam negara.²¹⁶ Sebaliknya, GERAK mahu memastikan sebarang perubahan politik dan kepimpinan negara perlu dibuat secara aman, iaitu menerusi pilihan raya yang sah. Sehubungan dengan itu, GERAK telah melancarkan kempen bagi meningkatkan lagi kesedaran rakyat terhadap isu-isu semasa dan membuat perubahan yang lebih besar dalam pilihan raya.²¹⁷ Kempen menarik sokongan rakyat dilakukan melalui pelbagai kaedah khususnya ceramah dan rapat umum yang diadakan. Markaz Tarbiyyah PAS Pusat di Taman Melewar sering menjadi lokasi utama ceramah dan rapat umum yang menampilkan pemimpin parti pembangkang seperti Presiden Parti Keadilan Nasional (KeADILan), Datin Seri Wan Azizah Ismail, Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr. Syed Husin Ali, Naib Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw dan Peguambela Datuk Seri Anwar Ibrahim, Sulaiman Abdullah.²¹⁸ Hal ini dilihat sebagai satu fenomena baru kerana sebelum ini agak jarang pemimpin parti pembangkang lain berucap di *Markaz Tarbiyyah PAS Pusat* itu.²¹⁹

Selain GERAK, wujud sebuah lagi kerjasama antara parti politik dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO), iaitu Gagasan Demokratik Rakyat atau lebih dikenali sebagai GAGASAN. GERAK dan GAGASAN mempunyai beberapa persamaan seperti melibatkan parti politik, memperjuangkan isu Anwar dan ISA serta berpendekatan

²¹⁶ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kelima (1998-1999) pada 18 Oktober 1998.

²¹⁷ "Gerak 2 dilancar Tumbang BN", *Eksklusif* Bil. 01, 17 April 1999, hlm. 2.

²¹⁸ Fenomena ini satu hal yang tidak boleh dibayangkan sebelum ini. Maklumat lanjut, sila rujuk artikel "Pakatan pembangkang: BN jangan ambil mudah" oleh Fickry Haji Yaacob dalam *Eksklusif*, 3-9 Mei 1999, hlm. 6-7.

²¹⁹ Minit Mesyuarat Panitia Penubuhan GERAK pada 22 September 1998, hlm. 1-6; dan Minit Mesyuarat GERAK pada 27 September 1998, hlm. 1. Selain wakil-wakil PAS dan DAP, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan lain yang turut menyertai GERAK ialah Parti Rakyat Malaysia (PRM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jamaah Islah Malaysia (JIM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM), Ikatan Siswazah Muslim (ISMA), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Teras Pengupayaan Melayu (TERAS) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS) dan Persatuan Usahawan dan Pengurusan Islam Malaysia (URUS).

terbuka tanpa kaitan mana-mana kaum.²²⁰ Akan tetapi, orientasi GERAK adalah Islam yang dipimpin oleh PAS dengan memberi tumpuan di kawasan majoriti Melayu/Islam manakala GAGASAN adalah sekular yang diketuai oleh DAP di kawasan bandar. Selain GERAK dan GAGASAN, gerakan reformasi turut dijayakan oleh sebuah pertubuhan sosial bernama Pergerakan Keadilan Sosial atau ADIL yang ditubuhkan pada 10 Disember 1998 dengan Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Dr Chandra Muzaffar selaku Presiden dan Timbalan Presidennya.²²¹

Penubuhan GERAK telah membuka dimensi baharu PAS dalam konteks pakatan politiknya apabila bekerjasama dengan DAP buat julung kali. Sebelum ini PAS kurang berminat untuk bekerjasama dengan DAP kerana beranggapan parti itu tidak boleh menerima idealisme Islam. Menurut Mahfuz, kerjasama antara PAS dan DAP tidak dapat dilakukan kerana sikap keterbukaan PAS belum ada sebelum ini.²²² Bekas Ketua Dewan Pemuda PAS itu berkata, PAS masih takut dan sangsi akan kesan politik yang bakal diterima oleh PAS jika ia menerima DAP. Ini kerana jika PAS bersama DAP, mereka kemungkinan akan kehilangan kepercayaan orang Melayu/Islam. Hal ini dapat dilihat secara jelas melalui dua bentuk kerjasama politik yang terpaksa diwujudkan menjelang Pilihan Raya Umum 1990, iaitu Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat (GAGASAN) di mana PAS menyertai APU manakala DAP menyertai GAGASAN kerana PAS dan DAP tidak boleh bersama dalam satu gabungan.

Sebaliknya, GERAK telah berjaya menemukan PAS dan DAP dalam satu platform dengan memberi tumpuan kepada isu dan kepentingan umum seperti demokrasi dan keadilan. Dalam hal ini, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, menegaskan kerjasama

²²⁰ Meredith L.Wess. 2006. *Protest and Possibilities, Civil Society and Coalitions for Political Change in Malaysia*, Stanford: University Press. hlm. 210.

²²¹ ADIL adalah sebuah pergerakan yang mahu membela Anwar Ibrahim. Pendaftaran ADIL gagal diperolehi selepas tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri dan diberi amaran kerana bergerak tanpa kelulusan, *Berita Harian*, 13 April 1999.

²²² Temubual dengan Datuk Mahfuz Omar di Markaz Tarbiyyah PAS, Taman Melewar pada 30 Mei 2001.

DAP dan PAS adalah berasaskan kepada kerjasama isu-isu tertentu demi faedah bersama.²²³ Ini bermakna kerjasama PAS dan DAP bukan melibatkan soal dasar dan perjuangan parti termasuk untuk menegakkan negara Islam. Walau bagaimanapun, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, menyifatkan GERAK adalah langkah pertama yang penting merapatkan hubungan PAS dan DAP. Bagi beliau, GERAK adalah 'benih' yang pada akhirnya akan menyatukan PAS dan DAP. Beliau, yang juga Mursyidul 'Am PAS percaya, lambat laun DAP akan boleh menerima konsep Islam yang dibawa oleh partinya.

GERAK juga telah mencipta hubungan dan kerjasama yang baik antara PAS dengan organisasi Islam yang lain seperti ABIM dan JIM. Tidak dinafikan bahawa sebelum ini dikatakan "ABIM terlalu jauh dari PAS".²²⁴ Ini kerana sewaktu Anwar berada dalam kerajaan dari 1982 hingga 1998, ABIM bersikap pro-kerajaan serta meletakkan harapan dan keyakinan yang tinggi terhadap bekas presidennya itu untuk melakukan perubahan dari dalam kerajaan.²²⁵ Namun selepas pemecatan Anwar, ABIM mendakwa ia sebagai satu usaha untuk melenyapkan elemen Islam yang progresif dari arus perdana politik negara. Penangkapan empat pemimpin ABIM, iaitu Presidennya Ahmad Azam Abdul Rahman; Timbalan Presiden Mukhtar Redhuan; Setiausaha Agung Shahrudin Badaruddin dan Naib Presiden Abdul Halim Ismail di bawah ISA selepas penahanan Anwar Ibrahim di bawah ISA telah mendesak pertubuhan Islam itu menyokong gerakan reformasi secara politik dan terbuka dengan bersama-sama menyertai GERAK.²²⁶ Pemimpin-pemimpin ABIM telah mula menggunakan platform PAS untuk bercakap mengenai soal ketidakadilan dan kezaliman yang sedang berlaku di negara ini pada ketika itu.

²²³ "Angin Perubahan Terus Bertiup", *Eksklusif*, Bil. 02, 26 April 1999, hlm. 17.

²²⁴ Temubual dengan Datuk Mahfuz Omar di Markaz Tarbiyyah PAS, Taman Melewar pada 30 Mei 2001.

²²⁵ Redzuan Othman dan Shahrudin Baharuddin. 2007. "Islam dalam Politik Partisan: Peranan Badan Bukan Kerajaan dalam Politik Kepartian", dlm. Mohd Izani Mohd Zain (pnyt). *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya, hlm. 165-182.

²²⁶ Kesemua pemimpin ABIM ini ditahan mengikut Seksyen 73 (1) (a) ISA.

Menurut PAS, penting bagi mereka untuk mengadakan kerjasama dengan ABIM dan JIM sebelum mereka membentuk pakatan sesama sendiri yang akan merugikan PAS.²²⁷ Justeru, pertemuan antara PAS dengan ABIM dan JIM telah diadakan termasuk bagi membincangkan kerjasama dan persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.²²⁸ ABIM telah menyatakan hasrat untuk mengalahkan BN dalam pilihan raya umum akan datang atau setidaknya untuk menafikan majoriti dua pertiga kepada mereka di semua peringkat. Sehubungan dengan itu, ABIM akan memberikan sepenuh kerjasama dalam apa jua bentuk sekalipun (khususnya penyelidikan) dengan PAS di negeri seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Bagi negeri-negeri lain pula, ABIM akan bertanding atas tiket parti baharu yang akan ditubuhkan. Sebagai permulaan, mereka telah menubuhkan sebuah NGO, iaitu Angkatan Keadilan Rakyat atau ADIL. Dalam hal ini, PAS telah bersetuju dan mengalu-alukan penubuhan ADIL. Selain ABIM, PAS juga mendekati JIM dan tidak menghalang jika ahli daripada organisasi itu mahu menyertainya. Hubungan antara PAS dengan ABIM dan JIM telah menyerlahkan kemampuan GERAK untuk bukan sahaja menjadi payung kepada gerakan reformasi tetapi juga untuk menyatukan gerakan Islam di Malaysia yang selama ini terpisah dan tidak bekerjasama secara efektif.

Pemecatan Datuk Seri Anwar yang mencetuskan gerakan reformasi telah mencetuskan wacana politik baharu yang melangkaui garis perkauman. Khoo Boo Teik menyifatkan bahawa reformasi *“had achieved a critical cross-cultural breakthrough which created novel possibilities of multi-ethnic alliances”*.²²⁹ Justeru, perkembangan ini secara langsung telah banyak memberikan kesan kepada hubungan PAS dengan parti

²²⁷ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat pada 14 November 1998.

²²⁸ Pertemuan PAS dengan ABIM telah diadakan pada 12 Disember 1998 manakala dengan JIM pada keesokan harinya, 13 Disember 1998.

²²⁹ Khoo Boo Teik. 2000. “Unfinished Crises: Malaysian Politics in 1999.” *Southeast Asian Affairs 2000*. Singapore, Institute of Southeast Asian Studies, hlm. 165-183.

pembangkok dan NGO yang selama ini bermasalah. Kemunculan GERAK adalah bukti bagaimana kerjasama politik dapat dijayakan walaupun setiap parti politik yang terlibat mempunyai ideologi yang berbeza, iaitu PAS mewakili Islam, DAP mewakili sekularis multi-budaya dan PRM mewakili demokrasi sosial. Pada masa yang sama, pemecatan Anwar Ibrahim turut memberi kesan kepada corak politik orang Melayu sehingga menyebabkan PAS dilihat menjadi alternatif kepada UMNO. Dalam usaha memikat perhatian dan sokongan ahli UMNO, PAS telah meminta para penceramahnyanya agar tidak mencemuh UMNO kerana ada kalangan ahli parti itu yang sudah mula berjinak-jinak dengan ceramah anjuran PAS.²³⁰

Perkembangan ini telah meletakkan PAS di arus perdana politik Malaysia berdasarkan kekuatan PAS berbanding parti politik yang lain, iaitu jumlah jentera dan kedudukan strategiknya di kalangan orang Melayu. Kelebihan ini telah mendorong PAS memainkan peranannya untuk mengetuai GERAK yang menampung suara rakyat menentang kezaliman dan ketidakadilan. PAS berjaya memainkan isu ketidakadilan dan kezaliman berkaitan kes pemecatan tersebut di samping mempersoalkan layanan kepada bekas pemimpin nombor dua negara itu yang bertentangan dengan prinsip Islam.²³¹

GERAK turut memberi kepercayaan Presiden PAS, Datuk Haji Fadzil, mempengerusikan GERAK. Menurut Mahfuz, pelantikan Presiden PAS ini menzahirkan pengiktirafan dan keyakinan kepada parti itu untuk memimpin masyarakat dan rakyat.²³² Apa yang jelas, GERAK telah membuka jalan ke arah kerjasama politik PAS dengan parti-parti politik dan NGO dengan lebih kukuh, khususnya DAP dan ABIM. GERAK telah berjaya melonjakkan imej PAS di mata rakyat kerana potensinya bukan sahaja kemampuannya mengadakan kerjasama politik tetapi mengetuainya.

²³⁰ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 15 November 1998.

²³¹ Hussin Mutalib. 2000. "Malaysia's 1999 General Election: Signposts to Future Politics". *Asian Journal of Political Science*. Vol. 8, No. 1. Jun.

²³² Temubual dengan Datuk Mahfuz Omar di Markaz Tarbiyyah PAS, Taman Melewar pada 30 Mei 2001.

Kejayaan besar GERAK ini, jelas Mahfuz, telah membawa kepada penubuhan Barisan Alternatif (BA).

Kerjasama Politik PAS dalam Barisan Alternatif (BA)

Barisan Alternatif (BA) adalah sebuah pakatan parti pembangkang yang julung kali dapat menjalin dan menggabungkan kekuatan semua parti pembangkang utama di negara. Kerjasama politik ini juga buat pertama kali menemukan PAS dengan DAP dalam satu pakatan yang mempunyai perbezaan ketara dari segi ideologi selain parti politik yang baru dibentuk, Parti Keadilan Nasional (KeADILan) dan parti yang sudah lama dalam politik Malaysia, iaitu Parti Rakyat Malaysia (PRM). Selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan berlakunya gelombang kebangkitan rakyat yang menuntut keadilan, keempat-empat parti politik ini menjalinkan kerjasama dengan bersepakat untuk memperjuangkan isu dan kepentingan umum secara bersama seperti keadilan, kebebasan, demokrasi dan pemerintahan yang baik. Pada awal penubuhan, BA lebih memberi tumpuan sebagai sebuah pakatan elektoral yang mahu menamatkan pemerintahan BN secara demokratik, iaitu menggunakan hak mengundi rakyat dalam pilihan raya.²³³

Penubuhan BA bertitik tolak daripada beberapa faktor yang mendorong kepada kerjasama politik dalam pakatan pembangkang itu. Faktor utama adalah kejayaan GERAK yang dipimpin oleh PAS sebagai pakatan yang dapat menampung suara reformasi dan kebangkitan rakyat serta menghimpunkan kerjasama pelbagai parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ini telah menyumbang kepada momentum yang lebih besar sehingga memberi ilham dan mendorong GERAK diperkukuh dan diberikan

²³³ "Gerak dilancar Tumbang BN", *Eksklusif*, Bil, 01, 17 April 1999, hlm. 2.

“nyawa politik” supaya ia dapat bergerak secara lebih efektif.²³⁴ Hanya melalui kerjasama yang lebih berfokus, iaitu melalui pakatan parti politik, ia boleh menyaingi BN secara lebih berkesan. Lebih-lebih lagi, kerjasama politik di kalangan parti pembangkang yang lebih berstrategik perlu dibentuk untuk memenangi pilihan raya dan seterusnya menubuhkan kerajaan.

Keputusan PAS untuk terus mengadakan kerjasama politik atas landasan *tahaluf siyasi* telah mendorong pakatan pembangkang diteruskan melalui BA. Memandangkan kerjasama politik PAS dalam BA menyaksikan buat julung kalinya parti itu bekerjasama dengan DAP, sebuah parti politik yang tidak mengambil Islam sebagai dasar perjuangan, PAS telah membuat beberapa kajian khusus bagi mendapatkan pandangan dan hukum terhadap kerjasama politik tersebut.²³⁵ Pada masa itu, PAS melihat wujudnya keperluan bekerjasama dengan kumpulan tersebut bagi menentang kezaliman, iaitu rentetan daripada kes pemecatan Anwar Ibrahim. Pada penghujung tahun 1998, Presiden PAS, Fadzil Mohd Noor, telah meminta Nasharuddin Mat Isa agar menghubungi beberapa pimpinan gerakan Islam antarabangsa bagi mendapatkan pandangan mereka tentang inisiatif baharu yang mahu diambil oleh PAS untuk bekerjasama dengan parti politik yang dasarnya tidak Islam, iaitu DAP dan diketahui sebelum ini mempunyai pendirian negatif terhadap Islam.

Menurut Nasharuddin, beliau telah diminta untuk menguruskan satu pertemuan dengan beberapa tokoh gerakan Islam seperti Sheikh Yusuf al-Qaradawi, Profesor Kurshid²³⁶ Ahmad dan Sheikh Faisal Maulawi. Pertemuan ini diadakan bagi mengambil pandangan tokoh gerakan Islam tentang *tahaluf siyasi* PAS dengan parti-parti lain termasuk DAP

²³⁴ Temubual dengan Datuk Mahfuz Omar di Markaz Tarbiyyah PAS, Taman Melewar pada 30 Mei 2001.

²³⁵ Temubual pengkaji bersama Nasharuddin Mat Isa, di pejabat Yayasan Nassar, Bandar Seri Putra, bertarikh 19 April 2014.

²³⁶ Prof. Kurshid Ahmad adalah seorang aktivis Islam yang menganggotai parti *Jamaat E-Islami*. Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Almarhum Dato' Fadzil Mohd Noor dan Dato' Seri Anwar Ibrahim sejak kedua-dua pemimpin politik ini menerajui Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Fadzil dan Anwar pernah bertemu Prof. Kushid Ahmad ketika berkunjung ke luar negara.

dan isu keahlian bukan Islam untuk bersama PAS. Kedua-dua isu ini dibahas dan disokong secara konsensus oleh tokoh gerakan Islam tersebut.²³⁷ Pertemuan tersebut turut disertai oleh 14 pemimpin kanan PAS, antaranya Abdul Hadi Awang, Dr. Haron Din, Dr. Mahfodz Mohamad dan Nasharuddin sendiri. Pertemuan dan perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Sheikh Yusuf al-Qaradawi dan bertempat di Leicester, London. Hasil pertemuan yang berlangsung selama tiga hari tiga malam itu, mereka bersepakat dan membuat keputusan, iaitu harus bagi PAS mengadakan kerjasama politik atau *tahaluf siyasi* dengan kumpulan yang dasarnya bukan Islam, iaitu mengambil pengajaran daripada peristiwa *Hilful Fudhul*.²³⁸ Pertemuan tersebut juga membuat ketetapan bahawa kerjasama politik ini harus dilakukan selagi ia tidak memberi mudarat kepada PAS.²³⁹ Apa yang jelas, pertemuan ini sangat penting kerana hasil perbincangan pimpinan PAS dengan tiga tokoh pemimpin Islam di peringkat antarabangsa itu telah memperakukan keperluan PAS untuk bekerjasama dengan DAP secara khususnya. Ia juga menjadi titik tolak kepada kerjasama PAS dengan DAP secara lebih akrab.

Keputusan tersebut telah dibawa pulang ke Malaysia dan dibincangkan secara teliti di peringkat tertinggi PAS, iaitu Majlis Syura Ulamak PAS dan Jawatankuasa Kerja PAS Pusat dan seterusnya menjadi asas kepada kerjasama politik PAS dalam BA. Tegas Nasharuddin, proses tersebut membuktikan bahawa keputusan PAS untuk bekerjasama dalam BA bukanlah satu tindakan tergesa-gesa yang dibuat di kedai kopi yang cuba mengaut keuntungan politik semata-mata pada ketika itu, sebaliknya ia merupakan satu ijtihad politik yang mengambil kira faktor sejarah dan kepentingan Islam bagi

²³⁷ Temubual bersama Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi.

²³⁸ Lihat juga keterangan Nasharudin Mat Isa mengenai perkara ini di dalam rakaman ucapan beliau pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PAS Hulu Terengganu di Kubang Lembik, Manir, Terengganu, pada 29 April 2011. Peristiwa *Hilful Fudhul* adalah satu kejadian yang berlaku pada zaman Jahiliyyah, iaitu perjanjian di antara beberapa qabilah untuk menolong golongan yang dizalimi. Perjanjian ini telah disaksikan oleh Nabi Muhammad S.A.W. sehingga Baginda bersabda yang bermaksud "Mana-mana perjanjian yang dilaksanakan ketika jahiliyyah tidak akan ditambah (diubah) oleh Islam melainkan semakin patut dilaksanakan". Ini bermaksud mana-mana perjanjian di zaman jahiliyyah yang bermaksud kerjasama dan silaturrahim tidak akan berubah ketika Islam melainkan ia lebih patut untuk dilaksanakan. Ini kerana Islam tidak akan mengharamkan sesuatu perkara yang baik.

²³⁹ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 14 Mac 1999.

melonjakkan lagi peranan PAS dalam konteks persaingan politik semasa di Malaysia. Apa yang penting bagi PAS pada waktu itu ialah bahawa kerjasama politik atau *tahaluf siyasi* itu tidak akan menyentuh prinsip dan dasar Islam.

Keputusan PAS untuk bekerjasama dalam BA menerima tentangan dan kecaman daripada segelintir kecil ahli parti apabila mereka tidak berpuas hati mengenai hubungan parti itu dengan DAP. Mereka mendakwa PAS telah melakukan banyak perkara yang bertentangan dengan dasar parti malah bentuk kerjasama yang dianjurkan bersama parti pembangkang seperti DAP mengecewakan sesetengah ahlinya.²⁴⁰ Kumpulan yang menentang kerjasama PAS dalam BA ini telah membentuk Angkatan Insaf Rakyat (AIR) yang menghimpunkan parti serpihan PAS yang lain seperti Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM) dan PAS Baru. Menurut Pengerusi AIR, Hashim Othman, pakatan parti serpihan PAS ini bertujuan membentuk kerjasama bagi menidakkan kemenangan PAS dalam Pilihan Raya Umum 1999. Pakatan parti serpihan PAS ini juga berhasrat untuk menjadi blok alternatif kepada rakyat dan untuk memberi saingan kepada PAS dan BN.

Penentangan terhadap kerjasama PAS dalam BA turut datang dari PAS Kawasan Besut. Menurut bekas Yang diPertua PAS Besut, Ustaz Abdul Latif Muhammad, kerjasama PAS dengan DAP, KeADILan dan PRM adalah satu harapan kosong kerana ia tidak akan membawa kemenangan yang sebenar kepada parti itu.²⁴¹ Beliau menyifatkan kerjasama tersebut sebagai satu kesilapan kerana PAS dilihat tidak yakin dengan perjuangan Islam sebagaimana yang diasaskan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu, iaitu tidak meletakkan harapan yang tinggi kepada kemenangan (kuasa) tetapi lebih kepada perjuangan menegakkan Islam. Kerjasama politik PAS dalam BA dikhuatiri

²⁴⁰ "Parti Serpihan Bentuk Pakatan Baru", *Eksklusif*, Bil. 27, 18-24 Oktober 1999, hlm. 37.

²⁴¹ "Jiwa saya Tetap PAS", *Eksklusif*, Bil. 15, 26 Julai-1 Ogos 1999, hlm. 36.

akan mengalihkan tumpuan PAS daripada memperjuangkan Islam kepada semata-mata memenangi pilihan raya sehingga sanggup berkompromi dengan kumpulan bukan Islam. Justeru, PAS sewajarnya bergerak sendirian dan komited dalam memperjuangkan kepentingan Islam, bukannya merebut kekuasaan sehingga sanggup bekerjasama dengan pihak yang tidak meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan.

Punca utama penentangan terhadap kerjasama PAS dalam BA khususnya dengan DAP bertitik tolak daripada tanggapan bahawa PAS telah mengubah dasar perjuangannya. Walau bagaimanapun, hal ini disanggah oleh Setiausaha Agung PAS, Dato' Mustafa Ali, apabila beliau memberi jaminan bahawa kerjasama politik ini hanya melibatkan perubahan dari segi strategi parti dan bukannya dari segi dasar parti.²⁴² Tegas Mustafa, dasar dan matlamat PAS tetap kekal dan tidak berubah seperti yang terkandung dalam Fasal 5, Perlembagaan PAS, iaitu untuk memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah serta mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara. Lebih penting, kerjasama politik PAS sebenarnya adalah satu pendekatan untuk mencapai matlamat dan dasar perjuangan parti berdasarkan kenyataan Mustafa seperti di bawah:

Kerjasama politik ini satu strategi yang membawa merealisasikan dasar dan matlamat perjuangan kita. Strategi boleh berubah, boleh bekerjasama dan boleh tidak. Tapi dasar tetap dan kekal.²⁴³

Tentangan terhadap kerjasama politik PAS ini sama sekali tidak membawa perpecahan yang ketara dalam PAS apatah lagi menghalang hasrat parti itu meneruskan kerjasama politiknya dalam BA. Hal ini disebabkan majoriti ahli PAS telah matang dalam

²⁴² Temubual pengkaji bersama Dato' Mustafa Ali, di Pejabat Agung PAS, Jalan Raja Laut, bertarikh 17 Jun 2014.

²⁴³ Ibid., temubual pengkaji bersama Dato' Mustafa Ali, di Pejabat Agung PAS, Jalan Raja Laut, bertarikh 17 Jun 2014.

memahami konsep dan amalan dalam kerjasama politik berdasarkan pengalaman terdahulu sewaktu PAS berada dalam Kerajaan Campuran, BN, HAK dan APU. Sehubungan dengan itu, PAS telah memulakan proses perbincangan ke arah kerjasama politik secara formal dengan menghadiri mesyuarat bersama pimpinan tertinggi parti pembangkang pada 13 April 1999. PAS diwakili oleh Presiden, Dato' Fadzil Mohd Noor, dan Naib Presiden, Dato' Mustafa Ali, manakala DAP oleh Pengerusi, Dr. Chen Man Hin, dan Setiausaha Agung, Lim Kit Siang; KeADILan oleh Presiden, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, dan Timbalan Presiden, Dr. Chandra Muzaffar; manakala PRM oleh Presiden, Dr. Syed Husin Ali, dan Setiausaha Agung, Dr. Sanusi Osman.

Pada ketika itu masih belum wujud pakatan pembangkang tetapi hanyalah usaha "oleh parti-parti pembangkang untuk adakan kerjasama rapat yang boleh membawa kepada satu pakatan".²⁴⁴ Menurut Presiden PRM, Dr. Syed Hussin Ali, pakatan yang digembar-gemburkan adalah tidak benar dan hanyalah spekulasi media semata-mata. Namun, beliau tidak menolak bahawa sememangnya keempat-empat parti politik tersebut sedang berusaha untuk bekerjasama dan menuju kepada pakatan namun terdapat perkara-perkara yang masih belum diselesaikan. Walaupun antara keempat-empat parti tersebut mempunyai perbezaan namun perkara-perkara yang dipersetujui sesama mereka lebih banyak, umpamanya soal keadilan dan pembelaan rakyat miskin dalam pelbagai bidang ekonomi dan sosial.

Proses pertemuan dan perbincangan antara pemimpin utama parti pembangkang diteruskan pada 28 April 1999 dalam usaha mempertingkatkan kerjasama sesama mereka. Pada ketika itu, masih belum ada pakatan politik yang rasmi dan nama BA

²⁴⁴ "Cabaran Besar Menunggu Pakatan Pembangkang", Eksklusif, Bil. 04, 10-16 Mei 1999, hlm. 16.

masih belum digunakan lagi.²⁴⁵ Fokus utama ketika itu adalah untuk mewujudkan kerjasama politik dengan lebih akrab terlebih dahulu terutama bagi berhadapan dengan propaganda BN, termasuk serangan media yang membesar-besarkan situasi apa yang dinamakan sebagai “perpecahan” berikutan kononnya terdapat parti yang cuba menarik anggota parti yang lain. Hasilnya, keempat-empat parti pembangkang telah dapat mengemukakan Polisi Bersama, iaitu mengutamakan kerjasama dan ini mengatasi segala pertimbangan lain; menghormati hak seseorang menyertai mana-mana pertubuhan sesuai dengan semangat Hak Asasi Manusia dan Perlembagaan Malaysia; dan tidak akan melayan permohonan untuk masuk parti daripada mana-mana pihak yang terlibat dengan sebarang kontroversi yang menjejaskan kerjasama di antara parti-parti pembangkang.

Parti-parti pembangkang hanya boleh berhadapan dengan kerajaan BN secara realistik melalui pakatan sesama mereka.²⁴⁶ Pakatan pembangkang secara rasmi telah dibentuk dan dipersetujui menggunakan nama Barisan Alternatif pada 3 Ogos 1999.²⁴⁷ Dalam hal ini, BA dianggap satu kaedah yang tepat untuk mencabar parti pemerintah yang sudah lama memegang kuasa sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Ahli Parlimen Kubang Kerian, Mohamad Sabu, melihat BA sememangnya mempunyai kekuatan yang tersendiri untuk menghadapi BN. Katanya, BA menggabungkan kekuatan PAS di Pantai Timur dengan kekuatan DAP, KeADILan dan PRM di Pantai Barat.²⁴⁸ DAP pula menyifatkan BA sebagai pakatan politik yang terbaik pernah diadakan apabila dua buah parti pembangkang terbesar, iaitu PAS dan DAP, yang berbeza ideologi perjuangan dapat bekerjasama. Ketua Pemuda DAP, Teng Chang Kim menyatakan:

²⁴⁵ Dr. Syed Husin Ali turut menjelaskan pakatan pembangkang tidak boleh lagi didaftarkan kerana tidak mencapai jumlah tujuh buah parti politik yang bekerjasama. Sila rujuk “Cabaran Besar Menunggu Pakatan Pembangkang”, *Eksklusif* Bil. 04, 10-16 Mei 1999, hlm. 16.

²⁴⁶ Joseph Liow. 1999. “Crisis, Choice and Change: Malaysian Electoral Politics at the end of the 20th Century”. *Asian Journal of Political Science*. Vol. 7. No. 2. Disember.

²⁴⁷ Buku Cenderamata Ulang Tahun Kedua Barisan Alternatif.

²⁴⁸ “Barisan Alternatif Mampu Buat Kejutan”, *Eksklusif*, Bil. 31, 15-21 November 1999, hlm. 18.

Ini adalah kali pertama barisan alternatif diwujudkan. Berlainan pada tahun 1990 di mana terdapat dua pakatan, iaitu antara parti-parti berasaskan Islam dan parti-parti pelbagai bangsa. Sekarang ini semua parti bergabung. Bagi DAP dan PAS yang merupakan dua kuasa besar dalam politik pembangkang di Malaysia, ini adalah kali pertama dua kuasa besar pembangkang bergabung.²⁴⁹

Pakatan pembangkang melalui BA banyak tertumpu kepada kerjasama PAS dengan DAP berbanding dengan dua buah parti lain.²⁵⁰ Ini adalah kerana dasar perjuangan mereka amat berbeza, iaitu PAS memperjuangkan penubuhan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam manakala DAP mempertaruhkan konsep “Malaysian Malaysia” dan penubuhan sebuah negara sekular dan demokratik. Walau bagaimanapun, kerjasama antara PAS dan DAP tidak membincangkan soal dasar dan matlamat perjuangan parti masing-masing. Ketua Pemuda DAP ketika itu, Teng Chang Kim, berkata, setiap parti politik mempunyai matlamat dan agenda jangka masa panjang, pertengahan dan pendek.²⁵¹ Justeru, kerjasama antara PAS dan DAP tidak membangkitkan agenda jangka masa panjang, iaitu penubuhan Negara Islam oleh PAS dan Malaysian Malaysia oleh DAP, sebaliknya hanya memfokuskan kepada usaha menumbangkan dan memecahkan monopoli kuasa BN. Tegas Teng Chang Kim: *“Ini adalah matlamat pilihan raya dan matlamat ini tidak menjejaskan matlamat DAP dan PAS”*.²⁵²

Kerjasama ini juga lebih mengutamakan isu dan kepentingan bersama seperti memperjuangkan keadilan, kebebasan, demokrasi, dan kerajaan yang baik di dalam negara. Lim Kit Siang menyatakan:

²⁴⁹ “Pembangkang Bersatu Demi Rakyat”, *Eksklusif*, Bil. 27, 18-24 Oktober 1999, hlm. 18.

²⁵⁰ Menurut Setiausaha DAP, Lim Kit Siang, partinya itu tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan PAS. Malahan, beliau mendakwa DAP sejak dulu lagi (70-an dan 80-an) cuba mendampingi PAS dan pernah membuat tawaran kepada parti itu untuk bekerjasama dalam isu-isu tertentu di peringkat nasional. Namun menurutnya, PAS tidak memberikan sebarang jawapan. Sila rujuk “DAP Tiada Masalah Kerjasama dengan DAP”, *Eksklusif*, Bil. 02, 26 April 1999, hlm. 1.

²⁵¹ “PAS dan DAP Tiada Masalah”, *Eksklusif*, Bil. 27, 18-24 Oktober 1999, hlm. 18.

²⁵² *Ibid.*, hlm. 1

Kita mahu undang-undang yang zalim dan tidak demokratik dimansuhkan seperti ISA, Akta Penerbitan dan Percetakan, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi dan beberapa lagi. Kita juga bekerjasama dalam usaha menghapuskan rasuah, kronisme dan nepotisme. Kita mahu keadilan dalam sistem ekonomi supaya rakyat boleh nikmati hasil pembangunan negara secara saksama. Atas isu-isu inilah kita boleh bekerjasama dengan PAS.²⁵³

Selain DAP, hubungan PAS dan KeADILan juga amat penting dalam menjayakan kerjasama politik melalui BA. Sejak awal lagi, penubuhan KeADILan disokong oleh PAS kerana PAS memahami mengenai betapa perlunya diwujudkan satu wadah bagi kumpulan yang menyokong gerakan reformasi tetapi tidak mahu menyertai PAS. Dato' Mustafa Ali mengakui terdapat ahli UMNO yang keluar parti dan aktivis NGO yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik sejak kes pemecatan Anwar Ibrahim belum lagi selesa untuk menyertai PAS mahupun DAP.²⁵⁴ Sehubungan dengan itu, PAS tidak mempunyai masalah untuk menyokong penubuhan sebuah parti politik baru bagi menampung penyertaan politik kumpulan tersebut.

PAS telah memainkan peranan yang penting sewaktu detik awal penubuhan KeADILan melalui sokongan yang diberikannya. Dalam hal ini, PAS telah diminta pandangan oleh Datin Seri Dr. Wan Azizah dan Dr. Chandra Muzaffar yang mewakili Anwar untuk menubuhkan sebuah parti politik yang baru. Menurut Mustafa, usaha mendapatkan pandangan ini antara lain bertujuan menjaga hati PAS sebagai sebuah parti politik yang lebih berpengalaman di samping khuatir mengambil bakal-bakal ahli PAS khususnya mereka yang meninggalkan UMNO. PAS juga merestui penubuhan KeADILan dan pemimpin PAS telah hadir sewaktu pelancarannya di Hotel *Renaissance*, Kuala Lumpur pada 14 April 1999 dengan Wan Azizah dilantik sebagai presiden dan Dr. Chandra sebagai timbalan presiden.²⁵⁵ Sokongan PAS ini sememangnya dijangka kerana parti itu

²⁵³ *Ibid*, hlm. 1.

²⁵⁴ Temubual pengkaji bersama Dato' Mustafa Ali, di Pejabat Agung PAS, Jalan Raja Laut, bertarikh 17Jun 2014.

²⁵⁵ KeADILan mengambil pendaftaran parti politik sedia ada yang tidak begitu aktif, iaitu Ikatan Masyarakat Islam Malaysia (IKATAN). IKATAN telah diasaskan pada tahun 1991 oleh Abdul Wahab Yusuf, bekas Ahli Parlimen Dungun.

boleh menghangatkan lagi isu Anwar dalam usaha menambah sokongan rakyat dengan kehadiran KeADILan dalam landskap politik negara.²⁵⁶ Meskipun menyokong penubuhan KeADILan, PAS mengambil pendekatan penuh berhemah dan berjaga-jaga dalam bekerjasama dengan parti baru itu. Misalnya, PAS mengambil keputusan untuk tidak mengadakan "pentas bersama" bagi tujuan ceramah umum dalam tempoh tiga bulan, iaitu dari April hingga Jun 1999, untuk memberi peluang kepada KeADILan menentukan tahapnya sendiri.²⁵⁷ PAS juga membuat keputusan bahawa sebarang bantuan dan pertolongan kepada KeADILan akan diberikan hanya berdasarkan kepada permintaan parti itu.²⁵⁸

Sebagai sebuah parti politik yang baru, penubuhan KeADILan mendapat kritikan dan menimbulkan rasa kurang senang beberapa pihak. Antara alasan yang diketengahkan adalah bahawa ia menumpang populariti PAS, ia tidak mempunyai dasar yang jelas seperti PAS dan DAP, ia lebih bersifat parti bantahan terhadap isu pemecatan Anwar dan ketidakmampuannya untuk menghadapi Pilihan Raya Umum 1999.²⁵⁹ Pihak ini telah meramalkan bahawa jangka hayat KeADILan tidak akan bertahan lama kerana ia berkemungkinan akan mengulangi nasib yang dialami oleh parti serpihan UMNO, iaitu Parti Semangat 46 (S46). Namun, dakwaan ini ditepis oleh Naib Presiden KeADILan, Marina Yusoff, apabila beliau menegaskan bahawa KeADILan tidak sama dengan S46. Jelas beliau, yang juga bekas Naib Ketua Wanita UMNO, PMS46 adalah parti serpihan UMNO sedangkan KeADILan adalah parti yang ditubuhkan hasil daripada gerakan rakyat.²⁶⁰ Malah beliau percaya KeADILan boleh menjadi wadah baharu kepada bekas ahli S46.

²⁵⁶ "2/3 Angka Penentu Pilihan Raya", *Eksklusif*, Bil. 22, 13-19 September 1999, hlm: 9.

²⁵⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Ke11 dan Muzakarah Pilihan Raya, pada 11 April 1999.

²⁵⁸ Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Harian PAS Pusat dan Lajnah Politik dan Organisasi PAS Pusat Kali Kedua, Sesi 1999-2000 pada 7 Ogos 1999.

²⁵⁹ "Watak Penting Menjelang Pilihan Raya ke-10", *Eksklusif*, Bil. 22, 13-19 September 1999, hlm. 24.

²⁶⁰ "KeADILan Wadah Baru Bagi Bekas Semangat 46", *Eksklusif*, Bil. 02, 26 April 1999, hlm. 3.

Di sebalik kritikan tersebut, KeADILan mendakwa kehadirannya dalam BA adalah penting kerana boleh berperanan sebagai "orang tengah" dan "jambatan" yang menghubungkan PAS dan DAP. Ini diakui sendiri oleh Timbalan Presiden KeADILan, Dr. Chandra Muzaffar, berdasarkan kenyataan di bawah:

Satu lagi sebab kita menubuhkan parti ini ialah jika kita hendak mewujudkan satu gabungan di kalangan pembangkang, DAP dan PAS tidak boleh bersatu tanpa tenaga yang boleh merapatkan mereka. PAS dan DAP mempunyai masalah, iaitu dari segi persepsi mereka sendiri dan persepsi masyarakat terhadap mereka. Kedua-dua parti ini memerlukan satu jambatan untuk merapatkan hubungan mereka. Pada hemat saya KeADILan boleh menjadi jambatan itu.²⁶¹

Pada masa yang sama, Ketua Pemuda KeADILan, Mohd Ezam Mohd Noor, tidak menolak bahawa partinya mampu memainkan peranan besar dalam menyatupadukan PAS dan DAP. Kenyataan beliau adalah seperti di bawah:

Ya, kita mencuba memainkan peranan sebaik mungkin untuk membina satu kumpulan alternatif yang mantap. Kita tidak mahu mendabik dada mengatakan bahawa parti KeADILan ini mempunyai peranan besar dalam menyatupadukan PAS dan DAP. Tetapi sedikit sebanyak kehadiran kita memperkukuhkan persefahaman antara kedua-dua parti. Kita berasa bangga walaupun parti ini parti baru dan masih kecil lagi berbanding parti-parti tersebut, kita dapat memainkan peranan yang cukup besar.²⁶²

Pakatan pembangkang dalam BA semakin kukuh apabila mereka mengemukakan satu perjanjian persefahaman pada 3 Oktober 1999.²⁶³ Apa yang jelas, kesemua perkara atau tuntutan oleh pakatan pembangkang ini memberi fokus utama kepada keadilan sosial

²⁶¹ "Dr. Chandra Masuk Politik Untuk tentang Kezaliman", *Eksklusif*, Bil. 01, 17 April 1999, hlm. 17.

²⁶² "Perjuangan Pembangkang untuk Selamatkan Negara", *Eksklusif*, Bil. 05, 17-23 Mei 1999, hlm. 19.

²⁶³ Keempat-empat parti bersetuju untuk memperjuangkan beberapa dasar, iaitu, memajukan dan mempertahankan keutuhan dan kemerdekaan negara Malaysia; berusaha mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang bercorak sosial demokratik melalui saluran perlembagaan; mewujudkan sistem ekonomi yang memberi hak yang sama kepada semua warganegara bagi menjamin semua rakyat mendapat pulangan ekonomi yang penuh hasil daripada kemahiran dan keupayaan masing-masing tanpa memberi keistimewaan kepada mana-mana kaum dengan mengetepikan dasar ekonomi semasa; berusaha menghapuskan sistem pembahagian kekayaan personaliti bebas dan menentang eksploitasi dan pemberian hak istimewa kaum tertentu dalam pembahagian kuasa ekonomi dan politik; mewujudkan satu sistem pendidikan yang bebas dengan memberi hak kepada semua rakyat untuk mendapat latihan dan pendidikan lanjutan mengikut perantaraan pilihan sendiri; memperjuangkan kemanusiaan dan demokrasi sosial selaras dengan Pertubuhan Sosialis Antarabangsa untuk mempertahankan keamanan dan kemakmuran berdasarkan kerjasama sama rata yang dibantu oleh pengetahuan saintifik dan kemajuan teknikal dan memandangkan Malaysia sebuah negara masyarakat majmuk pembentukan Negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam tidak menjadi keutamaan. Walau bagaimanapun, umat Islam dibenarkan untuk terus berusaha mempertahankan kesucian Islam tanpa mengetepikan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum.

rakyat melalui pendekatan yang inklusif. Ini boleh dilihat antaranya melalui pengagihan ekonomi yang saksama dan pendemokrasian pendidikan yang dapat dinikmati oleh semua rakyat. Pendekatan inklusif ini tidak akan mencicirkan mana-mana kaum dalam arus pembangunan dan kemodenan negara. Selain itu, pendekatan ini juga tidak memberi keutamaan kepada usaha memperjuangkan penubuhan Negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini.

Menjelang Pilihan Raya Umum 1999, BA telah membentangkan Manifesto Pilihan Raya Bersama pada 24 Oktober 1999 yang bertajuk “Ke Arah Malaysia Yang Adil”. Hal ini menyerlahkan lagi persefahaman BA dalam isu dan kepentingan umum. Intipati manifesto tersebut memberikan penekanan kepada sistem ekonomi yang lebih adil dan telus, sistem sosial yang mengambil kira kepentingan rakyat miskin, dan demokrasi yang lebih terbuka.²⁶⁴

Selang dua hari, iaitu pada 26 Oktober 1999, BA telah mengumumkan Belanjawan Alternatif 2000 yang dibentangkan oleh pakar ekonomi, Dr. Jomo K. Sundaram. Belanjawan tersebut dianggap satu pakej ekonomi yang meletakkan kepentingan rakyat sebagai asas utama dalam rancangan pembangunan dan percukaianya. Antara langkah efisien yang diperkenalkan ialah memastikan sistem cukai tidak membebankan termasuk membatalkan cukai atau lesen televisyen. Dalam pada itu, BA juga bercadang membatalkan projek-projek mega yang dilihat tidak membawa keuntungan, antaranya

²⁶⁴ “Manifesto Membela Rakyat”, *Eksklusif*. Bil. 29, 1-7 November 1999, hlm. 4. Manifesto yang memuatkan 213 cadangan itu turut berjanji mengubah sistem pemusatan kuasa pada pihak eksekutif yang telah memusnahkan kewibawaan pelbagai institusi masyarakat demokrasi seperti kehakiman, polis, perkhidmatan awam dan media. Beberapa program lain turut disusun yang melibatkan program ekonomi, politik, pendidikan, kesihatan, perumahan, perkhidmatan sosial, alam sekitar, kepenggunaan dan harga, pekerja, wanita, belia, warga tua dan pesara. Manifesto itu juga menuntut supaya dimansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), menubuhkan Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji semula akta dan undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, Akta Polis, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), dan Akta Penerbitan dan Percetakan. Selain itu, tempoh perkhidmatan bagi jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri akan dihadkan selama dua penggal sahaja. BA juga berjanji tidak akan menswastakan perkhidmatan awam dan akan memastikan sistem pendidikan percuma diteruskan. Apa yang menarik, Manifesto BA tetap mendukung hak keistimewaan orang Melayu sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, cadangan menubuhkan Negara Islam tidak timbul apabila PAS bersedia menggugurkannya sebagai langkah berlembut untuk menumpaskan BN.

ialah projek Empangan Bakun. Kesimpulannya, belanjawan ini bersifat serampang dua mata, iaitu memastikan kebajikan dan keperluan rakyat dipenuhi dan dalam masa yang sama menjana pembangunan ekonomi negara.

Selain mengadakan persefahaman dalam isu dan kepentingan umum, BA juga telah mengadakan pakatan pilihan raya untuk mengelakkan pertembungan tiga penjuru dalam pilihan raya. Ini bermakna, BA berhadapan dengan BN secara satu lawan satu. Hasilnya, sebanyak 152 kawasan Parlimen dan 367 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dipertandingkan secara satu lawan satu, iaitu antara BA dengan BN. PAS bertanding di 63 kawasan (terbanyak), diikuti KeADILan 59 kawasan, DAP 47 kawasan, dan PRM hanya di empat kawasan. Pemimpin dalam BA percaya inilah masa yang terbaik untuk memberikan tentangan hebat kepada BN.²⁶⁵ Mereka juga bersepakat untuk mengumumkan pencalonan Anwar Ibrahim sebagai bakal Perdana Menteri (PM) jika BA memenangi pilihan raya umum ini.²⁶⁶ Ini sekaligus telah dapat menepis dakwaan pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa jawatan nombor satu negara itu akan terlepas ke tangan pemimpin bukan Islam jika pakatan pembangkang memerintah negara.²⁶⁷

Pilihan Raya Umum 1999 telah mengubah masa depan politik Malaysia.²⁶⁸ Pakatan pilihan raya yang menggunakan taktik satu lawan satu itu telah menyumbangkan pencapaian yang baik kepada BA terutamanya PAS. Walau bagaimanapun, prestasi keempat-empat parti masih tidak menentu dan bercampur-campur (*mixed performance*). PAS menang besar dengan peningkatan hampir empat kali ganda kerusi jika dibandingkan pencapaiannya dalam Pilihan Raya Umum 1995. Parti itu telah

²⁶⁵ PAS berhasrat untuk menjatuhkan kerajaan BN sedangkan DAP, KeADILan dan PRM sekadar mengurangkan majoriti dua pertiga sahaja.

²⁶⁶ "PAS Layak Jadi PM", *Eksklusif* Bil. 32, 22-28 November 1999, hlm. 2.

²⁶⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kelima, Sesi 1999-2000 pada 12 September 1999. Mesyuarat mengambil keputusan bersetuju terhadap pencalonan Anwar sebagai Perdana Menteri kecuali Ustaz Harun Taib dan Ustaz Hassan Shukri. Pencalonan Anwar dilihat oleh PAS sebagai strategi *selling point* dalam pilihan raya. Walaupun begitu, sebelum Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau akan dibicarakan terlebih dahulu dan seorang pemangku akan dilantik yang dipilih berdasarkan suara teramai di Parlimen.

²⁶⁸ Hussin Mutalib. 2000. *Malaysia's 1999 General Election: Signposts to Future Politics*. hlm. 15.

memenangi 27 kerusi Parlimen, DAP 10 kerusi, KeADILan lima kerusi, sementara PRM gagal memenangi sebarang kerusi. Di kawasan DUN, PAS menang 98 kerusi termasuk menawan dua buah negeri, Kelantan dan Terengganu, DAP 11 kerusi, dan KeADILan empat kerusi. DAP pula gagal mempertahankan jawatan Ketua Pembangkang meskipun menambah bilangan kerusi Parlimen daripada sembilan kepada sepuluh. KeADILan pula, yang dikatakan terpaksa berdepan dengan masalah kewangan, hanya menang lima kerusi Parlimen.²⁶⁹ Parti itu juga didakwa masih memerlukan bantuan PAS dalam kerja-kerja teknikal politik. PRM pula masih tidak berupaya memenangi walaupun satu kerusi meskipun mencatatkan penambahan jumlah undi yang tinggi.

Ternyata PAS memperolehi keuntungan terbesar hasil kerjasama politiknya dalam BA dengan jumlah kerusi terbanyak sama ada di Parlimen mahupun di DUN. Dengan kejayaan itu juga, Presiden PAS, Dato' Fadzil Mohd Noor, dilantik sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen menggantikan Lim Kit Siang yang telah memegang jawatan tersebut lebih 30 tahun. DAP mengakui kerjasamanya dengan PAS sedikit sebanyak menjejaskan prestasinya dalam pilihan raya sehingga jawatan Ketua Pembangkang terlepas ke tangan PAS. Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, menjelaskan dalam surat peletakan jawatan sebagai Setiausaha Agung bahawa kebangkitan PAS memberi "ketakutan" kepada penubuhan negara sekular dan demokratik.²⁷⁰

Kemenangan besar PAS dimanfaatkan oleh parti itu untuk melaksanakan dasar Islam khususnya di Terengganu. Ini dapat dilihat melalui tindakan kerajaan PAS di Terengganu yang mahu melaksanakan pemerintahan Islam seperti mahu memperkenalkan *kharaj*. Pelaksanaan *kharaj* ditentang oleh DAP dan Timbalan

²⁶⁹ Sebanyak RM500,000 diperlukan untuk belanja kempen pilihan raya yang kompetitif untuk sebuah kawasan Parlimen. Rujuk *Sunday Times* (Singapura), 14 Disember 1999, hlm. 43.

²⁷⁰ Hussin Mutalib. 2000. "Malaysia's 1999 General Election: Signposts to Future Politics". *Asian Journal of Political Science*. Vol. 8. No. 1. Jun

Pengerusi DAP, Karpal Singh, bercadang mahu menyaman PAS jika ia berterusan mahu melaksanakan pemerintahan Islam kerana ia didakwa bercanggah dengan perjanjian persefahaman BA. Ekoran kemelut ini, satu pertemuan tertutup telah diadakan antara PAS dan DAP pada 16 Ogos 2000 di Kuala Terengganu.²⁷¹ Hasil pertemuan dan perbincangan tersebut, PAS memberikan jaminan bahawa *kharaj* tidak akan dikenakan kepada bukan Islam.²⁷² Demi memastikan PAS mengamalkan perkongsian kuasa, DAP melalui Lim Kit Siang telah melawat Kelantan dan Terengganu. Beliau mencadangkan supaya seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada kalangan golongan minoriti dilantik di Kelantan dan Terengganu.²⁷³ Selain itu, DAP meminta Kelantan memberikan peruntukan yang tetap kepada sekolah-sekolah Tionghua sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada sumbangan sekolah-sekolah ini terhadap negara.

Kemelut ini telah mendesak parti pembangkang berusaha menyelamatkan kerjasama politik yang dibina selama ini. Selang beberapa minggu selepas pilihan raya umum, PAS misalnya membuat keputusan untuk terus bersama dalam BA.²⁷⁴ Parti itu juga berharap agar BA akan terus kekal meskipun pilihan raya telah berakhir. DAP turut bersetuju untuk bekerjasama dengan PAS dan kekal dalam BA meskipun ada suara dalam parti itu yang mendesak supaya parti itu “menyemak” semula hubungannya dengan PAS. Dalam pada itu juga, DAP tidak akan tunduk kepada sebarang usaha mewujudkan pemerintahan Islam dan negara Islam, sebaliknya lebih menekankan kehendak rakyat yang meliputi pelbagai ras, etnik dan kebudayaa.²⁷⁵ Sebuah lagi parti komponen BA, KeADILan, turut melihat pentingnya kerjasama BA diteruskan. Malah, Presiden KeADILan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, mencadangkan supaya

²⁷¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kedua, Sesi 2000-2001 pada 13 Ogos 2000.

²⁷² “Pemimpin Parti Islam Akhirnya Berjaya di Terengganu”, *Eksklusif* Bil. 39, 10-16 Januari 2000, hlm. 6.

²⁷³ “DAP Mahu Golongan Minoriti Dilantik Sebagai ADUN”, *Eksklusif* Bil. 37, 27 Disember 1999-2 Januari 2000, hlm. 38.

²⁷⁴ *Harakah*, 10 Dis 1999, hlm. 40.

²⁷⁵ “DAP to maintain ties with PAS”, www.malaysiakini.com, 16 Ogos 2000, diakses pada 8 November 2014.

pada masa akan datang, BA dapat meningkatkan tahap kerjasama politiknya kepada Barisan Rakyat.²⁷⁶ Barisan ini katanya akan menggunakan satu lambang dan logo sepertimana BN²⁷⁷. Bagi memantapkan kekuatan BA, keADILan juga mengalu-alukan cadangan PRM untuk bergabung dengannya bagi membentuk sebuah parti baru.

Walau bagaimanapun, pakatan pembangkang dalam BA khususnya antara PAS dan DAP menemui titik akhir apabila PAS bertegas untuk mempertahankan dasar perjuangannya menegakkan Negara Islam.²⁷⁸ Menurut PAS, penubuhan Negara Islam yang berteraskan kepada undang-undang Islam tidak akan mengenakan apa-apa paksaan kepada rakyat termasuk bukan Islam. Justeru, PAS tidak akan mengorbankan prinsip perjuangan dan undur ke belakang semata-mata untuk melayan kehendak DAP. Lebih-lebih lagi, dasar parti, iaitu Negara Islam, telah menjadi kekuatan PAS sejak dahulu lagi. PAS telah membuat keputusan untuk terus memperteguhkan dasar perjuangan Negara Islam dan pada masa yang sama bekerjasama dengan parti-parti di bawah BA. Prinsip ini akan dipertahankan walaupun terpaksa kehilangan DAP dalam BA. PAS juga mendakwa pertikaian yang ditimbulkan oleh DAP adalah berpunca daripada salah faham DAP mengenai perjuangan PAS dan juga penerangan pimpinan DAP yang tidak sampai ke matlamat yang dikehendaki oleh pakatan pembangkang, khususnya dalam isu-isu yang berkaitan dengan Islam.

Ketegasan PAS ini telah mendesak DAP membuat keputusan untuk menarik diri dari BA secara rasmi pada 23 September 2001. DAP mengambil tindakan demikian kerana parti itu tidak boleh menerima konsep Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS. DAP melihat perjuangan menegakkan Negara Islam di sebuah negara yang majmuk seperti Malaysia sebagai bertentangan dan tidak serasi dengan amalan demokrasi

²⁷⁶ "Malaysia Ke arah Sistem Dua Parti?", Eksklusif Bil. 37, 27 Disember 1999-2 Januari 2000, hlm. 37.

²⁷⁷ PAS menolak cadangan menggunakan satu lambang dalam Pilihan Raya Umum 1999. Sila rujuk Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Pertama, Sesi 1999-2000 pada 13 Jun 1999.

²⁷⁸ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat pada 7 Julai 2001.

berparlimen, hak asasi, kebebasan individu dan perkongsian kuasa dalam masyarakat plural.²⁷⁹ Lim Kit Siang berhujah, penolakan terhadap konsep Negara Islam ini bukan bermaksud DAP adalah sebuah parti politik yang anti Islam. Sebaliknya penolakan itu berasaskan kepada hujah bahawa Negara Islam akan menafikan hak kewarganegaraan bukan Islam dan warganegara bukan Islam tidak bersedia diperintah oleh sebuah kerajaan teokratik, iaitu sebuah pemeritahan yang berasaskan agama. Malah, DAP mendakwa, penubuhan negara Islam di Malaysia akan menjadikan negara ini seperti Republik Islam Iran.²⁸⁰

Pergolakan ini sebenarnya telah menyokong segala kritikan parti kerajaan kepada BA sebelum ini bahawa mereka adalah pakatan politik yang rapuh kerana berbeza ideologi perjuangan. Naib Presiden UMNO ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Razak, menyifatkan kerjasama kedua-dua pihak (PAS dan DAP) sebagai suatu yang mustahil dan amat bertentangan. Beliau menyatakan seperti berikut:

Saya tak nampak pakatan DAP dan PAS suatu yang kuat atau berkesan kerana dari segi ideologi dan perjuangan ternyata mereka berbeza, malah bertembung antara satu sama lain. PAS kononnya hendak mewujudkan Negara Islam dan DAP pula mengatakan mereka tidak menerima kehendak Islam. Dalam hal lain juga banyak perbezaan antara PAS dan DAP. Kalau dari segi dasar induk sudah tidak sama, maka bagaimana mereka kata mereka kuat. Sebaliknya saya sifatkan pakatan itu sebagai rapuh.²⁸¹

Selepas DAP menarik diri daripada BA, PAS mengambil langkah lebih berhati-hati dalam bekerjasama dengan DAP. Dalam konteks Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari yang berlangsung pada 31 Mac 2002²⁸² misalnya, PAS menyatakan ia hanya akan membantu calon DAP sekiranya ada permintaan bertulis dari

²⁷⁹ Lim Kit Siang, 2001, *BA and Islamic State*, Petaling Jaya: *Democratic Action Party (DAP)*, hlm: 85.

²⁸⁰ Mohd Izani Mohd Zain, 2005, *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 111.

²⁸¹ "PAS Gadai Masa Depan Melayu-Najib", *Eksklusif* Bil. 27, 18 -24 Oktober 1999, hlm. 1.

²⁸² Pilihan Raya Kecil Ketari diadakan berikutan kematian penyandanganya Datuk Loke Koon Kam dari GERAKAN pada 3 Mac 2002.

parti itu.²⁸³ PAS meletakkan syarat kepada kerjasama PAS dalam PRK tersebut, iaitu tidak akan berarak pada hari penamaan calon dan memastikan DAP tidak akan membuat kenyataan yang menikam PAS. PAS tidak akan turun membantu kempen DAP sekiranya tidak diminta berbuat demikian kerana tidak mahu dipersalahkan oleh DAP sekiranya DAP kalah dalam PRK tersebut.²⁸⁴ Langkah berhati-hati PAS ini dilihat wajar kerana PRK ini berlangsung selepas enam bulan DAP menarik diri daripada BA dan polemik Negara Islam masih lagi hangat diperkatakan.

Meskipun tidak lagi bersama-sama dengan DAP, PAS masih meneruskan kerjasama politik dengan PKR. Ini boleh dilihat melalui kerjasama kedua-dua buah parti mengadakan Konvensyen Nasional Barisan Alternatif pada 28 September 2003. Konvensyen yang mengangkat tema "Bersama Malaysia Baru" itu diadakan bertujuan memperkasa dan memperkukuhkan lagi pakatan BA. Ia juga penting sebagai persediaan menyusun langkah dan strategi bagi menghadapi pilihan raya ke-11 yang semakin hampir.²⁸⁵ Menurut Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang, kesepaduan antara PAS dan PKR adalah penting bagi menyakinkan rakyat akan kebolehan dan kemampuan parti pembangkang menerajui Malaysia. Ia juga akan mentransformasikan parti pembangkang kepada *government in waiting* atau "kerajaan menunggu".

²⁸³ Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kesepuluh, Sesi 2001-2002 pada 10 Mac 2002.

²⁸⁴ Dalam Pilihan Raya Kecil Ketari itu, calon BN dari GERAKAN, iaitu Yum Ah Ha, telah menewaskan calon DAP dengan majoriti 2,204 undi.

²⁸⁵ Buku Cenderamata Konvensyen Nasional Barisan Alternatif, 28 September 2003 bertempat di Dewan Besar Dato' Fadzil Noor, Taman Melewar, Gombak, Selangor Darul Ehsan. Sempena konvensyen itu juga, konsep Malaysia Baru telah diperkenalkan yang menjadi gagasan BA. Konsep Malaysia Baru ini merangkumi reformasi politik, ekonomi dan sosio-budaya. Konsep ini juga memberi penekanan kepada soal keadilan dan demokratik berasaskan nilai rohani dan akhlak yang tersimpul dalam ajaran Islam dan ajaran agama yang lain. Dalam majlis sehari itu, tiga kertas kerja telah dibentangkan oleh Naib Presiden PAS, Dato' Mustafa Ali (Landskap Politik Baru Malaysia), Timbalan Presiden PKR, Dr. Syed Husin Ali (Malaysia Untuk Semua) dan Setiausaha Agung PKR, Abdul Rahman Othman (Menjana Ekonomi Lestari). Selain itu, PAS dan PKR turut menandatangani Pendirian Bersama Barisan Alternatif.

Kerjasama Politik PAS dalam Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP)

PAS pernah mempunyai pengalaman bekerjasama dengan kumpulan bukan Islam/Melayu melalui *Chinese Consultative Council* atau CCC yang ditubuhkan menjelang Pilihan Raya Umum 1986.²⁸⁶ Walau bagaimanapun, kerjasama tersebut tidak bertahan lama apabila PAS kalah teruk dalam pilihan raya tersebut²⁸⁷ yang membawa kepada pembubaran CCC daripada jawatankuasa kecil dalam PAS.²⁸⁸ Pendekatan PAS yang mahu mencitrakan perjuangannya yang sejagat dan universal serta tidak lagi terkongkong dalam kerangka politik Melayu masih belum diterima baik oleh penyokong PAS dan pengundi pada ketika itu.²⁸⁹ Dalam masa yang sama, PAS telah menubuhkan Urusetia Hal Ehwal Masyarakat Cina (1999), Kelab Penyokong PAS-KPP (2004) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS-DHPP (2010) dalam konteks kerjasama mereka dengan kumpulan bukan Islam/Melayu.

PAS telah menjalin semula bentuk kerjasama politik dengan kumpulan bukan Islam/Melayu secara berstruktur selepas peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim. Kemunculan politik baharu, iaitu politik yang tidak lagi bersandarkan kepada sentimen perkauman, telah membuka ruang dan peluang kepada PAS untuk mendekati kumpulan bukan Islam/Melayu khususnya Cina. PAS yang selama ini memperjuangkan isu demokrasi, keadilan dan hak asasi manusia telah menarik perhatian dan minat sebahagian masyarakat Cina untuk menyokong mereka. Untuk menampung sokongan tersebut, PAS telah menubuhkan Urusetia Hal Ehwal Masyarakat Cina (UHEMC) pada

²⁸⁶ Perbincangan mengenai CCC ada disentuh oleh pengkaji dalam Bab Satu tesis ini. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk perbincangan di bawah tajuk Kerjasama PAS dalam *Chinese Consultative Council* atau CCC.

²⁸⁷ PAS hanya memenangi sebuah kerusi parlimen di kawasan Pengkalan Chepa melalui Nik Abdullah Arshad. Dalam pilihan raya itu, Nik Abdullah Arshad telah menewaskan calon BN dari HAMIM, Wan Ismail Ibrahim, dengan majoriti sebanyak 4,175 undi.

²⁸⁸ Kamarudin Jaffar. 2000. *Memperingati Yusuf Rawa*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd., hlm: 202.

²⁸⁹ Ini dapat dilihat melalui kekalahan teruk tiga pemimpin CCC yang bertanding kerusi Parlimen di bawah tiket PAS, iaitu Mohd Redhuan Daniel Oon Abdullah di P.11 Merbok, Kedah; Kamal Koh Abdullah di P.43 Nibong Tebal, Pulau Pinang; dan Ghazali Ho di P.71 Tanjong Malim, Perak. Begitu juga dengan tiga pemimpin CCC yang bertanding kerusi DUN di bawah tiket PAS, iaitu Kamal Koh Abdullah di N.10 Seberang Jaya, Pulau Pinang; Ghazali Ho di N.45 Sungkai, Perak; dan Kamal Leang di N.12 Gunung Lambak, Johor. Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1986, hlm. 64, 67, 69, 95, 101 dan 114.

tahun 1999²⁹⁰, iaitu jauh lebih awal daripada Kelab Penyokong PAS tahun 2004 dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) tahun 2010. Urusetia tersebut ditubuhkan bertitik tolak daripada faktor dakwah bagi tujuan memberi penerangan tentang Islam di kalangan masyarakat Cina. Bagi PAS, Islam adalah agama yang membawa rahmat kepada semua; iaitu bukan hanya untuk kesejahteraan umat Islam tetapi juga golongan bukan Islam.

Pada masa yang sama, penubuhan UHEMC juga bertujuan menjelaskan konsep Negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS agar ia tidak terus disalahertikan. Kumpulan bukan Islam/Melayu perlu diberikan kefahaman bahawa konsep negara Islam oleh PAS sesuai dilaksanakan dalam konteks masyarakat berbilang agama serta kaum di negara ini dan ia sama sekali tidak menjejaskan dan menganiaya hak mereka. Hal ini penting kerana PAS mahu sokongan kumpulan bukan Islam/Melayu ini bukan untuk manfaat jangka masa pendek, iaitu memenangi pilihan raya, sebaliknya untuk jangka panjang; iaitu menjayakan penubuhan sebuah Negara Islam di Malaysia pada masa hadapan²⁹¹. Presiden PAS, Dato' Fadzil Mohd Noor, ketika berucap merasmikan UHEMC di Taman Melewar percaya penubuhan urusetia ini akan berupaya untuk menarik sokongan kumpulan bukan Islam/Melayu kepada PAS khususnya apabila mereka diberikan pengetahuan dan kefahaman yang sebenar terhadap Islam dan dasar perjuangan PAS yang sebenar.

UHEMC digerakkan oleh beberapa individu Cina Muslim; iaitu mereka yang beragama Islam tetapi bukan berketurunan Melayu. Ia diketuai oleh Anuar Tan Abdullah²⁹², iaitu bekas Timbalan Ketua Pemuda Parti Gerakan Rakyat Malaysia, dan memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Perbandaran Kota Bharu pada ketika itu. Anuar dibantu oleh Kamal

²⁹⁰ Peringatan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Pertama, Sesi 1999-2000 pada 13 Jun 1999.

²⁹¹ "PAS Perjuang Negara Islam Pelbagai Kaum", *Eksklusif* Bil. 10, 21-27 Jun 1999, hlm. 3.

²⁹² Nama asal dan penuh Anuar Tan adalah Tan Teng Loon. Sila rujuk Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2002.

Koh yang dilantik sebagai Setiausaha Urusetia. Kamal merupakan aktivis PAS sejak 1985 dan memegang beberapa jawatan penting parti di peringkat cawangan, kawasan, negeri dan pusat. Antara jawatan yang pernah dipegang oleh Kamal Koh adalah Ketua Cawangan PAS Wangsa Maju tahun 1986, Ahli Lajnah PAS Pusat (Hubungan Dalam Negeri) tahun 1989 dan Timbalan Pesuruhjaya 2 PAS Wilayah Persekutuan (Kebajikan dan Sosial).²⁹³

Strategi UHEMC banyak tertumpu kepada usaha memberi penerangan kepada orang Cina khususnya melalui penerbitan. Menurut Kamal, kaum Cina memerlukan proses pendidikan dan penerangan tentang Islam dan ini boleh dijayakan dengan memperbanyakkan bahan bacaan tentang Islam dalam Bahasa Cina selain Bahasa Inggeris. Ini kerana kebanyakan orang Cina tidak bersedia mendalami Islam menerusi Bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi generasi lama yang tidak belajar di universiti tidak fasih berbahasa Melayu dan tidak pandai membaca bahan bacaan berbahasa Melayu. Selain itu, buku-buku yang membincangkan tentang dasar Islam dan hubungan Islam dengan golongan bukan Islam turut diterjemahkan bagi mempelbagaikan bahan bacaan. Kamal menjelaskan hal ini seperti berikut:

Kita sedar masyarakat Cina suka mengkaji sesuatu hal. Oleh itu, mereka perlu banyak membaca bahan tentang Islam. Jadi peranan bahagian penerbitan ialah untuk menerbitkan buku terjemahan mengenai Islam dalam Bahasa Cina. Dalam memperkenalkan Islam kepada masyarakat Cina juga, bahan bacaan penting. Kita cuba cari bahan yang sesuai untuk masyarakat Cina. Menerbitkan buku yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Cina ini saya rasa perlu disegerakan. Tajuk-tajuk buku saya sendiri yang pilih. Antara buku yang sedang dalam perancangan untuk diterbitkan ialah Hak Asasi Manusia Dalam Islam: Satu Perbandingan, karangan Ustaz Md Akhir Yacob dan Cara Hidup Islam, karangan Al-Maududi dan *Ma'alim Fittoriq* (Liku-Liku Di Jalanan), karya Syed Qutb.²⁹⁴

²⁹³ "Ada Ruang untuk Orang Cina dalam PAS", *Eksklusif* Bil. 16, 2-8 Ogos 1999, hlm.:18.

²⁹⁴ *Ibid.*, hlm. 18.

Apa yang jelas, melalui siri penerangan dan penerbitan, kaum Cina dapat diperkenalkan dengan gambaran Islam yang sebenar dan merungkaikan tanggapan negatif selama ini. Selain itu, penerangan ini juga penting untuk menjelaskan hakikat PAS sebagai sebuah parti yang tidak ekstrim dan kolot.²⁹⁵ Sebagai sebuah parti yang menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan, tanggapan terhadap Islam itu sendiri amat penting diperbetulkan kerana jika Islam dipandang negatif maka persepsi terhadap PAS juga negatif.

Kerjasama PAS dengan kumpulan bukan Islam/Melayu melangkah ke tahap yang lebih tinggi apabila Pengerusi Urusetia Hal Ehwal Masyarakat Cina, Anuar Tan, telah dipilih sebagai calon PAS untuk bertanding di kawasan DUN Kota Lama (N.8) di Kota Bharu dalam Pilihan Raya Umum 1999. Dalam pilihan raya itu, Anuar berjaya menewaskan calon BN, iaitu Leong Su Siang, dengan majoriti tipis sebanyak 445 undi.²⁹⁶ Anuar memperoleh 8,470 undi manakala Leong Su Siang sekadar memperoleh 8,025 undi. Kemenangan Anuar dalam pilihan raya umum ini dilihat amat signifikan dalam konteks kerjasama PAS dengan kumpulan bukan Islam/Melayu kerana beliau adalah calon PAS bukan Melayu pertama yang bertanding dalam sejarah pilihan raya di Kelantan.²⁹⁷ Ini juga menggambarkan keyakinan dan pengiktirafan PAS terhadap calon bukan Melayu dalam sama-sama memperjuangkan kedudukannya dalam konteks demokrasi dan pilihan raya di negara. Kemenangan Anuar Tan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah memudahkan usaha PAS menarik sokongan bukan Islam/Melayu khususnya di Kelantan.²⁹⁸

²⁹⁵ Ibid., hlm.18.

²⁹⁶ Leong Su Siang memenangi kerusi Kota Lama dalam Pilihan Raya Umum 1995 dengan menewaskan calon BERJASA, Mohd Yusoff@Yusof Haji Mojd Nor dengan majoriti 1676. Sila rujuk Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1995, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 1997.

²⁹⁷ Menurut temubual pengkaji dengan Pengerusi Dewan Hubungan Penyokong PAS (DHPP), Hu Pang Chaw, kemenangan PAS di Kota Lama banyak bergantung kepada keperibadian dan ketokohan Anuar Tan berbanding penerimaan pengundi Cina terhadap dasar PAS.

²⁹⁸ Anuar juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa PAS Pusat bagi membantu PAS mendekati kaum Cina. Sila rujuk Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kedua, Sesi 2001-2003, pada 15 Julai 2001.

Anuar dibantu oleh beberapa individu bukan Islam seperti Hu Pang Chaw yang dilantik sebagai Ahli Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dari tahun 1999 hingga 2004.²⁹⁹ Hu Pang Chaw adalah bekas ahli MCA serta wartawan dan banyak membuat liputan terhadap Anuar. Tindakan beliau telah menimbulkan kemarahan MCA sehingga beliau ditukar kerja ke Raub. Justeru, Hu Pang Chaw telah meletakkan jawatan sebagai wartawan dan bekerja sepenuh masa membantu Anuar sebagai Ahli MPKB. Apa yang jelas, penubuhan Urusetia Hal Ehwal Masyarakat Cina telah menjadi platform penting PAS dalam memperkemaskan hubungannya dengan bukan Islam/Melayu.

Tindakan DAP menarik diri daripada Barisan Alternatif pada 22 September 2001 telah menimbulkan persoalan tentang masa depan kerjasama PAS dengan kumpulan bukan Islam/Melayu di negara. Walau bagaimanapun, PAS membuktikan tanpa DAP, parti itu masih berminat untuk meneruskan kerjasama dengan bukan Islam/Melayu tetapi melalui pendekatan dalaman dengan menubuhkan Kelab Penyokong PAS. Usaha mengumpulkan penyokong PAS telah berjalan sejak penubuhan Urusetia Hal Ehwal Masyarakat Cina pada tahun 1999. Pada tahun 2001, usaha ini dipergiatkan lagi oleh Dewan Pemuda PAS Pusat melalui Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional, Mujahid Yusuf Rawa, dengan mengadakan dialog dan perbincangan dengan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong). Jelas Mujahid, dialog ini dibuat sebagai usaha untuk memecah tembok hubungan PAS dengan bukan Islam/Melayu.³⁰⁰

Pada tahun 2004, iaitu menjelang Pilihan Raya Umum Ke-11, Kelab Penyokong PAS (KPP) telah ditubuhkan bertujuan menggapai sokongan bukan Melayu³⁰¹ dengan mengumpulkan semua bukan Islam yang menyokong PAS. Kelab ini juga diminta

²⁹⁹ Menurut Hu Pang Chaw kepada pengkaji, usaha menarik sokongan kaum Cina dilakukan dengan mendekati para peniaga melalui MPKB.

³⁰⁰ Temubual pengkaji dengan Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³⁰¹ Buku Cenderamata Majlis Pelancaran Dewan Himpunan Penyokong PAS pada 23 Mei 2010.

untuk mendekati masyarakat Cina dan juga ahli DAP.³⁰² KPP telah dirasmikan oleh Presiden PAS, Tuan Guru Abdul Hadi Awang, di Taman Melewar dan Hu Pang Chaw telah dilantik menjadi pengerusi kelab tersebut. Pada peringkat awal penubuhan KPP, penerimaan bukan Islam/Melayu khususnya Cina masih terbatas. Sewaktu majlis pelancaran, Hu Pang Chaw memberitahu, tidak lebih daripada lima orang kaum Cina yang menghadirkan diri kerana masih wujud rasa takut untuk menyokong PAS pada waktu itu.³⁰³

Penubuhan KPP tidak memberi impak yang besar kepada pencapaian PAS dalam Pilihan Raya Umum 2004. PAS gagal mempertahankan kemenangan besarnya dalam Pilihan Raya Umum 1999 apabila hanya memenangi lima kerusi Parlimen³⁰⁴ berbanding 27 kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum 2004.³⁰⁵ PAS juga sekadar menawan 36 kerusi DUN berbanding 98 kerusi DUN pada tahun 1999.³⁰⁶ Menurut Hu Pang Chaw, faktor usia KPP yang masih baru menyebabkan ia tidak dapat membantu kempen PAS dalam pilihan raya tersebut secara efektif. Beliau turut mengakui faktor Abdullah Ahmad Badawi (kini Tun) yang dilihat tokoh yang bersih (mendapat jolokan *Mr. Clean*) dari BN banyak mempengaruhi pengundi pada ketika itu untuk menyokong kerajaan. Selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum 2004, KPP telah mempergiatkan aktiviti melalui sesi dialog dan perbincangan kecil-kecilan dengan persatuan-persatuan Cina, para wartawan dan kumpulan akademik. Menurut Mujahid, dialog itu bertujuan meneruskan usaha memperbaiki persepsi masyarakat terhadap aspirasi dan perjuangan PAS. Tegas beliau, PAS bukanlah parti rasis sebaliknya ia sedia membuka pintu kepada

³⁰² Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Harian PAS Pusat Kali Ketiga, Tahun 2004-2005 pada 12 Mac 2005.

³⁰³ Temubual pengkaji dengan Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw pada 17 Mac 2014.

³⁰⁴ Lima kerusi parlimen tersebut semuanya di Kelantan, iaitu Tumpat, Pengkalan Chepa, Pasir Mas, Rantau Panjang dan Kubang Kerian. Kerusi ini asalnya enam iaitu merangkumi Pasir Putih sama tetapi kerusi ini berpindah milik kepada BN kemudiannya apabila Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 23 Jun 2004 mendapati wujud kesilapan pengiraan kertas undi bagi kerusi ini, *Utusan Malaysia*, 24 Jun 2004).

³⁰⁵ Kegagalan itu juga mengakibatkan PAS kehilangan jawatan Ketua Pembangkang di Parlimen dan jawatan tersebut dipulangkan semula kepada wakil DAP, Lim Kit Siang.

³⁰⁶ PAS kehilangan Terengganu apabila hanya memenangi 4 kerusi DUN berbanding 28 kerusi BN. PAS Terengganu hanya menang di kawasan DUN Wakaf Mempelam (Mohd Abdul Wahid Endut), Batu Buruk (Wan Abdul Mutalib Embung), Rhu Rendang (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) dan Manir (Datuk Harun Taib).

semua pihak menyertainya selari dengan kehendak Islam yang menggambarkan kesejagatan falsafah perjuangan PAS itu sendiri.³⁰⁷

Usaha yang sama turut dilakukan apabila sekumpulan masyarakat Cina telah dibawa ke Kelantan untuk berdialog dengan Menteri Besar, Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat. Natiujahnya, mereka percaya bahawa PAS adalah sebuah parti yang harmoni dan mengamalkan pendekatan yang mesra terhadap bukan Islam, dan ini terbukti apabila mereka melihat sendiri perkara tersebut dalam lawatan mereka ke Kelantan.³⁰⁸ Mereka juga melihat Islam yang dibawa oleh PAS sebenarnya adalah Islam yang sederhana dan bukan seperti yang digembar-gemburkan selama ini. Hu Pang Chaw menyatakan:

Pada tahun 2004, kita bawa masyarakat Cina ke Kelantan untuk berdialog dengan Tok Guru Nik Aziz, turun padang, bercakap dengan masyarakat tempatan, dan pergi ke tokong. Mereka dapat satu gambaran bagaimana Kelantan perintah dan melayani masyarakat Cina atau bukan Melayu. Ada orang MCA bila balik marah kepada MCA, kamu semua tipu, kita tengok orang Cina duduk di Kelantan hidup bahagia. Kerajaan tidak pernah tindas dan mereka suka. Orang MCA marah balik kepada pimpinan MCA³⁰⁹.

PAS telah melancarkan slogan *PAS For All* atau PAS Untuk Semua³¹⁰ pada 11 September 2007 sebagai kempen meningkatkan lagi sokongan bukan Islam/Melayu kepada PAS. Ini sekaligus menjayakan hasrat PAS menjadi sebuah parti yang inklusif dan terbuka kepada semua kaum. Tarikh pelancaran 11 September 2007 sengaja dipilih kerana memperingati tragedi 11 September 2001 yang menyaksikan Pusat Dagangan Dunia di New York (*World Trade Center-WTC*) musnah diserang pengganas. Menurut Hu Pang Chaw, tarikh itu dipilih bagi membuktikan bahawa Islam bukanlah agama yang patut ditakuti dan digeruni, tetapi adalah agama yang dihormati dan diterima oleh

³⁰⁷ Temubual pengkaji dengan Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr. Miuahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³⁰⁸ Temubual pengkaji dengan Hu Pang Chaw pada 17 Mac 2014.

³⁰⁹ Temubual pengkaji dengan Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw pada 17 Mac 2014.

³¹⁰ *PAS For All* atau PAS Untuk Semua adalah slogan yang terpilih dalam satu pertandingan yang dianjurkan oleh Lajnah Perpaduan Nasional. Ia bertujuan mendapatkan satu logo dan lambang bagi mempromosikan PAS sebagai parti yang mementingkan integrasi nasional. Slogan ini juga menjadi tema bagi Muktamar Tahunan PAS di Ipoh pada tahun 2008.

semua.³¹¹ KPP pada ketika itu turut melancarkan buletin berbahasa Cina, iaitu *Ren Min Shi Shi* yang bermaksud *Buletin Semasa Rakyat*. Buletin ini memaparkan aktiviti PAS khususnya yang melibatkan kaum Cina selain berita Kerajaan Negeri Kelantan. Di peringkat awal, buletin ini diedar secara percuma dan dicetak sebanyak 3,000 naskhah sahaja.

Atas sambutan yang menggalakkan, jumlah pengeluaran buletin ditingkatkan kepada 50,000 naskhah yang juga diedarkan secara percuma. Walau bagaimanapun, jangka hayat buletin tersebut tidak dapat bertahan lama apabila ia dirampas oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sewaktu diedarkan di Muktamar Tahunan PAS 2007 di Kedah kerana tidak mendapat permit. Penerbitan buletin ini juga tidak dapat diteruskan atas faktor kewangan.³¹² Hu Pang Chaw mengakui adalah sesuatu yang malang apabila penerbitan buletin tersebut terpaksa dihentikan kerana ia sememangnya membantu kaum Cina dalam memahami Islam dan dasar perjuangan PAS.

Tidak dinafikan bahawa pada peringkat awalnya kerjasama PAS dengan bukan Islam/Melayu lebih tertumpu kepada kaum Cina sahaja. Walau bagaimanapun, penglibatan kaum India dalam KPP berlaku selepas wujudnya gerakan *Hindu Rights Action Force* (Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu) atau lebih dikenali sebagai HINDRAF.³¹³ Menurut Mujahid, apabila munculnya HINDRAF, penyokong kaum India mulai menyokong dan menyertai KPP. Hal yang sama turut diakui oleh Pengerusi DHPP, Balasubramaniam A/L Nachiappan apabila menyatakan kaum India mulai 'terbuka hati' dan sedar untuk memperjuangkan nasib dan masa depan mereka selepas tercetusnya gerakan HINDRAF.³¹⁴ Kesedaran tersebut mendorong kaum India

³¹¹ Temubual pengkaji dengan Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw pada 17 Mac 2014.

³¹² Menurut Hu Pang Chaw, buletin hanya sempat diterbitkan sebanyak empat atau lima keluaran sahaja.

³¹³ HINDRAF adalah satu kumpulan yang didakwa menggabungkan 30 organisasi bukan kerajaan yang berusaha menegakkan hak-hak pengekalan masyarakat Hindu dan warisan mereka di dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

³¹⁴ Temubual pengkaji dengan Pengerusi DHPP, Balasubramaniam A/L Nachiappan pada 24 Ogos 2016.

menyokong PAS dan membawa kepada penyertaan mereka dalam KPP. Jelas Balasubramaniam, beliau berjaya mengumpul seramai 600 ahli KPP dalam kalangan kaum India di kawasannya, iaitu Jerantut, Pahang dalam tempoh beberapa bulan selepas berlakunya gerakan HINDRAF.

Pengiktirafan PAS kepada bukan Islam/Melayu khususnya kaum India terserlah apabila Kumutha a/p Rahman telah bertanding atas tiket PAS di (N.40) DUN Tiram dalam Pilihan Raya Umum 2008. Walau bagaimanapun, beliau tewas dengan majoriti 8,178 undi kepada calon BN, Maulizan Bujang, apabila sekadar mendapat 8,827 undi berbanding Maulizan yang mendapat sebanyak 17,005 undi.³¹⁵ Pesuruhjaya PAS Johor, Datuk Dr Mahfodz Mohamed, menilai pencalonan Kumutha sebagai bukti PAS turut memberi tempat kepada penyokong bukan Islam untuk turut mewakili parti itu sekaligus menunjukkan kesediaan PAS untuk berkhidmat kepada semua kaum.³¹⁶ Jelas beliau lagi, pemilihan Kumutha juga menunjukkan PAS membuka ruang kepada wanita walaupun beliau hanya dari Kelab Penyokong PAS.

Sepanjang penubuhan KPP, ia telah berjaya menganjurkan dua konvensyen yang dapat menghimpunkan perwakilan yang terdiri daripada penyokong bukan Islam/Melayu PAS. Konvensyen pertama telah diadakan di Pulau Pinang yang bertemakan 'Kerajaan Berkeadilan Untuk Semua' dan dirasmikan oleh Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa. Konvensyen kedua pula telah diadakan pada bulan Mei 2009 di Kompleks Pejabat Tanah Klang dengan tema 'Stay United, Brave The Challenger' dan dirasmikan oleh Mursyidul 'Am PAS, Nik Abdul Aziz Nik Mat. Dalam konvensyen kedua, beberapa resolusi telah dapat dicapai, antaranya adalah menstrukturkan semula

³¹⁵ Laporan Pilihan Raya Umum Ke-12, 2008, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, hlm: 285.

³¹⁶ Sila rujuk <http://paslabuan.wordpress.com/2008/03/21/kumutha-dan-sejarah-pas-johor/> (atas talian, diakses pada 12 Oktober 2014).

kepemimpinan KPP, mengemaskinikan data keahlian dan memperkukuhkan KPP untuk dipertingkatkan peranannya dalam PAS.³¹⁷

Seterusnya, Pilihan Raya Umum 2008 telah membuka lembaran baharu dalam sejarah pilihan raya apabila pakatan pembangkang telah berjaya menubuhkan kerajaan di lima negeri, iaitu Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Perak. Paling menarik adalah penubuhan kerajaan negeri di Perak pada 17 Mac 2008 dalam mana walaupun DAP memiliki kerusi DUN terbanyak (18) berbanding PKR (7), PAS (6) dan BN (28), tetapi ADUN PAS, iaitu Mohammad Nizar Jamaludin, telah diperkenankan menjadi Menteri Besar. Perkembangan di Perak ini sekaligus meyakinkan banyak pihak di dalam PAS mengenai betapa untungnya PAS bertahaluf siyasi dengan DAP dan PKR. Bagaimanapun, kerajaan negeri ini tumbang pada 6 Februari 2009 apabila tiga orang ADUN PKR dan seorang ADUN DAP mengumumkan keluar parti dan menjadi ADUN Bebas yang seterusnya menyokong BN.³¹⁸

Selain itu, pakatan pembangkang juga dapat menambah jumlah kerusi parlimen kepada 82 dalam Pilihan Raya Umum 2008 berbanding dengan hanya 19³¹⁹ dalam Pilihan Raya Umum 2004. Selepas setahun berlangsungnya Pilihan Raya Umum 2008, sambutan dan sokongan terhadap KPP semakin baik. Menurut Mujahid, ahli KPP telah mencecah seramai 20,000 orang ahli. Seiring dengan resolusi Konvensyen KPP, KPP perlu distrukturkan semula bagi menampung suara kumpulan bukan Islam/Melayu dalam PAS yang semakin besar.³²⁰ Dalam hal ini, PAS telah bersetuju dengan cadangan untuk menaiktaraf KPP dan tiga pilihan disediakan untuk menstrukturkan semula kelab tersebut. Tiga pilihan tersebut adalah pertama; bukan Islam (ahli KPP) menjadi ahli parti, kedua; mengekalkan entiti KPP sedia ada dan ketiga; menubuhkan Dewan sebagai

³¹⁷ Buku Cenderamata Majlis Pelancaran Penyokong PAS, 23 Mei 2010.

³¹⁸ "Kronologi Krisis Politik Perak", <http://www.malaysiakini.com/news/123990>, diakses pada 12 Oktober 2014.

³¹⁹ DAP memenangi 12 kerusi parlimen manakala PAS dan PKR masing-masing sekadar lima dan satu kerusi sahaja.

³²⁰ Temubual pengkaji dengan Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

satu sayap baharu untuk keahlian bukan Islam. Pilihan ini dibincangkan dalam kertas kerja bertajuk 'Keahlian Bukan Islam Dalam Organisasi PAS' yang dibentangkan oleh Mujahid sendiri selaku Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional dalam *retreat* parti di Langkawi pada Disember 2009.³²¹ Kesemua pilihan telah dibincangkan secara mendalam dan akhirnya pilihan menubuhkan Dewan sebagai satu sayap baharu untuk keahlian bukan Islam dipilih sebagai struktur baharu KPP. Kenyataan Mujahid menjelaskan situasi ini seperti di bawah:

Dicadangkan melalui tiga pilihan yang saya bagi kepada parti. Pertama, kekalkan Kelab Penyokong PAS. Tetapi ia di bawah Lajnah sahaja. Kecil sahaja. Kedua, buka keahlian kepada *non-muslim* dan mereka jadi ahli penuh. Yang ini sensitif lah. Ini kerana syarat nak jadi ahli PAS tu mesti beragama Islam. Ketiga, tubuhkan satu sayap khas untuk *non-muslim*. Dan mereka jadi ahli sayap itu.³²²

Apabila keputusan untuk menubuhkan sayap baru tersebut telah dicapai, usaha menyediakan aturan dan peraturan pun dimulakan. Ini kerana sebelum sayap baru itu dilancarkan, perlu ada undang-undang dan peraturan agar ada keabsahannya dari segi perlembagaan. Hassan Shukri telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan beliau dibantu oleh Hanipa Maidin, Asmuni Awi dan Dato' Dr. Mahfodz Mohamed. Pada 10 Januari 2010, Mesyuarat Jawatankuasa PAS Pusat telah meluluskan draf Aturan dan Peraturan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) dan sekaligus menandakan kejayaan proses penyerapan KPP kepada DHPP.³²³ Akhirnya pada 23 Mei 2010, DHPP telah dilancarkan oleh Presiden PAS, Abdul Hadi Awang, bertempat di Dewan Serbaguna, Pejabat Daerah dan Tanah Klang. Kewujudan DHPP dilihat sebagai satu peningkatan terhadap usaha PAS dalam kerjasamanya dengan bukan Islam/Melayu. DHPP diletakkan harapan yang amat tinggi sebagai contoh perpaduan yang kukuh di

³²¹ Buku Cenderamata Majlis Pelancaran Dewan Himpunan Penyokong PAS pada 23 Mei 2010.

³²² Temubual pengkaji bersama Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³²³ Buku Cenderamata Majlis Pelancaran Dewan Himpunan Penyokong PAS pada 23 Mei 2010.

kalangan ahlinya dan membuktikan bahawa PAS mampu menyatukan semua kaum di negara ini melalui kewujudan sayap terbaharu PAS itu.³²⁴

Meskipun DHPP adalah sayap baharu PAS selain Dewan Ulamak, Dewan Muslimat dan Dewan Pemuda, ahli dewan tersebut masih belum boleh menjadi ahli PAS kerana syarat keahlian PAS, iaitu seorang Islam, belum lagi dipinda dalam Perlembagaan PAS. Fasal 11 Perlembagaan PAS menyatakan syarat untuk menjadi ahli PAS mestilah seorang Islam selain memiliki kewarganegaraan Malaysia dan '*akil baligh* mengikut hukum syara'. Walau bagaimanapun, ahli DHPP sebenarnya masih terikat dengan Aturan dan Peraturan DHPP kerana mereka telah mengangkat ikrar taat setia, iaitu untuk menjunjung dasar parti dan mentaati prinsip perjuangan, menghormati keputusan-keputusan kepimpinan parti dan kepimpinan dewan, melaksanakan maksud perpaduan dalam parti dan dalam negara, menghormati segala aturan dan peraturan dewan sebagai panduan dan memastikan ahli dewan menjaga nama baik PAS dan perjuangannya.³²⁵ Ini bermakna ahli DHPP juga mempunyai tanggungjawab sama seperti ahli PAS.

Dalam Pilihan Raya Umum 2013, PAS telah meletakkan tiga calon daripada DHPP bertanding menggunakan tiket parti, iaitu Hu Pang Chaw di P.148 Parlimen Ayer Hitam, Kumutha a/p Rahman di DUN Tiram dan Wong Chee Chew di DUN Asahan. Menurut Mujahid, ini adalah pencapaian terbesar PAS dalam kerjasamanya dengan kumpulan bukan Islam/Melayu kerana ahli DHPP bukan Islam telah mendapat kepercayaan parti untuk bertanding dalam pilihan raya.³²⁶ Jika dalam Pilihan Raya Umum 2008 PAS hanya meletakkan seorang sahaja calon bukan Islam tetapi jumlah itu bertambah kepada tiga orang dalam Pilihan Raya Umum 2013. Meskipun ketiga-tiga calon tersebut kalah kepada lawan mereka, ia dianggap satu pencapaian kepada calon

³²⁴ Buku Cenderamata Majlis Pelancaran Dewan Himpunan Penyokong PAS pada 23 Mei 2010.

³²⁵ Sila rujuk teks Ikrar Taat Setia ahli DHPP.

³²⁶ Temubual pengkaji bersama Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

PAS yang terdiri daripada bukan Islam/Melayu.³²⁷ Kumutha, yang pernah bertanding dalam Pilihan Raya Umum 2008, telah berjaya mengurangkan undi majoriti BN sebanyak 735 pada Pilihan Raya Umum 2013.

Di sebalik pencapaian yang dibincangkan sebelum ini, penyertaan bukan Islam dalam PAS masih lagi jauh daripada yang dihasratkan. Menurut Mujahid, beliau mencadangkan setiap negeri meletakkan seorang calon bukan Islam dalam pilihan raya.³²⁸ Walau bagaimanapun, dalam Pilihan Raya Umum 2013, hanya dua negeri sahaja yang meletakkan calon bukan Islam, iaitu Johor dan Melaka. Kedua, beliau turut meletakkan sasaran agar ahli DHPP diberikan jawatan dalam peringkat kampung, majlis daerah dan jawatan-jawatan lain yang dirasakan perlu. Hanya dengan cara ini, penyokong bukan Islam akan dapat memainkan peranan secara yang lebih efektif dan, lebih penting, PAS tidak perlu lagi bergantung kepada DAP dan juga PKR. Selain itu, isu kedudukan penyokong bukan Islam dalam PAS masih belum selesai kerana parti itu meletakkan syarat keahlian mesti beragama Islam. Isu ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya.

Kerjasama Politik PAS dalam Pakatan Rakyat (PR)

Pakatan Rakyat (PR)³²⁹ ditubuhkan hampir tujuh tahun selepas DAP keluar daripada BA pada 23 September 2001. Pakatan pembangkang atas nama PR itu diumumkan

³²⁷ Hu Pang Chaw memperolehi sebanyak 14,735 undi dan kalah kepada calon BN, Wee Ka Siong yang mendapat 22,045 undi. Wee Ka Siong menang dengan majoriti 7,310 undi. Manakala Kumutha a/p Rahman memperolehi undi 16,273 dan kalah kepada calon BN, Maulizan Bujang yang mendapat 23,716 undi. Maulizan menang dengan majoriti sebanyak 7,443 undi. Wong Chee Chew pula memperolehi undi sebanyak 4,400 undi dan kalah kepada calon BN, Abdul Ghaffar bin Atan yang mendapat 8,257 undi. Abdul Ghaffar menang dengan majoriti sebanyak 3,857 undi.

³²⁸ Temubual pengkaji bersama Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³²⁹ Menurut Ketua Dewan Ulamak PAS, Dato' Mohamed Daud Iraqi, istilah Pakatan Rakyat dicadangkan oleh Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dalam satu ceramah sebulan selepas Pilihan Raya Umum 2008. Istilah Pakatan Rakyat adalah lebih selesa dengan hubungan yang longgar antara parti dalam Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat bermaksud pakatan yang berjalan mengikut landasan yang dipersetujui oleh rakyat Malaysia yang cintakan keadilan dan kebajikan. Sila rujuk "Istilah Pakatan Rakyat dicadangkan Presiden PAS", *Harakah*, Bil. 1367, 18 – 21 Ogos 2008, hlm. N3.

secara rasmi pada 1 April 2008³³⁰, iaitu 23 hari selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 dilangsungkan.³³¹ PR dilihat sebagai fasa kedua atau peningkatan dalam pakatan pembangkang selepas BA dengan lebih menumpukan usaha memperkukuhkan lagi kerjasama dalam konteks isu dan kepentingan umum, selain mengekalkan pakatan dalam pilihan raya. PR mengekalkan semula kerjasama antara PAS, DAP dan PKR. Jika BA bermula dengan empat buah parti politik, iaitu Parti Keadilan Nasional (KeADILan), PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), serta berakhir dengan dua buah parti politik sahaja iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), iaitu gabungan KeADILan dan PRM pada tahun 2003, dan PAS, PR pula merangkumi tiga buah parti politik, iaitu PKR, PAS, DAP.³³² Perbezaan utama BA dan PR ialah BA dibentuk sebelum berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1999 manakala PR pula dibentuk selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum 2008.

Tempoh antara pembubaran BA dan pembentukan PR telah memperlihatkan perkembangan penting yang telah berlaku dalam konteks parti pembangkang khususnya PAS. Perkembangan ini telah memberi kesan sehingga membawa kepada penubuhan PR pada 1 April 2008. Tempoh itu juga telah memberi banyak masa dan ruang kepada PAS untuk menilai semula pendekatan yang boleh membantu memperbaiki tahap kerjasama politik mereka. Selepas DAP menarik diri daripada BA atas alasan tidak bersetuju dengan perjuangan PAS untuk membentuk Negara Islam di Malaysia, PAS telah mengalihkan tumpuan untuk memperkukuhkan kerjasama mereka dengan kumpulan bukan Islam/Melayu melalui penubuhan Kelab Penyokong PAS (KPP) pada tahun 2004 yang kemudiannya telah dinaiktaraf kepada Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) tahun 2010. Pendekatan ini dilihat sebagai satu usaha alternatif dan jangka

³³⁰ Pengumuman penubuhan Pakatan Rakyat telah dihadiri oleh pemimpin utama pakatan pembangkang, iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dan Lim Kit Siang.

³³¹ Pilihan Raya Umum ke-12 telah diadakan pada 8 Mac 2008. Parlimen telah dibubarkan pada 13 Februari 2008 dan penamaan calon telah diadakan pada 24 Februari 2008.

³³² Menurut Dr. Syed Husin Ali, idea menggabungkan KeADILan dan PRM adalah cadangan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali, terbitan *Strategic Information and Research Development Centre*.

panjang PAS untuk mengekalkan sokongan dan kerjasama dengan kumpulan bukan Islam/Melayu tanpa DAP dan PKR.

Kematian Presiden PAS, Allahyarham Dato' Fadzil Mohd Noor pada 23 Jun 2002 akibat sakit jantung telah memberi cabaran getir kepada PAS kerana Fadzil banyak memainkan peranan penting dalam kerjasama politik PAS melalui GERAK dan Barisan Alternatif.³³³ Hubungan beliau yang baik dengan Anwar Ibrahim serta keberanian membuat keputusan untuk menyokong gerakan reformasi telah meletakkan PAS sebagai parti yang penting. Menurut bekas Setiausaha Politik Fadzil, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Fadzil telah membuat satu keputusan politik yang menguntungkan PAS dengan bekerjasama dengan parti-parti lain.³³⁴ Fadzil juga disifatkan sebagai pemimpin yang mempunyai karisma yang tinggi dan berjaya memecahkan tembok kaum dan agama dalam PAS. Anak didik Fadzil, iaitu Nasharuddin Mat Isa, turut mengakui Fadzil merupakan seorang negarawan dan pemimpin yang mempunyai visi dan selalu memikirkan masalah masa depan Islam dan kepentingan negara.³³⁵ Selepas pemergian Fadzil, jawatan Presiden PAS telah dipangku oleh Timbalan Presiden PAS yang juga Menteri Besar Terengganu pada ketika itu, Dato' Seri Abdul Hadi Awang.

Walaupun kerjasama politik secara rasmi tidak wujud selepas berakhirnya BA, PAS, PKR dan DAP masih mengekalkan kerjasama dalam bentuk pakatan pilihan raya, iaitu menjayakan strategi satu lawan satu dalam Pilihan Raya Umum 2004 bagi berhadapan dengan Barisan Nasional.³³⁶ Ketiga-tiga parti bersetuju untuk mengelakkan dari berlakunya pertandingan tiga penjuru yang akan mengecilkan peluang mereka menewaskan calon BN. Walau bagaimanapun, PAS, PKR dan DAP tidak dapat mengelak untuk bertembung sesama sendiri dalam tujuh kawasan parlimen dan lima

³³³ Peranan Fadzil ada disentuh oleh pengkaji dalam perbincangan kerjasama PAS dalam GERAK.

³³⁴ Temubual pengkaji dengan Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi pada 7 April 2014.

³³⁵ Temubual pengkaji dengan Ahli Parlimen Parit Buntar, Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³³⁶ Temubual pengkaji dengan Naib Presiden PAS, Dato' Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).³³⁷ PAS hanya bertanding sesama sendiri di satu kawasan parlimen dan DUN, iaitu menentang DAP di P.103 Puchong dan N.9 Kuala Kurau, Perak, manakala selebihnya melibatkan pertandingan antara DAP dan PKR. Ini jelas menunjukkan bahawa PAS tidak banyak terlibat dalam pertandingan tiga penjujur berbanding DAP dan PKR kerana kawasan yang ditandingi oleh PAS adalah kawasan *clear cut* atau yang mempunyai majoriti pengundi Melayu³³⁸, sebaliknya DAP dan PKR berebut pengaruh di kawasan campuran (*mixed seat*) atau yang mempunyai komposisi kaum yang bercampur.

Walau bagaimanapun, PAS tidak terlepas daripada dihimpit dengan isu perebutan kerusi apabila Mursyidul Am PAS yang juga Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, tidak bersetuju dengan langkah PKR mencalonkan bekas Presiden PRM, Dr. Syed Husin Ali, bertanding di kawasan Parlimen Kota Bharu, Kelantan. Nik Aziz mendakwa PAS menolak sebarang calon yang mempunyai latar belakang sosialis. Nik Aziz dalam pertemuan dengan Dr. Syed Husin memberitahu bahawa PAS akan kalah beberapa kerusi jika bekas pemimpin PRM itu tetap bertanding.³³⁹ Keengganan PAS menerima pencalonan Dr. Syed Husin Ali mengecewakan PKR kerana menurut perjanjian dalam BA, PKR diberikan hak untuk menentukan sesiapa sahaja yang menjadi calon bagi kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, PKR tetap menghantar wakilnya untuk bertanding di parlimen Kota Bharu, iaitu calon lain bernama Nik Mahmood Nik Hassan.

³³⁷ Tujuh kawasan parlimen itu adalah P.46 Batu Kurau (DAP lawan PKR), P.60 Taiping (DAP lawan PKR), P.62 Sungai Siput (DAP lawan PKR), P.76 Telok Intan (DAP lawan PKR), P.103 Puchong (PAS lawan DAP), P.172 Kota Kinabalu (DAP lawan PKR) dan P.174 Penampang (DAP lawan PKR). Manakala lima kawasan DUN yang terlibat dalam pertembungan sesama sendiri adalah N.22 Gurun, Kedah (DAP lawan PKR), N.25 Bukit Selambau, Kedah (DAP lawan PKR), N.9 Bagan Dalam, Pulau Pinang (DAP lawan PKR) dan N.9 Kuala Kurau, Perak (PAS lawan DAP). *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

³³⁸ Menurut Mujahid, pembahagian kerusi dalam pilihan raya adalah kawasan 70 peratus Melayu untuk PAS, kawasan 70 peratus Cina untuk DAP dan kawasan campuran untuk PKR.

³³⁹ Syed Husin Ali. 2012. *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*, Petaling Jaya: *Strategic Information and Research Development Centre*, hlm. 166.

Keputusan Pilihan Raya Umum 2004 menyaksikan BN mencapai kejayaan terbesar dalam sejarah kemenangan pilihan rayanya. BN mendominasi 90.8 peratus kerusi parlimen, iaitu 199 kerusi daripada 219 kerusi parlimen dengan undi popular sebanyak 63.81 peratus.³⁴⁰ BN juga menguasai 453 kerusi DUN dari 505 kerusi yang dipertandingkan. Sebaliknya, pencapaian PAS jauh merosot apabila gagal mempertahankan kecemerlangan dalam Pilihan Raya Umum 1999 apabila hanya menawan lima kerusi parlimen sahaja. PAS nyaris kehilangan Kelantan apabila hanya mendapat kemenangan tipis, iaitu 24 kerusi berbanding 21 oleh BN. Selain PAS, PKR juga mengalami kekalahan yang teruk dengan kemenangan satu kerusi parlimen sahaja (lima kerusi dalam PRU 1999), iaitu di kawasan kubu kuat, Permatang Pauh melalui presidennya, Wan Azizah Wan Ismail. Bagaimanapun lain ceritanya bagi DAP kerana pencapaian parti itu adalah lebih baik dalam Pilihan Raya Umum 2004 kerana ia kini meraih 12 kerusi parlimen berbanding hanya 10 kerusi yang dimenangnya dalam Pilihan Raya Umum 1999. Keputusan ini menjelaskan bahawa tindakan DAP keluar daripada BA pada 2001 terbukti berjaya mengembalikan sokongan pengundi Cina kepada mereka.³⁴¹

Keputusan yang mengecewakan dalam Pilihan Raya Umum 2004 telah mendesak PAS melakukan bedah siasat terhadap strategi parti dalam usaha meraih semula sokongan pengundi. Antara keputusan signifikan yang diambil oleh PAS adalah membuat penilaian dan penelitian terhadap penggunaan istilah Negara Islam dalam pendekatan mereka. Negara Islam adalah matlamat utama dalam dasar perjuangan PAS dan perjuangan tersebut tidak boleh tertakluk kepada mana-mana pihak.³⁴² Pada tahun 2003, PAS pernah mengemukakan Dokumen Negara Islam sebagai bukti dan komitmen parti

³⁴⁰ *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, hlm. 50.

³⁴¹ Temubual pengkaji dengan Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi pada 7 April 2014.

³⁴² Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat kali ke11, Tahun 2002-2003, pada 11 Julai 2003.

itu memperjuangkan Negara Islam di negara.³⁴³ Langkah ini sebenarnya lebih kepada reaksi PAS terhadap cabaran Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang mahu PAS mengemukakan *blueprint* Negara Islam.³⁴⁴ Meskipun dokumen tersebut telah diterbitkan dalam pelbagai bahasa, iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Mandarin, serta didedahkan kepada umum³⁴⁵, ia masih tidak dapat menambahkan keyakinan rakyat terhadap konsep Negara Islam malah ia menjadi senjata makan tuan yang mengakibatkan PAS kalah teruk dalam Pilihan Raya Umum 2004.

PAS telah bersetuju menggantikan istilah Negara Islam kepada Negara Kebajikan.³⁴⁶ Menurut Mustafa Ali, keputusan PAS ini bukan bermaksud PAS telah mengubah dasar perjuangannya tetapi lebih kepada memperbaiki strategi atau pendekatan parti. Langkah ini juga bukan bermakna PAS tidak lagi yakin dengan perjuangan Negara Islam tetapi mengambil kira tahap penerimaan orang ramai. PAS mengakui istilah Negara Islam tersebut boleh mengelirukan rakyat kerana mereka tidak sempat untuk memahami konsep tersebut. Hal ini mengakibatkan rakyat salah faham terhadap perjuangan Negara Islam seterusnya menjadi faktor mengapa mereka menolak perjuangan PAS. Penjelasan Mustafa dalam hal ini adalah seperti berikut:

Bagi saya, penggunaan istilah itu telah menimbulkan persepsi yang negatif tanpa orang faham. Sebab itu, selepas 2004, saya ditugaskan buat *post mortem* PRU 2004. Salah satu pertemuan yang kita buat kajian adalah, istilah Negara Islam itu orang tidak sempat nak faham. Itu antara penyebab bahawa orang jadi keliru. Penjelasan tak sempat difahami. Jadi tidak faham, ia sebab orang tak sokong PAS. Itu ada dalam *post mortem*, tapi kita tak sebutlah Negara Islam menjadi penyebab kepada

³⁴³ Mustafa memberitahu pengkaji tajuk asal Dokumen Negara Islam itu adalah Pemerintahan Islam Abad ke-21. Namun apabila drafnya diserahkan kepada Ketua Penerangan PAS ketika itu, Dato' Dr. Haron Din, beliau telah menukarkan tajuknya menjadi Dokumen Negara Islam. Mustafa mengakui perubahan tersebut bukan satu strategi yang baik. Namun, akur Mustafa, Dato' Dr. Haron Din mempunyai alasan yang tersendiri untuk mengubah nama dokumen tersebut sebagai satu langkah penekanan dan ketegasan kepada perjuangan PAS. Hal ini turut diakui oleh Zulkifli Sulong menerusi tulisan beliau bertajuk "Satu Hubungan Istimewa: PAS dan Abdullah Badawi" dalam buku "*Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia*", suntingan Bridget Welsh dan James U.H Chin, hlm. 148.

³⁴⁴ Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kelima, Sesi 2001-2002, pada 13 Oktober 2001.

³⁴⁵ Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Ketujuh, Sesi 2001-2003, pada 9 Disember 2001.

³⁴⁶ Keputusan PAS menggantikan istilah Negara Islam kepada Negara Berkeadilan tidak dipersetujui oleh segelintir pemimpin PAS, termasuk Naib Presiden PAS, Dato' Dr. Hassan Ali. Beliau menyifatkan usaha tersebut memberi peralihan yang sangat besar kepada perjuangan PAS. Sila rujuk Hansard Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama, 21 Mac 2012, hlm. 58.

kekalahan, tapi penerimaan rakyat, penjelasan tidak cukup. Sedangkan Negara Islam ini banyak istilah, Darul Islam pun Negara Islam. Jadi sebab itu, kita perlu melihat istilah-istilah yang boleh menyebabkan timbulnya persepsi, perlu kita elakkan, sebab ada istilah lain yang boleh kita gunakan³⁴⁷.

Pandangan yang sama turut dikongsi oleh beberapa pemimpin PAS antaranya Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, apabila beliau mengakui istilah Negara Islam telah menjadi satu istilah yang menggerunkan sehingga rakyat takut.³⁴⁸ Ahli Parlimen Parit Buntar, Dr. Mujahid Yusuf Rawa, juga menegaskan istilah Negara Islam tidak wujud dan hanya muncul secara jelas pada awal 1980-an.³⁴⁹ Sejak PAS ditubuhkan pada 1951, istilah Negara Islam tidak digunakan sebaliknya *baldatun taiyyibatun warabbun ghafur*. Mujahid menjelaskan:

Perkataan *Islamic State*, negara Islam hanya muncul terang-terangan pada awal 1980-an. Pada awal PAS ditubuhkan pada 1951, tak pernah pun menyebut negara Islam. Yang sebut adalah *baldatun taiyyibatun warabbun ghafur*. Malah itu kempen dia...saya masih ada kempen itu... *baldatun taiyyibatun warabbun ghafur*, dia tidak sebut pun *Daulah Islamiyyah*. Dan disebut tagline dia, *justice, peace and solidarity*. Itulah kempen tahun 60-an...tidak ada *Islamic State*. Dalam perlembagaan pun, tidak ada menubuhkan negara Islam. Disebut menubuhkan negara yang melaksanakan syariah dalam pemerintahan.³⁵⁰

Bagaimanapun, menurut seorang pengkaji sejarah PAS, Dr. Kamarul Zaman Haji Yusoff, kenyataan Dr. Mujahid ini tidaklah tepat sepenuhnya kerana sejak zaman awal penubuhannya lagi PAS telah menekankan keperluan menubuhkan Negara Islam ini. Sebagai contohnya, kandungan ikrar yang dibacakan oleh kesemua perwakilan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957 menyebut bahawa mereka akan terus berjuang bagi mengisi kemerdekaan negara ini dengan hasrat kebangsaan Melayu yang penuh hingga terdirilah sebuah negara Islam di negara ini.

³⁴⁷ Temubual pengkaji dengan Dato' Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

³⁴⁸ Temubual pengkaji dengan Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi pada 7 April 2014.

³⁴⁹ Temubual pengkaji dengan Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³⁵⁰ Ibid.

Begitu juga dengan ucapan dasar Mohd Asri Muda pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 yang menegaskan semula cita-cita utama PAS, iaitu untuk “(me)wujud(kan) negara yang bercorak Islam”. Sewaktu PAS berada di dalam BN sekalipun, Mohd Asri Muda tetap juga memperkatakan mengenai hasrat untuk menubuhkan Negara Islam ini, khususnya melalui gesaan supaya undang-undang Islam dilaksanakan di Malaysia, khususnya di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 dan di dalam ucapan dasar beliau pada Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977. Memang dalam Perlembagaan PAS tidak disebutkan secara tersurat kehendak menubuhkan Negara Islam tetapi kehendak ini dapat difahami melalui pernyataan ke atas ciri-ciri Negara Islam tersebut.³⁵¹

Penggunaan Negara Kebajikan adalah contoh tolak ansur PAS yang bukan sahaja bertujuan menarik sokongan rakyat dalam pilihan raya tetapi memulihkan hubungan dengan rakan pakatan khususnya DAP. Apa yang lebih penting, konsep Negara Kebajikan ini sama sekali tidak mengubah dasar perjuangan PAS kerana ia tidak berbeza dengan matlamat dalam Negara Islam. Seperti Negara Islam, Negara Kebajikan juga bermatlamat membentuk masyarakat yang adil serta telus dan ia boleh diterima semua pihak termasuk bukan Islam.³⁵² Justeru, adalah langkah yang tidak perlu untuk membezakan antara Negara Islam dan Negara Kebajikan kerana apa yang lebih penting adalah pengisian dan pelaksanaannya. Apa yang jelas, konsep Negara Kebajikan menjadi pertaruhan baharu PAS malah ia menjadi tema bagi Muktamar Tahunan PAS bagi tahun 2011 dan 2012, iaitu *Membangun Negara Kebajikan* dan *Negara Kebajikan Teras Perpaduan*. Pemilihan Negara Kebajikan sebagai tema bagi Muktamar Tahunan PAS mendapat kritikan daripada BN khususnya UMNO apabila mendakwa PAS telah

³⁵¹ Temubual pengkaji dengan Pakar Sejarah PAS yang juga Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Kamarul Zaman Haji Yusoff pada 20 Disember 2014.

³⁵² Temubual pengkaji dengan Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi pada 7 April 2014.

menggadaikan prinsip dan perjuangan Negara Islam demi kepentingan dan kerjasama politiknya.

Selain isu Negara Islam yang menyumbang kepada kekalahan teruk PAS dalam Pilihan Raya Umum 2004, isu manipulasi dalam pilihan raya juga telah dibangkitkan oleh parti-parti pembangkang. Hal ini telah mendorong mereka untuk duduk bersama dan bersepakat sekaligus memperkukuhkan kerjasama. Ini dapat dilihat melalui inisiatif pemimpin muda dari setiap parti untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan bagi menilai dan membantah sistem pilihan raya di negara ini yang didakwa telah dimanipulasikan.³⁵³ Satu *retreat* pemimpin pembangkang telah diadakan di Port Dickson dan setiap parti pembangkang, iaitu PAS, PKR dan DAP, telah menghantar 10 orang pemimpin muda termasuk Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok dari DAP, dan Naib Presiden PKR, Tian Chua. Menurut Dr. Syed Azman, perkampungan selama tiga hari di Port Dickson itu telah membawa kepada satu keputusan yang besar, iaitu penubuhan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH).³⁵⁴ Maka di sinilah lahirnya sebuah NGO yang menuntut dan memperjuangkan pilihan raya yang bersih dan adil di negara ini.

Apa yang jelas, BERSIH telah memperkukuhkan lagi hubungan dan kerjasama antara parti-parti pembangkang. Ini dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh setiap parti politik melalui penyertaan penyokong masing-masing dalam siri demonstrasi yang dijalankan, iaitu Perhimpunan BERSIH 1.0 pada 10 November 2007, Perhimpunan BERSIH 2.0 pada 9 Julai 2011 dan Perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April 2012.

Dalam perhimpunan BERSIH 1.0, satu memorandum telah dihantar kepada Yang di-

³⁵³ Ibid.

³⁵⁴ BERSIH telah dibentuk pada Julai 2005 dan dilancarkan secara rasmi pada 23 November 2006 di Bangunan Parlimen. Dalam perhimpunan BERSIH 2.0, lapan tuntutan BERSIH adalah pendaftaran secara automatik sebaik sahaja mereka mencecah usia layak mengundi, reformasi kepada sistem undi pos untuk para pengundi di luar bandar, penggunaan dakwat kekal untuk mengelakkan pengundian berulang, akses media yang adil kepada semua parti politik yang bertanding, tempoh kempen minima selama 21 hari, hak untuk badan bebas memantau proses pilihan raya dengan kebebasan untuk bertindak bagi menguatkuasakan perkara berhubung kesalahan pilihan raya, menghapuskan rasuah pilihan raya dan menghentikan politik kotor.

Pertuan Agong di Istana Negara bagi menuntut empat perkara, iaitu semakan semula daftar pemilih yang lengkap untuk memastikan segala kesalahan dibetulkan, penggunaan dakwat kekal untuk mencegah pengundian berulang, pemansuhan undi pos kecuali kepada para diplomat serta pengundi di luar negara dan akses media yang adil kepada semua pihak dalam pilihan raya supaya semua parti politik boleh menjelaskan dasar dan manifesto mereka kepada rakyat, khususnya kepada para pengundi di Malaysia.³⁵⁵

Faktor kelemahan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam pentadbiran kerajaan telah menambahkan kekuatan pakatan pembangkang menjelang Pilihan Raya Umum 2008. Menurut Mujahid, serangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir terhadap Tun Abdullah telah diambil kesempatan oleh parti pembangkang untuk menunjukkan kerajaan di bawah kepimpinan Tun Abdullah adalah lemah dan gagal.³⁵⁶ Hal ini sebenarnya diakui sendiri oleh Tun Abdullah apabila beliau mendakwa kritikan Tun Dr. Mahathir telah merosakkan UMNO dan Kerajaan BN. Tun Mahathir didakwa tidak senang dengan keputusan cemerlang BN dalam Pilihan Raya Umum 2004. Jelas Tun Abdullah, Tun Dr. Mahathir melihat kemenangan besar BN dalam Pilihan Raya Umum 2004 adalah tidak sihat kepada demokrasi dan beliau mahu pembangkang yang kuat wujud bagi melaksanakan konsep semak dan imbang³⁵⁷. Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Tun Abdullah pada sidang akhbar selepas Majlis Penerangan Bersama Presiden UMNO di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) seperti berikut:

Apa yang berlaku dulu, masa kita menang 2004, kata beliau.. 'ini kuat sangat, tak boleh, tak elok, mesti ada pembangkang'... seolah-olah dia bertolak-ansur

³⁵⁵ Maklumat lanjut boleh rujuk kepada kertas pembentangan "Impak Ketidakkuratan Terhadap Pilihan Raya Umum di Malaysia" oleh Zawiyah Mohd Zain dan Mohammad Agus Yusoff di Persidangan Demokrasi dan Pilihan Raya, anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 6 dan 7 November 2013.

³⁵⁶ Temubual pengkaji dengan Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³⁵⁷ Temubual pengkaji dengan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 9 Julai 2014.

dengan pembangkang sepanjang masa. Apabila pembangkang naik (menang), saya ingat kalau dia nak raikan... (tetap) dia hentam kita pula. Dia kata mengapa pula jadi begini? Jadi menang banyak pun tak boleh, menang sedikit pun tak boleh. Apa yang boleh?³⁵⁸

Kerjasama politik secara rasmi antara PAS, PKR dan DAP yang menggunakan istilah Pakatan Rakyat belum wujud sewaktu Pilihan Raya Umum 2008. Walau bagaimanapun, sama seperti Pilihan Raya Umum 2004, ketiga-tiga buah parti bersetuju untuk mengadakan pakatan pilihan raya, iaitu strategi satu lawan satu untuk menentang Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, di sebalik persepakatan ini, mereka tetap bertanding sesama sendiri di tujuh kawasan parlimen dan sembilan kawasan DUN.³⁵⁹ Apa yang menarik, Pilihan Raya Umum 2008 memperlihatkan tidak berlaku pertembungan antara PAS dengan DAP mahupun PKR. Sebaliknya, kesemua pertembungan sesama parti pembangkang hanya melibatkan DAP dan PKR.

Dalam Pilihan Raya Umum 2008 juga, PAS, PKR dan DAP mengemukakan manifesto yang berasingan. Walau bagaimanapun, masing-masing memberi fokus kepada matlamat yang satu, iaitu memperjuangkan reformasi dan pembaharuan demokrasi di Malaysia. PAS menyediakan manifesto bertajuk "*Menuju Negara Kebajikan*"³⁶⁰, PKR "*Harapan Baharu Untuk Malaysia*" dan DAP pula "*Jom Ubah*". Manifesto PAS kali ini tidak lagi menampilkan istilah Negara Islam, sebaliknya mempromosikan Negara Kebajikan. Melalui konsep Negara Kebajikan, PAS bertekad untuk membela kebajikan

³⁵⁸ "Dr. Mahathir Bantu Rosakkan UMNO- PM", *Utusan Malaysia*, 4 April 2008.

³⁵⁹ Tujuh kawasan parlimen itu adalah P.97 Selayang (PRM lawan PKR), P.171 Sepang (DAP lawan PKR), P. 172 Kota Kinabalu (DAP lawan PKR), P. 180 Keningau (DAP lawan PKR), P.190 Tawau (DAP lawan PKR), P. 196 Stampin (DAP lawan PKR) dan P.212 Sibul (DAP lawan PKR). Sembilan kawasan DUN yang terbabit dengan pertembungan sesama sendiri pula adalah N.45 Stulang, Johor (DAP lawan PRM), N.14 Likas, Sabah (DAP lawan PKR), N. 16 Luyang, Sabah (DAP lawan PKR), N. 17 Tanjong Aru, Sabah (DAP lawan PKR), N.19 Kapayan, Sabah (DAP lawan PKR), N. 34 Liawan, Sabah (DAP lawan PKR), N. 44 Karamunting, Sabah (DAP lawan PKR), N. 47 Kuamut, Sabah (DAP lawan PKR) dan N.57 Sri Tanjong, Sabah (DAP lawan PKR). Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

³⁶⁰ Manifesto PAS untuk Pilihan Raya Umum 2008 mengandungi 12 teras, iaitu Kerajaan Beramanah, Adil dan Bersih, Pengurusan Berhemat (Pruden) Kekayaan Negara, Jaminan Keselamatan Nyawa, Kehormatan dan Harta Benda dengan Membentasi Jenayah, Pendidikan Menyeluruh Pemacu Perubahan, Jaminan Perkhidmatan Kesihatan Rakyat, Kebajikan Pekerja Sektor Awam dan Swasta, Pembelaan Kebajikan Menyeluruh Mesra-Rakyat, Tawaran Istimewa Bagi Kaum Wanita, Memajukan Industri Pertanian sekaligus Membela Kaum Petani dan Nelayan, Dasar, Etika dan Amalan Media Massa Adil, Bersih dan Demokratik, Pemuliharaan Alam Sekitar dan Dasar Perpaduan Nasional.

rakyat dan kepentingan negara melalui pengurusan ekonomi yang bijak dan pembangunan seimbang, mesra manusia dan mesra alam.³⁶¹

Terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada penubuhan PR. Pertama; keputusan Pilihan Raya Umum 2008, kedua; keperluan menubuhkan kerajaan di negeri yang dimenangi oleh pakatan pembangkang dan ketiga; faktor Anwar sebagai pemersatu antara PAS, DAP dan PKR. Keputusan Pilihan Raya Umum 2008 telah menjadi pemangkin kepada penubuhan kerjasama yang lebih kukuh di bawah PR. Dalam pilihan raya itu, pakatan pembangkang telah berjaya memenangi 82 kerusi parlimen berbanding hanya 19 kerusi dalam Pilihan Raya Umum 2004, iaitu PAS mendapat 23 kerusi, PKR 31 kerusi dan DAP 28 kerusi.

Di peringkat negeri, pakatan pembangkang telah berjaya menawan Kelantan, Kedah, Selangor, Pulau Pinang dan Perak dalam Pilihan Raya Umum 2008. Justeru, keperluan menubuhkan kerajaan di negeri tersebut telah mendesak ketiga-tiga parti untuk memperkukuhkan kerjasama kerana pada ketika itu PR masih belum wujud. Dalam hal ini, hanya PAS boleh menubuhkan kerajaan negeri di Kelantan secara bersendirian tanpa bekerjasama dengan parti lain. PAS menang 38 kerusi DUN manakala PKR hanya satu kerusi sahaja. Sebaliknya di Kedah, Selangor, Pulau Pinang dan Perak, tidak ada satu parti pembangkang pun yang dominan dan boleh menubuhkan kerajaan secara bersendirian tanpa bekerjasama dengan parti lain. DAP yang memenangi 19 kerusi DUN masih memerlukan satu kerusi lagi untuk mendapat majoriti mudah dan membentuk kerajaan negeri di Pulau Pinang. Pada masa yang sama, tumpuan banyak diberikan kepada tindak-tanduk PAS kerana UMNO/BN boleh menubuhkan kerajaan campuran di Selangor, Perak dan Kedah jika mereka berjaya memujuk PAS untuk bekerjasama dengannya.

³⁶¹ Sila rujuk Manifesto PAS dalam Pilihan Raya Umum 2008.

Dalam hal berkaitan, PAS telah menyediakan tiga pilihan untuk dipertimbangkan sebagai langkah menyelesaikan isu penubuhan kerajaan negeri, iaitu pertama; bergerak secara bersendirian, kedua; bekerjasama dengan UMNO dan ketiga; bekerjasama dengan PKR dan DAP.³⁶² Tiga kumpulan telah dibentuk dan diberikan tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk membuat kajian serta analisa bagi setiap pilihan yang disediakan itu. Pilihan untuk bergerak bersendirian hanya meletakkan PAS berkuasa di Kelantan sahaja. Meskipun PAS mendapat kerusi terbanyak di Kedah, iaitu 16 kerusi, parti itu masih memerlukan sokongan parti lain untuk menubuhkan kerajaan negeri. Sehubungan dengan itu, PAS menolak pilihan untuk bergerak secara bersendirian kerana kemenangan mereka dalam Pilihan Raya Umum 2008 difikirkan sebagai kemenangan bersama PAS dengan PKR dan DAP.

Dalam konteks pilihan PAS untuk bekerjasama dengan UMNO, parti itu telah menghantar wakil untuk berbincang dengan pemimpin UMNO. Pada masa yang sama, UMNO turut berminat untuk bekerjasama dengan PAS, khususnya di Selangor. Satu rombongan PAS yang terdiri daripada Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa, Setiausaha Agung PAS, Dato' Mustafa Ali, dan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Khalid Abdul Samad, telah diutuskan untuk berjumpa dengan Presiden UMNO yang juga Pengerusi BN, Tun Abdullah Ahmad Badawi, dan bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Mohamed Khir Toyo.³⁶³ Menurut Mustafa, persetujuan PAS untuk bertemu UMNO pada ketika itu lebih kepada ingin mengetahui apakah hasrat sebenar mereka (UMNO) dan bukannya mahu membincangkan soal kerjasama politik dan menubuhkan kerajaan bersama.

³⁶² Temubual pengkaji dengan Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

³⁶³ Temubual pengkaji dengan Dato' Mustafa Ali pada 17 Jun 2014. Menurut beliau, Nasharuddin telah memaklumkan bahawa Tun Abdullah ingin bertemu dengan pimpinan PAS bagi membincangkan kerjasama antara UMNO dan PAS. Jelas Mustafa Ali, Nasharuddin telah menyatakan persetujuan terlebih dahulu dengan Tun Abdullah dan untuk tidak memungkir janji, pertemuan tersebut diadakan.

Pertemuan tersebut secara khususnya membincangkan penubuhan kerajaan negeri di Selangor atas perkongsian kuasa antara UMNO dan PAS dan di peringkat pusat secara umumnya. Dalam perbincangan tersebut, UMNO bersetuju untuk menyerahkan jawatan Menteri Besar Selangor kepada PAS jika PAS bersetuju untuk bekerjasama dengannya. Walau bagaimanapun, idea kerjasama ini ditolak oleh PAS kerana kerjasama PAS dan UMNO tidak boleh hanya berlaku di Selangor tetapi di semua peringkat. Tun Abdullah menaruh harapan besar agar kerjasama PAS dan UMNO dapat direalisasikan. Beliau mahu kerjasama politik ini dilaksanakan terlebih dahulu dan jika gagal, ia boleh dihentikan.³⁶⁴ Keputusan untuk bekerjasama dengan UMNO tidak boleh dibuat dalam pertemuan tersebut kerana ia perlu dilaporkan dan dirujuk kepada Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang.³⁶⁵ PAS juga memerlukan sedikit masa untuk membincangkan soal kerjasama dengan UMNO kerana ia tidak boleh dilakukan secara terburu-buru.

Usaha pertemuan dan perbincangan ke arah kerjasama PAS dan UMNO bukanlah dibuat secara rahsia tetapi ia tidak perlu diketahui oleh umum. Akan tetapi, usaha tersebut didedahkan oleh Tun Abdullah kepada media dan telah menjadi rahsia yang terbuka (*open secret*).³⁶⁶ Apabila ia mendapat liputan dalam media, ini telah menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan ahli parti dan rakan pakatan pembangkang, iaitu PKR dan DAP. Mereka yang tidak bersetuju dengan kerjasama PAS dan UMNO menggunakan istilah Kerajaan Perpaduan bagi menggagalkannya. Menurut Nasharuddin, istilah Kerajaan Perpaduan sebenarnya tidak wujud tetapi ia hanyalah istilah yang dicipta oleh pihak media. Jelas beliau lagi, istilah tersebut tidak tepat kerana tidak wujud Kerajaan Perpaduan sebenarnya, sebaliknya, apa yang wujud

³⁶⁴ Temubual pengkaji dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 9 Julai 2014.

³⁶⁵ Mustafa memberitahu kepada pengkaji bahawa Tun Abdullah boleh membuat keputusan sendiri kerana beliau adalah Presiden UMNO tetapi wakil PAS tidak boleh membuat keputusan sebaliknya perlu melaporkan kepada Presiden PAS.

³⁶⁶ Temubual pengkaji dengan Nasharuddin Mat Isa pada 21 April 2014.

hanyalah keperluan untuk PAS dan UMNO duduk semeja membincangkan kepentingan bersama yang boleh dimanfaatkan demi negara, Islam dan orang Melayu.³⁶⁷

Cadangan kerjasama di antara PAS dan UMNO khususnya untuk membentuk kerajaan negeri di Selangor bagaimanapun ditolak oleh PAS walaupun Nasharuddin cenderung untuk meneruskan usaha kerjasama duduk semeja atas kepentingan Melayu dan Islam. Penolakan PAS terhadap pilihan untuk bergerak sendiri dan bekerjasama dengan UMNO bermakna parti itu memilih untuk meneruskan kerjasama dalam pakatan pembangkang bersama PKR dan DAP untuk menubuhkan kerajaan negeri. Ini sekaligus memperkukuhkan kerjasama politik mereka yang membawa kepada penubuhan PR.

Penubuhan PR turut dibantu oleh ketokohan Anwar Ibrahim sebagai pendorong dan faktor pemersatu dalam usaha merapatkan kembali hubungan PAS dan DAP yang renggang. Selepas DAP menarik diri daripada BA pada tahun 2001, parti itu melihat mereka boleh mengekalkan sokongan pengundi tanpa bekerjasama dengan PAS dan ini terbukti berdasarkan pencapaian lebih baik mereka dalam Pilihan Raya Umum 2004. Walau bagaimanapun, DAP tidak boleh meminggirkan PAS kerana Anwar telah memberi syarat jika pakatan pembangkang mahu diteruskan, ia mesti melibatkan penyertaan PAS.³⁶⁸ Keadaan ini telah memaksa DAP untuk menerima PAS dalam menjayakan penubuhan dan kelangsungan pakatan pembangkang baru ini, iaitu PR.

Kerjasama dalam PR berasaskan kepada persefahaman dalam bantuk isu dan kepentingan umum. Setiap parti perlu mengutamakan perkara dan isu yang disepakati bersama berbanding dasar asal perjuangan masing-masing. Dalam usaha memperkukuhkan komitmen tersebut, Konvensyen Pakatan Rakyat pertama telah

³⁶⁷ Ibid.

³⁶⁸ Temubual pengkaji dengan Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

diadakan di Shah Alam pada 2009. Dalam konvensyen tersebut, semua parti menzahirkan komitmen mereka untuk meneruskan kerjasama politik dan memperjuangkan Dasar Bersama yang telah dipersetujui oleh kesemua parti. Dalam konvensyen yang pertama itu, PAS, PKR dan DAP telah menerokai Dasar Bersama yang dipersetujui bagi memenuhi matlamat muafakat ke arah memperkukuhkan demokrasi seterusnya membentuk gagasan alternatif terbaik untuk negara.³⁶⁹ Dasar Bersama itu merangkumi empat perkara, iaitu Mengembalikan Demokrasi Telus dan Tulen, Memacu Ekonomi Berprestasi Tinggi, Mapan dan Adil, Keadilan Sosial dan Pembangunan Insan, dan Hubungan Persekutuan-Negeri dan Dasar Luar Negara. PAS menyokong Dasar Bersama PR. Menurut Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang, Dasar Bersama ini adalah satu penzahiran cita-cita dan harapan rakyat Malaysia yang selari dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.³⁷⁰

Selain Dasar Bersama, kesemua parti dalam PR bersetuju untuk menerima dan melindungi kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera, mempertahankan peranan dan tanggungjawab institusi raja berperlembagaan, memartabatkan Bahasa Melayu selari dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan memperluaskan Bahasa Melayu sebagai lingua franca serantau, dan dalam masa yang sama melindungi dan memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda semua kaum.³⁷¹ Menurut Mujahid, persetujuan dalam perkara ini melambangkan bahawa kerjasama dalam PR adalah melampaui kepentingan politik kerana ia melibatkan soal kepentingan negara.³⁷² Beliau menegaskan walau apa pun perselisihan yang berlaku dalam kerjasama politik melalui PR, persetujuan terhadap perkara asas tersebut tidak boleh berubah.

³⁶⁹ Ucapan Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang, dalam Konvensyen Pakatan Rakyat pada 29 November 2009 di Shah Alam.

³⁷⁰ Ibid.

³⁷¹ Ibid.

³⁷² Temubual pengkaji dengan Ahli Parlimen Parit Buntar, Dato' Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

Dalam Pilihan Raya Umum 2013, PR telah menyediakan Manifesto Bersama bertajuk "*Pakatan Harapan Rakyat*" yang mempertaruhkan empat tonggak utama, iaitu Rakyat Bersaudara, Ekonomi Rakyat, Kesejahteraan Rakyat dan Kerajaan Rakyat.³⁷³ Manifesto Rakyat ini menggariskan program dan dasar khusus yang akan dilaksanakan oleh Pakatan Rakyat sekiranya ia dapat menawan Putrajaya. Manifesto ini juga memperakukan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan menjamin hak kebebasan beragama seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Beberapa tawaran penting tentang kesejahteraan rakyat telah dikemukakan oleh PR yang menjadi perhatian umum antaranya memperkenalkan pendidikan percuma kepada semua, menghapuskan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), menurunkan harga minyak, menurunkan caj elektrik dan air, menghapuskan tol dan mengurangkan harga kereta. Dalam konteks untuk memperkukuhkan lagi kedudukan demokrasi di negara ini, PR bertekad untuk mengadakan reformasi Parlimen, menghapuskan undang-undang yang menyekat kebebasan media, menghapuskan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), menjamin kebebasan akademik dan memperkenalkan Dasar Banteras Rasuah Negara atau DEBARAN.

Pilihan Raya Umum 2013 menyaksikan pakatan pembangkang terus melaksanakan pakatan pilihan raya melalui strategi satu lawan satu dalam berhadapan dengan BN. Berbanding Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2008, pertembungan sesama parti pembangkang semakin berkurangan dalam pilihan raya kali ini. Dalam konteks kawasan parlimen misalnya, tidak ada lagi pertembungan sesama sendiri antara PAS, PKR dan DAP. Ini menggambarkan persefahaman yang tinggi antara mereka dalam soal pengagihan kerusi. Walau bagaimanapun, di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), masih terdapat lima kawasan yang menyaksikan berlakunya

³⁷³ Manifesto Pakatan Rakyat Pilihan Raya Umum 2013.

pertembungan sesama sendiri antara parti-parti pembangkang.³⁷⁴ Kesemua lima DUN tersebut dimenangi oleh calon BN. Walau bagaimanapun, jumlah undi yang diperolehi oleh PAS dan PKR di N.39 Kota Damansara (Parlimen Subang) melebihi undi calon BN. Ini bermakna, jika PAS dan PKR bersepakat dan meletakkan seorang calon sahaja di N.39 Kota Damansara, mereka sudah semestinya akan mengalahkan calon BN.³⁷⁵

Pakatan pembangkang memperbaiki pencapaian apabila menambah 7 kerusi parlimen menjadikan 89 kesemuanya. Daripada jumlah itu, DAP memperolehi 38 kerusi parlimen (terbanyak), diikuti PKR dengan 30 kerusi dan PAS sekadar 21 kerusi. DAP adalah parti politik paling berjaya apabila menambah 10 kerusi parlimen berbanding dalam Pilihan Raya Umum 2008 manakala PKR kehilangan satu kerusi dan PAS kehilangan dua kerusi. Di peringkat negeri pula, pakatan pembangkang berjaya mempertahankan Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor tetapi gagal mengekalkan Kedah. Pengurangan jumlah kerusi parlimen dan kegagalan mempertahankan Kedah dilihat sebagai satu kemerosotan terhadap pengaruh PAS dan kedudukannya dalam PR.³⁷⁶ Perkembangan ini telah mencetuskan pandangan dan desakan agar kerjasama politik PAS dalam pakatan pembangkang dikaji semula.

Antaranya, Multaqa Ulamak Se-Malaysia di Kompleks PAS Kedah mencadangkan supaya *tahaluf siyasi* antara PAS dan sekutu mereka dalam pakatan pembangkang disemak semula. Menurut Penolong Setiausaha Dewan Ulamak PAS Pusat, Ustaz Muhammad Ismi Mohd Taib, kajian atau audit terhadap pelaksanaan tahaluf siyasi ini berasaskan kepada beberapa isu, antaranya ialah kemerosotan sokongan dan undi

³⁷⁴ Menariknya, kesemua pertandingan tiga penjurua ini hanya membabitkan PAS dan PKR, berbanding membabitkan PKR dan DAP sebelum ini. Lima kawasan DUN tersebut adalah N.2 Kota Putera (Parlimen Besut), N.25 Bukit Besi (Parlimen Dungun), N.11 Seberang Takir (Parlimen Kuala Nerus), N.21 Sungai Acheh (Parlimen Nibong Tebal) dan N.39 Kota Damansara (Parlimen Subang). Berita Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Edisi Khas Bil. 1 2014.

³⁷⁵ Calon PAS, Ridzuan Ismail, memperolehi 7,312 undi manakala calon PKR, Mohd Nasir Hashim, memperolehi 14,860. Jika dicampur, kedua-dua undi mereka akan menjadi 22,172 undi. Calon BN, Halimatun Saadiah Bohan, hanya mendapat 16,387 undi.

³⁷⁶ Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad membidas kenyataan yang menyalahkan kerjasama politik PAS dalam PR menyebabkan Kerajaan Negeri Kedah jatuh ke tangan BN. Sebaliknya, beliau berpendapat kegagalan PAS di Kedah disebabkan perbalahan dalaman PAS Kedah yang tidak ditangani dengan baik. Sila rujuk buku "Dari PAS Ke Amanah", Petaling Jaya, Ilham Book Sdn. Bhd., hlm. 199.

Melayu terhadap PAS berbanding Pilihan Raya Umum 2008 yang merupakan era sebelum wujudnya PR dan terdapat dalam kalangan ahli dan pimpinan PAS yang mengeluarkan kenyataan dan pandangan yang keluar dari skop fikrah Islam dan ada juga yang berbaaur fahaman pluralisme dan liberalism.³⁷⁷

PAS mengakui merosotnya sokongan pengundi Melayu kepada PAS dalam Pilihan Raya Umum 2013 memperlihatkan parti itu masih gagal merealisasikan kempen mereka, iaitu "PAS Ganti UMNO".³⁷⁸ Dalam hal ini, UMNO telah berjaya menambah 8 kerusi parlimen daripada kedudukan 79 kerusi pada Pilihan Raya Umum 2008 kepada 88 kerusi dalam Pilihan Raya Umum 2013.³⁷⁹ Di negeri majoriti Melayu, PAS hanya memperolehi 9 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kedah berbanding 16 kerusi dalam Pilihan Raya Umum 2008. Selain itu, sokongan PAS turut menurun di Kelantan dengan hanya memenangi 32 kerusi DUN berbanding 37 pada Pilihan Raya Umum 2008. Sebaliknya, PAS menambah jumlah kerusi DUN di negeri Selangor, Johor dan Pahang. Ini bermakna PAS berjaya meningkatkan sokongan bukan Melayu tetapi sebaliknya sokongan Melayu/Islam.

Di sebalik kemelut yang dihadapi oleh PAS, parti itu masih yakin untuk meneruskan *Tahaluf Siyasi* demi survival dan masa depan politik mereka. Keputusan ini telah dicapai oleh PAS dalam Muktamar PAS Ke-59 pada 22, 23 dan 24 November 2013. Pasca Pilihan Raya Umum 2013 adalah tempoh getir bagi PAS untuk mengekal dan mempertahankan kerjasama politik khususnya dengan DAP. Walau bagaimanapun, pasca Pilihan Raya Umum 2013 telah memberi cabaran getir kepada PAS sehingga memberi kesan kepada masa depan kerjasama politiknya dalam PR. Dua peristiwa

³⁷⁷ Muhammad Ismi Mohd Taib. 2013. "Tahaluf Siyasi: Jauhi Sensasi dan Kontroversi". 23 September 2013. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/22220-tahaluf-siyasi-jauhkan-sensasi-dan-kontroversi> (atas talian 1 November 2013).

³⁷⁸ *Munaqasyah* Ucapan Dasar Presiden Ke 59 pada 22 Februari 2014 bertempat di Markaz Dewan Ulamak (MADU), Machang, Kelantan.

³⁷⁹ Secara keseluruhannya, UMNO bertanding di 123 kerusi parlimen.

utama, iaitu Langkah Kajang atau *Kajang Move* yang diperkenalkan oleh PKR untuk menggantikan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim³⁸⁰ dan ketegasan PAS untuk memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud di Kelantan telah mencetuskan kemelut dan pergolakan yang besar.³⁸¹ Ia bukan sahaja menyebabkan PAS tidak lagi bersama PR, tetapi mengundang perpecahan dalaman sehingga tertubuhnya parti serpihan, iaitu Parti Amanah Negara (Amanah).

Kedua-dua peristiwa ini mengakibatkan PAS disisihkan atas perbezaan pandangan. Dalam konteks Langkah Kajang, PAS sejak awal lagi tidak bersetuju mengenai cadangan menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. PAS mempertahankan Tan Sri Khalid dengan alasan beliau tidak mengkhianati amanah rakyat. Krisis semakin memuncak apabila PAS enggan memberi sokongan terhadap Presiden PKR, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon tunggal Menteri Besar Selangor yang baharu. PKR dan DAP sebulat suara menyokong pencalonan Dr. Wan Azizah tetapi PAS bertindak sebaliknya. Walau bagaimanapun, dua ADUN PAS, iaitu ADUN Hulu Kelang, Saari Sungib dan ADUN Morib, Hasnul Baharuddin berpaling tadah dengan menandatangani Akuan Bersumpah menyatakan sokongan kepada Dr. Wan Azizah.³⁸² Tindakan tersebut mengakibatkan dua ADUN PAS itu digantung keahliannya selama setahun berkuatkuasa 12 Oktober 2014 berdasarkan Fasal 82 (6), Perlembagaan PAS.³⁸³

PAS menyokong keputusan pihak Istana agar PR menamakan lebih daripada dua orang calon dengan menamakan Timbalan Presiden PKR, Dato' Seri Azmin Ali agar Sultan Selangor dapat membuat pilihan. PKR dan DAP mengambil langkah sebaliknya apabila

³⁸⁰ Langkah Kajang bertujuan menggantikan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dengan Ketua Umum PKR, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Lee Chin Cheh telah melepaskan jawatan bagi membolehkan kekosongan kerusi bagi mengadakan Pilihan Raya Kecil. Walau bagaimanapun, Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak layak bertanding kerana didapati bersalah dalam kes liwat.

³⁸¹ PAS telah membentangkan Enakmen Kod Jenayah Syariah 2 di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 16 hingga 19 Mac 2015. Pada 18 Mac 2015, enakmen tersebut mendapat sokongan 12 ADUN daripada UMNO.

³⁸² "Dua ADUN PAS Sokong Azizah Jadi MB". <http://www.sinarharian.com.my/politik/dua-adun-pas-sokong-azizah-jadi-mb-1.307854>, diakses pada 25 Ogos 2014.

³⁸³ "2 ADUN PAS Digantung Sokong Azizah Jadi MB", <https://www.malaysiakini.com/news/277348>, diakses pada 15 Oktober 2014.

berkeras untuk menghantar calon tunggal, iaitu Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail. Campur tangan pihak Sultan Selangor akhirnya meletakkan Dato' Seri Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor yang ke-15 pada 23 September 2014. Apa yang jelas, perbalahan ini telah memecah-belahkan hubungan PAS dengan PKR dan DAP pada tahap serius. Keengganan PAS menyokong pencalonan Dr. Wan Azizah dianggap tidak menghormati keputusan bersama pakatan pembangkang. Krisis Langkah Kajang ini juga mengundang perpecahan dalaman apabila segelintir pemimpin PAS yang menyokong PKR dan DAP menubuhkan Persatuan Ummah Sejahtera Malaysia (PASMA) yang bertujuan menyelamatkan pakatan pembangkang dari terus berpecah.³⁸⁴

Selain krisis Langkah Kajang, komitmen Kerajaan Negeri Kelantan untuk terus memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud menyebabkan kerjasama politik PAS dalam PR berakhir. Meskipun pada awal kerjasama politik PAS dalam PR, PAS 'menyimpan' hasrat untuk memperjuangkan hukum hudud, tetapi agenda tersebut akhirnya dizahirkan secara jelas. Sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan yang bersidang pada 18 Mac 2015 telah meluluskan Rang Undang-undang Jenayah Kanun Syariah 2 (1993) (Pindaan 2015).³⁸⁵ Rang Undang-undang ini turut mendapat sokongan kesemua 12 ADUN UMNO dan seorang ADUN PKR.³⁸⁶ Meskipun PAS pernah menyatakan pendirian untuk terus setia bersama PR sebelum ini, kemelut hukum hudud membuktikan bahawa PAS tetap mengutamakan dasar asal perjuangannya berbanding kekal dalam pakatan.³⁸⁷ PAS tekad untuk memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud dengan alasan ia adakah hak demokratiknya dan perlu diberikan peluang untuk berbuat

³⁸⁴ PASMA diketuai oleh presidennya, Dato' Ir. Phahrolrazi Zawawi. Beliau menegaskan PASMA akan kekal sebagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang pro Pakatan Rakyat dan sebuah parti politik baru perlu bagi menggantikan PAS dalam Pakatan Rakyat. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.pasma-malaysia.com>.

³⁸⁵ "Kelantan Lulus Pindaan Undang-undang Hudud", <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/03/19/kelantan-lulus-pindaan-hudud/>, diakses pada 20 Mac 2015.

³⁸⁶ "DUN Kelantan Lulus Hudud: PKR Siasat Wakil Tunggal", <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/03/19/pkr-siasat-undi-sokong-hudud/>, diakses pada 20 Mac 2015.

³⁸⁷ "PAS Bantu Calon Pakatan Rakyat", *Harakah* Bil. 1366, 15-17 Ogos 2008, hlm. F 12.

demikian.³⁸⁸ Lebih-lebih lagi, pelaksanaan hukum hudud adalah perjuangan parti sejak sekian lama sebelum pakatan pembangkang melalui PR diwujudkan.

DAP menentang keras usaha PAS memperjuangkan hukum hudud kerana ia bukan menjadi dasar bersama PR. Penasihat DAP, Lim Kit Siang mendakwa Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang memungkiri janjinya sebelum Pilihan Raya Umum 2013 untuk tidak melaksanakan hudud secara tergesa-gesa.³⁸⁹ Penentangan DAP yang konsisten dan berterusan terhadap pelaksanaan hukum hudud menjadikan kerjasama politik atau *Tahaluf Siyasi* PAS terbatal kerana pelaksanaan Islam telah terhalang. Keengganan PAS khususnya presiden untuk akur dengan kehendak DAP menyebabkan DAP memutuskan hubungannya dengan Dato' Seri Abdul Hadi Awang walaupun masih mengekalkan kerjasama politik dengan PAS.³⁹⁰ Selepas itu, hubungan PAS dan DAP semakin memburuk malah DAP secara terang-terangan menyokong pencalonan bekas Naib Presiden PAS, Ahmad Awang untuk mencabar Dato' Seri Abdul Hadi Awang bagi jawatan presiden dalam Pemilihan Kepimpinan PAS sesi 2015 hingga 2017.³⁹¹ PAS menilai tindakan DAP sebagai keterlaluan dan satu campur tangan terhadap urusan dalaman partinya.

Dalam Muktamar Tahunan PAS ke-61, PAS telah menerima usul Dewan Ulamak PAS untuk membatalkan *Tahaluf Siyasi* dengan DAP tanpa bahas sekaligus menamatkan kerjasama politik PAS dengan DAP dan PR.³⁹² Walau bagaimanapun, PAS masih meneruskan kerjasama politik dengan PKR. Keputusan tersebut diperkukuhkan lagi dengan peralihan kepimpinan baharu PAS secara besar-besaran yang terdiri daripada

³⁸⁸ "Pelaksanaan Siasah Syariah dalam Negeri Pakatan Rakyat", *Harakah* Bil. 1366, 15-17 Ogos 2008, hlm. N11.

³⁸⁹ "Hudud: DAP Beri Ingatan Kepada PAS", *Utusan Malaysia*, 18 Februari 2015. Lim Kit Siang mendedahkan, Abdul Hadi mengakui banyak perkara yang perlu dipatuhi sebelum hudud dilaksanakan, antaranya ialah berkenaan dengan hukum potong tangan bagi kesalahan mencuri dan jika gaji minimum tidak dilaksanakan, hukum potong tangan tidak boleh dilakukan.

³⁹⁰ "DAP Kekal dalam Pakatan Rakyat, Putus Hubungan dengan Hadi", <http://www.roketkini.com/2015/03/24/dap-kekal-dalam-pakatan-rakyat-putus-hubungan-dengan-hadi/> diakses pada 26 Mac 2015.

³⁹¹ "Saingan Kerusi Parlimen Pertembungan Dua Suara", *Berita Harian*, 3 Jun 2015.

³⁹² "Batal Pakatan dengan DAP", *Berita Harian*, 4 Jun 2015, hlm. 6.

kumpulan ulamak. Pemimpin pro PR yang tewas dalam pemilihan bertindak keluar parti dan menubuhkan parti baharu, iaitu Parti Amanah Negara atau Amanah.³⁹³ Parti baharu yang diketuai oleh mantan Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu tekad mahu meneruskan kerjasama politik dengan DAP dan PKR seterusnya membentuk pakatan pembangkang baharu, iaitu Pakatan Harapan (PH).³⁹⁴

Kesimpulan

Kerjasama politik PAS dalam tempoh 1999 hingga 2015 telah membawa pakatan pembangkang di negara ini ke satu fasa baharu, bukan sahaja dalam konteks PAS tetapi dalam konteks pakatan pembangkang secara keseluruhannya. Ini kerana kerjasama politik ini juga mencatatkan beberapa perkembangan signifikan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Buat julung kalinya PAS bekerjasama dengan DAP dalam GERAK dan kerjasama ini dilanjutkan lagi dalam BA dan PR. Pengwujudan kerjasama ini adalah satu perkara yang besar kerana kedua-dua parti membawa dasar dan prinsip perjuangan yang amat berbeza. Sebelum ini, PAS tidak pernah bekerjasama secara langsung dengan kumpulan bukan Islam seperti DAP. Kerjasama politik PAS hanya melibatkan parti berteraskan Melayu seperti dengan UMNO dalam Barisan Nasional (BN), dengan Parti Semangat 46, HAMIM dan BERJASA dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

³⁹³ Menurut Khalid Samad, Parti Amanah Negara mempunyai dasar perjuangan yang sama dengan PAS, hanya yang membezakan antara kedua-dua buah parti ialah kejujuran bekerjasama dan komitmen kepada kerjasama politik dalam pakatan pembangkang. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk buku "Dari PAS ke Amanah", Petaling Jaya, Ilham Books dan "Frankly Speaking", Petaling Jaya, MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

³⁹⁴ "Konflik Dasar Parti Bayangi Ikatan Pakatan Harapan", Berita Harian, 9 Januari 2016. Amanah, DAP dan PKR telah memeterai Perjanjian Pakatan Harapan bagi memastikan mereka dapat bekerjasama dalam sebuah kesatuan politik yang lestari, selain memastikan perpecahan yang berlaku dalam PR sebelum ini tidak akan berlaku. Antara perkara utama yang menjadi polisi bersama ialah prinsip dan kaedah dalam membangunkan dasar bersama dan kepatuhan kepada dasar bersama; prinsip dan kaedah menguruskan perjalanan pilihan raya termasuk penentuan kerusi yang ditandingi; prinsip dan kaedah menguruskan perjalanan kerajaan pakatan harapan dan blok pembangkang serta prinsip dan kaedah menangani keadaan bila mana perjanjian itu dilanggari.

Kesediaan PAS bekerjasama dengan DAP menggambarkan sikap toleran parti itu untuk mengutamakan isu dan kepentingan umum yang boleh disepakati secara bersama. Ini juga membuktikan bahawa kerjasama politik PAS telah menjangkau pakatan pilihan raya yang memberi tumpuan kepada manfaat jangka panjang. Walau bagaimanapun, PAS masih terperangkap antara kepentingan syariah dan kelangsungan demokrasi. Ini dapat dilihat melalui ketegasan PAS untuk meneruskan perjuangan Negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud walaupun ia ditentang oleh rakan pakatan pembangkang khususnya DAP. Akibatnya, kerjasama politik dalam BA tidak dapat diteruskan dengan baik apabila DAP keluar daripada pakatan pembangkang pada tahun 2001. Komitmen PAS untuk memperjuangkan dasar parti bukan sahaja membuatkan mereka kehilangan rakan politik dalam pakatan pembangkang tetapi sokongan rakyat. Ini dapat dilihat berdasarkan pencapaian PAS dalam Pilihan Raya Umum 2004 apabila hanya mendapat lima kerusi parlimen berbanding 27 kerusi dalam Pilihan Raya Umum 1999.

Kerjasama politik PAS dalam tempoh ini juga memperlihatkan parti itu cuba memperbaiki kelemahan dengan mengubah pendekatan dan strategi. Pemakaian istilah Negara Kebajikan menggantikan istilah Negara Islam cuba mendamaikan polemik mengenai Negara Islam dan memulihkan hubungan dengan rakan pembangkang khususnya DAP walaupun kedua-duanya membawa kepada matlamat yang sama dari sudut isinya. Meskipun kerjasama politik dalam era BA dan PR telah melangkaui pakatan pilihan raya dan memberi fokus kepada isu dan kepentingan umum, ia tidak terlepas daripada polemik mengenai isu dan kepentingan agama Islam yang sering mendapat perhatian dalam konteks kepelbagaian agama dan pluralisme demokrasi yang ada di negara ini. Pendekatan PAS yang berlunak dan bertolak ansur dalam soal ini telah menimbulkan reaksi kurang senang di kalangan ahli PAS dan juga masyarakat Islam secara keseluruhannya. Pendekatan PAS yang terbuka dalam soal Islam telah

menyebabkan PAS didakwa lari dari landasan perjuangannya demi mendapatkan kuasa politik.

Dalam konteks kerjasama PAS dengan bukan Islam, PAS telah berjaya mengumpulkan sokongan signifikan bukan Islam melalui kerjasama Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). PAS juga berjaya meletakkan calon bukan Islam dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan Pilihan Raya Umum 2013. Ini dilihat sebagai kejayaan terbesar PAS dalam kerjasamanya dengan bukan Islam setakat ini. Kerjasama bukan Islam dengan menggunakan platform dalaman seperti KPP dan DHPP juga dianggap sebagai alternatif kepada kerjasama PAS dengan DAP. Berdasarkan perbincangan tentang pembentukan kerjasama politik dalam bab ini, dapatlah dirumuskan bahawa PAS telah berusaha menampilkan pendekatan parti yang toleran, demokratik dan inklusif. Walau bagaimanapun, pembentukan kerjasama politik dalam tempoh kajian ini juga telah banyak mengubah pendekatan PAS dalam politik sehingga menimbulkan implikasi yang dapat dilihat melalui pergolakan dan kemelut, akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 5 : MENGIMBANGI TUNTUTAN POLITIK DENGAN MEMPERTAHANKAN DASAR PERJUANGAN PARTI

Pengenalan

Kerjasama politik PAS dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP)³⁹⁵, Parti Keadilan Nasional (KeADILan), Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) melalui Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR) telah meneroka bentuk pakatan baharu yang menjangkau pakatan pilihan raya dan bersifat jangka panjang. Kerjasama politik ini dilihat sebagai satu persefahaman demokratik yang memberi penekanan kepada pakatan dalam bentuk isu dan kepentingan bersama seperti demokrasi, keadilan, kebebasan dan pemerintahan yang baik. Bagi mengukuhkan kerjasama politik, setiap parti dalam pakatan pembangkang perlu memberi keutamaan kepada dasar bersama berbanding dasar asal perjuangan masing-masing. Meskipun kerjasama politik PAS dalam tempoh kajian dibentuk untuk jangka panjang dan bukan sekadar memenangi pilihan raya, pakatan pembangkang melalui BA dan PR berakhir pada 2001 dan 2015 kerana wujud pertembungan antara Dasar Bersama pakatan pembangkang dengan dasar asal perjuangan parti.

Bab ini akan membincangkan secara mendalam ketegasan PAS untuk mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar perjuangan parti. Bagi menyokong perbincangan ini, bab ini akan menyentuh hubungan antara konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai pendekatan kerjasama politik PAS dengan tuntutan yang perlu dilakukan oleh parti itu untuk menjayakan kerjasama politik. Hubungan ini telah mewujudkan

³⁹⁵ DAP memperjuangkan fahaman demokrasi sosial dan kerajaan sekular. Untuk maklumat lebih lanjut, boleh merujuk kepada buku yang bertajuk *BA and Islamic State* oleh Lim Kit Siang.

pergolakan melalui pertembungan kepentingan dan konflik sehingga memberi implikasi kepada masa depan kerjasama politik PAS. Pada masa yang sama, dapatan temubual akan digunakan bagi menyokong perbincangan tersebut. Apa yang jelas, perbincangan dalam bab ini akan berusaha menjawab persoalan mengapa kerjasama politik PAS dalam tempoh kajian, iaitu BA dan PR tidak boleh bertahan lama.

Mengimbangi Tuntutan Politik dengan Mempertahankan Dasar Perjuangan Parti

Seperti yang dijelaskan dalam bab sebelum ini, asas pembentukan kerjasama politik PAS melalui BA dan PR ialah memperjuangkan isu dan kepentingan umum seperti demokrasi, keadilan, kebebasan dan pemerintahan yang baik, bukan untuk mewujudkan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud di Malaysia yang terkandung dalam dasar asal perjuangan PAS. Perkara ini sememangnya diterima oleh PAS pada awal pembentukan kerjasama politik agar pakatan pembangkang boleh memberi tumpuan kepada isu yang disepakati bersama selain melupakan perbezaan antara satu sama lain. Menurut Presiden PAS, Dato' Fadzil Mohd Noor, pembangkang perlu bekerjasama atas nama keadilan dan kemanusiaan yang boleh menyatukan pembangkang.³⁹⁶ Asas pembentukan kerjasama politik yang memberi fokus kepada isu dan kepentingan bersama ini telah menemukan PAS dan DAP buat pertama kali dalam satu pakatan politik yang sama. Menurut Lim Kit Siang, asas kerjasama politik DAP dan PAS bukan untuk memperjuangkan Negara Islam tetapi isu dan kepentingan umum yang boleh diterima semua pihak.³⁹⁷

Persefahaman demokratik dalam bentuk isu dan kepentingan umum tidak menyenaraikan perjuangan Negara Islam dan hukum hudud dalam agenda bersama

³⁹⁶ Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk teks Ucapan Dasar Presiden di Muktamar Tahunan PAS ke-45 bertajuk "Bersama Menegakkan Keadilan", yang disampaikan oleh Datuk Haji Fadzil Mohd Noor pada 28 Mei 1999.

³⁹⁷ DAP sememangnya secara konsisten menolak penubuhan Negara Islam. Parti yang berhaluan sosial demokrat itu berpandangan konsep Negara Islam tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia kerana ia akan mengancam kedudukan dan kebebasan bukan Islam di negara. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk buku *BA & Islamic State*, Lim Kit Siang, Petaling Jaya: *Democratic Action Party*.

pakatan pembangkang. Ini dapat dilihat secara jelas dalam Manifesto Bersama³⁹⁸ yang dilancarkan oleh Barisan Alternatif bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-10. Tumpuan diberikan oleh pakatan pembangkang pada ketika itu bukan soal dasar perjuangan parti, sebaliknya cabaran pembangunan dan ini termasuk penekanan kepada sistem ekonomi yang lebih adil dan telus, sistem sosial yang mengambil kira rakyat miskin dan demokrasi yang lebih terbuka.³⁹⁹ Menurut Mustafa Ali, “*Kita sama-sama buat manifesto. Masa itu, tidak bincang sangat masalah dasar yang berbeza, tetapi banyak isu pembangunan*”⁴⁰⁰ Dalam konteks kerjasama politik dalam PR, komitmen PAS semakin diperlukan untuk mengutamakan dasar bersama⁴⁰¹ yang disepakati secara konsensus berbanding dasar asal perjuangan parti. Keutamaan kepada isu dan kepentingan umum ini diharap dapat melebarkan pengaruh dan sokongan pengundi kepada pakatan pembangkang amnya dan PAS khususnya untuk mencapai kemenangan politik dalam pilihan raya yang seterusnya dapat membawa perubahan ke arah yang diinginkan.⁴⁰²

Pendekatan yang toleran dengan mengutamakan isu dan kepentingan bersama berbanding dasar asal perjuangan parti telah membuka wacana politik baharu dalam PAS. Parti itu disifatkan berada pada landasan baharu untuk memperjuangkan Islam secara lebih terbuka dan inklusif. Menurut Dato’ Dr. Mujahid Yusuf Rawa, pendekatan tersebut telah membawa PAS melewati keluk ketiga dalam evolusi perkembangan parti, iaitu satu fasa yang memperlihatkan kematangan PAS menjadi sebuah parti nasional

³⁹⁸ Manifesto ini dilancarkan pada 26 Oktober 1999 di Dewan Perhimpunan Cina, Jalan Maharaja Lela yang dihadiri oleh pemimpin tertinggi PAS, KeADILan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Manifesto Bersama ini mempunyai enam agenda utama, iaitu Mengukuhkan Ekonomi, Meningkatkan Ketelusan dan Akauntabiliti, Kontrak Sosial Menuju Alaf Baru, Perpaduan Nasional, Membina Demokrasi Tulen dan Memulihkan Imej dan Kedudukan Antarabangsa.

³⁹⁹ “Manifesto Membela Rakyat”, *Eksklusif*, Bil. 29, hlm. 4.

⁴⁰⁰ Temubual pengkaji dengan Setiausaha Agung DAP, Mustafa Ali bertarikh 17 Jun 2014.

⁴⁰¹ Dasar Bersama pakatan pembangkang diperkenalkan dalam Konvensyen Pakatan Rakyat pertama di Shah Alam pada 2009, kerjasama politik PAS bersama DAP dan PKR telah melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Dasar Bersama ini meliputi agenda mengembalikan Demokrasi Telus dan Tulen, Memacu Ekonomi Berprestasi Tinggi, Mapan dan Adil, Keadilan Sosial dan pembangunan Insan dan Hubungan Persekutuan-Negeri dan Dasar Luar Negara dianggap sebagai muafakat dan persefahaman demokratik yang menyatukan perbezaan parti pembangkang.

⁴⁰² Khalid Samad. 2016. *Dari PAS ke Amanah*. Petaling Jaya. Ilham Books, hlm. 112.

dan bukan lagi lokal.⁴⁰³ Parti nasional yang dimaksudkan di sini ialah bukanlah parti yang memperjuangkan fahaman kebangsaan, tetapi parti yang dapat mengungkap serta menatang isu dan kepentingan nasional yang dekat kepada rakyat terbanyak. Walau bagaimanapun timbul persoalan, selama manakah komitmen PAS ini akan bertahan dalam mengutamakan isu dan kepentingan umum yang terangkum dalam dasar bersama berbanding dasar asal perjuangan parti? Apakah kemelut dan pergolakan yang dihadapi oleh PAS yang menyebabkan parti itu tidak bebas memperjuangkan Islam sehingga kembali selesa untuk terus mempertahankan dasar asal perjuangan parti?

Persoalan di atas adalah relevan kerana sememangnya wujud perubahan dalam nada PAS mengenai dasar bersama dan dasar asal perjuangan parti. Fokus pakatan pembangkang untuk mengutamakan dasar bersama didapati telah menghalang PAS untuk bebas memperjuangkan dasar asal perjuangannya. Justeru, PAS melihat perlunya usaha mengimbangi matlamat politik yang berasaskan kepada dasar bersama dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti. Ini dapat dibuktikan melalui perbandingan antara Ucapan Dasar Presiden Muktamar Tahunan PAS 1999 pada awal kerjasama politik dengan Ucapan Dasar Presiden Muktamar Tahunan PAS 2014 dan 2015, iaitu ketika kerjasama politik PAS berhadapan dengan kemelut dan pergolakan. Dalam Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar PAS Kali ke-45, 1999 yang bertajuk “*Bersama Menegakkan Keadilan*”⁴⁰⁴, PAS lebih banyak bercakap soal kepentingan kerjasama politik dan menjelaskan tentang keperluan untuk bersama dan melupakan perbezaan dengan menumpukan isu dan kepentingan umum seperti keadilan dan kemanusiaan.⁴⁰⁵

⁴⁰³ Mujahid Yusuf Rawa. 2012. *Rejuvenasi PAS: Idea Realiti Aplikasi ke arah Aspirasi Massa*. Seremban: Ilham Centre, hlm.105. Keluk pertama merujuk kepada fasa awal penubuhan PAS yang dipengaruhi unsur nasionalisme dan kebangsaan manakala keluk kedua pula memperlihatkan fasa PAS dalam kepimpinan ulamak.

⁴⁰⁴ Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk teks Ucapan Dasar Presiden di Muktamar Tahunan PAS ke-45 bertajuk “Bersama Menegakkan Keadilan”, yang disampaikan oleh Datuk Haji Fadzil Mohd Noor pada 28 Mei 1999.

⁴⁰⁵ Dalam Muktamar Tahunan PAS 1999, “Pas mengakui bahawa kita ada perbezaan. Perbezaan kecil dan besar. Tetapi menumbangkan kerajaan yang dilihat zalim, rasuah, kroni yang kronik, nepotisma adalah lebih utama. Kita belum bersatu, tetapi kita sudah bersama.”

Akan tetapi, dalam Ucapan Dasar Presiden Mukhtamar Tahunan PAS Kali ke-60 (2014) yang bertajuk “*Terus Beristiqomah*” dan Ucapan Dasar Presiden Mukhtamar Tahunan PAS Kali ke-61 (2015), iaitu “*Beristiqomah Hingga Kemenangan*”, pendirian PAS mulai berubah apabila membuat penegasan kepada parti dan ahli parti agar kembali *istiqomah* kepada dasar perjuangan. *Istiqomah* yang dimaksudkan di sini ialah terus teguh kepada dasar, amalan dan perjuangan yang benar daripada Allah, iaitu Islam yang sempurna, tetap dalam perkara prinsip dan anjal dalam pelaksanaan di sepanjang zaman⁴⁰⁶ seperti mana yang telah digariskan dalam Perlembagaan PAS.⁴⁰⁷ Tema *istiqomah* yang diangkat dalam mukhtamar untuk dua tahun berturut-turut (2014 dan 2015) jelas menunjukkan bahawa PAS perlu kekal dengan dasar dan polisi parti, bertegas dan tidak bertolak ansur dalam masalah prinsip ketika menjayakan kerjasama politik.⁴⁰⁸ Pada masa yang sama, pemimpin parti diingatkan supaya terus menjaga sempadan tahaluf, “*menjaga prinsip dan dasar perjuangan, memelihara ketaatan kepada parti agar tidak terlalu ghairah sehingga meninggalkan prinsip dan dasar perjuangan*”.⁴⁰⁹ Kerjasama politik PAS tidak boleh sama sekali ‘melarutkan’ dasar asal perjuangan parti sehingga menyerap masuk ke sistem atau dasar perjuangan yang lain semata-mata untuk mencapai kemenangan. Presiden PAS, Dato’ Seri Abdul Hadi Awang menyatakan:

Kerjasama politik bukan bermakna kita menyerap masuk ke dalam sistem lain, atau parti lain, sehingga hilang prinsip dan jati diri kita, atau hanya menjadikan ukuran kemenangan semata-mata sebagai matlamat, sehingga menghilangkan dasar parti bagi pelaksanaan Islam. Matlamat kemenangan mesti digunakan bagi memperteguhkan prinsip Islam yang bersifat *syumuliyah*.⁴¹⁰

⁴⁰⁶ Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-62, pada 4 Jun 2015.

⁴⁰⁷ Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-61, pada 19 September 2014.

⁴⁰⁸ *Munqasyah* Ucapan Dasar Presiden PAS ke-58 “Negara Berkeadilan Teras Perpaduan” pada 26 Januari 2013 bertempat di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa, Kelantan.

⁴⁰⁹ Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-62, pada 4 Jun 2015.

⁴¹⁰ Ucapan Dasar Presiden dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-61, pada 19 September 2014.

Penegasan PAS untuk mengimbangi matlamat politik yang mengutamakan soal kemenangan dalam pilihan raya dengan mempertahankan dasar asal perjuangannya sebenarnya mula dirasai dalam Muktamar Tahunan PAS ke-59 pada 15 Ogos 2008, iaitu selepas lima bulan berlangsungnya Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac 2008. Kemenangan besar yang tidak dijangka oleh pakatan pembangkang dengan memenangi 82 kerusi parlimen dan menguasai lima buah kerajaan negeri, iaitu Kelantan, Kedah, Perak, Selangor dan Pulau Pinang telah membuka persoalan mampukah PAS mengurus kemenangan politik dalam pilihan raya dengan mempertahankan dasar perjuangannya. Kemenangan PAS dalam pakatan pembangkang tidak boleh melekakan mereka daripada terus memperjuangkan Islam sebagai cita-cita dan hala tuju parti.⁴¹¹

Perkembangan ini jelas memperlihatkan kesedaran dan keperluan PAS untuk mengimbangi matlamat politik yang mengutamakan soal kemenangan dalam pilihan raya dengan mempertahankan dasar asal perjuangannya. Tidak dinafikan, sebagai sebuah parti yang berteraskan perjuangan Islam dan bergerak atas tiga jalur, iaitu siasah, dakwah dan tarbiah, pertembungan antara kepentingan kuasa (*power*) dan prinsip perjuangan (*principle*) sememangnya tidak boleh dielakkan⁴¹². Ia juga mengakibatkan perjuangan PAS menjadi kompleks.⁴¹³ Pertembungan untuk mempertahankan dasar perjuangan dengan mendapat sokongan daripada rakyat khususnya dalam pilihan raya, turut membangkitkan persoalan tuntutan 'suara' dan 'syariah'.⁴¹⁴ Dalam konteks ini, 'suara' merujuk kepada sokongan dan kehendak rakyat manakala 'syariah' merujuk kepada dasar asal perjuangan yang menonjolkan perjuangan Islam seperti penubuhan Negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud.

⁴¹¹ Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-58, "PAS Untuk Semua" pada 15 Ogos 2008.

⁴¹² John, Keane. 1993. *Power Sharing Islam?*. London. Liberty for Muslim World Publications. hlm. 20.

⁴¹³ Farish A. Noor. 2016. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRDC), hlm. 158.

⁴¹⁴ Persoalan tentang polemik 'syariah' lawan 'suara' ini dibincangkan secara panjang lebar oleh Burhanuddin Muhtadi dalam buku Dilema PKS: Suara dan Syariah. Buku ini membincangkan cabaran yang perlu dihadapi oleh Parti Keadilan Sejahtera (PKS) sebagai sebuah parti Islam yang progresif dalam memberi keseimbangan antara mencapai perjuangan parti dengan memenuhi kehendak serta suara rakyat selaku pengundi. Dilema yang dihadapi oleh PKS sebenarnya turut menjadi isu dalam kalangan parti Islam di negara lain, termasuk PAS di Malaysia.

Kajian yang dilakukan mengenai kerjasama politik dan konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai pendekatan kepada kerjasama politik PAS, dapat dirumuskan bahawa PAS sebenarnya masih tidak bersedia untuk menggugurkan dasar asal perjuangannya semata-mata untuk menjayakan kerjasama politik. Justeru, PAS perlu mengimbangi matlamat politiknya dengan mempertahankan dasar perjuangan parti. Walaupun terdapat usaha untuk menjadikan PAS sebuah parti yang terbuka dan meletakkan komitmen yang tinggi kepada dasar bersama, PAS pada akhirnya memilih untuk tetap memperjuangkan dasar asal perjuangannya meskipun terpaksa berhadapan dengan risiko seperti didakwa khianat dan tidak jujur dalam kerjasama politik. Selain itu, penting dinyatakan di sini bahawa tindakan tersebut bukan sahaja mengakibatkan kerjasama politik PAS berakhir, tetapi menyebabkan perpecahan dalaman sehingga sebahagian pemimpin parti bertindak keluar parti dan menubuhkan parti baharu, iaitu Parti Amanah Negara atau lebih dikenali sebagai Amanah.⁴¹⁵

Komitmen PAS untuk mengimbangi tuntutan politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti dalam kerjasama politik boleh dilihat melalui tiga faktor. Pertama, pegangan kukuh PAS terhadap konsep *Tahaluf Siyasi* yang bermatlamatkan kemenangan Islam.⁴¹⁶ Kedua, pendirian PAS bahawa kerjasama politik adalah satu strategi yang bersifat sementara dan bukan matlamat akhir parti yang kekal. Ketiga, hasrat PAS untuk memimpin kerjasama politik yang boleh menentukan dasar dan polisi dalam kerjasama politik. Ini termasuk memastikan dominasi kepemimpinan Melayu/Islam di negara sentiasa terpelihara dan tidak diganggu gugat. Ketiga-tiga perkara ini amat penting dan mempengaruhi usaha PAS untuk mengimbangi tuntutan politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti sehingga memberikan implikasi kepada masa depan kerjasama politik.

⁴¹⁵ Antara bekas pemimpin utama PAS yang menyertai Amanah ialah, Mohamad Sabu, Salahuddin Ayub, Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa, Dr. Hatta Ramli dan Dr. Dzulkefly Ahmad.

⁴¹⁶ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk "*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*" yang disediakan oleh Majlis Syura Ulama, PAS.

PAS berhadapan kemelut dalam kerjasama politiknya kerana wujud pertembungan antara dasar bersama yang bermatlamatkan kemenangan politik dalam pilihan raya dengan dasar asal perjuangan parti yang bermatlamatkan kemenangan Islam. Kerjasama politik melalui BA dan PR memberi keutamaan kepada dasar bersama yang bertujuan mendapat sokongan rakyat dan seterusnya memenangi pilihan raya. Justeru, semua parti termasuk PAS perlu memberi keutamaan kepada dasar bersama berbanding dasar asal perjuangan parti. Setiap dasar yang ingin diperkenalkan termasuk dasar asal perjuangan parti mesti disepakati pimpinan pakatan pembangkang terlebih dahulu sebelum ia boleh dilaksanakan.

DAP adalah parti yang paling lantang menentang PAS untuk bebas memperjuangkan dasar asal perjuangannya. Menurut Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, PAS tidak boleh memperjuangkan dasar asal perjuangannya kerana rakyat yang menyokong PAS dalam pilihan raya tidak mengundi untuk pelaksanaan hudud tetapi untuk Dasar Bersama.⁴¹⁷ Malah, PAS mendedahkan DAP pernah memberi amaran bahawa Jawatankuasa Eksekutif Pusat (*Central Executive Committee*) akan meletakkan jawatan sekiranya hudud dimasukkan dalam Dasar Bersama pakatan pembangkang.⁴¹⁸ PKR turut senada dengan DAP apabila berpandangan hukum hudud adalah terkeluar daripada Dasar Bersama dalam pakatan pembangkang dan ia perlu mendapat persetujuan daripada Majlis Pimpinan Presiden pakatan terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.⁴¹⁹

Pandangan kedua-dua buah parti ini memberi isyarat yang jelas bahawa PAS tidak boleh memperjuangkan dasar asal perjuangannya dalam tempoh kerjasama politik. Ia

⁴¹⁷ "Pendirian DAP Tentang Isu Hudud, Presiden PAS dan Pakatan Rakyat", <http://www.roketkini.com/2015/03/24/pendirian-dap-tentang-isu-hudud-presiden-pas-dan-pakatan-rakyat/>, Diakses pada 23 Mei 2016. DAP menegaskan semula komitmen kepada Pakatan Rakyat sebagai gabungan pentadbiran yang mewakili aspirasi semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, agama atau kepercayaan, yang berhasrat untuk membina Malaysia baru berdasarkan nilai-nilai asas seperti kebebasan, keadilan, demokrasi, integriti dan martabat manusia. DAP juga mengulangi pendirian bahawa semua parti komponen Pakatan Rakyat harus berpegang kepada semangat Dasar Bersama melalui muafakat yang berkisar pada amanah dan sifat saling menghormati dalam Majlis Pimpinan PR.

⁴¹⁸ Hansard Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama, 21 Mac 2012.

⁴¹⁹ "PKR Sokong DAP Tolak Hudud", *Utusan Malaysia*, 17 Mac 2015.

bertentangan dengan prinsip PAS yang tidak pernah sama sekali menggadaikan atau menggugurkan dasar asal perjuangannya semata-mata untuk mendapatkan kuasa politik.⁴²⁰ Malah, PAS berpandangan perjuangan yang berbeza dan tidak terkandung dalam Dasar Bersama adalah menjadi perjuangan parti masing-masing⁴²¹ kerana kerjasama politik adalah bersifat pakatan yang longgar dan tidak boleh menyentuh soal dasar perjuangan parti.⁴²²

PAS perlu mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti kerana berdasarkan konsep *Tahaluf Siyasi*, kerjasama politik PAS mestilah bermatlamatkan kemenangan Islam.⁴²³ Kemenangan Islam ini bermaksud kerjasama politik yang dapat memperkukuhkan kedudukan umat Islam, membuka ruang untuk pelaksanaan Islam dan memastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan. Bagi memastikan kerjasama politik bermatlamatkan kemenangan Islam, kerjasama politik mestilah mengekalkan dasar asal parti. Dalam hal ini, PAS tidak pernah menggugurkan dasar perjuangannya semata-mata untuk menjayakan kerjasama politik. Dr. Mujahid menyatakan:

Tidak ada mana-mana parti dalam tiga ini, *ideological* digugurkan. Itu yang u kena tulis. Itu *is the part of tahalluf* yang kita buat. Maknanya DAP tak boleh persoalkan Islam yang menjadi ideologi PAS. Sebenarnya kami tak boleh persoalkan Malaysian Malaysia atau *democratic* atau PKR yang lebih liberal contohnya, kita hormat.⁴²⁴

Kenyataan ini juga secara jelas membuktikan bahawa semua parti dalam pakatan pembangkang boleh mengekalkan dasar perjuangan masing-masing dalam menjayakan kerjasama politik. PAS sendiri tidak pernah meminta dan memaksa parti pembangkang

⁴²⁰ PAS Tidak Akan Gadai Prinsip. *Harakah* Bil. 1379. 29 September-5 Oktober 2008, hlm. F3.

⁴²¹ Ucapan Dasar Tahunan Presiden PAS dalam Mukhtamar Tahunan PAS ke-61, 2015, "Beristiqomah Hingga Kemenangan".

⁴²² Temubual pengkaji bersama Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

⁴²³ Menurut Dato' Dr Nik Mohd Zawawi, Konsep *Tahaluf Siyasi* umpama rukun dalam solat yang wajib dipatuhi bagi memastikan kerjasama politik tidak bercangah dengan dasar perjuangan parti. Justeru, jika konsep tersebut dilanggari, maka kerjasama politik boleh terbatal.

⁴²⁴ Temubual pengkaji bersama Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

yang lain mengkaji dasar perjuangan parti lain.⁴²⁵ Justeru, kesemua parti perlu menghormati dasar perjuangan PAS termasuk tidak boleh mempersoalkan dasar perjuangan tersebut atau memaksa menggugurkannya. Dalam kata lain, tidak ada pihak atau parti yang boleh mendesak PAS mengubah dasar perjuangannya semata-mata untuk menyesuaikan dengan dasar parti lain.

Sehubungan dengan itu, PAS tidak seharusnya terlalu ghairah untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya sehingga sanggup menggadaikan prinsip dan dasar perjuangan. Kemenangan Islam melalui kerjasama politik ini bukan bermakna kemenangan dalam pilihan raya semata-mata, tetapi kemenangan yang dapat memenuhi tuntutan Perlembagaan PAS, iaitu “*memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah*”.⁴²⁶ PAS tidak mahu melihat kerjasama politik mereka sekadar untuk mendapatkan kuasa tetapi pada masa yang sama, menjauhkannya daripada mencapai dasar perjuangan parti.⁴²⁷

Menurut Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Mohd Zuhdi Marzuki, apa yang lebih penting dalam kerjasama politik adalah mesej dan perjuangan parti sampai kepada rakyat walaupun parti belum lagi mencapai kemenangan. Mesej ini termasuk mempromosi dan mempengaruhi rakyat terhadap perjuangan PAS seperti kesyumulan agama Islam, konsep negara Islam dan hukum Islam. Malah Dr. Zuhdi percaya bahawa kemenangan sebenar yang diperlukan oleh PAS adalah kemenangan mencapai dasar perjuangan dan bukan kemenangan dalam pilihan raya semata-mata. Beliau menyatakan:

⁴²⁵ Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-62, pada 4 Jun 2015.

⁴²⁶ Sila rujuk Fasal 5, Perlembagaan PAS.

⁴²⁷ Temubual penulis bersama Setiausaha Majlis Syura Ulamak PAS, Dato’ Dr. Nik Mohd Zawawi Nik Salleh pada 27 April 2016. Beliau turut mempersoalkan mana yang lebih penting, sama ada kerjasama politik PAS ingin menawan Putrajaya atau mendapatkan syurga Allah?

Adakalanya walaupun kita tidak menang (kita baru menang Kelantan), kita sudah diterima oleh banyak pihak. Malah dalam kerajaan pun dah banyak bercakap tentang hukum Allah...Negara Islam pun dalam kurikulum *Tasawwur Islam* pun dah ada dah konsep Negara Islam. Jadi agenda itu sudah mempengaruhi rakyat walaupun PAS belum menang.⁴²⁸

Pendirian PAS untuk mengutamakan kemenangan Islam berbanding kemenangan politik dibidas oleh beberapa pihak termasuk bekas pemimpinnya yang telah menyertai Amanah. Menurut Khalid Samad, pemimpin PAS yang berpandangan bahawa kemenangan politik tidak penting hanya mahu menjadikan PAS sebagai Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO tanpa mengambil kira implikasi untung rugi politik dari tindakan mereka.⁴²⁹ Pendirian PAS ini juga akan mengakibatkan ahli parti tidak mempunyai semangat untuk berusaha menang sekaligus menjadikan PAS sebuah parti yang lemah kerana tidak mementingkan kemenangan dalam medan perang (pilihan raya).

Walaupun dikritik, PAS tetap mahu kemenangan politik yang diperolehi melalui kerjasama politik mesti mengangkat dasar asal perjuangan parti dalam pemerintahan. Dalam kata lain, kemenangan politik mesti diisi dengan agenda Islam yang menjadi teras perjuangan PAS. PAS menolak jika terdapat usaha untuk menjadikannya sebagai 'alat' untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya semata-mata. Dato' Seri Abdul Hadi menyatakan:

Jangan kita sekali-kali leka dan tenggelam seolah-olah peranan kita adalah hanya untuk musim pilihanraya semata-mata dan tidak ada lagi peranan selepas mencapai kemenangan. Konsep parti yang bertindak memandu sesebuah kerajaan itu pula hendaklah dipastikan berlaku supaya kelangsungan perjuangan parti itu terpelihara.⁴³⁰

⁴²⁸ Temubual pengkaji bersama Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhdi Marzuki, pada 18 Disember 2014.

⁴²⁹ Khalid Samad. 2016. *Dari PAS ke Amanah*. Petaling Jaya: Ilham Books, hlm. 99.

⁴³⁰ Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-58, "PAS Untuk Semua" pada 15 Ogos 2008.

Kenyataan seumpama ini dikeluarkan oleh Dato' Seri Abdul Hadi kerana PAS telah memberi sumbangan yang besar terhadap kemenangan pakatan pembangkang dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada 2008. Menurut beliau, PAS telah memberikan sahamnya yang sangat besar kepada kemenangan pakatan pembangkang dengan mempunyai paling banyak jentera parti dan bekerja untuk parti lain dalam menghadapi pilihan raya.

Agenda memperjuangkan penubuhan Negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud seringkali dilihat sebagai terjemahan kepada dasar asal perjuangan PAS. Dalam kata lain, PAS perlu memperjuangkan dua agenda utama ini sebagai komitmen memperjuangkan dasar asal perjuangannya. Sejak kerjasama politik dalam BA lagi, agenda penubuhan Negara Islam sememangnya menjadi cita-cita PAS meskipun ia tidak menjadi dasar bersama pakatan pembangkang. Timbalan Presiden PAS ketika itu, Abdul Hadi Awang menyifatkan kerjasama PAS dalam BA terbahagi kepada dua bentuk. Pertama, kerjasama PAS dengan kumpulan Islam, iaitu Parti Keadilan Nasional (KeADILan) yang melibatkan perjuangan Negara Islam. KeADILan yang diwujudkan sebagai parti pelbagai kaum, tetapi dengan orang Melayu sebagai kumpulan utama yang turut menonjolkan imej Islam dan ulamak.⁴³¹

Abdul Hadi menyifatkan penerimaan konsep Negara Islam oleh KeADILan amat penting kerana ia adalah pra-syarat kepada kerjasama politik dengan PAS.⁴³² Kedua, kerjasama PAS dengan DAP yang hanya berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh diperjuangkan secara bersama seperti isu keadilan dan tidak melibatkan perjuangan

⁴³¹ Muhamad Hafiz Abdul Samad, Mohammad Redzuan Othman, "Reformasi 1998 dan Kesannya terhadap Pilihan Raya Umum ke-10, 1999 di Malaysia", *Jurnal Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMcedel)*, Jilid. 2, No. 1, hlm. 73-90.

⁴³² "Ingin Islam Perintah Malaysia", *Eksklusif* Bil. 07, 31 Mei-6 Jun 1999, hlm. 19.

Negara Islam.⁴³³ Komitmen PAS mempertahankan usaha memperjuangkan Negara Islam menyebabkan DAP telah keluar daripada BA. Bagi PAS, prinsip mempertahankan dasar perjuangan parti untuk menegakkan Negara Islam tidak boleh dikompromikan walaupun dengan tindakan itu, PAS kehilangan DAP sebagai sekutu politik.⁴³⁴ Tindakan ini secara jelas menunjukkan bahawa PAS tetap memperjuangkan dasar perjuangannya dan tidak melihat kerjasama politik itu menghalang cita-citanya memperjuangkan Negara Islam.

Selain isu penubuhan Negara Islam, PAS melihat usaha memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud adalah penting walaupun ia bukan dasar bersama dalam kerjasama politik. Menurut Mustafa Ali, tanggungjawab PAS melaksanakan hukum hudud melangkaui soal politik. Tegas beliau, “*Bagi kita, hudud tu bukan soal politik tetapi tanggungjawab yang lebih besar daripada politik.*”⁴³⁵ Mustafa Ali mempertahankan hak PAS untuk melaksanakan hukum hudud walaupun mendapat tentangan khususnya daripada DAP. Beliau berkata, meskipun DAP tidak bersetuju dengan pelaksanaan hukum hudud, parti itu sama sekali tidak boleh menghalang usaha PAS untuk melaksanakannya. Hal ini dibuktikan berdasarkan kenyataan beliau seperti berikut:

Kita bincang lama dah, you tidak setuju ok tapi you tidak boleh halang untuk melaksanakan. Itu hak kita. You tidak setuju tidak apa, itu yang timbul *agree to disagree tu*. PAS tidak boleh menolak hudud. Saya sudah jelaskan kepada DAP.⁴³⁶

Penting dinyatakan di sini bahawa PAS sanggup kalah dalam pilihan raya jika pelaksanaan hukum tersebut mengakibatkan PAS hilang sokongan DAP dan pengundi.

⁴³³ DAP sememangnya secara konsisten menolak penubuhan Negara Islam. Parti yang berhaluan sosial demokrat itu berpandangan konsep Negara Islam tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia kerana ia akan mengancam kedudukan dan kebebasan bukan Islam di negara. DAP turut mendakwa hasrat penubuhan Negara Islam oleh PAS bertentangan dengan persefahaman demokratik pakatan pembangkang dalam BA. Malah, penubuhan Negara Islam tidak termasuk dalam agenda Manifesto Bersama Pilihan Raya Umum 1999 yang disepakati oleh BA.

⁴³⁴ Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat pada 7 Julai 2001.

⁴³⁵ Temubual pengkaji bersama Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

⁴³⁶ Ibid.

Malah, PAS tidak ada halangan jika DAP keluar daripada pakatan pembangkang kerana menentang pelaksanaan hukum hudud. Jelas Mustafa, “*Sebab itu kita kata DAP hendak keluar, keluarlah, tetapi kita hendak gugurkan, tidak sama sekali... kita tidak menang, tidak menanglah*”.⁴³⁷ Walau bagaimanapun, beliau berharap DAP tidak terburu-buru dalam soal hukum hudud ini sebaliknya kekal dalam pakatan pembangkang. Kenyataan tegas oleh Mustafa ini jelas menggambarkan komitmen PAS yang kental untuk terus memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud meskipun tindakan itu mengakibatkan PAS hilang sokongan DAP dan pengundi serta kalah dalam pilihan raya.

Selain Mustafa, seorang lagi pemimpin PAS, iaitu Dato’ Husam Musa mempunyai pandangan yang sama apabila berkata adalah menjadi tanggungjawab PAS sebagai sebuah parti Islam untuk melaksanakan hukum hudud.⁴³⁸ Perjuangan PAS untuk melaksanakan hukum hudud tidak memerlukan sokongan DAP kerana DAP ialah parti bukan Islam. Justeru, PAS tidak mengharapkan kerjasama DAP untuk melaksanakan hukum hudud. Bagaimanapun, Husam berharap DAP sewajarnya telah matang dan boleh menerima hukum hudud kerana orang bukan Islam tidak diperuntukkan mengikut hukuman tersebut. Pandangan ini dibuktikan melalui kenyataan seperti berikut:

Saya rasa tiada ada masalah, kerana DAP dibentuk untuk orang bukan Islam. Mana ada orang bukan Islam terima hudud. UMNO sendiri Islam pun tak boleh terima hudud. Jadi DAP ada kebebasanlah. Kalau PAS sendiri nak paksa kepada parti lain mana boleh. Jadi kecuali kita buat referendum di mana semua rakyat Malaysia diminta mengundi. Kalau referendum pun kita tidak boleh berjaya, tentulah dalam keadaan parti-parti politik, mereka ada kebebasan masing-masing dan jangan jadikan isu hudud untuk kita (pakatan pembangkang) berpecah. Jadi, DAP mengundilah cara dia, PAS dan UMNO undi cara PAS dengan UMNO...Jadi kalau UMNO boleh sokong, benda ni jalanlah...buat apa nak cara dengan DAP... DAP orang kafir, orang bukan Islam...kita orang Islam ni, kalaulah UMNO ni nak lepas tali leher dia nak salahkan DAP, saya rasa dalam masa sekarang ni, orang tidak boleh terima dah, Kita dengan DAP dalam PR, kita ni dah matang, kita tak akan berpecah semata-mata kerana satu isu yang kita tidak dapat bersama.⁴³⁹

⁴³⁷ Opcit.

⁴³⁸ Temubual pengkaji bersama Naib Presiden PAS, Husam Musa pada 24 April 2014.

⁴³⁹ Ibid.

Memperjuangkan dasar perjuangan parti bermakna PAS perlu melakukannya secara terang dan jelas, bukan berselindung. Dalam hal ini, PAS berpegang bahawa mereka tidak boleh menyembunyikan matlamat penegakan syariah semata-mata untuk mendapatkan kuasa politik.⁴⁴⁰ Dalam konteks pelaksanaan hukum hudud, PAS perlu menguar-uarkannya kepada rakyat dan bukan menyembunyikannya sehingga mendapatkan kuasa. Menurut Naib Presiden PAS, Dato' Ir. Iskandar Abdul Samad, PAS perlu menzahirkan cita-citanya untuk melaksanakan hukum hudud dan menyatakannya secara jelas kepada rakyat.⁴⁴¹ Jelas beliau yang juga Pesuruhjaya PAS Selangor, rakyat perlu dimaklumi tentang hasrat PAS untuk melaksanakan hukum hudud dan terpulang kepada mereka untuk menerima atau menolak. Apa yang lebih penting, PAS tidak boleh menipu rakyat khususnya bukan Islam dengan merahsiakan hasrat untuk melaksanakan hukum hudud atau menyatakannya selepas mendapatkan kuasa politik. Justeru, usaha PAS Kelantan membentangkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (2) (1993) 2015⁴⁴² adalah selari dengan hasrat parti itu memperjuangkan dasar asal perjuangannya. Ia juga seiring dengan konsep *Tahaluf Siyasi* yang menyatakan bahawa PAS tidak boleh menyembunyikan matlamat penegakan syariah semata-mata untuk mendapatkan sokongan politik.

Pendekatan PAS untuk terus memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud secara jelas tanpa berselindung menunjukkan bahawa parti itu tidak berahsia dan berkompromi dalam soal dasar perjuangan parti. Ia juga membuktikan bahawa PAS memilih dasar perjuangannya mengatasi dasar bersama dalam kerjasama politik. Walau bagaimanapun, tindakan PAS ini telah menimbulkan polemik sehingga menjadi antara punca mengapa sebahagian pemimpin PAS bertindak keluar parti dan menubuhkan

⁴⁴⁰ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk "*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*" yang disediakan oleh Majlis Syura Ulama, PAS.

⁴⁴¹ Temubual penulis bersama Naib Presiden PAS, Dato' Ir. Iskandar Abdul Samad pada 8 Oktober 2015.

⁴⁴² Enakmen Kanun Jenayah Syariah (2) (1993) 2015 adalah satu enakmen peruntukan bagi kesalahan jenayah syariah hudud, qisas dan ta'zir serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Jenis-jenis kesalahan hudud adalah *Sariqah* (mencuri), *Hirabah* (orang yang merampas harta orang lain dengan kekerasan), *Zina* termasuk liwat, *Qazaf* (membuat tuduhan zina atau liwat), *Syurb* (minum arak atau memabukkan) dan *Irtidad* (murtad). Enakmen ini mengandungi 71 Fasal.

Parti Amanah.⁴⁴³ Mereka mendakwa PAS tidak jujur dalam bekerjasama dan tiada komitmen terhadap dasar bersama pakatan pembangkang.⁴⁴⁴ Mereka juga berhujah PAS tidak sewajarnya mengutamakan pelaksanaan hukum hudud kerana ia perlu dilakukan secara berstrategik dan tidak terburu-buru.

PAS perlu menentukan strategi yang tepat agar parti itu dapat diterima awam terlebih dahulu. Bagi Husam, penerimaan awam adalah penting bagi PAS agar rakyat dapat menerima perjuangan parti itu. Sehubungan dengan itu, PAS katanya perlu mengutamakan dan mendahulukan perkara atau persefahaman yang boleh diterima oleh rakyat secara konsensus terlebih dahulu. Husam mengambil pengajaran daripada peristiwa Rasulullah s.a.w yang memberi penekanan kepada perkara asas yang boleh diterima secara umum. Ini boleh dibuktikan berdasarkan kenyataan beliau seperti berikut:

Rasulullah s.a.w pun bila tiba di Madinah, dia terima *baiiah* atau persefahaman politik daripada orang Yahudi melalui Piagam Madinah, terima kepimpinan Rasulullah, sebelum itu kepimpinan Rasulullah diterima oleh kaum Ansar yang dapat berbai'ah dua kali (*Bai'ah Aqabah*). Maknanya Rasulullah menerima penerimaan awam (*public acceptance*), dia bukan guna *force*, bukan guna tekanan paksa orang, tapi secara demokratik semua orang setuju pada period yang pertama, terima kepimpinan nabi hatta kepada orang bukan Islam, dan orang Yahudi antara musuh orang Islam yang sengit pada ketika itu. Pada *period* pertama, Rasulullah berjaya mendapatkan *public acceptance/endorsement...* Jadi PAS tidak boleh nak *claim* dia nak jadi parti utama hanya semata-mata dia nak jadi parti utama tanpa penerimaan awam.

Jadi PAS kena fokus strateginya agar diterima oleh orang awam pada period ini. Pada peringkat Bai'ah pertama, perkara2 yang dikemukakan dalam inti perjanjian adalah *public consensus*, seperti tidak boleh mencuri, tak boleh bunuh orang, jadi perkara2-perkara yang mudah diterima pada period yang pertama. Lepas Islam telah ada kuasa, bolehlah kemudian perkara-perkara yang lebih penting dan berat dikemukakan.⁴⁴⁵

Meskipun matlamat kerjasama politik PAS bertujuan mencapai dasar perjuangan seperti yang terkandung dalam garis panduan *Tahaluf Siyasi*, timbul pandangan bahawa parti itu sewajarnya bersikap realistik dengan mendapat kuasa politik terlebih dahulu.

⁴⁴³ Temubual penulis bersama Naib Presiden PAS, Dato' Ir. Iskandar Abdul Samad pada 8 Oktober 2015.

⁴⁴⁴ Dzulkefly Ahmad. 2016. *Dari PAS ke Amanah*. Petaling Jaya: Ilham Books., hlm. 109.

⁴⁴⁵ Temubual pengkaji dengan Naib Presiden PAS, Husam Musa pada 24 April 2014.

Justeru, soal perjuangan dasar parti termasuk hukum hudud perlu dilakukan secara berstrategik dan tidak terburu-buru. Menurut Husam, PAS perlu mendapatkan kuasa politik terlebih dahulu sebelum dapat melaksanakan dasar perjuangan hududnya.

Pandangan ini dapat dibuktikan melalui kenyataan beliau seperti berikut:

Kena praktikal. Kalau kita tidak ada kerusi, macam mana kita nak buat. Apa yang kita perjuangkan, bukan masalah hudud sahaja, nak banteras rasuah, kalau kita tak de kerusi, macam mana kita nak banteras rasuah? Nak susun ekonomi negara lebih adil, kalau tidak ada kuasa, macam mana kita nak buat.⁴⁴⁶

Selain itu, penekanan PAS terhadap demokrasi ini turut menjadikannya lebih bijak dengan menentukan tahap-tahap dalam perjuangan, iaitu sebelum dan selepas mendapat kuasa politik. Husam berhujah, "*Jadi peletakan tahap-tahap itu adalah satu perkara yang mustahak dan apa yang boleh kita buat sebelum berkuasa adalah lain perkara, dan kita boleh buat selepas kita berkuasa adalah perkara yang lain*"⁴⁴⁷ Pandangan Husam ini memang mempunyai kaitan dengan pelaksanaan hukum hudud kerana ia hanya boleh dilakukan selepas PAS mendapat kuasa politik.⁴⁴⁸ Justeru, PAS patut memberi fokus kepada pelaksanaan hukum hudud hanya selepas parti itu mendapat kuasa memerintah. Sebaliknya jika PAS memberatkan satu-satu perkara seperti hukum hudud dan meninggalkan satu pencapaian umum, maka ia akan merugikan perjuangan PAS sendiri.

Perjuangan melaksanakan hukum hudud juga ditentang oleh pemimpin bukan Islam dalam DHPP. Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw menyifatkan pelaksanaan hukum hudud yang hendak diperjuangkan oleh PAS bukanlah satu keutamaan dan keperluan

⁴⁴⁶ Ibid.

⁴⁴⁷ Ibid.

⁴⁴⁸ Dalam membicarakan soal tahap pelaksanaan dalam perjuangan PAS, Husam memberi analogi, iaitu orang Islam yang ingin menunaikan kewajipan solat. Ujar beliau, "*Perkara ini adalah biasa, macam solat juga, sembahyang secara utama adalah berdiri dan duduk dalam sof secara jemaah, tapi kalau orang itu uzur atau rumah dia jauh dari tempat solat dan dia tak dengar azan, suara azan tak sampai pada rumah dia, dia tak de kenderaan, hujan lebat, dia tak diwajibkan solat berjemaah. Dan kemudian kalau dia uzur lagi, dia boleh sembahyang duduk. Uzur lagi boleh sembahyang baring. Tetapi kewajipan itu tetap dilaksanakan dalam bentuk-bentuk mengikut keadaan yang ada pada satu-satu masa itu. Jadi kalau kewajipan persendirian itupun ada tahapannya, apatahlagi perjuangan politik yang menghadapi keadaan yang berliku-liku, tentulah Islam izinkan. Kaedah-kaedah pendekatan sehingga perkara itu dapat diselesaikan pada masa ke semasa.*" Ibid.

mendesak buat masa sekarang.⁴⁴⁹ Sebaliknya tegas beliau, PAS patut mengutamakan kempen menentang rasuah dan lebih bercakap soal pembangunan dan kestabilan politik dan bukannya hukum hudud. Hu Pang Chaw menyatakan:

Macam hudud, saya tak setuju...bagi saya bukan anti hudud, apa yang saya lawan ialah *timing*. *Timing* tak kena. Sebelum awak nak laksana hudud, u perlu ada penerangan. Musim sekarang musim hujan, awak hendak kempen jual air batu. Musim hujan sejuk la... awak kena bagi alasan... sekarang pilihan raya datang, apa awak nak kempen? Kempen la anti rasuah, pembangunan, kestabilan politik...tapi awak cerita hudud, orang tanya apa itu hudud? Kenapa kita perlu hudud? Macam mana awak nak jelaskan? Mana satu versi ini? Masalah PAS ni buat sesuatu tidak kena masa. Musim panaslah jual air batu...*timing* terbalik.⁴⁵⁰

Meskipun demikian, meneliti secara mendalam, penolakan pelaksanaan hukum hudud oleh kumpulan bukan Islam dalam DHPP seperti kenyataan pengerusinya tidak membantu sekaligus merugikan PAS.⁴⁵¹ Hal ini kerana sebagai sayap penting kepada PAS, DHPP sewajarnya menyokong pelaksanaan hukum hudud kerana ia sangat kritikal dalam menarik sokongan bukan Islam. Melalui sokongan tersebut, DHPP boleh membantu PAS memberi kefahaman tentang kepentingan pelaksanaan hukum hudud dan implikasinya terhadap bukan Islam. Namun hasrat ini tidak tercapai kerana DHPP sendiri tidak menyokong pelaksanaan hukum hudud oleh PAS. Perkembangan ini dilihat satu kelemahan PAS kerana parti itu gagal memberi keyakinan kepada kumpulan bukan Islamnya menyokong usaha pelaksanaan hukum hudud.

Selain itu, PAS juga melihat pelaksanaan hukum hudud ini tidak boleh dilakukan secara terburu-buru kerana halangan perundangan dan ia memerlukan kepada persediaan

⁴⁴⁹ Hu Pang Chaw yang juga calon PAS di kawasan Parlimen Ayer Hitam dalam Pilihan Raya Umum 2013 juga mengakui pendiriannya terhadap pelaksanaan hukum hudud telah menimbulkan kemarahan banyak pihak dalam PAS. Walau bagaimanapun, beliau menafikan seorang anti Islam apabila tidak menyokong pelaksanaan hudud oleh PAS. Jika beliau anti Islam, beliau tidak akan menyokong PAS dan memimpin DHPP. “*Ramai PAS marah pada saya, awak ni anti Islam, anti hudud, kalaulah saya ni anti Islam dan anti hudud, saya tak akan masuk PAS lah...saya boleh masuk MCA, Gerakan dan PPP... Kalau saya nak lawan UMNO, saya boleh masuk PKR dan DAP*”.

⁴⁵⁰ Temubual pengkaji dengan Hu Pang Chaw pada 17 Mac 2014.

⁴⁵¹ Temubual ini sebenarnya menjelaskan pandangan dan isi hati sebenar Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw dalam soal pelaksanaan hukum hudud oleh PAS kerana pandangan seumpama ini tidak tersiar dalam media termasuk Harakah, apabila beliau menyatakan sokongan terhadap pelaksanaan hukum hudud. Perkara ini ada kemungkinan bagi mengelakkan sebarang kemelut dan kontroversi yang boleh melemahkan PAS untuk memperjuangkan hukum hudud. Boleh rujuk pandangan beliau dalam “Semua Sayap PAS Sokong Hudud di Kelantan”, *Harakah* Bil. 1935. 7-10 April 2014, hlm. N3.

infrastruktur. Dalam hal ini, Dr. Mujahid mengakui PAS mempunyai masalah untuk melaksanakan hukum hudud kerana undang-undang sedia ada tidak membenarkannya. PAS perlu menangani permasalahan ini menggunakan jalur demokrasi, perundangan dan teknikalitinya. Beliau menyatakan:

Kalau kita menang, kita akan laksanakan hudud, *so dia kata dah menang kenapa tidak buat...tapi mereka tidak faham, legal obstacle...356*, dan Kelantan adalah contoh terbaik yang telah menggubal pada tahun 1994, *still* tidak boleh sebab dia ultra virus, *Dr. M was right legal sense to warn state government that* tidak boleh ini bertentangan dengan federal, *he was right... 356...so apa yang dia kata betul... cuma kita beza kita nak explain* dengan orang, bukan kita menentang nak laksana hudud tapi macam mana nak selesai halangan-halangan perundangan di sebalik falsafah hudud juga sebelum kita melaksanakan hudud, kena ada undang-undang, infrastruktur kena ada, pertumbuhan ekonomi supaya mereka tak mencuri, *so benda itu menjadi debat tidak boleh, yang ekstrem kata buat...penjara pun kena ada... benda ini yang kita kena explain...macam I katalah level orang bawah tak sama dengan elit tadi. So kami leaders...kami fikir benda begitu...cuma bezanya tak mau buat sebab tak suka hudud atau tak mau buat sebab ada halangan.. dua benda yang berbeza.*⁴⁵²

Pandangan Dr. Mujahid tentang cara dan tahap pelaksanaan hukum hudud ini jelas berbeza dengan pendirian PAS selama ini yang mahu ia dilakukan segera dan tidak boleh ditangguh. Malah apa yang menarik, Dr. Mujahid mengakui kebenaran alasan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menolak pelaksanaan hukum hudud oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebelum ini kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang jelas, PAS tidak menghiraukan pandangan termasuk daripada pemimpin parti yang tidak begitu menyokong pelaksanaan hukum hudud. Sebaliknya, PAS tetap komited untuk memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud di negara kerana percaya mereka mempunyai hak pelaksanaan syariat.⁴⁵³ Dalam Muktamar Tahunan PAS ke-61, Presiden PAS menyelar pihak tertentu termasuk pemimpin parti yang mendakwa parti

⁴⁵² Temubual pengkaji dengan Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr. Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

⁴⁵³ Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-61, pada 4 Jun 2015.

gopoh dan terburu-buru dalam memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud kerana perjuangan tersebut telah bermula sejak tahun 1950-an lagi. Hakikatnya, PAS telah mengambil langkah beransur-ansur selama 40 tahun sebelum menggubal Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah buat kali pertama oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada 1993. Justeru, perjuangan pelaksanaan hukum hudud bukanlah satu usaha yang terburu-buru tetapi mengambil tempoh masa yang panjang. PAS turut bertegas kepada DAP untuk meneruskan usaha memperjuangkan Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah apabila memberi pilihan atau kata dua kepada parti itu sama ada menerima hudud atau kerjasama dalam pakatan pembangkang tidak boleh diteruskan.⁴⁵⁴

Selain berpegang kepada kerjasama politik mesti bermatlamatkan kemenangan Islam dan bukan kepentingan politik semata-mata, PAS percaya bahawa kerjasama politik hanyalah satu strategi yang bersifat sementara dan bukan matlamat akhir parti yang kekal.⁴⁵⁵ Memandangkan kerjasama politik bukan matlamat akhir sebaliknya strategi parti ke arah mencapai matlamat dan dasar perjuangan parti, ia boleh berubah mengikut keadaan dan situasi. Dalam kata lain, PAS boleh berada dalam kerjasama politik atau sebaliknya. Ia juga bermakna, satu-satu kerjasama politik tidak semestinya kekal atau bersifat jangka panjang jika ia menyanggah konsep Tahaluf Siyasi dan mengancam dasar asal perjuangan parti. Pendekatan ini sememangnya dipegang oleh PAS apabila melihat kerjasama politik adalah strategi untuk mencapai matlamat dan dasar asal perjuangan parti.

Selain memastikan kerjasama politik bermatlamatkan kemenangan Islam dan menjadi strategi untuk mencapai matlamat akhir parti, usaha PAS untuk mengimbangi tuntutan politik dengan mempertahankan dasar perjuangan dapat dijayakan melalui kepimpinan

⁴⁵⁴ "DAP Tidak Faham Bahasa", *Utusan Malaysia*, 16 Mac 2015.

⁴⁵⁵ "Tahaluf Siyasi Bersifat Sementara", *Berita Harian*, 4 Jun 2015.

PAS sebagai parti yang dominan dalam kerjasama politik. Kedudukan seumpama ini membolehkan PAS menentukan hala tuju dan dasar perjuangan parti dalam kerjasama politik. Hanya melalui cara ini, PAS boleh membezakan kerjasama politiknya semasa dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional (BN) yang hanya menjadi pengikut kepada UMNO.⁴⁵⁶ Sejak dari awal pembentukan kerjasama politik, PAS melihat kedudukannya sebagai pemimpin kepada pakatan pembangkang.

Kejayaan PAS mengetuai GERAK pada 1998 melalui presidennya, Dato' Fadzil Mohd Noor yang dipilih sebagai pemimpin, memperkukuhkan keyakinan PAS bahawa mereka boleh memimpin dan diberikan kepercayaan oleh parti lain untuk memimpin kerjasama politik. Pencapaian PAS memenangi jumlah kerusi parlimen terbanyak (27 kerusi) dalam Pilihan Raya Umum 1999 berbanding parti pembangkang yang lain memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai parti yang dominan.⁴⁵⁷ Kemuncak dalam hal ini, Presiden PAS ketika itu, Dato' Fadzil Mohd Noor telah dipilih sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat menggantikan Lim Kit Siang yang telah memegang jawatan tersebut selama lebih 30 tahun.⁴⁵⁸

Penyertaan PAS dalam kerjasama politik melalui BA dan PR dilihat sebagai satu peluang dan kesempatan yang terbaik untuk mengaplikasikan kedudukannya sebagai pemimpin, bukan pengikut. Bekas Naib Presiden PAS, Husam Musa berpandangan PAS perlu bercita-cita menjadi pemimpin dalam kerjasama politik dan ia hanya boleh menjadi realiti melalui penyertaan parti itu dalam pakatan pembangkang. Hal yang

⁴⁵⁶ Temubual penulis bersama Naib Presiden PAS, Dato' Mustafa Ali pada 17 Jun 2014. Beliau menyifatkan antara pengajaran penting buat PAS sewaktu kerjasama politik bersama UMNO ialah kedudukan PAS sebagai pengikut, bukan pemimpin. Kesilapan ini tidak mahu diulangi oleh PAS dalam kerjasama politik melalui BA dan PR.

⁴⁵⁷ Dalam Pilihan Raya Umum 1999, Parti Keadilan Nasional (KeADILan) memenangi 5 kerusi parlimen termasuk kubu kuatnya di Permatang Pauh, manakala DAP hanya menguasai 10 kerusi parlimen. Pemimpin utama DAP, Lim Kit Siang tewas mengejut di kawasan parlimen Tanjong, Pulau Pinang.

⁴⁵⁸ Lim Kit Siang tewas mengejut kepada calon BN, Chia Kwang Chye dengan perbezaan 104 undi di kawasan parlimen Bukit Bendera (P.47), Pulau Pinang.

sama tidak akan berlaku jika PAS bersama UMNO dan Barisan Nasional (BN). Husam menyatakan:

Pada pendapat saya, PAS mesti ada cita-cita untuk memimpin dan menjadi pemimpin utama negara. Kalau kita masuk kerjasama dalam BN, peluang tersebut tidak ada sama sekali. PAS hanya akan jadi makmum dalam BN selama-lamanya. Imam dia BN kerana kerusi-kerusi dipertandingkan, PAS akan jadi minimum berbanding kerusi UMNO. Dalam Pakatan Rakyat (PR), peluang adalah berbeza. Kalau PAS dapat sokongan lebih, PAS pandai meletakkan kedudukannya dalam kedudukannya, PAS boleh ke depan. PAS boleh menjadi imam dalam PR. Ini perbezaan. Jadi, kalau PAS belakang UMNO, PAS kena tunggu dan PAS akan jadi pak turut sampai bila-bila. Jika PAS dalam PR, peluang sama terbuka dengan syarat PAS pandai memposisikan politik PAS. Dan oleh kerana PAS boleh bertanding sebanyak-banyak kerusi PAS perlukan, cuma PAS kena fokus bagaimana nak menewaskan UMNO. sekali UMNO boleh ditewaskan, PAS sudah berada di garis hadapan politik negara⁴⁵⁹.

Pandangan Husam disokong oleh Mustafa Ali apabila beliau menyifatkan penyertaan PAS dalam pakatan pembangkang akan memberi peluang kepada parti itu menjadi penentu kepada polisi bersama. Berbanding jika PAS bekerjasama dengan UMNO, PAS akan menjadi pengikut semata-mata seperti dalam kerjasama politik terdahulu melalui Kerajaan Campuran dan BN. Mustafa menyatakan:

Kita masuk kerjasama (dengan kerajaan) kita jadi ekor dia, bukan kita jadi penentu yang polisi bersama itu tak sampai situ...berlainan dengan PR, kita menjadi penentu kepada polisi bersama dan UMNO dia jadi big brother seperti MCA yang dok terasa...apa2, UMNO yang menentukannya...bila DAP kata kat MCA, MCA kata DAP pun dok ikut PAS... politik Cina lah...⁴⁶⁰

Dalam soal kepimpinan PAS ini juga, Bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa turut percaya bahawa PAS layak menjadi dominan dan pemimpin dalam kerjasama politik kerana parti itu adalah parti lama yang ditubuhkan pada tahun 1951 dan *“mempunyai segala pengalaman dan sumbangan kepada negara dan dunia politik Malaysia”*.⁴⁶¹ Pada awal kerjasama politik dalam BA, PAS sememangnya pernah

⁴⁵⁹ Tembual pengkaji bersama bekas Naib Presiden PAS, Husam Musa pada 23 April 2014.

⁴⁶⁰ Tembual pengkaji bersama bekas Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

⁴⁶¹ Tembual pengkaji bersama bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa pada 21 April 2014.

menzahirkan keinginannya untuk memimpin pakatan pembangkang.⁴⁶² Ini diteruskan dengan pendirian PAS untuk menjadi *king maker* dalam arena politik tanah air. Dalam Muktamar Tahunan PAS ke-55 pada 2009, PAS menggunakan tema “*Islam Memimpin Perubahan*” sebagai mesej bahawa mereka bersedia untuk memimpin perubahan politik di negara.⁴⁶³

Walau bagaimanapun secara realitinya, asas pembentukan kerjasama politik PAS dalam BA dan PR tidak meletakkan mana-mana parti termasuk PAS sebagai pemimpin. Dalam hal ini, semua parti dalam pakatan pembangkang adalah sama tarafnya dan tidak ada yang mengatasi antara satu sama lain. Menurut Pengarah Penyelidikan PAS Pusat, Dr. Dzulkefly Ahmad, asas pendekatan kerjasama politik dalam pakatan pembangkang adalah konsensus kerana tidak ada parti yang boleh mengatasi antara satu sama lain dalam pakatan pembangkang. Jelas beliau, “*We are not senior nor junior partner to anyone. We are equal footing. Policies get passed through concensus building*⁴⁶⁴”. Ini bermakna konsep parti yang dominan tidak wujud dan cara pembuatan keputusan pakatan pembangkang adalah melibatkan kesetaraan dan persetujuan semua parti komponen.”⁴⁶⁵

Untuk menjadi pemimpin dalam pakatan pembangkang, PAS perlu menguasai jumlah kerusi parlimen yang terbanyak. Menurut mantan Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa, jumlah kerusi terbanyak akan menentukan siapakah yang boleh menjadi dominan dan memimpin dalam pakatan pembangkang.⁴⁶⁶ Pandangan Nasharuddin disokong oleh Mujahid apabila berkata PAS tidak boleh mendominasi pakatan pembangkang selagi ia tidak menguasai jumlah kerusi parlimen, walaupun mempunyai

⁴⁶² “Ingin Islam Perintah Malaysia”, *Eksklusif* Bil. 07, 31 Mei - 6 Jun 1999, hlm. 19.

⁴⁶³ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-55, pada 2009.

⁴⁶⁴ Dzulkefly Ahmad, 2009, *Striving For Change*, Unit Buku Harakah, Kuala Lumpur, hlm. 207.

⁴⁶⁵ “Mungkinkah Wujud Kerjasama Politik Baharu”, *Harakah*, 12-14 Jun 2015, hlm. F22.

⁴⁶⁶ Temubual pengkaji bersama bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa pada 21 April 2014.

jumlah cawangan yang banyak berbanding rakan pakatan yang lain.⁴⁶⁷ Mujahid turut menambah, jika PAS mahu mendominasi dalam pakatan pembangkang sekalipun, ia perlu dibuktikan melalui keupayaan dan kekuatan parti itu dan bukannya disebabkan oleh kelemahan pihak lain. Pandangan ini dibuktikan melalui kenyataan seperti berikut:

*Respect must be earned. You don't demand respect. Sebab tu kita come out dengan rejuvenasi PAS, PAS baharu. Supaya PAS become strong. Parti kebangsaan, multi culture. Sebab itu saya lihat teori PAS sekarang ni hanya menjadi kuat atau menumpang krisis yang ada. Semangat 46... bila ada krisis UMNO, PAS kuat. Tapi bila UMNO kuat balik, PAS lemah. Kes Anwar PAS kuat. So persoalannya, u kuat sebab lawan ke atau you kuat sebab u kuat. Sebab tu rejuvenasi PAS timbul. Orang support you sebab you strong. The masses support you sebab clear bukan sebab kelemahan musuh. In order to that, you must reform the party. Kalau u nak tahu konsep dominasi, itulah. I define dominan parti macam tu. DAP tengok PAS sebab respect respect bukan takut. Sebab PAS lead, PAS ada pemikiran dia.*⁴⁶⁸

Jumlah kerusi parlimen PAS yang rendah berbanding parti pembangkang yang lain mengakibatkan parti itu kurang berkesan membawa agenda perjuangannya.⁴⁶⁹ Jelas Nasharuddin, “*Memang ada masalah apabila PAS hendak bawa agenda dia, mungkin banyak agenda dia tersekat kerana parti itu tidak dominan dalam konteks jumlah (kerusi parlimen)*”⁴⁷⁰ Kedudukan yang lemah ini turut mendorong “*PAS dalam banyak hal berlembut dan agak mengalah dalam banyak isu sehingga mengakibatkan kadangkadangkang timbul persoalan di kalangan ahli*”. Pandangan Nasharuddin disokong oleh Mustafa Ali. Beliau berkata, PAS akan menjadi lebih kuat jika parti itu memenangi kerusi parlimen yang banyak. Sebaliknya, jika PAS memenangi kerusi yang sedikit, maka PAS akan lemah.⁴⁷¹

⁴⁶⁷ Tembual pengkaji bersama Ahli Parlimen PAS Parit Buntar, Mujahid Yusof Rawa pada 24 Februari 2014.

⁴⁶⁸ Ibid.

⁴⁶⁹ Jumlah kerusi parlimen yang dimenangi oleh PAS dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013 menurun berbanding 1999. PAS memenangi 27 kerusi parlimen dalam Pilihan Raya Umum 1999 tetapi merosot kepada 23 dan 21 kerusi parlimen sahaja dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013. Jumlah kerusi parlimen dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013 menjadikan PAS sebagai parti yang tercorot dalam pakatan pembangkang, berbanding DAP dan PKR. PKR memenangi 31 dan 30 buah kerusi parlimen dalam Pilihan Raya 2008 dan 2013 manakala DAP memenangi 28 dan 38 buah kerusi parlimen.

⁴⁷⁰ Tembual pengkaji bersama bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa pada 21 April 2014.

⁴⁷¹ Tembual pengkaji bersama bekas Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

Walau bagaimanapun, Mustafa menegaskan jumlah kerusi yang dimenangi oleh PAS dan juga parti pembangkang yang lain tidak boleh menyebabkan ada parti yang bersifat dominan atau sebaliknya. Ini kerana setiap parti dalam pakatan pembangkang adalah bersifat *equal partner* atau rakan yang setara walaupun terdapat perbezaan dalam konteks penguasaan kerusi parlimen. Jelas Mustafa lagi, kedudukan tersebut penting dalam menentukan polisi bersama. “*Apa yang PAS tidak setuju, itu tidak boleh buat. Apa yang dia (DAP dan PKR) tidak setuju, PAS tidak boleh buat*”.⁴⁷²

Sama ada menjadi parti dominan dan sekadar rakan setara, PAS percaya bahawa apa yang lebih penting ialah kemampuan parti memperjuangkan dasar asal perjuangannya dalam kerjasama politik khususnya menentukan polisi bersama pakatan pembangkang secara bebas. Kemampuan ini sudah mencukupi untuk menjadikan PAS sebuah parti yang dominan sekaligus kepimpinannya diiktiraf oleh parti pembangkang lain. Justeru, walaupun dianggap rakan setara dan bukan parti dominan, kedudukan itu sebenarnya boleh memberi kelebihan kepada PAS untuk memainkan peranan yang besar atas dasar hak sama rata walaupun tidak menguasai jumlah kerusi parlimen yang terbesar.

Selain bertegas bahawa kepimpinan PAS sebagai parti yang dominan adalah penting dalam kerjasama politik, parti itu turut bertegas bahawa pakatan pembangkang atau kerjasama politik yang disertai PAS mesti dipimpin oleh kepimpinan dominasi Melayu/Islam. Kepimpinan Melayu/Islam yang dimaksudkan di sini adalah kepimpinan yang diterajui oleh orang Melayu/Islam atau majoriti terdiri daripada orang Melayu/Islam. Hanya melalui cara ini, dasar perjuangan parti yang memperjuangkan Islam dapat dipertahankan. Sehubungan dengan itu, PAS menolak sebarang usaha yang boleh mengancam kedudukan kepimpinan Melayu/Islam dalam pakatan pembangkang.

⁴⁷² Ibid.

Faktor Melayu menjadi perkiraan penting bagi PAS khususnya selepas Pilihan raya Umum 2008 walaupun pada sebelumnya, parti itu tidak memberi fokus kepada soal Melayu kerana mendakwa perjuangan Islam adalah universal dan tidak bersifat perkauman.⁴⁷³ Dalam Muktamar Tahunan PAS ke-54 tahun 2008, iaitu pada awal pembentukan kerjasama politik melalui Pakatan Rakyat (PR), PAS mengemukakan konsep ‘PAS Untuk Semua’ yang menzahirkan keterbukaan perjuangan parti kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan agama dan kaum.⁴⁷⁴ Walau bagaimanapun, penekanan soal kedudukan orang Melayu semakin penting apabila dalam kertas konsep *Tahaluf Siyasi* yang disediakan oleh Majlis Syura Ulamak pada 2010, PAS memasukkan faktor Melayu sebagai perkara penting untuk memastikan kerjasama politik mencapai kemenangan Islam, iaitu dapat memperkukuhkan kedudukan umat Islam, membuka ruang untuk pelaksanaan Islam dan memastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan.⁴⁷⁵ Penekanan baharu ini dilihat satu pendekatan PAS yang realistik dan terbuka kerana kedudukan orang Melayu yang baik secara langsung memberi kesan kepada kedudukan umat Islam di negara. Faktor ini tidak dimasukkan dalam konsep *Tahaluf Siyasi* terdahulu, iaitu semasa kerjasama politik dalam Harakah Keadilan Rakyat (HAK) pada 1986 dan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada 1990.

Dalam perkembangan berkaitan, PAS menolak sebarang usaha yang boleh mengancam kedudukan kepimpinan Melayu/Islam di negara semata-mata untuk menggantikan kerajaan BN. Dalam hal ini, PAS mengkritik usaha menukar kerajaan melalui agenda

⁴⁷³ Sikap PAS yang tidak gemar isu dan kepentingan orang Melayu dalam perjuangannya diakui oleh bekas Naib Presiden PAS, Dato’ Dr. Hassan Mohamed Ali, mantan Naib Presiden PAS dan Ahli Dewan Undangan (ADUN) Negeri Sungai Burung dalam Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama, Shah Alam, 21 Mac 2012 apabila berkata, “PAS tak suka dengan perkataan Melayu. Fasal apa tak suka dengan perkataan Melayu.” Dr. Hassan Ali seterusnya menjelaskan beliau tetap teguh untuk memperjuangkan kepentingan orang Melayu walaupun disingkirkan daripada PAS, malah melihat perjuangannya itu satu bentuk assobiah positif yang bertujuan memajukan, membuka minda, menggerakkan orang Melayu demi kebaikan dan kemajuan mereka. Ia bertentangan dengan bentuk assobiah negatif yang bertujuan menindas kelompok lain dalam kumpulan yang sama.

⁴⁷⁴ Sila rujuk Ucapan Dasar Presiden dalam Muktamar Tahunan PAS ke-54, 2008 “PAS Untuk Semua”.

⁴⁷⁵ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kertas kerja bertajuk “*Tahaluf Siyasi: Garis Panduan dari Perspektif Islam*” yang disediakan oleh Majlis Syura Ulamak, PAS.

“16 September dengan perpindahan ahli parlimen Barisan Nasional (BN) daripada Sabah dan Sarawak ke pihak pembangkang. Agenda “16 September” adalah satu strategi yang diperkenalkan oleh Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menubuhkan kerajaan persekutuan sebelum Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Razak menggantikan Perdana Menteri, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Mac 2009.⁴⁷⁶ Menurut Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali, agenda “16 September” perlu dinilai sedalam-dalamnya dan perlu dipastikan status ahli parlimen yang terlibat sama ada mereka beragama Islam atau tidak. Hal ini kerana PAS bimbang jika pakatan pembangkang dikuasai oleh ahli parlimen bukan Islam kelak. Justeru, PAS menolak agenda “16 September” jika ia menyebabkan bilangan ahli parlimen bukan Islam mengatasi Islam di parlimen. Malah PAS bertegas untuk tidak menyertai kerajaan baharu persekutuan jika majoritinya bukan Islam.⁴⁷⁷ Mustafa menyatakan:

Agenda Anwar la 16 September ini tetapi ramai yang percaya sungguh. Pandangan PAS, bukan tidak setuju nak bentuk kerajaan, tetapi orang yang hendak masuk itu berapa ramai, orang dari mana, orang Sabah dan Sarawak ni Melayu ke bukan Islam, kalau akhirnya majoriti PR (Pakatan Rakyat) ini bukan Islam, tidak... PAS tidak akan terima. Kena bagitahu siapa nama. Ustaz Hadilah yang sampaikan pada Anwar. Yang tak kisah dalam PAS tu memang adalah...asal kita tubuh kerajaan... PAS *concern*...sebab kita tak banyak bezakan, kalau masuk Sabah dan Sarawak, bukan Islam ramai-ramai, habis...Syarat, anda kena bagi nama-nama tu. Bukan saya seorang yang tidak setuju, yang lain pun ada, walau pun ada orang yang longgar tak apalah, pokoknya syarat tu dikemukakan.⁴⁷⁸

Beliau juga mengakui PAS telah diperbodohkan dengan agenda “16 September” kerana percaya ia tidak mungkin boleh berlaku. Hujah beliau, “*parlimen tidak bersidang pada 16 September, nak ubah kerajaan macam mana... mesti ada vote of no confidence.*”⁴⁷⁹

Untuk menjaga nama baik PAS, Mustafa telah mengeluarkan kenyataan tanpa pengetahuan pimpinan tertinggi parti yang lain dan membidas agenda “16 september”

⁴⁷⁶ “Najib Terjerat”, *Harakah* Bil. 1382, 17 – 19 Oktober 2008, hlm. N32.

⁴⁷⁷ Amaran: PAS bertegas untuk tidak menyertai kerajaan baharu persekutuan jika majoritinya bukan Islam, *Harakah* Bil. 1379, 29 September-5 Oktober 2008, hlm. N1.

⁴⁷⁸ Tembual pengkaji bersama bekas Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

⁴⁷⁹ *Ibid.*

kerana yakin ia tidak mungkin berlaku.⁴⁸⁰ Justeru, tindakan ini telah mengakibatkan hubungan Mustafa dengan pimpinan pakatan pembangkang yang lain renggang. Mustafa misalnya mengakui beliau tidak hadir ke mesyuarat pakatan pembangkang kerana tidak boleh berjumpa dan bertentang mata dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Jelasnya, *“Sampai 16 September, masa I keluar kenyataan, saya tidak pergi mesyuarat dah tu... I don’t see eye to eye dengan Anwar.”*⁴⁸¹

Apa yang jelas, penentangan PAS terhadap agenda “16 September” membuktikan bahawa parti itu amat tegas dalam soal mempertahankan kepimpinan Melayu/Islam di negara. Bagi PAS, apa yang lebih penting ialah kuasa politik kekal di tangan orang Melayu/Islam. Hanya melalui kuasa ini, kemenangan Islam boleh dicapai melalui usaha memperjuangkan kedaulatan Islam dan kepentingan umat Islam. PAS menolak sebarang usaha untuk mencapai kemenangan politik secara melampaui batas sehingga boleh merugikan umat Islam. Ketegasan PAS untuk tidak menyertai kerajaan baharu jika majoritinya bukan Islam menyerlahkan lagi pendirian tegas PAS untuk tidak berkompromi dalam soal mempertahankan kepimpinan Melayu/Islam di negara ini. Sebaliknya, PAS bersedia untuk memantapkan kerjasama PR secara dalaman bagi meningkatkan usaha ke arah perubahan kerajaan tanpa campur tangan ‘orang luar’, yang merujuk kepada penghijrahan ahli parlimen Sabah dan Sarawak ke pakatan pembangkang sepertimana dalam agenda “16 September” yang ternyata akhirnya gagal direalisasikan.⁴⁸²

⁴⁸⁰ Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat antara pemimpin yang tidak setuju Mustafa Ali mengeluarkan kenyataan membidas agenda “16 September”. Mantan Menteri Besar itu didakwa bersetuju terhadap agenda tersebut dengan alasan UMNO pun pernah berbuat sedemikian apabila menjatuhkan kerajaan PAS Terengganu di bawah pimpinan Daud Samad dengan cara yang kotor, iaitu melarikan wakil rakyat PAS sehingga jatuh kerajaan negeri. Sila rujuk “Pesan Tok Guru”, *Harakah* Bil. 1380, 10 – 12 Oktober 2008, hlm: N10.

⁴⁸¹ Tembual pengkaji bersama bekas Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali pada 17 Jun 2014.

⁴⁸² “Komitmen: PAS Lulus 3 Keputusan sedia Dukungi Kerajaan Baru”, *Harakah* Bil. 1380, 10 -12 Oktober 2008, hlm. N1.

Kesimpulan

Kerjasama politik PAS yang memberi fokus kepada isu dan kepentingan bersama dalam pakatan pembangkang bertujuan memperkukuhkan lagi tahap permuafakatan yang menjangkau kerjasama dalam bentuk pilihan raya. Kerjasama dalam bentuk isu dan kepentingan bersama ini jugalah yang menghubungkan PAS dengan DAP walaupun kedua-dua buah parti mempunyai dasar perjuangan yang jauh berbeza. Walau bagaimanapun, kepentingan bersama seperti demokrasi, keadilan, kebebasan dan pemerintahan yang baik menjadi pengikat kepada kerjasama politik PAS dalam BA dan PR, ia tidak bermakna kerjasama tersebut bebas daripada isu dan cabaran. Lebih-lebih lagi, kerjasama politik tidak menggugurkan ideologi dan dasar perjuangan parti masing-masing. Justeru, pertembungan antara kepentingan bersama dan kepentingan parti memang tidak dapat dielakkan sekaligus telah menggoyahkan hubungan PAS dengan rakan pembangkang yang lain.

Bab ini telah berjaya membuktikan kerjasama politik PAS masih terbelenggu dengan persoalan antara memperjuangkan dasar perjuangan seperti penubuhan Negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud dengan dasar bersama pakatan pembangkang. Kerjasama politik yang bersifat longgar dan tidak mengikat dasar perjuangan parti telah meninggalkan lompang yang kemudiannya dimanfaatkan oleh PAS untuk memperjuangkan dasar perjuangannya. Perkembangan ini juga menimbulkan polemik kepada PAS kerana memperjuangkan dasar perjuangan parti bermakna mereka tidak mengutamakan dasar bersama. Ia juga membawa persoalan apakah PAS lebih memilih syariah berbanding suara. Dalam erti kata yang lain, PAS sanggup kehilangan sokongan dan menerima kemungkinan terkeluar daripada pakatan pembangkang dengan tidak menyokong dasar bersama demi mempertahankan dasar perjuangannya.

Soal kepimpinan PAS dalam pakatan pembangkang dilihat masih belum boleh diselesaikan walaupun ia menjadi pengajaran bermakna dalam kerjasama politik terdahulu melalui Barisan Nasional (BN). PAS ingin menjadi pemimpin dalam pakatan pembangkang kerana percaya dengan kedudukan tersebut, ia boleh menentukan agenda kerjasama politik. Walau bagaimanapun, keinginan PAS menjadi pemimpin dalam konteks BA dan PR tidak mudah kerana ia bergantung kepada faktor penguasaan jumlah kerusi dalam pilihan raya. Meskipun PAS adalah parti politik yang lebih senior dan mempunyai keahlian teramai berbanding dengan DAP dan PKR, ia bukan jaminan parti itu boleh menjadi pemimpin. Hal ini kerana kerjasama politik dalam pakatan pembangkang berasaskan permuafakatan politik yang meletakkan setiap parti politik adalah setaraf dan tidak ada yang mengatasi antara satu sama lain.

Melihat kepada implikasi kerjasama politik PAS dalam konteks mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar perjuangan, jelas menunjukkan bahawa parti itu masih bergelut dalam menguruskan kerjasama politiknya. Kegagalan ini disebabkan oleh berlakunya pertembungan antara prinsip dengan tuntutan 'suara' yang perlu diambil perhatian oleh PAS dalam pakatan pembangkang untuk memenangi pilihan raya. Semua perkembangan ini juga secara jelas menunjukkan bahawa kerjasama politik PAS masih lagi bersifat gabungan untuk keselesaan atau '*coalition of convenience*' dan bersifat jangka pendek atau '*short-lived*' seperti kerjasama politik terdahulu. Selain usaha mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar perjuangan parti, PAS turut berhadapan dengan pergolakan dan kemelut untuk menangani demokrasi menjangkau pilihan raya dan meneroka perjuangan merentasi kaum. Hal ini akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 6 : MENANGANI DEMOKRASI MENJANGKAUI PILIHAN RAYA DAN MENEROKA PERJUANGAN MERENTASI KAUM

Pengenalan

Dalam menjayakan kerjasama politik melalui Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR), PAS perlu mengangkat demokrasi menjangkau pilihan raya, iaitu dengan menerima demokrasi sebagai satu budaya politik yang mengiktiraf nilai universal, pluralisme dan toleransi. Hal ini telah mendesak PAS untuk menjunjung ketuanan rakyat yang menjadi fokus kepada perjuangan dalam Dasar Bersama pakatan pembangkang sebagai asas demokrasi yang memperakukan kebebasan individu dan hak asasi manusia. Dalam konteks kerjasama dengan bukan Islam melalui penubuhan Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) pula, PAS perlu menonjolkan perjuangan untuk semua yang inklusif dan merentasi kaum. Tuntutan ini memberi implikasi kepada kerjasama politik PAS khususnya bagi mendukung konsep *Tahaluf Siyasi* sebagai wasilah untuk menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam selain dipastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan. Justeru, bab ini akan membincangkan secara mendalam implikasi terhadap kerjasama politik PAS dalam usaha menangani demokrasi menjangkau pilihan raya dan meneroka perjuangan merentasi kaum.

Menangani Demokrasi Menjangkau Pilihan Raya

Kerjasama politik PAS melalui BA dan PR memberi fokus kepada isu dan kepentingan bersama seperti demokrasi, keadilan, kebebasan dan pemerintahan yang baik. Selain itu, perjuangan demokrasi telus dan tulus yang berpaksikan ketuanan rakyat sepertimana yang terkandung dalam Buku Jingga menjadi teras kepada perjuangan pakatan pembangkang.⁴⁸³ Kerjasama bentuk ini telah mendesak PAS untuk memperkukuhkan lagi komitmennya terhadap demokrasi menjangkau pilihan raya, iaitu sebagai budaya politik yang mengutamakan nilai universal, pluralisme dan toleransi.⁴⁸⁴ Ia seterusnya mendorong parti itu mengambil pendekatan yang lebih realistik dan terbuka dengan mengiktiraf hak sivil serta menghormati kepelbagaian.⁴⁸⁵

Pendekatan ini sebenarnya mempunyai kaitan dengan perkembangan dan evolusi politik Muslim dalam demokrasi di peringkat global apabila perlu berhadapan dengan cabaran demokrasi pluralisme dan kepelbagaian agama seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1. Fasa ini menuntut gerakan Islam untuk tidak lagi menerima demokrasi sebagai alat untuk mencapai kuasa politik semata-mata, tetapi satu budaya politik yang menjunjung tinggi kepada nilai universal, pluralisme dan toleransi.

⁴⁸³ Buku Jingga, 'Ubah Sekarang, Selamatkan Malaysia', Pakatan Rakyat 2010.

⁴⁸⁴ Norani Othman. 2007. *Islam, Islamization and Democratization: Challenges and Prospects*. Bangi. Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa. Hlm. 16.

⁴⁸⁵ Bassam, Tibi, 2012, *Islamism and Islam*, New Heaven & London, Yale University Press, hlm. 121. Beliau berpandangan penerimaan parti Islam terhadap demokrasi mesti disertai dengan komitmen mereka untuk menerima sistem itu dalam konteks budaya politik yang mengiktiraf pluralisme dan toleransi dalam kepelbagaian. Kedua-dua tahap penerimaan, iaitu menerima demokrasi dalam bentuk pilihan raya dan budaya politik tidak boleh dipisahkan malah perlu dijayakan secara bersepadu.

JADUAL 1:

FASA PERKEMBANGAN POLITIK MUSLIM DALAM DEMOKRASI

FASA	RADIKAL	PENDEMOKRASIAN MELALUI PILIHAN RAYA	DEMOKRASI MENJANGKAUI PILIHAN RAYA
TEMPOH	Dekad 80-an (1980-1989)	Dekad 90-an (1990-1999)	Alaf Baharu (2000 hingga kini)
WACANA POLITIK	Negara Islam, hukum hudud dan kepimpinan ulamak. <i>State Centric (Top-down)</i>	Negara Islam, hukum hudud dan kepimpinan ulamak. <i>State Centric (Top-down)</i>	Demokrasi, keadilan, kebebasan, toleransi dan pemerintahan baik. <i>People Centric (Bottom-Up)</i>
LANDASAN PERSAINGAN POLITIK	Ideologi, Sendirian, Eksklusif.	Ideologi, Sendirian, Eksklusif.	Demokrasi, Kerjasama Politik, Inklusif, Populis
KOMITMEN TERHADAP DEMOKRASI	Menolak demokrasi atau menerima pilihan raya sebagai satu saluran untuk mendapatkan kuasa politik.	Menerima pilihan raya sebagai satu saluran untuk mendapatkan kuasa politik.	Menerima demokrasi menjangkaui pilihan raya. Demokrasi sebagai satu budaya politik.
PENCAPAIAN PILIHAN RAYA	Sokongan amat terhad.	Tambahan undi popular dan kerusi parlimen.	Lonjakan undi popular dan kerusi parlimen.
ISU DAN IMPLIKASI	Hak asasi, keadilan dan kebebasan. Demokrasi dan pilihan raya.	Hak asasi, keadilan dan kebebasan. Demokrasi dan pilihan raya.	Demokrasi Pluralisme dan kepelbagaian agama

Sumber: Mohd Izani Mohd Zain, “Demokrasi Menjangkaui Pilihan Raya: Fasa Baharu Politik Muslim”, *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, hlm. 400.

Sepanjang tempoh kerjasama politik, komitmen PAS terhadap demokrasi boleh dilihat dalam dua peringkat. Pertama, melalui platform dalaman parti, iaitu Ucapan Dasar Presiden PAS yang disampaikan dalam Muktamar Tahunan parti itu sepanjang tempoh

antara 1999 hingga 2015.⁴⁸⁶ Penekanan terhadap demokrasi sememangnya ada kaitan dengan persefahaman PAS terhadap isu dan kepentingan bersama dalam pakatan pembangkang BA dan PR. Dalam hal ini, isu seperti demokrasi, keadilan dan kedaulatan rakyat bukan sahaja disentuh tetapi telah diangkat sebagai tema ucapan dasar Presiden PAS. Sebagai contohnya, Muktamar Tahunan PAS pernah mengangkat tema demokrasi dan keadilan seperti “*Bersama Menegakkan Keadilan*” tahun 1999, “*Memartabatkan Kedaulatan Rakyat*” tahun 2004, “*Pulihkan Demokrasi*”, *Daulatkan Islam*” tahun 2006 dan “*Selamatkan Demokrasi, Tegakkan Keadilan*” tahun 2007.

Dalam Ucapan Dasar Presiden di Muktamar Tahunan PAS ke-45 pada 1999 yang bertemakan “*Bersama Menegakkan Keadilan*” misalnya, PAS secara jelas dan tegas mendukung soal keadilan yang menjadi keperluan manusia. Dalam ucapan tersebut, Datuk Fadzil menyebut, “*Keadilan menjadi perkara keperluan alam yang ditetapkan oleh Allah penciptanya yang meletakkan segala-galanya pada tempat yang sewajarnya mengikut fitrah masing-masing.*”⁴⁸⁷ Tema keadilan juga dijadikan PAS sebagai retorik untuk membebaskan massa dari perhambaan, kezaliman dan tirani kepada kebebasan, keadilan dan aman sejahtera kepada seluruh insan tanpa batas bangsa dan agama serta warna kulit, sesuai dengan sifat Islam sebagai “*Rahmatan Lil-Alamin*”. Beliau turut memperincikan konsep keadilan yang diperjuangkan oleh PAS kepada keadilan politik, keadilan undang-undang, keadilan ekonomi dan keadilan menyeluruh. Manakala dalam Ucapan Dasar di Muktamar Tahunan PAS tahun 2007, PAS mengulangi pendiriannya akan komitmen terhadap demokrasi. Presiden PAS, Dato’ Seri Abdul Hadi Awang berkata, “*PAS adalah parti Islam yang memilih pendekatan Demokrasi. Walaupun*

⁴⁸⁶ Komitmen dan penekanan kepada perjuangan demokrasi dalam tempoh kerjasama politik yang dikaji (1998 hingga 2015) bukanlah bermaksud perjuangan yang sama tidak berlaku sebelum PAS menyertai pakatan pembangkang dalam BA dan PR. PAS sebenarnya sebuah parti politik yang lantang memperjuangkan demokrasi di negara sejak penubuhannya. Ini boleh dilihat melalui isu demokrasi dan hak asasi rakyat yang dituntut termasuk pemansuhan undang-undang *draconian* yang mengekang kebebasan rakyat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

⁴⁸⁷ Ucapan Dasar Presiden PAS di Muktamar Tahunan ke-45 (1999) yang disampaikan oleh Datuk Fadzil Mohd Noor, bertemakan “*Bersama Menegakkan Keadilan*”. Ucapan ini disampaikan pada 28 Mei 1999, iaitu di tengah kehangatan gerakan reformasi melanda dan hanya lapan bulan selepas Dato’ Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

demokrasi itu ciptaan manusia, tetapi kelahirannya adalah fitrah menentang kezaliman sejak dulu”.⁴⁸⁸

Kedua, melalui platform dalam pakatan pembangkang seperti Dasar Bersama, manifesto pilihan raya dan kenyataan bersama. Melalui Dasar Bersama Pakatan Rakyat tahun 2010 misalnya, PAS memperaku dan mengiktiraf perjuangan menobatkan demokrasi telus dan tulen untuk memperkasakan ketuanan rakyat. Perjuangan ini juga adalah salah satu daripada empat kerangka asas yang membentuk Dasar Bersama pakatan pembangkang. PAS percaya penekanan demokrasi sebagai asas dalam kerjasama politik memberi kelebihan kepada Islam dan perjuangan parti kerana sistem itu memperakukan hak dan kebebasan rakyat. Malah, PAS percaya demokrasi yang mengiktiraf hak memilih dan kebebasan rakyat tidak menghalang masyarakat Islam untuk menyokong pelaksanaan Islam di negara. Sehubungan dengan itu, PAS meletakkan harapan yang tinggi dalam pakatan pembangkang yang ikhlas memperjuangkan demokrasi kerana yakin mereka (Pakatan Rakyat) lebih terbuka kepada kehendak rakyat yang beragama Islam termasuk pelaksanaan hukum hudud.⁴⁸⁹

Demokrasi berpaksikan rakyat ini juga menuntut PAS agar menerima demokrasi sebagai asas yang bermatlamatkan jangka panjang, bukan sekadar dalam konteks penyertaan pilihan raya dan isu tertentu sahaja. Menurut Dr. Mujahid Yusof Rawa, demokrasi tidak akan tercapai tanpa pendemokrasian berterusan dan komitmen terhadap sistem politik tersebut.⁴⁹⁰ Tahap penerimaan PAS terhadap demokrasi perlu beranjak daripada hanya menjadikannya sebagai alat untuk mencapai kuasa secara jangka pendek kepada asas dan matlamat secara jangka panjang. Justeru, PAS perlu mengambil kira

⁴⁸⁸ Ucapan Dasar Presiden PAS di Muktamar Tahunan ke-45 (1999) yang disampaikan oleh Dato' Fadzil Mohd Noor, bertemakan "Bersama Menegakkan Keadilan".

⁴⁸⁹ Khalid Samad. 2014. *Berani Berprinsip*, Ilham Books, Petaling Jaya, hlm. 197.

⁴⁹⁰ Mujahid Yusof Rawa. 2015. *Melakar Agenda: Masa Depan Politik Islam d Malaysia*. Ilham Books, Petaling Jaya, hlm. 38.

keperluan menerima demokrasi menjangkau fasa penyertaan mereka dalam pilihan raya.⁴⁹¹

Seiring dengan hasrat perjuangan demokrasi dalam kerjasama politik, PAS perlu menjadi sebuah parti demokratik yang melaksanakan demokrasi secara penuh. Menurut Dr. Dzulkifli Ahmad, hanya dengan memberikan komitmen sedemikian kepada demokrasi dan prosesnya, PAS dapat membuang imej dan persepsi bahawa mereka sekadar menggunakan demokrasi semata-mata untuk mendapatkan kuasa politik.⁴⁹²

Selama ini parti Islam (termasuk PAS) yang menyertai proses demokrasi melalui pilihan raya didakwa hanya menjadikan demokrasi sekadar kenderaan yang membawa mereka ke satu destinasi (kuasa politik) dan meninggalkan kenderaan tersebut (demokrasi) apabila telah tiba.⁴⁹³ Justeru, demokrasi dianggap hanya menggantikan kepemimpinan autokratik kepada kepemimpinan teokrasi yang terdiri daripada kumpulan Islamis. Apabila kumpulan ini berkuasa melalui pilihan raya, mereka akan meruntuhkan institusi demokrasi seperti pilihan raya dan memperkenalkan kepemimpinan ulamak yang rigid.

Keperluan PAS untuk menjadi sebuah parti demokratik seperti yang dinyatakan oleh Dr. Dzulkifli diakui sebagai mengikuti *trend* global yang dikaitkan dengan Pasca Islamisme.⁴⁹⁴ Ia bertujuan menolak dakwaan selama ini bahawa gerakan Islam adalah anti kepada demokrasi. Dr. Zuhdi Marzuki menyatakan:

⁴⁹¹ Mohd Izani Mohd Zain, 2014. *Demokrasi Melampaui Pilihan Raya: Fasa Baharu dalam Politik Muslim* dalam Demokrasi Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, hlm. 379-389.

⁴⁹² Dzulkifly Ahmad. 2012. *Striving For Change*. Kuala Lumpur. Unit Buku Harakah, hlm. 211.

⁴⁹³ Situasi ini juga dinamakan "Free Election Trap" atau Perangkap Pilihan Raya Bebas yang menggambarkan parti Islam menggunakan pilihan raya sebagai alat dan perangkap untuk mencapai matlamat perjuangannya seperti penubuhan Negara Islam. Untuk maklumat lanjut, boleh rujuk Mohd Izani Mohd Zain, 2014. Antara Peluru dan Kertas Undi: Cabaran Politik Malaysia dan Indonesia dalam Politik Muslim dalam Demokrasi Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, hlm. 367-378.

⁴⁹⁴ Pasca Islamisme adalah satu trend yang memperlihatkan ideologi menjadi tidak lagi penting, diberi kurang penekanan dan tiada sebarang penetapan terhadap pemakaian satu-satu ideologi. Ini juga bererti retorik agama seperti penubuhan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam bukan lagi keutamaan. Era pasca ideologi ini juga memperakui realiti baharu politik yang lebih mengiktiraf hak-hak sivil dan kebebasan serta kebangkitan generasi muda. Untuk maklumat lanjut, boleh rujuk Mohd Izani Mohd Zain, 2014. *Demokrasi Melangkaui Pilihan Raya: Fasa Baharu* dalam Politik Muslim dalam Demokrasi Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, hlm. 385.

Memang trend global dalam gerakan Islam. Terutama selepas di akhir 90-an, bila gerakan Islam menang pilihan raya di Algeria dan Turki, kemenangan itu dirampas. Dan ini menyebabkan jadi dua kumpulan ekstrem. Satu kumpulan yang jadi *terrorist*, tidak ada cara pilihan raya dan tidak percaya demokrasi, satu lagi kumpulan kata kita kena *transform ourselves to be democract*, bukan gerakan Islam, kita jadi demokrat sebenarnya. Itu cara demokrasi, kalau nak hilangkan imej kitalah. Jadi kumpulan itu dah muncul dan sebab itu, Refah parti...ini berlaku di mana-mana, kesan daripada apa yang berlaku di akhir 90-an. Teori apa yang dikatakan Pasca Islamisme itu ada kebenarannya. Olivier Roy sebut, dia kata gerakan Islam terpaksa sebab dia nak tunjukkan dia ni *is not to hijack democracy for the purpose of the Islamic goal*. Jadi ada yang buat tuduhan mereka tidak bagi undi kepada gerakan Islam sebab mereka tahu Islam ini nak gunakan sahaja. Bila dah menang, lain cerita. Jadi dia kata nak jadi *fully democract*.⁴⁹⁵

Penerimaan demokrasi dalam konteks budaya politik yang memperakukan hak rakyat atas nilai universal, pluralisme dan toleransi telah memberi cabaran kepada PAS kerana terpaksa berhadapan dengan isu demokrasi pluralisme dan kepelbagaian agama. Ini termasuk menangani soal demokrasi liberal, kebebasan individu, tuntutan hak asasi manusia yang melampau dan toleransi antara agama. Kebimbangan terhadap cabaran demokrasi pluralisme dan kepelbagaian agama yang berasaskan ketuanan rakyat ini pernah dizahirkan oleh Presiden PAS, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dalam Muktamar Tahunan PAS ke-61, 2015. Beliau menyatakan:

PAS menegakkan demokrasi beraqidahkan Islam bertuhankan Allah Yang Maha Esa. Bukan demokrasi Barat yang bertuhankan manusia walau sebijak mana sekalipun. Inilah yang membezakan kita dengan suara demokrasi Barat yang melaungkan slogan Suara Rakyat Suara Keramat, Hidup Rakyat, atau pun kita mengikut kehendak rakyat yang jahil atas nama demokrasi, sehingga melanggar sempadan Allah.⁴⁹⁶

Sebagai sebuah parti Islam yang terikat kepada konsep *Tahaluf Siyasi* yang mahu memastikan kerjasama politik dapat menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam, PAS tidak boleh menerima demokrasi yang meletakkan suara rakyat mengatasi kepentingan Islam. Meskipun

⁴⁹⁵ Temubual pengkaji dengan Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhi Marzuki pada 18 Disember 2014.

⁴⁹⁶ Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan ke-61, 2015 "Beristiqomah Hingga Kemenangan".

demokrasi mengiktiraf suara rakyat dan pandangan majoriti, ia sama sekali tidak boleh mengatasi kepentingan Islam. Justeru, konsep demokrasi bertuankan rakyat dalam kerjasama politik tanpa mengambil kira peranan Islam ditolak oleh PAS kerana ia boleh menghalang pelaksanaan Islam. Walaupun PAS pada awalnya percaya bahawa demokrasi sebagai asas dalam kerjasama politik memberi kelebihan kepada Islam dan perjuangan parti kerana ia memperakukan hak dan kebebasan rakyat, keyakinan tersebut sama sekali tidak berasas.

Apa yang jelas, pelaksanaan Islam sentiasa dicabar sepanjang tempoh PAS bekerjasama dalam pakatan pembangkang kerana hak memilih orang Islam untuk melaksanakan Islam tidak lagi dihormati.⁴⁹⁷ Sebagai contoh, pelaksanaan hukum hudud oleh PAS yang mendapat sokongan masyarakat Islam dan hanya mahu dilaksanakan di Kelantan, bukan sahaja tidak dipersetujui tetapi ditentang dan dihalang oleh sekutunya dalam pakatan pembangkang terutama DAP. Ini jelas membuktikan bahawa dukungan PAS terhadap demokrasi yang mengiktiraf kebebasan individu dan hak memilih tidak memberi kelebihan kepadanya untuk memperjuangkan pelaksanaan Islam. Perkembangan ini juga telah menimbulkan persoalan penting, iaitu mengapa kebebasan individu untuk memilih pelaksanaan Islam dihalang? Apakah kebebasan individu itu hanya sesuai jika ia tidak berkaitan dengan Islam? Ini menggambarkan seolah-olah wujudnya *double standard* dalam mengiktiraf kebebasan individu.

Berpegang kepada konsep bahawa demokrasi mesti selari dengan konsep *Tahaluf Siyasi*, iaitu mesti mendorong kepada usaha menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam, PAS berdepan dengan dua cabaran yang besar dalam melunasi perjuangan demokrasi bertuankan rakyat seperti yang dituntut dalam kerjasama politik. Pertama, bagaimana PAS

⁴⁹⁷ Temubual pengkaji dengan bekas Naib Presiden PAS, Dato' Dr. Hassan Ali pada 27 Jun 2015.

menangani cabaran demokrasi pluralisme yang menekankan soal autoriti, kebebasan individu yang mutlak dan tuntutan hak asasi manusia yang bercanggah dengan Islam. Apakah kebebasan individu dan tuntutan hak asasi manusia ini memberi kesan kepada usaha dakwah dan *nahi mungkar* atau melawan kemungkaran yang selama ini menjadi pegangan PAS. Kedua, bagaimana PAS menangani isu kepelbagaian agama yang bertitik tolak daripada budaya politik demokrasi yang menganjurkan toleransi sehingga mengganggu-gugat kedudukan Islam di negara.

Konsep ketuanan rakyat oleh pakatan pembangkang yang menjadikan nilai seperti kebebasan individu secara mutlak dan kesamarataan (*equality*) sebagai tuntutan hak asasi telah memberi cabaran kepada PAS kerana parti itu menolak kebebasan yang mutlak dan bercanggah dengan Islam.⁴⁹⁸ Setiap kebebasan yang dinikmati oleh manusia perlu terikat dengan peraturan dan hukum agama yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Kebebasan individu yang terbatas amat penting agar ia tidak mengancam kepentingan dan keselamatan ummah secara keseluruhannya. PAS cukup bimbang dengan isu tuntutan hak asasi manusia yang bercanggah dengan syariah seperti yang diperjuangkan oleh COMANGO⁴⁹⁹ atau *Coalition of Malaysian NGO in the UPR Process*.⁵⁰⁰ Ini kerana tuntutan tersebut mengandungi agenda tersirat untuk mencemarkan kedaulatan Islam sebagai agama rasmi negara sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.⁵⁰¹

⁴⁹⁸ “Cabaran Islam Liberal dan Pluralisme Agama”, *Harakah* Bil. 1897, 25-28 November 2013, hlm. F5.

⁴⁹⁹ COMANGO ialah satu gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan di Malaysia (NGO) yang mengemukakan laporan hak asasi manusia proses Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva. COMANGO disertai oleh 54 buah NGO di Malaysia. Antara ahli NGO yang membentuk gabungan COMANGO ialah Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Dignity International, Sisters in Islam, Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna-Pengguna Malaysia (ERA Consumer), Pusat Komus, Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ), dan *Coalition to Abolish Modern-day Slavery in Asia* (CAMSA).

⁵⁰⁰ COMANGO telah mengemukakan laporan yang mengandungi beberapa isu sensitif dan menyentuh hal-hal berkaitan dengan agama, akhlak, dan peradaban umat Islam kepada pihak Human Rights Council (UN HRC) atau Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui satu proses yang dinamakan sebagai *Universal Periodic Review* (UPR) di Geneva.

⁵⁰¹ Nasharuddin Mat Isa. 2014. *Tuntutan Hak Asasi Manusia dan Ancamannya Terhadap Islam*, Kajang, Yayasan Nassar, hlm. 3.

Antara tuntutan COMANGO yang mengganggu-gugat kedudukan Islam di Malaysia adalah mempertikaikan keputusan mengharamkan penyebaran fahaman syiah dan lain-lain ajaran sesat sebagai kekangan kepada hak kebebasan beragama dan dominasi pihak berkuasa agama dari kalangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang mengekang hak kebebasan berfikir, menuntut hak kebebasan untuk murtad sebagai hak kebebasan beragama dengan menafikan bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menentukan kedudukan Islam seseorang, tuntutan untuk menghapuskan undang-undang Jenayah Syariah yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri, memberi persepsi buruk kepada kewajipan *al amr bil ma'ruf dan nahi mungkar* yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan agama di seluruh negara dengan menggunakan label stereotaip Barat, iaitu '*moral policing*', memberikan gambaran negatif terhadap usaha agensi-agensi kerajaan menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli dan dimanipulasikan sebagai paksaan memeluk agama Islam, tuntutan untuk mengiktiraf hak sosial dan hak undang-undang manusia pengamal seks songsang (LGBT)⁵⁰² dan membenarkan seks songsang dengan menghapuskan peruntukan undang-undang yang menyifatkan amalan seks di luar tabi'e itu sebagai perbuatan jenayah.⁵⁰³

PAS melalui Dewan Ulamak telah mengeluarkan usul mengenai "pemikiran Islam dan pluralisme yang menyesatkan" dalam Mukhtamar Tahunan ke-59, 2013. Menurut Ketua Dewan Ulamak PAS, Dato' Harun Taib, PAS perlu menangani isu Islam liberal yang turut melibatkan tuntutan kebebasan yang melampau seperti amalan seks luar tabi'e (homoseksual) yang kini dilakukan secara terbuka. PAS juga meminta umat Islam berhati-hati terhadap pengaruh Barat yang dapat dilihat melalui kempen hak asasi yang bertentangan dengan Islam.⁵⁰⁴ Perjuangan hak transgender yang termasuk dalam agenda LGBT perlu ditolak oleh PAS kerana ia melanggar fitrah manusia. Penolakan ini bukan

⁵⁰² LGBT merujuk kepada *Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender*.

⁵⁰³ Nasharuddin Mat Isa. 2014. *Tuntutan Hak Asasi Manusia dan Ancamannya Terhadap Islam*, Yayasan Nassar, Kajang, hlm. 6-12.

⁵⁰⁴ "Awat Pengaruh Pemikiran Barat?". *Harakah Bil*. 1995. 14-16 November 2014, Hlm. N3

bermaksud Islam menolak pengaruh Barat, tetapi ia biarlah mempunyai batas dan sempadan. Tegas Dato' Seri Abdul Hadi, "*Ada benda yang boleh kita ikut, ada benda yang kita tak boleh ikut. Mesti ada batas sempadannya.*"⁵⁰⁵

Tindakan PAS menentang tuntutan untuk mengiktiraf hak sosial dan hak undang-undang manusia pengamal seks songsang (LGBT) bercanggah dengan pendirian DAP. Dalam hal ini, DAP mengiktiraf komuniti transgender apabila telah melantik seorang transgender sebagai Setiausaha Politik kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Bungah Teh Yee Cheu.⁵⁰⁶ Dalam perkembangan yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah DAP semakin memberi pengiktirafan kepada gejala lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) apabila menubuhkan Jawatankuasa Transgender⁵⁰⁷, walaupun pada awalnya, ADUN DAP Tanjung Bungah Teh Yee Cheu menarik balik usul peribadi beliau di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan Jawatankuasa Transgender dengan peruntukan RM 200,000 untuk membantu golongan transgender ini.

Di sebalik penentangan PAS terhadap usaha memperjuangkan kebebasan liberal dan tuntutan hak asasi yang bercanggah dengan Islam, parti itu masih dibidas kerana tidak benar-benar bertegas untuk mencabar secara lantang mengenai isu tuntutan COMANGO.⁵⁰⁸ Menurut mantan Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa, PAS sebagai parti Islam yang bergerak atas jalur dakwah, sewajarnya menerajui usaha menentang tuntutan COMANGO berkaitan hak asasi manusia yang menafikan kedudukan istimewa Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dan realiti keagamaan masyarakat Malaysia. Sebaliknya jelas beliau, NGO yang lebih ke hadapan dan

⁵⁰⁵ Ibid.

⁵⁰⁶ "Setiausaha Politik Adun Tanjung Bungah Harap Layanan Sama Rata Pada Transgender", <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2013/07/13/setiausaha-politik-adun-tanjung-bungah-harap-layanan-sama-rata-pada-transgender/>, diakses pada 25 September 2013.

⁵⁰⁷ "Ulamak Pas kutuk DAP kerana iktiraf LGBT", <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/ulamak-pas-kutuk-dap-kerana-iktiraf-lgbt-1.527255>, diakses pada 10 Jun 2016.

⁵⁰⁸ Temubual pengkaji dengan bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa pada 21 April 2014.

meneraju isu COMANGO berbanding PAS. Hal ini secara tegas dijelaskan dalam kenyataan beliau seperti berikut:

Patut PAS yang *lead* isu Allah dan COMANGO... saya nampak isu COMANGO ini parti politik langsung tak nak *lead*, NGO je yang *lead*... ini mungkin parti politik ada percaturannya sendiri... tapi ini isu besar.⁵⁰⁹

Kegagalan PAS bersikap lantang dalam menangani isu kebebasan individu yang mutlak dan tuntutan hak asasi manusia yang bercanggah dengan syariah dilihat mahu menghormati kerjasama politik. Hal ini mungkin berlaku kerana PAS hendak menjaga hubungannya dengan PKR dan DAP serta kerjasama politik mereka. Tidak dinafikan, PKR dan DAP mempunyai pandangan yang tersendiri dalam soal tuntutan hak asasi manusia dan kebebasan individu di negara ini. Malah DAP dilihat terus membisu kerana isu-isu yang dibawa oleh COMANGO didakwa sebahagiannya adalah isu-isu DAP juga.⁵¹⁰

Sikap berlunak PAS dalam menghadapi isu kebebasan individu yang mutlak dan tuntutan hak asasi manusia ini berpunca daripada cara PAS untuk memahami realiti rakyat. Hal ini sebenarnya berbeza dengan corak kepimpinan ulamak di era Yang DiPertua PAS, Yusuf Rawa yang mahu mengubah *waqi'* dan realiti masyarakat. Kesan daripada pendekatan dan keperluan PAS untuk memahami realiti ini mengakibatkan parti itu tidak lagi lantang dalam usaha *nahi mungkar* atau melawan kemungkaran. Lebih menarik menurut Dr. Hassan Ali, jika ada sekalipun usaha melawan kemungkaran, ia mendapat tentangan daripada pihak dalaman PAS sendiri.⁵¹¹ Ternyata, fokus baharu PAS kepada isu-isu demokrasi, keadilan dan ketuanan rakyat telah berjaya sedikit sebanyak melunakkan perjuangan PAS menegakkan kedudukan Islam dan

⁵⁰⁹ Ibid.

⁵¹⁰ http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20131029/re_05/Perpecahan-umat-Islam-dan-helah-Comango-terserlah. Diakses pada 28 September 2015.

⁵¹¹ Temubual pengkaji bersama bekas Naib Presiden PAS, Dato' Dr. Hassan Ali pada 18 Jun 2015.

kepentingan umat Islam secara lantang. Ia juga membuka ruang kepada kritikan bahawa parti itu telah tidak berlaku tegas terhadap isu yang membabitkan kepentingan dan kedaulatan agama Islam.

Selain cabaran demokrasi pluralisme yang mempromosi nilai universal, kebebasan individu yang mutlak, dan tuntutan hak asasi yang melampaui batas, PAS juga berhadapan dengan isu dan cabaran kepelbagaian agama. Hal ini kerana komitmen PAS terhadap demokrasi perlu mengambil kira toleransi dan menerima kepelbagaian khususnya dalam konteks antara agama. Pendekatan toleransi dalam konteks kepelbagaian agama ini amat penting dalam usaha menjayakan demokrasi sebagai budaya politik yang menjangkau pilihan raya. Dalam hal ini, PAS mengambil sikap dan pendekatan yang lebih terbuka dan berhujah Islam itu sendiri adalah agama yang membawa konsep *Rahmatan Lil Alamin* dan terbuka kepada dialog. Walau bagaimanapun, pendekatan terbuka PAS menangani isu kepelbagaian agama ini telah menimbulkan polemik sehingga parti itu didakwa tunduk dengan desakan dan pengaruh liberalisme dan pluralisme.

Isu paling kontroversi dan memberi cabaran sepanjang tempoh kerjasama politik PAS dalam pakatan pembangkang adalah isu penggunaan kalimah 'Allah' oleh penganut Kristian. Ia benar-benar menguji bagaimana PAS menangani demokrasi menjangkau pilihan raya, iaitu merujuk kepada isu toleransi antara agama. Secara kronologinya, isu ini bermula pada 31 Disember 2009 apabila Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa *Herald Christian* dibenar menggunakan kalimah 'Allah' dalam penerbitannya selepas dilarang dan disekat oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).⁵¹² Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Lau Bee Lan memerintahkan bahawa keputusan Menteri

⁵¹² Sebelum itu, iaitu pada 16 Februari 2009, Ketua Paderi Roman Katolik Kuala Lumpur, Tan Sri Murphy Pakiam telah memfailkan semakan kehakiman berhubung penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan *The Herald* serta menamakan KDN dan kerajaan sebagai responden. Gereja memohon larangan KDN melalui Menteri Dalam Negeri yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam *The Herald* pada 7 Januari 2009 adalah tidak sah dan kalimah tersebut bukan eksklusif kepada agama Islam.

Dalam Negeri melarang penerbitan akhbar mingguan *The Herald* menggunakan kalimah ‘Allah’ adalah menyalahi undang-undang, batal dan tidak sah.

Pada 5 Januari 2010, KDN telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan penerbitan akhbar mingguan *The Herald* menggunakan kalimah ‘Allah’. Pada Julai 2013, *Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur* memfailkan permohonan bagi membatalkan permohonan rayuan kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan penggunaan kalimah ‘Allah’ dalam *The Herald*. Namun, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan tersebut dan menetapkan pendengaran penuh rayuan pada 10 September 2013. Tarikh tersebut ditangguhkan kepada 14 Oktober dan Mahkamah Rayuan memutuskan pihak *The Herald* tidak boleh menggunakan kalimah ‘Allah’ dalam penerbitannya.⁵¹³ Keputusan tersebut adalah muktamad apabila Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Gereja Katholik tidak dibenarkan merayu keputusan Mahkamah Rayuan yang melarang penerbitan mingguan *'The Herald'* daripada menggunakan kalimah 'Allah', dalam versi bahasa Melayu terbitannya.⁵¹⁴

Keputusan ini melegakan umat Islam di negara kerana dilihat sebagai kemenangan kepada Islam, namun ia meninggalkan kesan yang mendalam kepada PAS. Ini kerana isu penggunaan kalimah ‘Allah’ telah meletakkan parti itu dalam situasi yang mencabar dalam menguruskan isu kepelbagaian agama. Sejak isu ini timbul dan hangat pada tahun 2010, PAS telah mula dikritik sebagai sebuah parti yang terlalu berlembut dan tunduk kepada kemahuan bukan Islam atau lebih tepatnya, penganut Kristian. Dalam hal ini, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah mengeluarkan kenyataan bahawa

⁵¹³ Walau bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata keputusan Mahkamah Rayuan berhubung penggunaan kalimah ‘Allah’ tidak melibatkan amalan penganut Kristian di Sabah dan Sarawak. Najib berkata perkara yang terkandung dalam resolusi 10 perkara peringkat kabinet pusat itu akan dikekalkan di kedua-dua negeri. Sila rujuk <http://www.theborneopost.com/2013/10/22/keputusan-isu-kalimah-allah-tidak-libat-kristian-di-sabah-sarawak/#ixzz3lWwUWDJJ>. Diakses pada 12 September 2015.

⁵¹⁴ <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-tidak-benarkan-gereja-katolik-rayu-keputusan-larang-guna-kalimah-allah-38237>. Diakses pada 12 September 2015.

penggunaan kalimah ‘Allah’ bukan kesalahan dengan syarat tidak mengelirukan. Pandangan beliau kemudiannya disokong oleh Majlis Pimpinan PR dan Dato’ Seri Abdul Hadi diberikan peluang untuk menyatakan pandangannya bersama PR. Menurut Dr. Zuhdi Marzuki, PAS berpandangan bahawa orang bukan Islam tidak dihalang menggunakan kalimah ‘Allah’ selagi ia tidak disalahgunakan berdasarkan kenyataan beliau seperti berikut:

Isu kalimah Allah ini, PAS berpendirian secara prinsipnya kita berpegang kepada hukum asal, iaitu orang bukan Islam tidak dihalang. Istilah yang Presiden PAS guna itu bukannya harus tetapi tidak dihalang.⁵¹⁵

Pendirian Presiden PAS ini telah disokong oleh beberapa pemimpin parti. Antara yang paling lantang ialah Ahli Parlimen Parit Buntar, Dr. Mujahid Yusuf Rawa, iaitu seorang pemimpin PAS yang banyak menerajui usaha mendekatkan parti dengan orang bukan Islam.⁵¹⁶ Beliau berpendapat, isu penggunaan kalimah ‘Allah’ amat kritikal kerana ia menentukan hala tuju dan penentu masa depan hubungan antara Islam dengan bukan Islam di negara. Dr. Mujahid berhujah kalimah ‘Allah’ yang mahu diterjemahkan oleh penganut Kristian bukanlah daripada perkataan *God* atau *Lord*, sebaliknya *Hebrew, Eli* atau *Elohim* yang terkandung dalam Perjanjian Lama. Justeru, kalimah ‘Allah’ yang diterjemahkan merujuk kepada *Supreme Being*, iaitu Allah bukanlah membawa maksud Jesus sebagai *God*. Ini dapat dibuktikan melalui kenyataan beliau seperti berikut:

Sebenarnya tidak, yang nak diterjemahkan Allah dalam Bahasa Melayu, adalah asal perkataan Hebrew, Eli atau Elohim...this is Hebrew words of Allah in Hibranic.. Eli atau Elohim yang bermaksud supreme Being. Allah lah... yang dia found words Eli dan Elohim ini dalam Old Testament...perkataan ini hanya ada dalam Old Testament. So nak terjemah apa, dia bukan God, dia ada satu supreme being. The fact is shown matter is sebenarnya mengiktiraf kewujudan Allah, yang melebihi Jesus God semua ini. So dia nak terjemah apa dia, itu dia

⁵¹⁵ Temubual pengkaji bersama Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhdi Marzuki, pada 18 Disember 2014.

⁵¹⁶Dr. Mujahid telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk “Berdialog dengan Gereja: Sebuah Travelog Kedamaian”, Shah Alam: Ilham Centre bagi memberi penjelasan secara terperinci tentang pendirian mengenai isu penggunaan kalimah ‘Allah’ oleh orang bukan Islam.

tak tahu tu... maka tuhan bukan, god biasa je, orang Melayu faham supreme being tu Allah, tulislah Allah.⁵¹⁷

Pada masa yang sama, beliau menyokong penggunaan kalimah ‘Allah’ oleh orang bukan Islam dengan menggunakan hujah seperti meraikan kepelbagaian, tiada paksaan dalam agama dan dialog antara agama. Dalam hal ini, Dr. Mujahid berpandangan bahawa kalimah Allah adalah universal dan bukan milik eksklusif orang Islam⁵¹⁸ berasaskan kepada ayat 25, Surah Luqman yang bermaksud “ Jika kamu bertanyakan kepada mereka, siapakah yang mencipta langit dan bumi ini, pasti mereka akan memperakui bahawa Allah yang menciptakannya, katakanlah Alhamdulillah tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahuinya”. Selain itu, Dr. Mujahid berpendapat dalam konteks negara yang menjamin hak beragama, tiada satupun agama termasuk Islam yang boleh memaksa apa yang perlu dilakukan oleh bukan Islam selagi ia adalah tuntutan agama mereka. Justeru, beliau berpandangan, pendirian bukan Islam untuk menggunakan kalimah ‘Allah’ perlulah dihormati atas dasar tiada paksaan dalam agama.

Pandangan PAS yang terbuka terhadap isu penggunaan kalimah ‘Allah’ oleh bukan Islam telah mengundang kritikan daripada tiga penjur, iaitu UMNO, dalaman PAS dan rakan dalam pakatan pembangkang. Musuh PAS, iaitu UMNO mendakwa PAS dilihat banyak mendiamkan diri dalam isu penggunaan kalimah ‘Allah’, meskipun wujudnya bantahan keras daripada umat Islam di seluruh negara.⁵¹⁹ Justeru, UMNO memberi tekanan kepada PAS dengan mendakwa parti itu mahu mendapatkan sokongan bukan

⁵¹⁷ Temubual pengkaji bersama Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Mujahid Yusuf Rawa pada 24 Februari 2014.

⁵¹⁸ Pandangan Dr. Mujahid yang mengatakan kalimah ‘Allah’ adalah universal dan bukan hak milik eksklusif Islam ditolak oleh ilmuwan Islam. Khalif Muammar dalam bukunya, *Islam dan Pluralisme Agama*, Kuala Lumpur: Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS). Beliau berhujah, kalimah ‘Allah’ adalah nama khas yang telah disepakati oleh ulamak terdahulu. Beliau memetik tulisan Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam *Tafsir al-Kabir*, iaitu “Yang terpilih bagi kami bahawa lafaz ini (Allah) adalah nama khas (ism ‘alam) bagi Allah Taaladan ia bukanlah perkataan yang dapat dipecahkan (mushtaq) sama sekali. Ini adalah pandangan al-Khalil (seorang yang paling berautoriti dalam hal bahasa) dan Sibawayh, dan pandangan majoriti ulamak ‘usul dan Fuqaha.”

⁵¹⁹ http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140225/re_01/Mana-perginya-suara-Islam-Pas. Diakses pada 28 September 2015.

Islam dan menjaga hubungan dengan DAP dan PKR sehingga sanggup mengagadai kepentingan Islam.

PAS mengkritik Barisan Nasional (BN) kerana mengeksploitasi isu penggunaan kalimah ‘Allah’ untuk meraih sokongan politik orang Melayu sehingga menjejaskan hubungan antara kaum dan agama. Hal ini boleh dibuktikan melalui kenyataan Dr. Mujahid seperti berikut:

Kami merasakan BN ambil kesempatan isu ini untuk menimbulkan kebencian antara kaum dan agama. Atas kepentingan politik untuk ambil sokongan orang Melayu. Dan saya membuktikan tahun 2011, sudah ada sepuluh *points solution* di Sarawak...to be exact bulan April 2011, di mana PM bersetuju untuk memberikan izin Kitab Injil Bahasa Melayu yang tertera dalamnya kalimah Allah dipakai oleh orang Sabah dan Sarawak.⁵²⁰

Senada dengan Dr. Mujahid, Ahli Parlimen PAS Shah Alam, Abdul Khalid Samad turut menyalahkan UMNO dan Barisan Nasional (BN) kerana memanipulasikan isu kalimah Allah bagi menarik sokongan orang Melayu, yang didakwa kian terhakis.⁵²¹ Beliau berkata, UMNO bersungguh-sungguh mempertahankan penggunaan kalimah Allah itu dengan tujuan memberi isyarat kepada masyarakat Melayu bahawa agama Islam dalam keadaan terancam setelah penganut Kristian mahu menggunakannya.

Isu penggunaan kalimah ‘Allah’ juga mengakibatkan pertembungan pandangan dalam PAS yang ketara. Paling ketara apabila Timbalan Mursyidul ‘Am PAS, Dato’ Dr. Haron Din mengeluarkan kenyataan peribadi melarang penggunaan kalimah ‘Allah’ oleh bukan Islam.⁵²² Ia bercanggah dengan pandangan Presiden PAS yang menyifatkan bukan Islam tidak dihalang untuk menggunakan kalimah ‘Allah’. Dr. Mujahid menyifatkan kenyataan Dr. Haron Din mendahului pendirian rasmi yang sepatutnya

⁵²⁰ Tembual pengkaji bersama Ahli Parlimen PAS Parit Buntar, Mujahid Yusof Rawa pada 24 Februari 2014.

⁵²¹ <http://malaysiagazette.com/ms/nasional/pas-tuduh-umno-mempolitikkan-isu-kalimah-allah>, diakses pada 28 September 2015.

⁵²² Mujahid Yusof Rawa, *Berdialog dengan Gereja: Sebuah Travelog Kedamaian*, Shah Alam, Ilham Centre, hlm. 13.

dibuat oleh Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Dr. Mujahid turut menolak dakwaan penggunaan kalimah 'Allah' boleh membawa kepada kemurtadan dan mengakibatkan berlakunya kristianisasi. Beliau sukar membayangkan bagaimana keimanan orang Islam di negara terlalu rapuh hanya dengan penggunaan kalimah 'Allah' oleh bukan Islam. Sebaliknya, isu penggunaan kalimah 'Allah' ini menurut Dr. Mujahid wajar dijadikan kesempatan terbaik untuk merancakkan lagi usaha dialog antara agama dan bukan sebaliknya. Ini kerana proses dialog tidak membincangkan perbezaan keagamaan atau perbezaan lain tetapi apa yang boleh dilaksanakan untuk menyembuhkan hubungan.⁵²³ Ia sama sekali tidak menjual kepercayaan orang Islam atau membeli akidah orang lain. Apa yang jelas, percanggahan pandangan ini memberi imej yang tidak baik kepada PAS kerana gagal mencapai kata sepakat dalam isu berkaitan dengan kepentingan Islam.

Selain cabaran daripada UMNO dan dalaman PAS, tekanan paling hebat pastinya datang daripada rakan pakatan pembangkang, iaitu DAP. Parti itu terus memberi tekanan kepada PAS dengan mengeluarkan kenyataan dan menyokong penggunaan kalimah 'Allah' untuk bukan Islam. Dalam hal ini, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng telah mengeluarkan kenyataan kepada Kerajaan Persekutuan agar bukan Islam diizinkan menggunakan kalimah 'Allah' dalam terjemahan Kitab Injil dalam Bahasa Melayu. Motif kenyataan beliau dalam perutusan Tahun Baharu 2013 itu dipersoalkan kerana ia tidak mengambil kira implikasinya kepada kepada PAS yang menguasai sebahagian besar pengundi Melayu dalam PR.⁵²⁴

Walaupun Setiausaha Agung DAP mendakwa ucapan beliau dikhususkan untuk penganut Kristian di Sarawak dan Sabah, Mujahid berpandangan beliau umpama baling batu sorok tangan kerana telah mengakibatkan PAS menerima tekanan yang hebat

⁵²³ <http://drmuzahid.com/blog/perbezaan-ketara-antara-pas-pkr-dan-umno-mendekati-isu>. Diakses pada 28 September 2015.

⁵²⁴ Opcit. Mujahid Yusuf Rawa, *Berdialog dengan Gereja: Sebuah Travelog Kedamaian*, hlm. 101.

dalam isu penggunaan kalimah ‘Allah’.⁵²⁵ Beliau turut mempertingkatkan kewajaran kenyataan sebegitu dikeluarkan oleh seorang Ketua Menteri dan bukannya Ketua Uskup Malaysia kerana ia sepatutnya dikeluarkan oleh seorang pemimpin agama dan bukan pemimpin politik. Perkembangan ini jelas membuktikan DAP bukanlah rakan politik yang baik dan ikhlas dalam pakatan pembangkang kerana dilihat tidak membantu merungkaikan masalah dan tidak bertanggungjawab dengan memberi tekanan kepada PAS.

Susulan daripada kenyataan Lim Guan Eng yang mendesak supaya orang bukan Islam boleh menggunakan kalimah ‘Allah’, Majlis Syura Ulamak berpandangan satu keputusan yang lebih tegas perlu dibuat. Justeru, mereka berpendapat pendirian PAS pada tahun 2010 yang bersikap terbuka dan diplomatik terhadap penggunaan kalimah ‘Allah’ oleh bukan Islam perlu dikaji semula. Timbalan Mursyidul Am, Dato’ Dr. Haron Din berpendirian perkataan *God* atau *Lord* tidak boleh diterjemahkan kepada Allah kerana mencemari lafaz *Jalalah* yang menolak sebarang bentuk persekutuan.⁵²⁶ Pada 13 Januari 2013, Majlis Syura Ulamak akhirnya telah mencapai keputusan bahawa perkataan *God* atau *Lord* tidak boleh diterjemahkan sebagai ‘Allah’. Presiden PAS akur dengan keputusan Majlis Syura tersebut dengan alasan ia boleh menyebabkan ketidakstabilan politik selain digunakan bagi tujuan yang batil. Hal ini dijelaskan oleh Dr. Marzuki dalam kenyataan beliau seperti berikut:

Oleh sebab itu apabila kita lihat isu ini, istilah yang Presiden PAS guna itu, benda itu betul tetapi pihak yang nak gunakan itu tujuannya batil. Jadi sebab itu kita tidak menyatakan mereka boleh guna. Kita sebut secara prinsip, Islam tidak menghalang, tetapi kalau disalahgunakan dan untuk tujuan-tujuan tertentu, fatwa menyatakan tidak boleh, jadi kita ikut fatwalah. Bila fatwa kata dia ada tujuan tertentu, boleh memudaratkan menyebabkan ketidakstabilan politik, Majlis Syura memutuskan tidak boleh.⁵²⁷

⁵²⁵ Mujahid turut menyatakan kesedihan terhadap beban yang terpaksa dipikul Presiden PAS untuk berhadapan dengan isu ini.

⁵²⁶ Mujahid Yusuf Rawa, *Berdialog dengan Gereja: Sebuah Travelog Kedamaian*, Shah Alam, Ilham Centre, hlm. 102.

⁵²⁷ Temubual pengkaji bersama Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, Dr. Zuhrul Marzuki, pada 18 Disember 2014.

Ternyata, keputusan Majlis Syura Ulamak bercanggah dengan pendirian PAS dan PR sebelum ini. Namun, PAS terpaksa mengambil keputusan tidak popular dalam konteks pakatan pembangkang demi mempertahankan kepentingan Islam dan mengekalkan sokongan orang Melayu/Islam di negara. Manakala bagi kumpulan profesional dalam PAS yang menyokong penggunaan kalimah 'Allah' oleh bukan Islam, keputusan tersebut dilihat sebagai cabaran dalam konteks kerjasama politik dan berharap ia tidak memecahkan sokongan bukan Islam kepada parti. Dr. Mujahid sendiri berharap usaha dialog dengan pihak gereja dapat diteruskan bagi memastikan hubungan antara agama di negara tidak terjejas dan boleh diperkukuhkan. Apa yang jelas, isu penggunaan kalimah 'Allah' oleh bukan Islam jelas menunjukkan bahawa PAS masih tidak bersedia menerima demokrasi sebagai budaya politik yang menekankan nilai universal, pluralisme dan toleransi. Walau bagaimanapun, PAS mempunyai alasan yang kukuh demi mempertahankan prinsip dan dasar perjuangannya.

Meneroka Perjuangan Merentasi Kaum

Selain kerjasama antara parti melalui BA dan PR, PAS turut memperlihatkan usahanya yang gigih untuk menjadikan parti lebih inklusif dan merentasi kaum melalui kerjasama intra parti dengan bukan Islam. Sebagai sebuah parti politik yang bergerak atas jalur politik, dakwah dan tarbiah, perjuangan merentasi kaum adalah penting dalam usaha melebarkan usaha dakwah kepada Islam dalam kalangan kumpulan bukan Islam. Selain itu, faktor krisis politik negara yang melanda pada tahun 1998 telah banyak mendorong PAS menarik sokongan bukan Islam dengan menonjolkan perjuangan menegakkan keadilan dan demokrasi.

Bagi mencapai tujuan ini, PAS cuba memahami keperluan untuk mengungkap ideologi politiknya dalam kaedah dan laras bahasa yang boleh difahami oleh seluruh rakyat khususnya dalam kalangan bukan Islam.⁵²⁸ Pada waktu itu, PAS berjaya mengisi lompong sokongan bukan Islam sehingga menubuhkan Urusetia Hal Ehwal Masyarakat Cina pada 1999 sebagai platform menjaga kepentingan bukan Islam. Kewujudan platform seperti Kelab Penyokong PAS (KPP) pada 2004 dan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) pada 2010 adalah kesinambungan yang dapat membantu usaha PAS menjayakan usaha dakwah selain mendapatkan sokongan politik daripada kumpulan bukan Islam.

Kewujudan bukan Islam dalam parti akan memberi ruang kepada PAS bekerjasama dengan mereka dalam usaha menerangkan dasar Islam kepada bukan Islam. Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw menyatakan:

Kebanyakan orang bukan Islam tidak mengenali PAS, yang menyebabkan mereka tidak mamahami dasar Islam dan PAS. Dengan ruang yang ada jika diberikan dalam PAS, kami mampu menjadi jentera penerangan kepada mereka yang bukan Islam mengenai dasar PAS. Ia juga memudahkan orang bukan Islam untuk mendapatkan maklumat mengenai PAS dan Islam dengan lebih jelas dan menyeluruh.⁵²⁹

Dalam perkembangan ini, PAS telah melancarkan kempen “PAS untuk Semua” sewaktu majlis penubuhan DHPP bagi tujuan memikat minat dan sokongan bukan Islam kepada parti. PAS sebenarnya telah memulakan kempen tersebut pada 2008 lagi yang bukan sahaja menjadi strategi parti untuk menarik sokongan bukan Islam tetapi menonjolkan citra PAS sebagai sebuah parti yang inklusif. Malah, PAS telah memilih “PAS untuk Semua” sebagai tema Muktamar Tahunan PAS ke-54 tahun 2008. Melalui ucapan

⁵²⁸ Dzulkifli Ahmad, 2009, “Memahami Tsunami Politik PRU12”, *Cabaran Politik Baharu Malaysia*, disunting oleh Harus Zalkapli, Kuala Lumpur, Media Icon Sdn. Bhd. hlm. 21-26.

⁵²⁹ “Merungkai Isu Keahlian Bukan Islam dalam PAS”, *Harakah* Bil. 1366, 15 – 17 Ogos 2008, hlm. F5.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, beliau menegaskan bahawa perjuangan PAS adalah bersifat universal dan untuk seluruh umat manusia serta membawa keadilan sejagat sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan PAS.⁵³⁰ PAS keyakinan yang tinggi bahawa perjuangannya adalah satu amanah untuk memakmurkan sekalian alam.

Dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013, PAS telah meletakkan calon daripada kalangan bukan Islam menggunakan lambang parti. Ia telah membuka senario baharu kepada PAS menjadi sebuah parti yang terbuka dan inklusif sekaligus memperbaiki persepsi selama ini bahawa parti itu ditubuhkan hanya untuk kepentingan orang Islam dan Melayu di negara. Secara jangka panjang, kerjasama PAS dengan kumpulan bukan Islam ini mempunyai matlamat akhir, iaitu parti tidak lagi bergantung kepada sokongan bukan Islam daripada DAP mahupun PKR pada masa akan datang.⁵³¹ Ini kerana PAS yakin melalui sokongan kumpulan bukan Islam dalam DHPP, PAS boleh menggembling kekuatan mereka untuk menggapai sokongan khususnya dalam pilihan raya.

Walau bagaimanapun, dalam usaha menjayakan kerjasama politik melalui KPP dan DHPP, PAS masih mengambil langkah berhati-hati terhadap kehadiran kumpulan bukan Islam dalam parti itu. Hal ini dapat dibuktikan apabila PAS masih meragui apakah kebersamaan mereka (bukan Islam) dalam parti atas kesedaran bahawa Islam boleh memayungi mereka atau semata-mata membantah dan memprotes kerajaan UMNO/BN.⁵³² Dalam kata lain, PAS tidak mahu kerjasama bukan Islam dengannya disebabkan faktor politik semata-mata, tetapi penerimaan kumpulan tersebut terhadap

⁵³⁰ Boleh rujuk Bab Ketiga, Fasal 6, Perkara 8,9 dan 10 Perlembagaan PAS. Usaha PAS ialah memperjuangkan negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam, memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini dan menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak asasi manusia serta menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia.

⁵³¹ Tembual pengkaji bersama Ahli Parlimen PAS Parit Buntar, Mujahid Yusof Rawa pada 24 Februari 2014.

⁵³² "Perjuangan PAS Untuk Semua", *Harakah* Bil. 1367, 18-21 Ogos 2008, hlm. N2.

Islam dan dasar perjuangan parti. Menurut Setiausaha Majlis Syura Ulama PAS, Dato' Dr. Nik Mohd Zawawi Nik Salleh, kebimbangan tersebut juga mempunyai asas tersendiri bagi menjaga kepentingan dan kedudukan ahli parti yang sedia. Pada masa yang sama, wujud perasaan curiga segelintir ahli PAS terhadap DHPP dengan alasan penyertaan bukan Islam dalam PAS akan mewujudkan masalah seperti musuh dalam selimut, mendedahkan mereka kepada ancaman pihak musuh seperti UMNO dan kefahaman tentang Islam dan perjuangan Islam yang masih longgar.⁵³³ Sehubungan dengan itu, ahli DHPP dicadangkan untuk melalui proses dakwah agar kafaahaman mereka tentang Islam dan perjuangan PAS lebih jelas dan mantap sebelum diterima sebagai ahli parti.

Perkembangan ini sebenarnya telah menimbulkan persoalan apakah parti itu benar-benar bersedia menjadi parti yang inklusif dan terbuka kepada semua agama dan kaum atau masih selesa dengan *status quo*, yang hanya tertumpu kepada soal kepentingan Islam dan Melayu sahaja. Apa yang jelas, kebimbangan PAS terhadap kumpulan Islam seperti yang disentuh tadi telah memberikan implikasi kepada kerjasama PAS dalam KPP dan DHPP. Ia boleh dilihat melalui empat isu utama, iaitu kedudukan bukan Islam dalam PAS, peranan DHPP dalam PAS, penerimaan ahli PAS terhadap masyarakat bukan Islam dan masalah dalaman DHPP.

Isu pertama, iaitu kedudukan bukan Islam dalam PAS merujuk kepada keahlian mereka dalam parti. Isu keahlian bukan Islam adalah isu utama yang seringkali ditimbulkan sejak PAS bekerjasama dengan bukan Islam. Dalam hal ini, PAS pernah mengumumkan untuk mengkaji kedudukan bukan Islam dalam Muktamar Tahunan

⁵³³ Dominik M. Müller Islam. 2014. *Politics and Youth in Malaysia: The Pop-Islamist Reinvention of PAS*, New York, Routledge, hlm. 61.

PAS ke-54, 2008 tetapi belum ada satu kata putus mengenainya.⁵³⁴ Antara faktor utama yang menghalang ialah perundangan, iaitu Perlembagaan PAS. Perlembagaan PAS yang mensyaratkan ahli PAS mesti beragama Islam telah menghalang bukan Islam untuk diserap sebagai ahli penuh parti. Justeru, untuk menerima penyokong bukan Islam sebagai ahli parti, PAS perlu meminda perlembagaannya terlebih dahulu. Halangan perundangan seperti ini juga digunakan sewaktu PAS mahu menaiktaraf KPP kepada DHPP pada 2010. Ketika itu, PAS tidak dapat menyerap masuk penyokong bukan Islam sebagai ahli parti kerana faktor perundangan, sebaliknya sekadar mewujudkan sebuah lagi platform yang lebih besar, iaitu DHPP.

Kedudukan bukan Islam sebagai ahli penuh bukan sahaja bertentangan dengan Perlembagaan PAS, tetapi turut dikritik oleh ahli PAS kerana ia akan menjadikan mereka ada tidak mempunyai perbezaan dengan ahli bukan Islam. Mantan calon PAS Lendu, Datuk Amir Yaakub antara yang paling lantang dan pernah mengumumkan untuk keluar daripada PAS jika parti itu menerima bukan Islam sebagai ahli parti.⁵³⁵ Walau bagaimanapun, beliau bersetuju jika cadangan keahlian penuh bukan Islam tetapi menghadkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden kepada ahli yang beragama orang Islam sahaja. Bagi menyelesaikan isu keahlian bukan Islam, terdapat pandangan alternatif yang mencadangkan agar penyokong bukan Islam dilantik sebagai ahli bersekutu sebagai permulaan kerana ia lebih baik daripada tidak mempunyai keahlian berdaftar dalam PAS.

Menurut Mujahid, penyokong bukan Islam boleh dilantik sebagai ahli bersekutu untuk permulaan dan PAS akan melihat perkembangannya.⁵³⁶ Akan tetapi, cadangan tersebut (ahli bersekutu) akan hanya melihat penyokong bukan Islam sebagai ahli kelas kedua

⁵³⁴ "Dilema Ahli Bukan Islam". *Siasah*. Bil. 0106, 13-19 Julai 2008, hlm. 48.

⁵³⁵ "Saya Akan Keluar PAS-Datuk Amir". *Siasah*. Bil. 0106, 13-19 Julai 2008, hlm. 2.

⁵³⁶ Muktamar PAS Bakal Bincang Usul Keahlian Bukan Islam, *Siasah* Bil. 0106, 13-19 Julai 2008, hlm. 2. Mujahid juga mencadangkan agar bukan Islam diletakkan dalam satu dewan yang setaraf dengan dewan-dewan yang sedia ada dalam PAS.

dalam parti dan ini adalah satu penghinaan kepada mereka. Mengulas akan hal ini, Mustafa Ali berkata, ”*Jika kita menerima orang bukan Islam sebagai ahli bersekutu sahaja, ini bermakna kita meletakkan mereka sebagai ahli kelas kedua. Jika begitu, lebih baik tidak payah.*”⁵³⁷ Dengan nada yang hampir sama, mantan Menteri Besar Kedah, Allahyarham Dato’ Seri Azizan Abdul Razak berpendapat isu ahli bersekutu tidak perlu diperbincangkan atau diutamakan, sebaliknya PAS hendaklah memaksimakan sokongan umat Islam terhadap PAS.⁵³⁸

Polemik di atas jelas menunjukkan bahawa PAS masih belum dapat menyelesaikan isu keahlian bukan Islam dengan lebih tegas. Ia dilihat mempunyai kaitan dengan kebimbangan PAS terhadap kumpulan bukan Islam seperti yang dijelaskan sebelum ini. Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw, mengakui bahawa PAS masih belum bersedia menerima bukan Islam sebagai ahli mereka. Jelas beliau, PAS mungkin boleh menerima bukan Islam sebagai ahli dalam tempoh 20 tahun daripada sekarang.⁵³⁹ Apa yang lebih penting bagi PAS adalah menyediakan ruang yang lebih besar untuk DHPP bergerak dan memberi sumbangan. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat isu keahlian bukan Islam dalam PAS tidak sewajarnya dibimbangkan kerana mereka tidak akan mencampuri soal dasar perjuangan parti, malah sudah memahami dan menerima dasar PAS secara menyeluruh.⁵⁴⁰ Penyertaan bukan Islam dalam KPP dan DHPP menunjukkan mereka menerima Islam sebagai dasar perjuangan PAS, jika tidak, mereka enggan bersama-sama dalam KPP dan DHPP serta boleh sahaja menyertai parti lain seperti MCA dan Keadilan.

Isu kedua, iaitu peranan DHPP dalam PAS adalah perkara yang sering menjadi hambatan kepada kumpulan ini untuk meletakkan tahap kerjasama politik mereka pada

⁵³⁷ Peringatan Mesyuarat, Jawatankuasa Kerja PAS Pusat kali Ketujuh (1998-1999), 13 Disember 1998.

⁵³⁸ Ibid.

⁵³⁹ Temubual pengkaji dengan Pengerusi Dewan Hubungan Penyokong PAS (DHPP), Hu Pang Chaw pada 17 Mac 2014.

⁵⁴⁰ “Merungkai Isu Keahlian Bukan Islam dalam PAS”, *Harakah* Bil. 1366, 15 – 17 Ogos 2008, hlm. F5.

tahap yang optima dengan memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada perjuangan PAS. Hal ini kerana kumpulan bukan Islam dalam PAS tidak mahu hanya digunakan untuk mendapatkan sokongan dalam pilihan raya tetapi terlibat secara aktif dalam merancang masa depan PAS yang lebih baik. Pengerusi DHPP, Hu Pang Chow mengakui bukan Islam dalam PAS atau ahli DHPP tidak diberikan peranan secara berkesan dalam menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan parti. Jelas beliau, hal ini kerana DHPP bergerak secara bersendirian dan tidak mempunyai saluran yang boleh menyampaikan suara dan cadangan mereka. Malah, menurut beliau lagi, pemimpin PAS seperti tidak berminat untuk mendengar suara dan pandangan ahli DHPP. Hu Pang Chow menyatakan:

DHPP hidup dalam dunia dia sendiri... kita ada cadangan dan keluhan tiada satu saluran untuk bersuara dalam parti, kalau saya ada masalah, pada siapa yang perlu saya suarakan, bertolak-tolak antara Mujahid, Salahuddin (Ayub) dan Mustafa Ali.⁵⁴¹

Satu bukti yang menunjukkan PAS tidak berminat untuk melibatkan bukan Islam dalam perancangan parti ialah DHPP tidak dijemput dalam mesyuarat PAS Pusat sejak ia ditubuhkan. Menurut Hu Pang Chow, “*sejak 2010, bila nak buat mesyuarat, jemputlah DHPP bolehlah kita bersuara, bagi cadangan dan pandangan, kalau ada masalah, kita boleh sampaikan. Sampai hari ini, tidak ada*”.⁵⁴² Tambah beliau lagi, walaupun DHPP adalah sayap kepada parti selain Dewan Ulamak, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat, ia hanya ada pada nama sahaja.

Di peringkat PAS Pusat, ada empat sayap, Dewan Pemuda, Ulamak, Muslimah dan DHPP. Kenapa tidak sayap ini (DHPP) dijemput mesyuarat, kenapa Ketua DHPP tidak dijemput. Dr. Hatta Ramli sahaja yang jemput untuk Lajnah Pilihan raya. Maknanya, kita hanya nama sahaja sayap PAS. Tapi tidak pernah dilibatkan dalam program PAS Pusat sama ada di peringkat negeri, pusat mahupun kawasan.⁵⁴³

⁵⁴¹ Temubual pengkaji dengan Pengerusi DHPP, Hu Pang Chow pada 17 Mac 2014.

⁵⁴² Ibid.

⁵⁴³ Opcit.

Selain itu, beliau turut mengakui terpaksa berhubung sendiri dan memaklumkan tentang keperluan DHPP untuk menghadiri ke mesyuarat kepada pimpinan tertinggi PAS termasuk Timbalan Presiden, Mohamad Sabu.⁵⁴⁴ Jemputan ke mesyuarat untuk DHPP dibuat hanya selepas menghubungi pimpinan PAS dan menunggu jawapan beberapa hari. Hu Pang Chow menjelaskan tindakan ini membuktikan bahawa PAS sebenarnya enggan DHPP ikut serta dalam mesyuarat parti sekaligus tidak bersedia mendengar pandangan mereka. Malah beliau turut mendakwa, DHPP hanya diperkudakan untuk mendapat sokongan masyarakat bukan Islam.⁵⁴⁵

Sehubungan dengan itu, bagi memperkukuhkan peranan bukan Islam dalam PAS, DHPP perlu diberikan tempat yang lebih luas untuk berbincang dan merancang demi pembangunan PAS. Tegas Hu Pang Chow, “*Jadi PAS apa yang patut buat sekarang ni, bagilah satu tempat yang lebih luas untuk DHPP bersama PAS, bincang bersama, merancang bersama, (tetapi) tiada sekarang*”. Dalam hal ini, beliau telah mencadangkan beberapa perkara berkaitan peranan DHPP untuk membantu perjuangan PAS. Pertama, PAS perlu menjemput DHPP dalam mesyuarat kerana mereka berpeluang untuk memberi pandangan dan kritikan kepada kepimpinan parti. Bagi DHPP, kritikan kepada kepimpinan parti amat penting kerana sokongan membabi-butakan tidak baik untuk PAS. Tegas Hu Pang Chow, “*Jika kepimpinan betul saya sokong, saya tidak anggap mereka Tuhan... no way... kita sebagai pengikut dan penyokong kalau pemimpin buat betul kena sokong, kalau salah kena tegur, jangan sokong membabi buta.*”⁵⁴⁶

Kedua, PAS dicadangkan agar mewujudkan *think tank* atau badan pemikir di kalangan pelbagai kaum dan bukan hanya melibatkan Melayu/Islam sahaja. Badan pemikir ini

⁵⁴⁴ Ibid., Apa yang menarik menurut Hu Pang Chow, alasan yang dikemukakan oleh PAS adalah lupa dan tidak tahu akan keperluan DHPP dijemput ke mesyuarat.

⁵⁴⁵ Opcit.

⁵⁴⁶ Ibid.

amat penting dan berperanan sebagai wahana mendapatkan pelbagai pandangan dan idea yang terbaik berasaskan pengalaman dan perspektif yang berbeza. Hu Pang Chow menyatakan:

Saya cadangkan tubuh *think thank*, ini bukan kalangan Melayu sahaja, kalau satu kaum sahaja tak jadi, ambil pelbagai kaum...sebab latar belakang dan tamadun kita berbeza...pengalaman kita berbeza.., dalam isu yang sama, kita lihat dari perspektif yang berbeza dan kita dapat idea yang terbaik.⁵⁴⁷

Ketiga, DHPP juga mencadangkan agar PAS mempelbagaikan sumber kewangan bagi memastikan tahap kewangan parti sentiasa meningkat dan konsisten. Dalam hal ini, PAS tidak boleh lagi bergantung kepada penjualan akhbar rasmi parti, iaitu *Harakah* sebagai satu-satunya sumber kewangan parti. Justeru, PAS perlu mengambil contoh parti politik yang lain yang lebih berpengalaman dan bijak dalam memperkukuhkan sumber kewangan seperti MCA dan Gerakan. Beliau mencadangkan agar PAS membuat pelaburan dalam sektor pertanian seperti membuka ladang kelapa sawit. Tambah Hu Pang Chow, pelaburan yang diusahakan oleh PAS ini mesti diketuai oleh seorang individu yang tidak memegang jawatan dalam parti bagi mengelakkan sebarang kepentingan konflik.⁵⁴⁸

Keempat, dalam usaha menyebarkan propaganda PAS khususnya kepada seteru politiknya, iaitu UMNO, DHPP mencadangkan agar lebih daripada penjualan *Harakah* dapat diedarkan di kubu kuat UMNO. Ini akan dapat memastikan lidah rasmi PAS dapat menembusi ke kawasan UMNO. Hu Pang Chow menyatakan:

Saya cadang juga *Harakah return...* yang lebih dia tak kutip balik. Kalau akhbar Cina dia kutip, kalau u jual 80 naskhah, yang 20 tu kena pulangkan balik. Tapi *Harakah* tak de, bergantung pembeli... kalau jual 80, yang 20 tu tinggal je...patutnya *Harakah* yang lama ni edar pada kubu kuat UMNO... peringkat

⁵⁴⁷ Opcit.

⁵⁴⁸ Ibid.

awal dia buang, akhirnya sekali dia tengok satu muka, selepas itu tengok semua... Harakah *now* buang sahaja...⁵⁴⁹

Berasaskan kepada empat cadangan seperti yang dihuraikan di atas, jelas menunjukkan bahawa DHPP bersedia dan meletakkan hasrat yang tinggi untuk berperanan secara lebih berkesan dalam PAS dan tidak mahu diperkudakan untuk mendapat sokongan bukan Islam semata-mata. Peranan kecil yang dijayakan oleh DHPP, iaitu hanya ditugaskan untuk mendapat sokongan politik membuktikan bahawa PAS masih belum bersikap terbuka kepada penyertaan bukan Islam.

Selain isu kedudukan bukan Islam dan peranan DHPP dalam PAS, penerimaan ahli PAS terhadap DHPP juga menunjukkan bahawa kesediaan PAS belum kukuh dalam kerjasamanya dengan bukan Islam terutama di peringkat akar umbi. Walaupun DHPP adalah salah satu daripada sayap parti selain Dewan Ulamak, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat, kewujudan DHPP umpama 'hidup segan, mati tak mahu' apabila penerimaan ahli PAS terhadap DHPP masih pada tahap yang rendah sehingga PAS didakwa masih mengamalkan perkauman. Hal ini boleh dibuktikan dalam kes ahli DHPP yang menjadi calon Pilihan Raya Umum. Terdapat ahli PAS tidak dapat menerima keputusan parti meletakkan calon bukan Islam/Melayu yang terdiri daripada ahli DHPP dan ini mendorong mereka mempertikaikan dan tidak menyokong pencalonan mereka bertanding dalam pilihan raya.⁵⁵⁰

Hu Pang Chaw yang bertanding di kawasan Parlimen Ayer Hitam dalam Pilihan Raya Umum 2013 mendedahkan pengalaman peribadi bagaimana ahli dan pimpinan PAS kawasan mempertikaikan pencalonannya.⁵⁵¹ Beliau mendakwa bagaimana kepimpinan

⁵⁴⁹ Ibid.

⁵⁵⁰ Temubual pengkaji dengan Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw pada 17 Mac 2014.

⁵⁵¹ Hu Pang Chaw menentang calon BN, Wee Ka Siong di kawasan Parlimen Ayer Hitam. Beliau kalah dengan majoriti sebanyak 7,310 undi.

PAS kawasan tidak mengalu-alukan pencalonan beliau dan mempersoalkan arahan parti kepadanya untuk bertanding dalam pilihan raya. Malah, beliau diingatkan agar meminta kebenaran PAS kawasan terlebih dahulu sebelum boleh memasuki kawasan yang ditandinginya (parlimen Ayer Hitam). Hu Pang Chaw mendedahkan:

Saya tunggu di *Resthouse* sampai 10 hari, apa terjadi? Penamaan calon saya jumpa dengan calon PAS DUN Semarang, saya bual dengan dia, dia tak friendly, anti saya... tanya haji, bila nak buat mesyuarat, renung lama, malam ni... pukul berapa, Sembilan.... Malam tu saya pergi, Mohd Nasir dan *Chinese Muslim*, mesyuarat dalam kabin kargo, Ketua Penerangan kata awak sebenarnya tidak boleh masuk kawasan ni, kalau nak masuk awak kena tunggu arahan kita. Atau pun kebenaran kita, kalau kata boleh masuk baru boleh masuk. Tanya, siapa suruh awak bertanding sini? Marah dan nada yang marah.⁵⁵²

Dalam hal ini, beliau mempertahankan pencalonannya untuk bertanding kerana ia adalah arahan daripada PAS Pusat. Beliau turut memohon kerjasama untuk menyokong pencalonannya kerana ia penting kepada PAS untuk bertapak dan membuka jalan kepada usaha parti memenangi lebih banyak kawasan di Johor. Jelas beliau, “*Saya ini bertanding atas arahan PAS Pusat. Saya diminta bertanding atas tiket PAS. Dan kalau saya menang di sini, kita boleh bertapak di sini dan saya bukan selamanya bertapak di sini, nanti orang lain boleh ambil alih. Kalau menang, mudah la kerja dia. Saya harap kita boleh bekerjasama*”.⁵⁵³

Sikap acuh tidak acuh PAS terhadap pencalonan Hu Pang Chaw telah mengakibatkan kempen pilihan raya tidak berjalan dengan lancar dan menepati sasaran pengundi. Jelas beliau lagi, “*Yang bawa saya pasar pagi. Bandar Ayer Hitam, pasar pagi tu campur orang luar. Simpang Renggam datang. Bukan tumpuan orang tempatan pasar pagi tu. Tidak guna*”.⁵⁵⁴ Bukan itu sahaja, kempen pilihan raya telah diboikot oleh pimpinan

⁵⁵² Ibid.

⁵⁵³ Ibid.

⁵⁵⁴ Ibid.

PAS kawasan apabila ceramah yang melibatkan Timbalan Presiden, Mohamad Sabu hanya dihadiri oleh kurang 30 orang penonton. Dalam hal ini, Hu Pang Chaw mendakwa pemimpin PAS kawasan yang memboikot kempen pilihan raya menggunakan alasan bahawa beliau adalah berketurunan Cina. Jelas beliau, “*Yang boikot, Ketua Penerangan, Pemuda, calon PAS Semarang, dengan bakal calon parlimen, Haji Bakar*”. Mereka sebut awak Cina, so whats wrong?⁵⁵⁵”

Selain isu pencalonan DHPP dan kempen pilihan raya yang tidak mendapat kerjasama sebaiknya oleh PAS, Hu Pang Chaw juga mendedahkan bagaimana usaha menubuhkan DHPP di peringkat kawasan digagalkan dengan tidak memproses borang permohonan keahlian DHPP. Hu Pang Chaw mengkritik tindakan tersebut kerana PAS memerlukan sokongan bukan Islam. Beliau mendedahkan :

Lepas pilihan raya PRU 2013, ada majlis penyerahan borang permohonan menubuhkan DHPP diserahkan pada SU PAS Sikijang. Nak buat Rumah Terbuka Tahun Baru Cina, jemput PAS, tapi diboikot oleh PAS Sikijang. PAS tidak iktiraf majlis itu. Kita sokong PAS, tapi mereka boikot kita. Apa salahnya sampai nak protes dan batalkan program. Penyokong Cina PAS di Sikijang mereka janji akan dapatkan 1,200 ahli, tapi sampai hari ini, SU PA Sikijang yang pegang borang tak mahu bagi dan serah. Dia kata hilang borang tu. Dia anti *Chinese* dan dia tak mahu Cina masuk PAS. Kenapa kita nak mereka (Cina). Awak nak sokongan masyarakat Cina tapi bila nak buat DHPP awak sekat. Ini berlaku di Ayer Hitam pula.⁵⁵⁶

Perkembangan ini secara jelas membuktikan bahawa meskipun DHPP adalah salah satu sayap parti dan penubuhannya disempurnakan oleh Presiden PAS sendiri, ia tidak diterima secara baik oleh semua ahli dan pimpinan PAS di akar umbi. Walaupun cuba menonjolkan citra PAS sebagai sebuah parti yang inklusif melalui kempen “PAS Untuk Semua”, ternyata parti itu masih dihimpit oleh sentimen perkauman. Ahli DHPP tidak diterima secara baik oleh ahli dan pimpinan PAS di akar umbi hanya kerana mereka merupakan bukan Islam dan berketurunan Melayu. Menurut Hu Pang Chaw, sentimen

⁵⁵⁵ Ibid.

⁵⁵⁶ Ibid.

perkauman ini disifatkan sebagai *silence extremist* kerana ia tidak dizahirkan secara jelas melalui kata-kata tetapi dapat dilihat melalui tindakan ahli dan pimpinan PAS itu sendiri.

Polemik perkauman dalam PAS bukan sahaja boleh dilihat melalui isu kedudukan bukan Islam, peranan DHPP dan penerimaan ahli PAS tetapi turut berlaku dalam konteks dalaman DHPP. Walaupun DHPP ditubuhkan sebagai platform kepada semua bukan Islam dalam PAS tanpa mengira latar belakang etnik, masalah perkauman wujud apabila kepentingan kaum masing-masing ditonjolkan. Hal ini diakui oleh Pengerusi DHPP, Hu Pang Chaw apabila ada usaha untuk memecahkan organisasi DHPP mengikut kaum. Hal ini boleh dibuktikan melalui kenyataan beliau seperti berikut:

Kita ada masalah dalaman DHPP ini. Saya jadi Ketua, timbalan saya Balasubramanian, sebelum ni MIC. Subra nak dia jadi Ketua India, saya jadi Ketua Cina, saya kata jangan main-main...ini perkauman. Masa KPP pun Subra ini perkauman, selalu cakap *We Indian, we Indian*, KPP bukan untuk orang India, tapi untuk semua kaum. Berapa kelab you nak tubuh kalau ikut kaum. Berapa DHPP dia nak tubuh⁵⁵⁷.

Selain itu, beliau turut mendedahkan masalah perkauman semakin membimbangkan apabila ada usaha untuk meletakkan kaum tertentu pada jawatan penting dalam DHPP. Dalam hal ini, Hu Pang Chaw mendakwa, Timbalan Pengerusi DHPP, Balasubramaniam A/L Nariappan merancang agar kaum India menguasai DHPP. Beliau menjelaskan hal ini, iaitu “*Subra hendak lantik anak dia sebagai Ketua Pemuda, Kumuta Ketua Wanita, nak wujudkan kaum India menguasai DHPP. (Maka) Wujudnya masalah perkauman dalam DHPP.*”⁵⁵⁸ Usaha ini menurutnya bertentangan dengan semangat penubuhan DHPP dan kempen “PAS Untuk Semua” yang mahu menonjolkan perjuangan dan imej parti yang universal tanpa mengira kepentingan kaum dan agama.

⁵⁵⁷ Ibid.

⁵⁵⁸ Ibid.

Walau bagaimanapun dalam hal ini, Balasubramaniam menegaskan bahawa kaum India berhak memimpin DHPP termasuk memegang jawatan pengerusi kerana majoriti ahli DHPP dikuasai oleh mereka.⁵⁵⁹ Pada masa yang sama, Balasubramaniam turut mengkritik Hu Pang Chaw yang tidak mampu menarik penyertaan kaum Cina yang ramai sebagai ahli DHPP. Hal ini kerana Hu Pang Chaw didakwa bergerak secara bersendirian dan tidak mempunyai ramai pengikut dalam DHPP. Malah, kedudukan Hu Pang Chaw dalam KPP dan DHPP hanyalah disebabkan beliau telah lama aktif dalam PAS di Kelantan selain mempunyai hubungan yang akrab dengan pimpinan tertinggi PAS. Walau bagaimanapun, Balasubramaniam tidak menafikan sememangnya terdapat kaum Cina yang menyokong DHPP dan mengundi PAS dalam pilihan raya. Akan tetapi, mereka tidak menjadi ahli dalam DHPP, sebaliknya lebih cenderung atau berminat menjadi ahli dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkepentingan kaum Cina.

Polemik seperti yang dibincangkan ini membuktikan bahawa kemelut perkauman sememangnya wujud dalam KPP dan DHPP. Ia juga telah mendorong Hu Pang Chaw untuk membuat keputusan mengundurkan diri daripada terus memimpin DHPP. Dalam hal ini, beliau telah membayangkan mahu melepaskan jawatan nombor satu daripada sayap PAS itu menjelang tahun 2016 kerana kecewa dengan masalah yang berlaku seperti yang dijelaskan sebelum ini.⁵⁶⁰ Keputusan ini dibuat bagi membolehkan beliau memberi fokus kepada bidang perniagaan yang mahu diceburinya selepas tidak lagi aktif dalam DHPP.

⁵⁵⁹ Temubual pengkaji dengan Pengerusi DHPP, Balasubramaniam A/L Nariappan pada 24 Ogos 2016.

⁵⁶⁰ Keputusan ini dibuat selepas banyak bersabar. Hu Pang Chaw memberitahu pengkaji bahawa beliau boleh meluahkan rasa tidak puas hati secara terbuka kepada media mengenai masalah DHPP dan dasar berat sebelah PAS sebelum ini, namun mengambil sikap berdiam diri demi menjaga nama baik parti itu.

Kesimpulan

Perbincangan dalam bab ini menunjukkan bahawa PAS berhadapan dengan pergolakan dan kemelut untuk memperjuangkan demokrasi menjangkau pilihan raya dalam menjayakan kerjasama politik melalui BA dan PR. Dalam hal ini, PAS perlu menerima demokrasi sebagai satu budaya politik dan bukan lagi pilihan raya untuk manfaat jangka pendek. Komitmen baharu PAS terhadap demokrasi ini memberi cabaran besar kerana parti itu perlu berhadapan dengan isu demokrasi pluralisme dan kepelbagaian agama. PAS perlu mengutamakan toleransi yang menjadi kunci dalam menangani demokrasi menjangkau pilihan raya. Tidak dinafikan, PAS telah berusaha memperbaiki komitmennya terhadap demokrasi dengan tidak menjadikan ia sebagai cara untuk mendapatkan kuasa semata-mata, namun parti itu masih berhadapan dengan cabaran menjayakan demokrasi sebagai matlamat jangka panjang.

Kebebasan individu yang mutlak dan tuntutan hak asasi manusia yang bercanggah dengan syariah telah menguji komitmen PAS terhadap demokrasi. Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, kita dapat melihat PAS terpaksa memahami realiti dan ia memberi kesan kepada pendekatan parti selama ini yang lantang melawan kemungkaran. Dalam isu tuntutan hak asasi manusia COMANGO misalnya, PAS tidak kehadapan dalam menentang tuntutan tersebut walaupun ia secara jelas bercanggah dengan Islam. Ini disebabkan PAS perlu bertoleransi dengan tuntutan liberal tersebut selain menjaga hubungannya dengan DAP dan PKR. Selain itu, isu penggunaan kalimah 'Allah' oleh bukan Islam dilihat kemuncak kepada kegagalan PAS untuk bersikap tegas mempertahankan kepentingan Islam. PAS didakwa lemah dan terlalu bertolak ansur dalam hal yang boleh mengganggu-gugat kepentingan Islam. Cabaran ini memberi implikasi yang besar kepada PAS dan mempengaruhi kerjasamanya.

Implikasi kepada kerjasama politik PAS turut menyentuh soal usaha PAS meneroka perjuangan merentasi kaum. Tidak dinafikan, PAS telah menempa banyak kejayaan dalam kerjasamanya dengan bukan Islam. Ini boleh dilihat dengan sokongan bukan Islam kepada PAS sehingga wujudnya KPP dan DHPP. Selain itu, PAS turut mengiktiraf bukan Islam dengan meletakkan mereka calon dalam pilihan raya umum. Walau bagaimanapun, hasrat kerjasama politik PAS dalam konteks bukan Islam untuk menjadi sebuah parti yang inklusif dan merentasi kaum belum berjaya sepenuhnya. Hal ini kerana PAS dibelenggu dengan isu seperti kedudukan bukan Islam dalam PAS, peranan DHPP dalam PAS, penerimaan ahli PAS terhadap bukan Islam dan masalah dalaman DHPP. Kerjasama PAS dengan bukan Islam amat penting bagi membuktikan parti itu tidak terhad untuk orang Islam dan Melayu. Ia juga signifikan dan selari dengan konsep *Tahaluf Siyasi* PAS untuk menjayakan usaha dakwah kepada bukan Islam. Dari sudut politik pula, kerjasama PAS melalui KPP dan DHPP dapat memastikan PAS tidak perlu lagi bergantung kepada DAP dan PKR untuk mendapatkan sokongan bukan Islam.

Namun berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, harus diakui bahawa PAS masih belum bersedia dalam mengangkat kerjasama politiknya dengan bukan Islam pada tahap yang optima. Selain itu, PAS masih belum mampu menangani demokrasi menjangkaui pilihan raya atas faktor ia perlu akur dengan pendekatan kerjasamanya yang berdasarkan konsep *Tahaluf Siyasi*. Semua perkembangan ini juga secara jelas menunjukkan bahawa kerjasama politik PAS masih lagi bersifat gabungan untuk keselesaan atau '*coalition of convenience*' dan bersifat jangka pendek atau '*short-lived*' seperti kerjasama politik terdahulu. Dalam kata lain, kerjasama politik PAS belum dapat beranjak kepada '*coalition of commitment*' yang memperlihatkan komitmen tinggi parti untuk mengekal persefahaman dalam jangka panjang.

BAB 7 : KESIMPULAN

Kerjasama politik adalah ciri penting dalam politik Malaysia. Faktor masyarakat majmuk yang berbilang kaum memerlukan parti politik mendapatkan sokongan semua pihak. Sejarah menunjukkan bahawa tidak ada parti politik yang boleh bergerak secara bersendirian untuk memenangi pilihan raya dan menubuhkan kerajaan. Justeru, setiap parti perlu bekerjasama dengan parti yang lain membentuk pakatan pilihan raya sekurang-kurangnya untuk mendapatkan kuasa pemerintahan. UMNO merupakan parti politik yang memulakan kerjasama politik di negara melalui Perikatan dengan bekerjasama dengan MCA dan MIC. Kerjasama politik ini diperluaskan dengan penyertaan jumlah parti politik yang lebih besar melalui Barisan Nasional (BN) yang dibentuk pada 1974. Hasil kerjasama politik ini, Perikatan dan BN telah berjaya memenangi setiap kali pilihan raya umum sejak 1955 hingga 2013.

Analisis mendapati PAS mempunyai kesedaran bahawa kerjasama politik adalah penting kerana percaya mereka tidak boleh selama-lamanya menjadi pembangkang. Hal ini dapat dibuktikan melalui sejarah dan pengalaman parti itu dalam menjayakan kerjasama politik di negara. Kerjasama politik PAS ini telah melibatkan sama ada dengan parti pemerintah, parti pembangkang mahupun kumpulan bukan Islam. PAS telah bekerjasama dengan Parti Negara dalam Pilihan Raya Umum 1959, bersama UMNO dalam kerajaan campuran dan Barisan Nasional (BN), kumpulan bukan Islam melalui *Chinese Consultative Council* (CCC) dan pakatan pembangkang melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Walau bagaimanapun kesemua kerjasama politik ini tidak bertahan lama kerana beberapa faktor seperti bersifat jangka pendek untuk

memenangi pilihan raya semata-mata, kedudukan PAS sebagai pengikut bukan pemimpin dan tidak mempunyai persefahaman yang jelas dan tolak ansur.

Kegagalan dalam kerjasama politik terdahulu tidak menghalang PAS untuk terus mengadakan persefahaman dan permuafakatan. Dalam tempoh kajian, iaitu antara 1999 hingga 2015, kajian mendapati bahawa PAS telah menjayakan kerjasama politik sama ada di peringkat inter parti (antara parti) mahupun intra parti. Kerjasama politik dalam konteks inter parti dibentuk melalui pakatan pembangkang seperti Gerakan Keadilan Rakyat (GERAK), Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR) manakala di peringkat intra parti melalui Kelab Penyokong PAS (KPP) dan Dewan Perhimpunan Penyokong PAS (DHPP). Perkembangan ini jelas membuktikan bahawa kerjasama politik sentiasa menjadi pilihan kepada PAS bukan sahaja untuk memenangi pilihan raya dan menubuhkan kerajaan tetapi menyampaikan dakwah Islam dan dasar perjuangan parti.

Kerjasama politik PAS dalam tempoh kajian memperlihatkan peralihan daripada pakatan pilihan raya semata-mata kepada pakatan isu dan kepentingan bersama. Dalam hal ini, PAS telah meneroka bentuk kerjasama politik menjangkau pilihan raya, iaitu dalam bentuk isu dan kepentingan bersama seperti demokrasi, kebebasan, keadilan dan pemerintahan yang baik. Kerjasama politik menjangkau pilihan raya ini bertujuan menjamin permuafakatan yang lebih kukuh dan bersifat jangka panjang dalam pakatan pembangkang. Kerjasama politik dalam bentuk isu dan kepentingan bersama ini juga telah menyaksikan beberapa perkembangan signifikan, iaitu pertama; pembentukan asas kerjasama politik melalui Dasar Bersama, kedua; memperjuangkan demokrasi menjangkau pilihan raya dan ketiga; meneroka perjuangan merentasi kaum.

Perkembangan ini telah menyerlah citra PAS sebagai sebuah parti politik yang toleran, demokratik dan inklusif.

Asas pembentukan kerjasama politik PAS dalam tempoh kajian menjadikan Dasar Bersama sebagai dokumen asas kepada pakatan pembangkang. Setiap parti politik termasuk PAS perlu memberi keutamaan kepada Dasar Bersama berbanding dasar asal perjuangan parti. Penekanan kepada Dasar Bersama ini bertujuan mendapatkan sokongan rakyat seterusnya memperoleh kemenangan politik dalam pilihan raya. Kemenangan politik itu pula akan digunakan untuk melakukan reformasi dan perubahan seperti yang terkandung dalam Dasar Bersama. Kedua, kerjasama politik ini juga memperjuangkan demokrasi menjangkau pilihan raya, iaitu demokrasi sebagai budaya politik yang menekankan soal universal, pluralisme dan toleransi. Demokrasi bentuk ini juga meletakkan ketuanan rakyat sebagai teras dalam demokrasi yang diperjuangkan. Dalam kata lain, suara rakyat menjadi keutamaan dan diambil kira dalam setiap aspek yang diperjuangkan oleh pakatan pembangkang. Ketiga, kerjasama politik ini juga meneroka perjuangan merentasi kaum. Pendekatan ini yang dapat dilihat melalui kerjasama PAS dengan bukan Islam dan gagasan “PAS Untuk Semua” bagi menjadikan PAS sebuah parti yang inklusif.

Kajian ini secara keseluruhannya dapat berhasil melakarkan beberapa pemahaman penting tentang kerjasama politik PAS dari tahun 1998 hingga 2015. Pada masa yang sama, semua persoalan kajian ini telah dapat dijawab dengan tuntas. Sebagai sebuah parti politik yang bergerak atas jalur politik, dakwah dan tarbiah serta mempunyai dasar dan perjuangan Islam yang jelas sepertimana yang termaktub dalam perlembagaan, PAS mempunyai pendekatan tersendiri dalam menjayakan kerjasama politik. Pendekatan ini terangkum dalam konsep *Tahaluf Siyasi* yang memberi panduan kepada PAS untuk

menjayakan kerjasama politik selari dengan dasar perjuangan parti. Konsep *Tahaluf Siyasi* ini juga memastikan kerjasama politik PAS bermatlamatkan kemenangan Islam dan bukan kemenangan politik semata-mata.

Kerjasama politik PAS perlu terikat dengan enam garis panduan yang telah ditetapkan, iaitu *Tahaluf* mestilah dijadikan wasilah untuk menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam, *Tahaluf* mestilah dipastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan, *Intima* hendaklah diberikan kepada kepimpinan PAS, bukan kepada pakatan *Tahaluf*, *Tahaluf* hendaklah dijadikan ruang dan medan untuk menyampaikan dakwah, matlamat kemenangan Islam tidak boleh menghalalkan *Tahaluf* secara mutlak dan Majlis Syura Ulama mempunyai kuasa membuat keputusan mengenai kesinambungan *Tahaluf Siyasi* berdasarkan kepada *masalah* dan *mafsadah syar'iyah* dari semasa ke semasa. Justeru, pelanggaran salah satu daripada garis panduan ini boleh mengakibatkan *Tahaluf Siyasi* atau kerjasama politik terbatal.

Dalam menjayakan kerjasama politik, konsep *Tahaluf Siyasi* yang menjadi pendekatan PAS dalam kerjasama politik diperkukuhkan lagi dengan pandangan beberapa pemimpin dan bekas pemimpin PAS. Analisis ini menunjukkan bahawa kesemua bersetuju bahawa PAS perlu terikat dengan konsep *Tahaluf Siyasi* bagi memastikan kerjasama politik mencapai matlamat dan dasar perjuangan parti. Bagi menyokong konsep *Tahaluf Siyasi* ini, mereka berpandangan kerjasama politik PAS perlu mengambil kira sembilan perkara, iaitu kerjasama politik PAS tidak boleh sama sekali menyentuh dan membelakangi dasar-dasar Islam, kerjasama politik PAS hendaklah bersifat strategi bukan matlamat akhir parti, kerjasama politik PAS hendaklah memastikan dasar asal parti dipertahankan, kerjasama politik itu juga mestilah satu

pakatan yang longgar dan tidak boleh mengikat sehingga menjejaskan dasar dan perjuangan parti, kerjasama politik meletakkan PAS sebagai pemimpin bukan pengikut, kerjasama politik PAS perlu mendahulukan kepentingan Islam berbanding kemenangan politik, kerjasama politik PAS adalah bersifat jangka panjang untuk perjuangan mendaulatkan Islam dan bukan sekadar memenangi pilihan raya, kerjasama politik PAS perlu menjadi medan dakwah untuk menarik perhatian bukan Islam dalam memahami tentang kesyumulan Islam dan kerjasama politik PAS perlu mempertahankan kedudukan dan hak ketuanan orang Melayu.

Untuk menjayakan kerjasama politik, PAS perlu menjadi sebuah parti yang toleran, demokratik dan inklusif. Tidak dinafikan, PAS telah berusaha untuk mengubah pendekatannya agar lebih terbuka dan toleransi bagi memenuhi tuntutan dalam kerjasama politik. Pendekatan ini dilihat sebagai landasan baharu PAS dalam persaingan politik di negara. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati pendekatan terbuka tersebut gagal dipertahankan kerana PAS terikat dengan konsep *Tahaluf Siyasi* dan pendekatan kerjasama politik yang dapat mempertahankan dasar asal perjuangan parti. Sehubungan dengan itu, kerjasama politik PAS dirumuskan masih bersifat sebuah 'coalition of convenience' atau pakatan keselesaan dan jangka pendek. Dalam kata lain, PAS masih belum dapat mencapai satu komitmen yang tinggi untuk menjayakan kerjasama politik dalam jangka panjang, khususnya yang melibatkan perubahan dasar asal perjuangan parti dan perkara yang telah digariskan dalam konsep *Tahaluf Siyasi*.

Sifat 'coalition of convenience' ini telah menyebabkan PAS tidak dapat mengekalkan kerjasama politiknya atau satu-satu kerjasama itu gagal mencapai hasrat yang ditetapkan. Dalam membincangkan perkara ini, kajian ini telah melihat implikasi yang dapat dijelaskan melalui kemelut dan pergolakan yang dihadapi oleh PAS. Kemelut dan

pergolakan itu dapat dilihat bagaimana PAS mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti, menangani demokrasi menjangkau pilihan raya dan mengurus perjuangan merentasi kaum. Dalam konteks mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti, analisis menunjukkan bahawa terdapat pertembungan antara memenuhi tuntutan dasar bersama dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti. PAS secara jelas tidak dapat dan bebas memperjuangkan dasar asal perjuangannya dengan alasan ia tidak termasuk dalam dasar bersama pakatan pembangkang. Ketegasan PAS memperjuangkan dasar asal perjuangan parti seperti penubuhan Negara Islam dan pelaksanaan hukum hudud dianggap telah mengkhianati dasar bersama dan konsensus dalam pakatan pembangkang. PAS pula melihat keadaan sebaliknya, kerana parti itu berpendirian kerjasama politik adalah satu pakatan yang longgar dan tidak menyentuh dasar asal perjuangan parti. Bersandarkan kepada konsep *Tahaluf Siyasi*, PAS percaya kerjasama politik perlu dilaksanakan untuk mencapai kemenangan Islam bukan kemenangan politik semata-mata. Sehubungan dengan itu, PAS percaya mereka boleh memperjuangkan dasar asal perjuangan parti sebagai satu hak demokratik yang tidak boleh dinafikan sama sekali.

Perjuangan PAS terhadap dasar asal perjuangannya dalam tempoh kerjasama politik bertitik tolak daripada kerjasama politik hanyalah satu strategi bukan matlamat akhir parti. Ini bermakna, kerjasama politik hanya satu strategi untuk mencapai matlamat dan dasar perjuangan parti. Selain itu, memandangkan kerjasama politik bukan matlamat akhir sebaliknya strategi parti ke arah mencapai matlamat dan dasar perjuangan parti, ia boleh berubah mengikut keadaan dan situasi, iaitu PAS boleh berada dalam kerjasama politik atau sebaliknya. Dalam kata lain, satu-satu kerjasama politik tidak semestinya kekal atau bersifat jangka panjang jika ia menyanggah konsep *Tahaluf Siyasi* dan

mengancam dasar asal perjuangan parti. Justeru, adalah tidak mustahil apabila kerjasama politik dalam BA dan PR tidak kekal kerana komitmen PAS mempertahankan dasar perjuangan parti. Dalam konteks BA misalnya, PAS sanggup kehilangan DAP semata-mata mahu mempertahankan hasratnya menubuhkan Negara Islam. Kerjasama politik dalam PR juga berakhir apabila PAS komited membentangkan Pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 yang mengandungi hukum hudud di persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada 18 Mac 2015. PAS sanggup kalah dalam pilihan raya jika pelaksanaan hukum hudud mengakibatkan PAS hilang sokongan DAP dan pengundi. Malah, PAS tidak ada halangan jika DAP keluar daripada pakatan pembangkang kerana menentang pelaksanaan hukum hudud.

Kemelut tentang kepimpinan PAS dan dominasi Melayu/Islam dalam kerjasama politik menunjukkan bahawa PAS tidak sanggup berkompromi mengenai dasar perjuangan. PAS amat menyedari bahawa untuk memastikan dasar perjuangan parti terlaksana, PAS perlu menempatkan dirinya sebagai pemimpin atau parti dominan dalam pakatan pembangkang, bukan pengikut. PAS melihat penyertaannya dalam kerjasama politik melalui BA dan PR memberikannya peluang untuk menjadi pemimpin. Peluang ini tidak dapat diperolehi jika PAS bekerjasama dengan UMNO. Walau bagaimanapun, ini bertentangan dengan prinsip dan amalan dalam pakatan pembangkang bahawa semua parti adalah sama tarafnya dan sebarang keputusan perlulah diputuskan berasaskan kesetaraan dan konsensus. Meskipun ada pandangan pemimpin PAS yang ditemubual bersetuju bahawa kedudukan PAS adalah setara dengan parti pembangkang yang lain, status tersebut mestilah tidak menghalang PAS untuk memperjuangkan dasar asal perjuangannya. Setara yang dimaksudkan ialah mempunyai hak yang sama untuk memperjuangkan matlamat perjuangan masing-masing.

Selain memastikan kepimpinan PAS sebagai parti yang dominan dalam kerjasama politik, parti itu turut bertegas bahawa pakatan pembangkang atau kerjasama politik yang disertai PAS mesti dipimpin oleh kepimpinan yang didominasi oleh orang Melayu/Islam. Kepimpinan Melayu/Islam yang dimaksudkan di sini adalah kepimpinan yang diterajui oleh orang Melayu/Islam atau majoriti terdiri daripada orang Melayu/Islam. Hanya melalui cara ini, dasar perjuangan parti yang memperjuangkan Islam dapat dipertahankan. Seiring dengan konsep *Tahaluf Siyasi* yang mempertahankan kedudukan orang Melayu sebagai wasilah mempertahankan umat Islam di negara, PAS menolak sebarang usaha yang boleh mengancam kedudukan kepimpinan Melayu/Islam dalam pakatan pembangkang. Justeru, PAS menolak usaha untuk menukar kerajaan melalui agenda “16 September” PAS jika ia menyebabkan bilangan ahli parlimen bukan Islam mengatasi Islam di parlimen. Malah PAS bertegas untuk tidak menyertai kerajaan baharu persekutuan jika majoritinya bukan Islam.

Selain kemelut untuk mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan, PAS turut berhadapan dengan pergolakan untuk menangani demokrasi menjangkau pilihan raya. Demokrasi bentuk ini menuntut PAS menerima demokrasi bukan hanya dalam konteks pilihan raya untuk mendapatkan kuasa politik, sebaliknya budaya politik yang menekankan nilai universal, pluralisme dan toleransi. Konsep demokrasi berasaskan ketuanan rakyat yang menjadi dasar bersama pakatan pembangkang turut menyokong nilai universal, pluralisme dan toleransi. Penerimaan demokrasi dalam konteks budaya politik yang memperakukan hak rakyat atas nilai universal, pluralisme dan toleransi telah memberi cabaran kepada PAS kerana terpaksa berhadapan dengan isu demokrasi pluralisme dan kepelbagaian agama. Ini termasuk menangani soal demokrasi liberal, kebebasan individu, tuntutan hak asasi manusia yang melampau dan toleransi antara agama.

Konsep demokrasi yang diperjuangkan dalam kerjasama politik mestilah selari dengan konsep *Tahaluf Siyasi*, iaitu mesti mendorong kepada usaha menegakkan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta membuka ruang untuk pelaksanaan Islam. PAS tidak boleh menerima demokrasi yang meletakkan suara rakyat mengatasi kepentingan Islam. Meskipun demokrasi mengiktiraf suara rakyat dan pandangan majoriti, ia sama sekali tidak boleh mengatasi kepentingan Islam. Justeru, konsep demokrasi bertuankan rakyat dalam kerjasama politik tanpa mengambil kira peranan Islam ditolak oleh PAS kerana ia boleh menghalang pelaksanaan Islam. Sehubungan dengan itu, PAS menentang sebarang usaha untuk memperjuangkan kebebasan individu dan tuntutan hak asasi yang melampau seperti dalam tuntutan COMANGO atau *Coalition of Malaysian NGO in the UPR Process*. Tuntutan tersebut bukan sahaja bercanggah dengan konsep *Tahaluf Siyasi*, tetapi mencemarkan kedaulatan Islam sebagai agama rasmi negara sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Pendirian PAS menentang tuntutan untuk mengiktiraf hak sosial dan hak undang-undang manusia pengamal seks songsang (LGBT) bercanggah dengan pendirian parti lain dalam PR khususnya DAP apabila parti itu mengiktiraf komuniti transgender.

Isu penggunaan kalimah 'Allah' oleh penganut Kristian mengakibatkan PAS terjebak dengan kemelut toleransi antara agama. Hal ini kerana isu penggunaan kalimah 'Allah' telah meletakkan parti itu dalam situasi yang sangat mencabar dalam menguruskan isu kepelbagaian agama. Meskipun mahu bersikap terbuka dan mengamalkan toleransi agama, PAS melalui Majlis Syura Ulamak terpaksa mengambil keputusan tidak popular pada akhirnya, iaitu menghalang penggunaan kalimah 'Allah' oleh penganut Kristian demi mempertahankan kepentingan Islam dan mengekalkan sokongan orang Melayu/Islam di negara. Keputusan ini bercanggah dengan pendirian PR pada

sebelumnya dan ia telah memburukkan hubungan PAS dengan DAP dan PKR. Polemik dalam isu kebebasan individu, tuntutan hak asasi yang melampau dan penggunaan kalimah 'Allah' oleh penganut Kristian menunjukkan bahawa pendirian dan penafsiran PAS terhadap demokrasi adalah berbeza dengan rakan pembangkang yang lain. Apa yang jelas, PAS masih belum bersedia menerima demokrasi melangkaui pilihan raya, iaitu sebagai budaya politik yang memberi ruang yang besar kepada nilai universal, pluralisme dan toleransi yang bercanggah dengan prinsip perjuangannya.

Sebagai sebuah parti yang bergerak atas halur dakwah, PAS turut mengadakan kerjasama dengan bukan Islam dengan menubuhkan Kelab Penyokong PAS (KPP) kepada Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). Bersandarkan konsep "PAS Untuk Semua", PAS mahu menjadi sebuah parti yang inklusif dengan memperluaskan sokongan daripada kumpulan bukan Islam. Kemuncak kepada kerjasama ini apabila PAS memberi peluang kepada bukan Islam bertanding atas nama PAS dalam pilihan raya umum 2008 dan 2013. Bagaimanapun, PAS gagal menyelesaikan isu utama seperti kedudukan (keahlian) bukan Islam dalam PAS, peranan DHPP dalam PAS, penerimaan ahli PAS terhadap masyarakat bukan Islam dan masalah dalaman DHPP. Apa yang jelas, PAS masih terperangkap dengan faktor perkauman apabila kedudukan dan peranan bukan Islam melalui KPP dan DHPP masih lagi terbatas. Walaupun sokongan bukan Islam semakin baik dengan penubuhan sayap bukan Islam dalam parti, ia belum memberi impak yang tinggi kepada hubungan PAS dengan bukan Islam. PAS masih terperangkap dengan sentimen perkauman (Melayu) walaupun pada masa yang sama menguar-uarkan perjuangan mereka adalah inklusif dan merentas kaum. Keadaan menjadi lebih meruncing apabila timbul masalah dalaman DHPP yang turut melibatkan isu perkauman sesama mereka.

Ketiga-tiga implikasi yang boleh dilihat melalui kemelut dan pergolakan dalam konteks mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar asal perjuangan parti, menangani demokrasi menjangkau pilihan raya dan meneroka perjuangan merentasi kaum jelas membuktikan bahawa kerjasama politik PAS masih bersifat ‘coalition of convenience’. Dalam kata lain, PAS masih belum dapat memberi komitmen yang tinggi untuk menjayakan kerjasama politik kerana terikat dengan konsep *Tahaluf Siyasi*. Sebagai sebuah parti politik yang bergerak atas jalur politik, dakwah dan tarbiah, PAS perlu memastikan kerjasama politik yang disertainya tidak hanya membawa kepada kemenangan politik dalam pilihan raya, tetapi kemenangan Islam yang dapat memperkukuhkan kedudukan umat Islam, membuka ruang untuk pelaksanaan Islam dan memastikan dasar-dasar Islam dapat dipertahankan. Memandangkan kerjasama politik PAS masih bersifat ‘coalition of convenience’, ia tidak dapat dipertahankan untuk jangka panjang kerana berlaku pertembungan kepentingan yang melibatkan dasar asal perjuangan parti. Walaupun pada awalnya, PAS dilihat berusaha untuk meneroka kerjasama yang menjangkau pakatan pilihan raya dan bersifat jangka panjang dengan menjadi sebuah parti yang toleran, demokratik dan inklusif, PAS terpaksa akur dengan konsep *Tahaluf Siyasi* yang dipegangnya untuk mempertahankan dasar asal perjuangan.

Kerjasama politik memerlukan komitmen dan tahap toleransi yang tinggi untuk menjayakannya. Oleh kerana itu, amat jarang kerjasama politik khususnya dalam kalangan parti pembangkang dapat dipertahankan untuk jangka panjang. Pertembungan antara dasar bersama yang disepakati dengan dasar asal perjuangan parti masing-masing khususnya PAS telah menjadi faktor utama yang menghalang kerjasama politik boleh kekal lama. Kajian ini telah menjawab persoalan bahawa kerjasama politik PAS masih bersifat ‘coalition of convenience’ yang tidak berkompromi dalam konteks dasar asal perjuangan. Walau bagaimanapun, dalam persaingan politik yang semakin mencabar,

setiap parti terutama PAS terdedah dengan pelbagai kemungkinan untuk perlu kekal dan relevan. Kemungkinan ini termasuk berlakunya pembalikan, iaitu PAS akan kembali mengadakan kerjasama politik dengan komitmen baharu dan tinggi sama ada dengan parti pembangkang sedia ada mahupun parti pembangkang yang baharu. Tindakan terbaharu PAS bekerjasama dengan Ikatan yang membentuk Gagasan Sejahtera untuk membentuk blok ketiga selain mempererat kerjasama dengan UMNO dalam isu dan kepentingan umat Islam termasuk usaha menyokong pindaan Rang Undang-Undang (RUU) 355 atau RUU Persendirian Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah), membuktikan bahawa PAS masih lagi terbuka untuk bekerjasama dengan parti lain. Adalah dijangka akan berlaku banyak lagi perkembangan menarik dalam konteks kerjasama politik PAS khususnya menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 akan datang. Sejalan dengan itu juga, ia diharap dapat memperluaskan lagi ufuk dan kesarjanaan, di samping menawarkan kemungkinan-kemungkinan untuk usaha ilmiah seterusnya.

RUJUKAN

SUMBER PERTAMA

A. Dokumen dan Minit Mesyuarat

Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kelima (1998-1999) pada 18 Oktober 1998.

Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 15 November 1998

Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada 14 Mac 1999.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Ke11 dan Muzakarah Pilihan Raya, pada 11 April 1999.

Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Pertama, Sesi 1999-2000 pada 13 Jun 1999.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kelima, Sesi 1999-2000 pada 12 September 1999.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kedua, Sesi 2000-2001 pada 13 Ogos 2000.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kedua, Sesi 2001-2003, pada 15 Julai 2001.

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Kali Kesepuluh, Sesi 2001-2002 pada 10 Mac 2002.

Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat pada 14 November 1998.

Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Harian PAS Pusat dan Lajnah Politik dan Organisasi PAS Pusat Kali Kedua, Sesi 1999-2000 pada 7 Ogos 1999.

Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Harian PAS Pusat pada 7 Julai 2001.

Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Harian PAS Pusat Kali Ketiga, Tahun 2004-2005 pada 12 Mac 2005.

B. Ucapan-ucapan Terpilih

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-45, 1999, “Bersama Menegakkan Keadilan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-46, 2000, “PAS Pemimpin Perpaduan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-47, 2001, “Menyanggah Serangan Menjana Kemenangan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-48, 2002, “Memantap Iltizam Menyemarak Kebangkitan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-49, 2003, “Menuju Kemenangan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-50, 2004, “Memartabatkan Kedaulatan Rakyat”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-51, 2005, “Paksi Kebangkitan Perjuangan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-52, 2006, “Pulihkan Demokrasi, Daulatkan Islam”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-53, 2007, “Selamatkan Demokrasi, Tegakkan Keadilan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-54, 2008, “Pas Untuk Semua”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-55, 2009, “Islam Memimpin Perubahan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-56, 2010, “Islam Adil Untuk Semua”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-59, 2011, “Membangun Negara Berkeadilan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-60, 2012, “Negara Berkeadilan Teras Perpaduan”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-61, 2013, “Rahmat Untuk Semua”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-62, 2014, “Terus Beristiqamah”.

Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan PAS ke-63, 2015, “Beristiqamah Hingga Kemenangan”.

Siri *Munaqasyah* Ucapan Presiden Dasar PAS

Ucapan Presiden PAS dalam Konvensyen Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat

Manifesto PAS Pilihan Raya Umum 1999, “Membangun Bersama Islam”.

Manifesto BA Pilihan Raya Umum 1999, “ Ke arah Malaysia yang Adil”.

Manifesto BA Pilihan Raya Umum 2004, “Bersama Malaysia Baru: Kesejahteraan Untuk Semua”.

Manifesto PAS Pilihan Raya Umum 2008, “Menuju Sebuah Negara yang Berkeadilan”

Manifesto PR Pilihan Raya Umum 2013, “Pakatan Harapan Rakyat”.

Dasar Bersama Pakatan Rakyat, Buku Jingga

Buletin *Ren Min Shi Shi* (Berita Semasa Rakyat)

C. Temubual

YB. Dato’ Husam Musa, mantan Naib Presiden PAS, pada 24 April 2014.

YB. Dato’ Mustafa Ali, mantan Setiausaha PAS, pada 17 Jun 2014.

YB. Dato’ Ir. Iskandar Abdul Samad, Naib Presiden PAS, pada 6 Oktober 2015.

YB. Dato’ Dr. Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh, Timbalan Ketua Dewan Ulamak PAS, pada 27 April 2016.

YB. Dato’ Dr. Mujahid Yusuf Rawa, Ahli Parlimen Parit Buntar, pada 24 Februari 2014.

YB. Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, pada 7 April 2014.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa, mantan Timbalan Presiden PAS, pada 21 April 2014.

Dato’ Nakhaei Ahmad, mantan Naib Presiden PAS, pada 27 April 2015.

Dato’ Dr. Hassan Mohamed Ali, mantan Naib Presiden PAS dan Pesuruhjaya PAS Selangor, 15 Jun 2015.

Hu Pang Chow, mantan Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), pada 17 Mac 2014.

Balasubramaniam A/L Nachiappan, Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP), pada 24 Ogos 2016.

Dr. Mohd Zuhdi Marzuki, Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS, pada 18 Disember 2014.

YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, pada 9 Julai 2014.

SUMBER KEDUA

A. Buku / Bab dalam Buku dan Artikel dalam Jurnal

- A. Kadir Jasin. 2013. *Mohd Najib Selepas Tsunami Cina*. Kuala Lumpur: Berta Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Karim Ali dan Rumaizi Ahmad al-Mustapha. 2011. *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Abdull Rahman Mahmood, Jaffaray Awang dan Zakaria Stapa. 2014. *Survival Politik Muslim Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar Hamzah. 1989. *Quo Vadis PAS?: Polimik Spontan di antara Abu Bakar Hamzah dan Ibnu Muslim*. Kuala Terengganu. Yayasan Islam Terengganu.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2013. *Political Islam and Islamist Politics in Malaysia. Trends in Southeast Asia*. Singapore. Institute of Southeast Asian Studies.
- Allers Charles. 2014. *Anwar Ibrahim: Evolution of A Muslim Democrat*. Singapore: Monsoon Books Pte Ltd.
- Amer Saifude Ghazali. 2015. *Geografi Politik dan Pilihan Raya Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Alias Mohamed. 1984. *PAS Platform: Development and Change: 1951-1986*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Asef Bayat. 2007. *Making Islam Democratic: and the Post Islamist Turn*. Stanford: Stanford University Press
- Asyraf Wajdi Dusuki (pytg). 2015. *Pelaksanaan Hukum Hudud di Malaysia: Satu Analisis*. Kuala Lumpur. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Azzam Tamimi. 2001. *Rashid Ghannouchi. : A Democrat Within Islamism*. Cary. NC. USA. Oxford University Press.
- Badlihisam Mohd Nasir. 2015. *ABIM dan PAS dalam Gerakan Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bassam Tibi. 2012. *Islamism and Islam*. New Haven & London. Yale University Press.
- _____. 2014. *The Shari'a State: Arab Spring and Democratization*. New York. Routledge.
- Burhanuddin Muhtadi. 2012. *Dilema PKS: Suara dan Syariah*. Jakarta: PT Gramedia.

- Chamil Wariya.1990. *Pandangan Politik Erra Mahathir*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Drakeley, Steven. 2008. Drowning or Waving: Citizenship, Multiculturalism and Islam in Malaysia. *Jogjakarta. Al-Jami'ah*, Vol. 46, No. 2, 2008 M/1429 H. hlm. 326-352.
- Duverger, Maurice. 1967. *Political Parties*. London: Lowe & Brydone (Printers) Ltd.
- Dzulkefly Ahmad. 2012. *Striving For Change*. Kuala Lumpur. Unit Buku Harakah.
- _____. 2016. *Dari PAS ke Amanah*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Esposito L. John dan John O. Voll. 1996. *Islam dan Democracy*. New York: Oxford University Press.
- Esposito L. John, Tamara Sonn, dan John O. Voll. 2016. *Islam dan Democracy After The Arab Spring*. New York: Oxford University Press.
- Farish A. Noor. 2003. Blood, Sweat and Jihad: The Radicalization of the Political Discourse of the Pan-Malaysia Islamic Party (PAS from 1982 Onwards). *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Studies*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. Hlm. 200-232.
- _____. 2004. *Islam Embedded: The Historical of thr Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003)*. Kuala Lumpur. Malaysian Sociological Research Institute.
- _____. 2016. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRDC).
- Fernando, Joseph M. 2012. Elite Inter-Communal Bargaining and Conflict Resolution: The Role of The Communities Liaison Committee in Malaysia, 1949-1951. *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 43 (2):280-301.
- Gale, Bruce. 1982. *Musa Hitam: A Political Biography*. Petaling Jaya. Eastern University Press (M) Sdn. Bhd.
- Haris Zalkapli. 2009. *Cabaran Politik Baharu Malaysia*. Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd.
- Haris Zuan, Rizal Hamdan. 2012. *Wacana Baru Politik Malaysia: Perspektif Ruang Awam Budaya dan Institusi*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRDC).
- Harris, P.B. 1976. *The Foundations of Political Science*. London: Hutchinson
- Haddad, Y.Y. 1995. *Islamists and the Challenge of Pluralism*. Washington: Georgetown University.
- Hilley, John. 2001. *Mahathrism, Hegemony and the New Opposition*. New York. Zed Book.

- Hoffstaedter, Gerhard. 2013. Islam Hadhari: Making Moderate, Modern Muslims. in Bridget Wash and James U.H. Chin (ed.). *Awakening: The Abdullah Badawi Years in Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRDC).
- Holyoke, T.T. 2009. "Interest Group Competition and Coalition Formation". *American Journal of Political Science*. 53 (2), hlm. 360-375.
- Ian S. Lustick. 1997. Lijphart, Lakatos, and Consociationalism, *World Politics*. The John Hopkins University Press. 50 (1). Hlm. 88-117.
- Ibnu Hashim. 1993. *PAS Kuasai Malaysia?: 1950-2000 Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur. G.G Edar.
- Ismail Yusoff. 2015. *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama dan Politik*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ibrahim Abu Bakar. 1993. *Perbandingan Pemikiran Politik Agama PAS dan UMNO*. dalam Wan Hashim Wan Teh (ed.). *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*. Penerbit Mahir Publications Sdn.Bhd.
- Idris Zakaria. 2014. *Falsafah Politik Islam dan Kepentingan di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jayum A. Jawan. 2003. *Politics and Government in Malaysia*. Shah Alam: Kharisma Publications.
- Johan Saravanamuttu. Lee Hock Guan dan Mohamed Nawab Mohamaed Osman. 2015. *Coalitions in Collision: Malaysia's 13th General Elections*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRDC).
- Kamarulnizam Abdullah. 2003. *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- K. Mauzy, Diane. 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur, Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Keane, John. 1993. *Power Sharing Islam?*. London. Liberty for Muslim World Publications. hlm. 20.
- Keith Leong Yu Keen. 2012. *The Future of Pakatan rakyat: Lessons from Selangor*. Kuala Lumpur: Institute for Democracy and Economics Affairs (IDEAS).
- Khalid Samad. 2014. *Berani Berprinsip*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Khalif Muammar. 2013. *Islam dan Pluralisme Agama: Memperkukuh Tawhid di Zaman Kekeliruan*. Kuala Lumpur: Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS).
- Kikue Hamayatsu, 2010. "Crises of Identity in PAS and Beyond: Islam and Politics in Post 8 March Malaysia", *The Round Table, Journal Commonwealth Journal of International Affairs*. Hlm. 163-175.

- Kiran Kampur Datar. 1983. *Malaysia: Quest for a Politics of Consensus*. New Delhi: Vikas Publishing House PVT. LTD
- Kurshid Ahmad. 2000, "Islam and Democracy: Some Conceptual and Contemporary Dimensions". London, *The Muslim World*. Volume 90, No. 1&2. Hlm. 1-21.
- Lijphart, A. 1969. Consociational Democracy. *World Politics*, The John Hopkins University Press. 21 (2), Hlm. 207-225
- _____. 1999. *Patterns of Democracy. Government Form and Performance in Thirty Six Countries*. New Heaven, CT: Yale University Press.
- Lim Kit Siang. 2001. *BA & Islamic State*. Petaling Jaya: Democratic Action Party.
- Mahathir Mohamad. 1982. *Menghadapi Cabaran*. Kuala Lumpur. Pustaka Antara.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzaite Abdul Aziz. 2012. *Maqasid Al-Syariah*. Gombak, Penerbit Universiti Islam Antarabangsa.
- Mansor Mohd Noor. 2012. *Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik: Kepelbagaian Etnik dan Perkongsian Hidup Bersama di Malaysia*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mauzy, D.K. 1983. *Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Means. P. Gordon. 2009. *Political Islam in Southeast Asia*. Petaling Jaya. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Milner, Anthony, Abdul Rahman Embong dan Tham Siew Yean. 2014. *Transforming Malaysia: Dominant and Cometing Paradigms*. Singapore: Institute Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Mustafa Ishak, Afifi Abdul Razak. 2006. *Politik dan Pemerintahan Negara*. Singapore: Thompson Learning
- _____. 2014. *Politik Bangsa Malaysia: Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Sintok. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. 1992. *Politik Akomodasi di Sabah 1962-1992*. Kuala Lumpur: Laser Skill Sdn. Bhd.
- Mohammad Agus Yusoff. 1995. *Perkembangan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*. Bangi. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Kamarudin. 2004. *Penaungan dalam Kepimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-90*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izani Mohd Zain. 2005. *Islam dan Demokrasi: Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

- Mohd Yusof Kasim, Azlan Ahmad. 2002. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazir Ibrahim. 2014. *Idealisme Anwar*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Sophia.
- Mohd Zain Saleh. 1985. *Sejarah UMNO Kelantan*. Ampang Jaya. Ampang Press Sdn. Bhd
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2009. *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*. Petaling Jaya. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Muhamad Hafiz Abdul Samad, Mohammad Redzuan Othman, “Reformasi 1998 dan Kesannya terhadap Pilihan Raya Umum ke-10, 1999 di Malaysia”, *Jurnal Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMcedel)*, Jilid. 2, No. 1, hlm. 73-90.
- Muhammad Syukri Salleh. 1999. Establishing an Islamic State: Ideals and Realities in the State of Kelantan, Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*. United Kingdom. Cambridge University Press, pp. 235-256.
- Mujahid Yusuf Rawa. 2011. *Menuju PAS Baharu: Krisis, Peluang dan Dinamisme*. Kuala Lumpur. The Malaysian Insider Sdn Bhd
- _____. 2012. *Rejuvenasi PAS: Idea Realiti Aplikasi ke arah Aspirasi Massa*. Seremban: Ilham Centre
- _____. 2013. *Berdialog dengan Gereja: Sebuah Travelog Kedamaian*. Shah Alam: Ilham Centre
- _____. 2015. *Melakar Agenda: Masa Depan Politik Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- _____. 2015. *Islam dan Kepelbagaian: Rahmat Untuk Semua*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- _____. 2015. *Malaysia Pasca Rasisme: Wajah Baru Politik Malaysia 2*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Musa Hitam. 2016. *Frankly Speaking*. Petaling Jaya. Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Mutalib, Hussin. 1990. *Islam and Ethnicity in Malay Politics*, Singapore. Oxford University Press.
- Nasharuddin Mat Isa. 2014. *Tuntutan Hak Asasi Manusia dan Ancamannya Terhadap Islam*. Kajang. Yayasan Nassar.
- Nasr, Vali. 2005. The Rise of Muslim Democracy, *Journal of Democracy*. Volume 16, Number 2. The Johns Hopkins University Press. pp.13-27.

- Noor Sulastry Yurni Ahmad. 2014. *Hegemoni Budaya Politik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norani Othman. 2007. *Islam, Islamization and Democratization: Challenges and Prospects*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ooi Kee Beng, Johan Saravanamuttu dan Lee Hock Guan. 2008. *March 8: Eclipsing May 13*. Singapore: Institute of Asian Studies.
- Ranjit Gill. 1987. *Razaleigh: Cita-cita dan Perjuangan*. Petaling Jaya. Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Ramlah Adam. 1994. *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1995. Dr. Burhanuddin Al-Hilmy: Satu Analisis Ideologi Politik. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reilly, Benjamin. 2006. *Democracy and Diversity: Political Engineering in the Asia Pacific*, New York: Oxford University Press.
- Riduan Mohamad Nor. 2008. *Makhal Sakhti 2008: Analisis Pilihanraya Umum Ke-12*. Kuala Lumpur. Jundi Recources.
- Roy, Oliver. 2004. *Globalized Islam: The Search For A New Ummah*. New York. Columbia University Press.
- Salahuddin Abdullah dan Hydselan Hashim. 2010. *Sejarah PAS Kelantan: Langkah-langkah Menuju Mardhatillah 1959-1978*. Kota Bharu. Badan Perhubungan PAS Kelantan.
- Subky Abdul Latif. 2009. *Istimewa Terkenang*. Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd.
- _____. 2012. *Fadzil Noor: Dia Guru Dia Kawan*. Sungai Buluh. Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Syed Ahmad Hussein. 2007. Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baharu dalam Persaingan Politik. Mohd Izani Mohd Zain. *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Hussin Ali. 2012. *Memoir Perjuangan Politik Syed Husin Ali*. Petaling Jaya. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Tarek Osman. 2016. *Islamism: What it Means for the Middle East and the World*. New Heaven dan London. Yale University Press.
- Welsh, Bridget, James U.H Chin. 2014. *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Badawi di Malaysia* (terj.) Noor Amin Ahmad. *Petaling Jaya*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

Welsh, Bridget. *Reflections the Mahathir Years*. 2004. Massachusetts: Southeast Asia Studies Programme, John Hopkins University.

Wess, Meredith L., *Protest and Possibilities, Civil Society and Coalitions for Political Change in Malaysia*, Stanford: University Press, 2006, hlm. 210.

Zahari Awang (1969), Satu Tinjauan ke atas Politik Malaysia selepas Pilihan Raya 1969, Kertas Kerja Kursus Politik PAS, Siri 1, hlm: 2-5

Zakri Abadi. 1990. *Analisis Pilihan Raya Umum '90*. Kuala Lumpur. MYZ Sendirian Bhd.

_____. 1992. *Mahathir: Dalam Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Gelanggang Publishing.

Zuckerman, Phil. 2015. *Living the Secular Life*. New York. Penguin Books.

B. Tesis / Disertasi / Latihan Ilmiah

Abdul Wadood. *Fundamentalism in Islamic Political Parties: A Comparative Study of Parti Islam SeMalaysia in Malaysia and Jamaat E-Islami in Pakistan*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012.

Alias Mohamed. *PAS Platform: Development and Change*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1989

Amer Saifude Ghazali. 2013. *Politik Pilihan raya dan Gelagat Pengundian pada Pilihan Raya Umum ke-12*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013.

Erica Miller. *Democratic Islamist? A Case Study of the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS)*, Disertasi Sarjana, Tufts University, 2006.

Hasanudin Daud. *Islam dan Politik dalam Proses Demokrasi: Kajian Perbandingan PKS di Indonesia dan PAS di Malaysia, 1999-2009*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2014.

Ismail Yusoff. *Pemikiran dan Perjuangan Islam dan Politik Nik Abdul Aziz Nik Mat 1964-2004*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009.

Kamarul Zaman Haji Yusuff. *PAS dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.

_____. *PAS dalam Era Kepimpinan Ulama': 1982-2004*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013.

Mazlan Ali. *Faktor dan Isu Kemenangan Parti-parti Pembangkang di Kuala Lumpur dalam Pilihan Raya Umum ke-12, 2008*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013.

- Md Rozimi Mohd Nasir. *Darurat di Kelantan, 1977: Kejatuhan Kerajaan PAS Kelantan*, 2009.
- Mohd Izani Mohd Zain. *Islam dan Demokrasi: Kajian Kes Mengenai Parti Islam SeMalaysia (PAS) dekad 90-an*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2002.
- Muhammad Hafiz Abdul Halim. *Gerakan Reformasi dan Kesannya ke Atas Politik Malaysia, 1998-1999*, 2013.
- Muhammad Idris Ibrahim. *Pergerakan Islam dalam Sejarah Sosial di Malaysia antara Tahun 1975-1985*
- Norrodzoh Hj Siren. *Penulisan Dakwah: Kajian Retorik Terhadap Teks Ucapan Dasar ABIM dan PAS*, 2010.
- Shaharuddin Badaruddin. *Demokrasi dan Perubahan Aksi Politik di Malaysia: Kajian Terhadap Pendekatan Perjuangan Pertubuhan Berlandaskan Islam, 1981-2008*, Tesis Doktor Falsafah, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011.
- Solehuddin Alyubi Haji Zakaria. *Impak Konflik PAS-UMNO kepada Kestabilan Politik dan Keselamatan Negara*, 2009.

C. Akhbar dan Majalah

- “Tahaluf Siyasi Bersifat Sementara”, *Berita Harian*, 4 Jun 2015.
- “PKR Sokong DAP Tolak Hudud”, *Utusan Malaysia*, 17 Mac 2015.
- “DAP Tidak Faham Bahasa”, *Utusan Malaysia*, 16 Mac 2015.
- “Mungkinkah Wujud Kerjasama Politik Baharu”, *Harakah*, 12-14 Jun 2015. Hlm. F22.
- “Semua Sayap PAS Sokong Hudud di Kelantan”, *Harakah*, Bil. 1935. 7-10 April 2014. Hlm. N3.
- “Cabaran Islam Liberal dan Pluralisme Agama”, *Harakah*, Bil. 1897, 25-28 November 2013, hlm. F5.
- “PAS Tidak Akan Gadai Prinsip”. *Harakah*, Bil. 1379. 29 September-5 Oktober 2008. Hlm. F3.
- “Ingin Islam Perintah Malaysia”, *Eksklusif*, Bil. 07, 31 Mei-6 Jun 1999, hlm. 19.
- “Amaran: PAS bertegas untuk tidak menyertai kerajaan baharu persekutuan jika majoritinya bukan Islam”, *Harakah*, Bil. 1379, 29 September-5 Oktober 2008, hlm. N1.
- “Najib Terjerat”, *Harakah*, Bil. 1382, 17 – 19 Oktober 2008, hlm. N32.
- Pesan Tok Guru”, *Harakah* Bil. 1380, 10 – 12 Oktober 2008, hlm. N10.

- “Komitmen: PAS Lulus 3 Ketetapan sedia Dukungi Kerajaan Baru”, *Harakah* Bil. 1380, 10 -12 Oktober 2008, hlm. N1.
- “Awat Pengaruh Pemikiran Barat”, *Harakah* Bil. 1995. 14-16 November 2014, Hlm. N3
- “Merungkai Isu Keahlian Bukan Islam dalam PAS”, *Harakah* Bil. 1366, 15 – 17 Ogos 2008, hlm. F5.
- “Dilema Ahli Bukan Islam”, *Siasah* Bil. 0106, 13-19 Julai 2008, hlm. 48.
- “Saya Akan Keluar PAS-Datuk Amir”, *Siasah* Bil. 0106, 13-19 Julai 2008, hlm. 2.
- “Angin Perubahan Terus Bertiup”, *Eksklusif*, Bil. 02, 26 April 1999, hlm. 17.
- “Gerak dilancar Tumbang BN”, *Eksklusif*, Bil, 01, 17 April 1999, hlm. 2.
- “Parti Serpihan Bentuk Pakatan Baru”, *Eksklusif*, Bil. 27, 18-24 Oktober 1999, hlm. 37.
- “Jiwa saya Tetap PAS”, *Eksklusif*, Bil. 15, 26 Julai-1 Ogos 1999, hlm. 36.
- “Cabaran Besar Menunggu Pakatan Pembangkang”, *Eksklusif* Bil. 04, 10-16 Mei 1999, hlm. 16.
- “ Barisan Alternatif Mampu Buat Kejutan”, *Eksklusif*, Bil. 31, 15-21 November 1999, hlm. 18.
- “ Pembangkang Bersatu Demi Rakyat”, *Eksklusif*, Bil. 27, 18-24 Oktober 1999, hlm. 18.
- “PAS dan DAP Tiada Masalah”, *Eksklusif*, Bil. 27, 18-24 Oktober 1999, hlm. 18.
- “2/3 Angka Penentu Pilihan Raya”, *Eksklusif*, Bil. 22, 13-19 September 1999, hlm: 9.
- “Watak Penting Menjelang Pilihan Raya ke-10”, *Eksklusif*, Bil. 22, 13-19 September 1999, hlm. 24.
- “KeADILan Wadah Baru Bagi Bekas Semangat 46”, *Eksklusif*, Bil. 02, 26 April 1999, hlm. 3.
- “Dr. Chandra Masuk Politik Untuk tentang Kezaliman”, *Eksklusif*, Bil. 01, 17 April 1999, hlm. 17.
- “Perjuangan Pembangkang untuk Selamatkan Negara”, *Eksklusif*, Bil. 05, 17-23 Mei 1999, hlm. 19.
- “Manifesto Membela Rakyat”, *Eksklusif*, Bil. 29, 1-7 November 1999, hlm. 4.
- “PAS Layak Jadi PM”, *Eksklusif*, Bil. 32, 22-28 November 1999, hlm. 2.
- “Pemimpin Parti Islam Akhirnya Berjaya di Terengganu”, *Eksklusif* Bil. 39, 10-16 Januari 2000, hlm. 6.

“DAP Mahu Golongan Minoriti Dilantik Sebagai ADUN”, *Eksklusif*, Bil. 37, 27 Disember 1999-2 Januari 2000, hlm. 38.

“Malaysia Ke Arah Sistem Dua Parti?”, *Eksklusif*, Bil. 37, 27 Disember 1999-2 Januari 2000, hlm. 37.

“PAS Gadai Masa Depan Melayu-Najib”, *Eksklusif*, Bil. 27, 18 -24 Oktober 1999, hlm. 1.

“PAS Perjuang Negara Islam Pelbagai Kaum”, *Eksklusif*, Bil. 10, 21-27 Jun 1999, hlm. 3.

“Ada Ruang untuk Orang Cina dalam PAS”, *Eksklusif*, Bil. 16, 2-8 Ogos 1999, hlm. 18.

“Istilah Pakatan Rakyat dicadangkan Presiden PAS”, *Harakah*, Bil. 1367, 18 – 21 Ogos 2008, hlm. N3.

“Dr. Mahathir Bantu Rosakkan UMNO- PM”, *Utusan Malaysia*, 4 April 2008.

D. Internet

Muhammad Ismi Mohd Taib. 2013. Tahaluf Siyasi: Jauhi Sensasi dan Kontroversi. 23 September 2013. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/22220-tahaluf-siyasi-jauhkan-sensasi-dan-kontroversi> (atas talian 1 November 2013).

Dua ADUN PAS Sokong Azizah Jadi MB, <http://www.sinarharian.com.my/politik/dua-adun-pas-sokong-azizah-jadi-mb-1.307854>, diakses pada 25 Ogos 2014.

2 ADUN PAS Digantung Sokong Azizah Jadi MB, <https://www.malaysiakini.com/news/277348>, diakses pada 15 Oktober 2014.

“Kelantan Lulus Pindaan Undang-undang Hudud”, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/03/19/kelantan-lulus-pindaan-hudud/>, diakses pada 20 Mac 2015.

“DUN Kelantan Lulus Hudud: PKR Siasat Wakil Tunggal”, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/03/19/pkr-siasat-undi-sokong-hudud/>, diakses pada 20 Mac 2015.

“DAP Kekal dalam Pakatan Rakyat, Putus Hubungan dengan Hadi”, <http://www.roketkini.com/2015/03/24/dap-kekal-dalam-pakatan-rakyat-putus-hubungan-dengan-hadi/> diakses pada 26 Mac 2015.

Pendirian DAP Tentang Isu Hudud, Presiden PAS dan Pakatan Rakyat, <http://www.roketkini.com/2015/03/24/pendirian-dap-tentang-isu-hudud-presiden-pas-dan-pakatan-rakyat/>, Diakses pada 23 Mei 2016.

“Setiausaha Politik Adun Tanjung Bungah Harap Layanan Sama Rata Pada Transgender.<http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2013/07/13/setiausaha->

[politik-adun-tanjung-bungah-harap-layanan-sama-rata-pada-transgender/](#), diakses pada 25 September 2013.

“Ulamak Pas kutuk DAP kerana iktiraf LGBT”, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/ulamak-pas-kutuk-dap-kerana-iktiraf-lgbt-1.527255>, diakses pada 10 Jun 2016.

“Perpecahan Umat Islam dan Helah Comango Terserlah”, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20131029/re_05/Perpecahan-umat-Islam-dan-helah-Comango-terserlah. Diakses pada 28 September 2015.

“Mahkamah Tidak Benarkan Gereja Katolik Rayu Keputusan Larang Guna Kalimah Allah”, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-tidak-benarkan-gereja-katolik-rayu-keputusan-larang-guna-kalimah-allah-38237>. Diakses pada 12 September 2015.

“Mana Perginya Suara PAS”, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140225/re_01/Mana-perginya-suara-Islam-Pas. Diakses pada 28 September 2015.

“PAS Tuduh UMNO Mempolitikkan Isu Kalimah Allah”, <http://malaysiagazette.com/ms/nasional/pas-tuduh-umno-mempolitikkan-isu-kalimah-allah>, diakses pada 28 September 2015.

“ Perbezaan Ketara PAS, PKR dan UMNO”, <http://drmujahid.com/blog/perbezaan-ketara-antara-pas-pkr-dan-umno-mendekati-isu>. Diakses pada 28 September 2015.

“DAP to maintain ties with PAS”, www.malaysiakini.com, 16 Ogos 2000, diakses pada 8 November 2014.

“Kronologi Krisis Politik Perak”, <http://www.malaysiakini.com/news/123990>.,_diakses pada 12 Oktober 2014.